Pusat Gelandangan Taman Melati pada 26 Mei 2020.



Saringan Pandu Lalu – Pekerja-pekerja pasar di KK Kuala Lumpur pada 10 Mei 2020.



Saringan Jemaah Tabligh di Masjid Seri Petaling.



Aktiviti Saringan & Active Detected Case (ACD) di Wisma Hock Ann, Chow Kit pada 16 Mei 2020.



Aktiviti Saringan & Active Detected Case (ACD) di Selangor Mansion.



Saringan di Zon Merah Semi – Enhanced Movement Control Order (SEMCO).



Penglibatan jururawat dalam Mobile Team.



Saringan di pintu masuk hospital.



Petugas di COVID-19 *Screening Area* (CSA) di Jabatan Kecemasan & Trauma.

## UNIT PENGURUSAN PENOLONG PEGAWAI PERUBATAN

KEDUDUKAN PERJAWATAN 2020			
	Jawatan	Isi	Kosong
Penolong Pegawai Perubatan Gred U44	3	2	1
Penolong Pegawai Perubatan Gred U41/42/44	18	14	4
Penolong Pegawai Perubatan Gred U36	21	19	2
Penolong Pegawai Perubatan Gred U32	84	82	2
Penolong Pegawai Perubatan Gred U29	287	282	5
Pembantu Perawatan Kesihatan U16	3	1	2
Pembantu Perawatan Kesihatan U14	30	28	2
Pembantu Perawatan Kesihatan U11/14	644	590	54

AKTIVITI SEPANJANG TAHUN 2020	
Januari	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Pemantauan dan Penyeliaan di KK Cheras</li> <li>• Pemantauan dan Penyeliaan Hospital Rehabilitasi Cheras</li> <li>• Lawatan Penyeliaan dan Pemantauan Program Penempatan Wajib (PPW)</li> </ul>
Februari	<ul style="list-style-type: none"> <li>▪ Lawatan Pemantauan dan Penyeliaan di Bahagian Primer - KK Sentul</li> <li>▪ Lawatan Penyeliaan dan Pemantauan PK Kepong</li> </ul>
Mac	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Sambutan Hari PPP Malaysia di Pulau Pinang</li> <li>• Program Derma Darah di Pusat Darah Negara</li> <li>• Lawatan Pemantauan COVID-19 PK Cheras</li> </ul>
April	<ul style="list-style-type: none"> <li>▪ Lawatan Penyeliaan Pemantauan COVID-19 Hospital Putrajaya</li> </ul>
Mei	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Lawatan Penyeliaan Pemantauan COVID-19 Hospital Rehabilitasi Cheras</li> </ul>
Jun	<ul style="list-style-type: none"> <li>▪ Lawatan Penyeliaan Pemantauan COVID-19 PK Titiwangsa</li> <li>▪ Lawatan Penyeliaan Pemantauan COVID-19 KK Kg Pandan, KK Setapak</li> </ul>
Julai	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Lawatan Penyeliaan Pemantauan COVID-19 KK Bandar Tun Razak, KK Sg. Besi</li> <li>• Lawatan Penyeliaan Pemantauan COVID-19 Hospital Rehabilitasi Cheras</li> </ul>
Ogos	<ul style="list-style-type: none"> <li>▪ Lawatan Penyeliaan Pemantauan COVID-19 Hospital Putrajaya</li> </ul>
September	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Lawatan Penyeliaan Pemantauan COVID-19 PK Lembah Pantai</li> </ul>
Oktober	<ul style="list-style-type: none"> <li>▪ Lawatan Penyeliaan Pemantauan COVID-19 PK Kepong</li> </ul>
November	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Lawatan Penyeliaan Pemantauan COVID-19 Hospital Putrajaya</li> </ul>
Disember	<ul style="list-style-type: none"> <li>▪ Lawatan Penyeliaan Pemantauan COVID-19 PK Titiwangsa</li> </ul>

# BAHAGIAN PERUBATAN

## PENGENALAN

Bahagian Perubatan mempunyai enam fungsi utama iaitu penyelarasan teknikal perkhidmatan rawatan perubatan dan pengawasan pengurusan hospital, menyelaras dan memantau pelaksanaan "Performance Indicator", menyelaras pelaksanaan aktiviti Quality Assurance Programme JKWPKL&P bagi Bahagian Kesihatan Awam, Pergigian, Farmasi dan Hospital, menyelaras dan memantau aktiviti liputan perlindungan perubatan di peringkat antarabangsa, kebangsaan dan tempatan.

Bahagian ini juga menyelia dan memantau pengurusan / statistik maklumat-maklumat kesihatan dan dibekalkan melalui Hospital Putrajaya, Hospital Rehabilitasi Cheras, Pejabat Kesihatan Daerah dan Perkhidmatan Kemudahan Jagaan Kesihatan Swasta, menjalankan pemantauan/ penyeliaan aktiviti perkhidmatan perubatan serta pelesenan dan penguatkuasaan perkhidmatan kesihatan dan perubatan hospital swasta, dan akhir sekali meyelaras urusan pentadbiran, kewangan dan latihan bahagian.

Bahagian ini juga mempunyai dua buah hospital dibawah pentadbirannya iaitu Hospital Putrajaya (HPJ) dan Hospital Rehabilitasi Cheras. Hospital Putrajaya merupakan hospital berpakar yang mempunyai bilangan katil operasi sebanyak 385 buah. Manakala Hospital Rehabilitasi Cheras mempunyai 132 buah katil yang beroperasi. Selain daripada Hospital kerajaan terdapat juga 32 buah hospital swasta, 6 rumah bersalin swasta, 38 pusat hemodialisis, 4 rumah jagaan kejururawatan, 30 pusat ambulatori dan 1289 buah klinik perubatan swasta yang memberikan perkhidmatan kepada penduduk di WPKL dan Putrajaya.



### DR. RONIYUZAM BIN ABD MALEK

Timbalan Pengarah Negeri  
Bahagian Perubatan

## OBJEKTIF



## UNIT-UNIT BAHAGIAN PERUBATAN

**1** Unit Pengurusan Perubatan

**2** Cawangan Kawalan Amalan Perubatan (CKAPS)


**4** Unit Pengurusan Hospital

**3** Unit Rekod Perubatan

**5** Unit Kualiti

**6** Unit Perlindungan Perubatan

## UNIT PENGURUSAN PERUBATAN



Perjawatan Di Bahagian Perubatan terbahagi kepada 3 kumpulan, dimana kumpulan pengurusan dan profesional terdiri daripada pegawai perubatan, pegawai tadbir, ketua penolong pegawai perubatan dan ketua jururawat. Manakala bagi kumpulan sokongan I

terdiri daripada penolong pegawai tadbir, pembantu tadbir, jururawat dan penolong pegawai perubatan. Kumpulan sokongan II pula terdiri daripada pemandu dan pembantu am rendah.

### **2.1.1 Penjawatan Di Bahagian Perubatan**

Bilangan perjawatan di bahagian perubatan sehingga 31 Disember 2020.

JAWATAN	GRED	JUMLAH KESELURUHAN		
		JAW	ISI	KOS
<b>2. RAWATAN PERUBATAN</b>				
<b>2.1 PENGURUSAN PERUBATAN IBU PEJABAT/NEGERI</b>				
<b>2.1.1.7 SEMENANJUNG</b>				
Timbalan Pengarah Kesihatan Negeri (Perubatan) Pegawai Perubatan	UD44/48/ 52/54	1	1	0
Pegawai Perubatan	UD44/48/ 52/54	27	22	5
Jurutera Awam	J44	1	1	0
Penolong Pegawai Perubatan	U44	1	0	1
Jururawat	U42	1	1	0
Penolong Pegawai Perubatan	U42	1	1	0
Pegawai Tadbir (Rekod Perubatan)	N41	1	1	0
Penolong Pegawai Perubatan	U36	1	1	0
Penolong Pegawai Perubatan	U32	3	3	0
Jururawat/Penolong Pegawai Perubatan	U36	1	1	0
Jururawat/Penolong Pegawai Perubatan	U32	4	4	0
Jururawat	U36	1	0	1
Jururawat	U32	1	1	0
Setiausaha Pejabat	N29	1	1	0
Pembantu Tadbir (Perkeranian/Operasi)	N19	5	5	0
Pembantu Tadbir (Rekod Perubatan)	N19	4	3	1
Pembantu Operasi	H11	2	2	0
Pemandu Kenderaan	H11	5	5	0
<b>2.2 PENGURUSAN HOSPITAL</b>				
Jururawat	U44	1	1	0
Pen. Pegawai Tadbir (Rekod Perubatan)	N29	1	1	0

## 2.1.2 Peruntukan Kewangan

Laporan perbelanjaan vot mengurus mengikut objek kawalan bagi tahun kewangan 2019

Program : Perubatan  
 PTJ : 279901  
 Aktiviti : 020100 (Pengurusan Ibu Pejabat/Negeri)

KOD	OBJEK AM / SEBAGAI	PERUNTUKAN ASAL (RM)	PERUNTUKAN KEMASKINI (RM)	PERBELANJAAN KEMASKINI (RM)	LIABILITI KEMASKINI (RM)	BAKI KEMASKINI (RM)
21000	Perjalanan / Sara Hidup	36,500.00	28,360.14	28,360.14	-	0.00
22000	Pengangkutan Barang	5,000.00	3,190.00	3,190.00	-	0.00
23000	Utiliti	5,000.00	2,912.69	2,912.69	-	0.00
24000	Sewaan	8,900.00	8,220.00	8,220.00	-	0.00
25000	Bahan Makanan / Minuman	5,000.00	-	-	-	-
26000	Bahan Mentah	5,000.00	-	-	-	-
27000	Bekalan & Bahan Lain	45,000.00	17,509.00	17,509.00	-	0.00
28000	Penyelenggaraan & Pembaikan Kecil	27,668.00	25,864.05	25,864.05	-	0.00
29000	Perkhidmatan Ikhtisas	252,700.00	229,490.49	229,490.49	-	0.00
20000	<b>PERKHIDMATAN &amp; BEKALAN</b>	<b>390,768.00</b>	<b>315,546.57</b>	<b>315,546.57</b>	-	<b>0.00</b>

### 2.1.3 Pelan Perancangan Latihan

Pelan operasi latihan tahun 2019 Jabatan Kesihatan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur & Putrajaya Bahagian/PTJ Perubatan.

BIL	PERANCANGAN KURSUS						TARIKH PERLAKSANAAN KURSUS		SEBAB DIGUGURKA N	
	ASAL		DITAMBAH		DIGUGURKAN					
	TAJUK KURSUS	KOS KURSUS (RM)	TAJUK KURSUS	KOS KURSUS (RM)	TAJUK KURSUS	KOS KURSUS (RM)	TELAH DILAKSANAKAN	AKAN DILAKSANAKAN		
1	Kursus Pengurusan Aduan 2020	RM34,476.00	Tiada	Tiada	Tiada	Tiada	Hotel Lexis Port Dickson (22 – 25 Sep 2020)			
2	Seminar Pain As 5 <sup>th</sup> Vital Sign And Pain Free Programme	RM4,180.00	Tiada	Tiada	Tiada	Tiada	Hospital Putrajaya (9-13 Mac 2020)	-	-	
3	Kursus Pembantu Perawatan Kesihatan	RM6,195.00	Tiada	Tiada	Tiada	Tiada	Hospital Rehabilitasi Cheras (9-13 Sep 2020)	-	-	
4	Kursus Basic Life Support	RM1,050.00	Tiada	Tiada	Tiada	Tiada	Hospital Rehabilitasi Cheras (4 Feb 2020)			
		<b>RM45,901.00</b>						-	-	

## CAWANGAN KAWALAN AMALAN PERUBATAN (CKAPS)

### 2.2.1 Pengenalan

Cawangan Kawalan Amalan Perubatan Swasta telah ditubuhkan pada awal Februari 2003 untuk mengawal (*control*), mengawalselia (*regulate*) dan memantau (*monitor*) pelbagai jenis kemudahan dan perkhidmatan

jagaan kesihatan swasta. Fungsi utama CKAPS sangat berkait rapat dengan pelaksanaan dan penguatkuasakan Akta Kemudahan dan Perkhidmatan Jagaan Kesihatan Swasta (KPJKS) 1998 [Akta 586] dan akta-akta lain yang berkaitan.

## FUNGSI SEKTOR REGULATORI (KPJKS DAN KLINIK)

Menguruskan permohonan pendaftaran klinik perubatan swasta, pemeriksaan pra pendaftaran, dan mengemukakan laporan dan syor ke Ibu Pejabat CKAPS.

Memproses permohonan pembaharuan lesen Kemudahan dan Perkhidmatan Jagaan Kesihatan Swasta.

Menjalankan lawatan pemeriksaan pasca pendaftaran klinik perubatan swasta (baru) dalam tempoh 6-12 bulan selepas 6 bulan klinik didaftarkan.

Menjalankan lawatan verifikasi perluasan/penambahan servis/pertukaran OYB ke atas premis dalam masa 1 bulan dari tempoh surat diterima daripada Ibu Pejabat CKAPS.

Menjalankan lawatan verifikasi ke atas KPJKS mengikut keperluan.

## FUNGSI SEKTOR PENGUATKUASAAN

Menjalankan lawatan surveilans bagi Kemudahan dan Perkhidmatan Jagaan Kesihatan Swasta.

Menerima dan mengendalikan aduan terhadap premis di bawah seliaan.

Menjalankan aktiviti intipan / risikan mengikut keperluan dan menyediakan laporan.

Menjalankan aktiviti penguatkuasaan seperti serbuan dan pengkompaunan.

Menyediakan Kertas Siasatan untuk tujuan pendakwaan dan pengkompaunan.

## 2.2.2 Aktiviti

### Sektor KPJKS

Pada tahun 2020, sektor KPJKS telah menerima 47 permohonan pembaharuan lesen bagi premis Kemudahan

Perkhidmatan Jagaan Kesihatan Swasta (KPJKS) di bawah seliaan. Premis KPJKS perlu memperbaharui lesen setiap 2 tahun jika hendak meneruskan operasi. Sektor KPJKS juga telah menjalankan 5 lawatan verifikasi di premis bersama Ibu Pejabat CKAPS, dan 15 lawatan verifikasi perluasan.

Jadual 2.1: Jumlah Keseluruhan Premis KPJKS di bawah Seliaan CKAPS JKWPKL&P

KPJKS	Jumlah	Jumlah Premis Tamat Lesen Pada 2020 hingga Jun 2021	Jumlah Permohonan Pembaharuan Lesen yang Diterima pada tahun 2020
Hospital Swasta	<b>39</b>	<b>19</b>	<b>18</b>
Rumah Bersalin Swasta	<b>2</b>	<b>6</b>	<b>3</b>
Rumah Jagaan Kejururawatan Swasta	<b>5</b>	<b>4</b>	<b>3</b>
Pusat Jagaan Ambulatori	<b>33</b>	<b>18</b>	<b>10</b>
Hospis Swasta	<b>1</b>	-	-
Perkhidmatan Gabungan (Pusat Jagaan Ambulatori + Pusat Hemodialisis Swasta)	<b>2</b>	-	-
Bank Darah Swasta	<b>2</b>	<b>1</b>	<b>1</b>
Pusat Hemodialisis Swasta	<b>38</b>	<b>23</b>	<b>12</b>
Pusat Kesihatan Mental Masyarakat Swasta	<b>1</b>	-	-
<b>JUMLAH</b>	<b>122</b>	<b>71</b>	<b>47</b>

Jadual 2.2: Jumlah Lawatan Verifikasi yang Dijalankan Sektor KPJKS pada tahun 2020

KPJKS	Lawatan Verifikasi Bersama Ibu Pejabat CKAPS	Lawatan Verifikasi Perluasan Premis
Hospital Swasta	<b>2</b>	<b>12</b>
Rumah Bersalin Swasta	-	-
Rumah Kejururawatan	-	-
Pusat Jagaan Ambulatori	<b>2</b>	<b>2</b>
Bank Darah	-	-
Pusat Hemodialisis Swasta	<b>1</b>	<b>1</b>
<b>JUMLAH</b>	<b>5</b>	<b>15</b>



Rajah 2.1: Pegawai CKAPS KL menjalankan pemeriksaan pembaharuan lesen di Institut Jantung Negara




Rajah 2.2: Pegawai CKAPS KL menjalankan pemeriksaan perlesenan baru di Pusat Hemodialisis Yayasan Al-Sultan Abdullah (YASA) Setiawangsa

## Sektor Klinik

Sehingga tahun 2020, sebanyak **1412 klinik perubatan swasta** yang berdaftar dikawal selia oleh CKAPS JKWPKL&P. Sektor klinik telah menerima 65 permohonan pendaftaran klinik baru pada tahun tersebut, di mana 45 buah adalah klinik perubatan am, 4 buah klinik perubatan pakar, 12 buah klinik dengan *special area of interest* seperti estetik, dan 4 klinik swasta bergerak.

Jumlah keseluruhan klinik yang perlu dilakukan lawatan pasca pendaftaran adalah berjumlah 49 klinik, di mana 44 klinik telah dipantau. Pencapaian lawatan pasca pendaftaran adalah **89.7%**, ini adalah disebabkan PKP yang telah dilaksanakan.



Rajah 2.3: Lawatan pemeriksaan pra pendaftaran klinik swasta bergerak



Rajah 2.4: Lawatan pemeriksaan pasca pendaftaran klinik perubatan swasta


## Sektor Aduan dan Penguatkuasaan

Tahun 2020 mencatatkan **89 aduan** diterima yang boleh dikategorikan mengikut jenis seperti aduan kemudahan, personnel, perkhidmatan dan lain-lain seperti premis yang tidak berdaftar atau berlesen. Aduan-aduan yang diterima perlu diselesaikan dengan cara **mekanisma ketidak puasan hati (*grievance mechanism*)** iaitu premis perlu menjawab aduan yang diterima dalam masa 14 hari bekerja, atau **siasatan** oleh pegawai CKAPS yang dijalankan di premis bagi aduan yang tidak menepati kriteria *grievance mechanism (GM)*.

Antara aktiviti penguatkuasaan yang telah dijalankan merangkumi 40 aktiviti pemantauan aduan di premis, 1 pemantauan bersepada bersama Jabatan Kebajikan Masyarakat dan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur bagi kes kematian bayi yang dijalankan di pusat jagaan selepas bersalin, 16 intipan dan risikan, dan 5 serbuan. Aktiviti serbuan yang dijalankan adalah penguatkuasaan bersepada dengan Penguatkuasa Farmasi JKWPKL dan Bahagian Kesihatan Pergigian bagi premis klinik perubatan dan pergigian swasta yang tidak berdaftar. Selain dari itu, terdapat juga aktiviti penguatkuasaan serbuan yang dijalankan bersama Jabatan Imigresen Malaysia bagi kes pendatang asing yang menubuhkan klinik pergigian swasta tidak berdaftar. Sebanyak 5 kertas siasatan telah dibuka pada tahun ini.



Rajah 2.5: Aktiviti serbuan yang dijalankan ke atas klinik perubatan tidak berdaftar



Rajah 2.6: Kategori penyelesaian aduan yang dijalankan oleh CKAPS pada tahun 2020

Jadual 2.3: Aktiviti serbuan yang dijalankan oleh CKAPS pada tahun 2020

Bil	Jenis Kemudahan	Jenis Kesalahan	Bersepadu
1	Klinik Pergigian Swasta dioperasikan oleh warganegara asing di Desa Melawati	Beroperasi tanpa pendaftaran	Penguatkuasaan bersepadu CKAPS dan Bahagian Kesihatan Pergigian dengan Jabatan Imigresen Malaysia
2	Klinik Pergigian Swasta di premis perniagaan di Bangsar	Beroperasi tanpa pendaftaran	Penguatkuasaan bersepadu CKAPS dan Bahagian Kesihatan Pergigian
3	Pusat Jagaan Ambulatori Swasta yang beroperasi di premis perniagaan di Sunway Velocity Boulevard	Beroperasi tanpa lesen	Penguatkuasaan bersepadu CKAPS dan Penguatkuasa Farmasi
4	Klinik Perubatan Swasta (Estetik) beroperasi di premis perumahan di Jalan Ipoh	Beroperasi tanpa pendaftaran	Penguatkuasaan bersepadu CKAPS dan Penguatkuasa Farmasi
5	Klinik Perubatan dan Pergigian Swasta beroperasi di premis perniagaan di Sri Petaling	Beroperasi tanpa pendaftaran	Penguatkuasaan bersepadu CKAPS dan Bahagian Kesihatan Pergigian

## **Pemantauan Premis KPJKS Yang Menjalankan Saringan COVID-19 dalam Kawasan Premis dan On-Site atau Outreach**

Premis Kemudahan Perkhidmatan Jagaan Kesihatan Swasta (KPJKS) telah diminta untuk membuat Self-Declaration selaras dengan Arahan Am Menteri Kesihatan Bil 1 dan 2 Tahun 2020 sekiranya ingin menyediakan perkhidmatan saringan COVID-19 dalam kawasan premis atau *on-site*. CKAPS JKWPKL telah menjalankan pemantauan dan mengambil tindakan penguatkuasaan sekiranya premis didapati tidak mematuhi arahan tersebut.

Selain itu, CKAPS juga telah bekerjasama dengan Pejabat Kesihatan Daerah untuk menjalankan penaksiran risiko dan pemantauan terhadap premis KPJKS yang telah membuat Self Declaration dan menjalankan saringan persampelan COVID-19.

Sepanjang Oktober hingga Disember 2020 iaitu selepas Arahan Am Menteri Kesihatan untuk membuat Self-Declaration, CKAPS JKWPKL telah menjalankan 69 pemantauan ke atas premis yang menjalankan saringan persampelan COVID-19 sama ada di premis atau *on-site*. Daripada sejumlah itu, 19 premis telah diambil tindakan penguatkuasaan iaitu dikeluarkan surat amaran dan 2 premis disyorkan kepada CKAPS Ibu Pejabat untuk dikeluarkan Notis Tunjuk Sebab.



Rajah 2.7: Aktiviti pemantauan premis swasta yang menjalankan saringan persampelan COVID-19 secara *on-site* (di pasar)



Rajah 2.8: Aktiviti pemantauan premis swasta yang menjalankan saringan persampelan COVID-19 di premis

### **2.2.3 ISO**

- 1 bahagian perkhidmatan yang terlibat dalam ISO adalah pembaharuan perlesenan KPJKS.
- Bagi pembaharuan lesen, laporan perlu dihantar ke CKAPS KKM dalam masa 14 hari selepas pemeriksaan dibuat. Sasaran yang telah ditetapkan adalah 100%. Pencapaian penilaian 100%.

### **2.2.4 KPI Pengarah Kesihatan JKWPKL&P**

Senarai Pencapaian Kpi Pengarah Kesihatan Negeri Januari – Disember 2020

Unit/Cawangan : Jabatan Kesihatan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur & Putrajaya  
Bahagian : Cawangan Kawalan Amalan Perubatan Swasta

No	Indicator	National Standard Reference	Applied Standard For State	Numerator/ Number	Denominator	Current Performance
1	Peratus klinik perubatan swasta berdaftar yang dipantau dalam tempoh 12 bulan setelah berdaftar dengan KKM	> 95%	> 95%	44	49	89.7%

Sebanyak 44 klinik perubatan swasta telah berjaya dipantau dalam tempoh 12 bulan setelah berdaftar dengan KKM, berbanding 5 klinik yang tidak berjaya kerana perlaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan 1.0 yang menyebabkan pergerakan terhad dan premis tidak beroperasi, terutamanya klinik perubatan estetik yang tidak mendapat kebenaran untuk beroperasi pada awal PKP dilaksanakan.

## 2.2.5 Pasukan Bantuan Persampelan COVID-19

Pada bulan Mac hingga Julai 2020, pegawai CKAPS JKWPKL telah menjadi pasukan bantuan persampelan COVID-19 bagi Pejabat Kesihatan Daerah Cheras, Kepong, Lembah Pantai, Titiwangsa, dan Lembah P



Rajah 2.9: Pegawai CKAPS JKWPKL menjadi pasukan bantuan persampelan Pejabat Kesihatan Daerah Cheras



Rajah 2.10: Pegawai CKAPS JKWPKL menjadi pasukan bantuan surveilan Pejabat Kesihatan Daerah Titiwangsa



Rajah 2.11: Pegawai CKAPS JKWPKL bergambar sejurus selesai mengambil sampel COVID-19 di Selangor Mansion dan Malayan Mansion



Rajah 2.12: Pegawai CKAPS JKWPKL menjadi pasukan bantuan persampelan di Klinik Kesihatan Kuala Lumpur




Rajah 2.13: Pegawai CKAPS JKWPKL menjadi pasukan bantuan persampelan di Selangor Mansion dan Malayan Mansion

## UNIT REKOD PERUBATAN

Bertanggungjawab untuk menyelaras Sistem Pengurusan Data dan Maklumat di peringkat negeri dan menguruskan proses penubuhan lembaga perubatan yang dipohon oleh pihak – pihak yang berkepentingan.

■ KLINIK KOMUNITI ■ KLINIK KESIHATAN



Rajah 2.14: Jumlah kedatangan pesakit luar ke Klinik Komuniti dan Klinik Kesihatan di JKWPKL & P dari tahun 2017-2020

Jadual 2.4: Jumlah kedatangan pesakit luar ke hospital di bawah JKWPKL & P tahun 2020

Fasiliti	Klinik Pakar	Jabatan Kecemasan	Jabatan Pesakit Luar		Jumlah Pesakit Luar
			Klinik Khas	Pesakit Luar Am	
Hospital Putrajaya	180,307	57,320	6,018	-	243,645
Hospital Rehabilitasi Cheras	10,635	-	-	-	10,635
<b>JUMLAH</b>	<b>190,942</b>	<b>57320</b>	<b>6018</b>	<b>-</b>	<b>254,280</b>

Perkhidmatan pesakit luar hospital disediakan di dua buah hospital di bawah Jabatan Kesihatan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Putrajaya iaitu Hospital Putrajaya dan Hospital Rehabilitasi Cheras.

Jadual 2.3 : Jumlah kedatangan pesakit luar (klinik pesakit, luar, klinik pakar dan unit kecemasan) hospital KKM di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Putrajaya,2014-2020

Tahun	Jabatan Kecemasan	Klinik Pakar	Jabatan Pesakit Luar	Jumlah Pesakit Luar
2014	66,818	179,600	4,706	251,124
2015	65,636	195,021	4,607	265,264
2016	83,258	208,353	5,689	297,300
2017	84,446	213,021	5,970	303,437
2018	86,550	214,068	5,896	306,514
2019	84,462	233,924	5,925	324,311
2020	57,320	190,942	6,018	254,280

### 2.3.1 Perkhidmatan Rawatan Pesakit Luar

Perkhidmatan rawatan pesakit luar disediakan di hospital – hospital dan kemudahan kesihatan awam di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Putrajaya. Jumlah kedatangan pesakit luar ke kemudahan kesihatan awam pada tahun 2020 lebih tinggi berbanding hospital iaitu sebanyak 176,986,1 pesakit berbanding 254,280 pesakit di hospital seperti di Jadual 2.5.1 dan Jadual 2.5.2

### 2.3.2 Perkhidmatan Kecemasan

Sebanyak 57,320 kedatangan pesakit ke Jabatan Kecemasan Hospital Putrajaya dicatatkan pada tahun 2020 dengan penurunan sehingga 32.14% berbanding kedatangan pada tahun 2019 iaitu sebanyak 84,462

kedatangan pesakit disebabkan pandemik yang melanda negara. Hospital Rehabilitasi Cheras tidak mempunyai Jabatan Kecemasan.

Jadual 2.4 : Kedatangan Pesakit Mengikut Kod Di Jabatan Kecemasan Hospital Putrajaya, 2020

Fasiliti	Kedatangan Mengikut Kategori Zon			Kedatangan Mengikut Jenis Kes		Bukan Kecemasan	Jumlah
	Merah	Kuning	Hijau	TRAUMA	NO TRAUMA		
Hospital Putrajaya	1,284	12,919	43,117	9,144	48,176	0	57,320


### 2.3.3 Perkhidmatan Klinik Pakar

Kedatangan pesakit ke Klinik Pakar secara keseluruhan menurun sebanyak 18.37% pada tahun 2020 disebabkan pandemik yang melanda negara.

Jadual 2.5: Kedatangan Pesakit Ke Klinik Pakar Di Hospital KKM WPKL&P, 2019 – 2020

Fasiliti	Jumlah Kedatangan Ke Klinik Pakar	
	2019	2020
Hospital Putrajaya	222,152	180,307
Hospital Rehabilitasi Cheras	11,772	10,635
<b>JUMLAH</b>	<b>233,924</b>	<b>190,942</b>

### Kedatangan Pesakit Luar Mengikut Disiplin di Hospital Putrajaya Bagi Tahun 2020



Rajah 2.15: Kedatangan Pesakit Luar Mengikut Disiplin di Hospital Putrajaya Bagi Tahun 2020

## Kedatangan Pesakit Luar Mengikut Disiplin di Hospital Rehabilitasi Cheras Bagi Tahun 2020



Rajah 2.16: Kedatangan Pesakit Luar Mengikut Disiplin di Hospital Rehabilitasi Cheras Bagi Tahun 2020

### 2.3.4 Perkhidmatan Rawatan Pesakit Dalam

#### Kemasukan ke hospital

Jadual 2.6 menunjukkan penurunan bilangan kemasukan pesakit ke hospital pada tahun 2020 iaitu 29,250 pesakit berbanding 33,714 pesakit bagi tahun 2019.

Jadual 2.6: Bilangan Kemasukan ke Hospital KKM di WPKL&P, 2020

Hospital	Bilangan Kemasukan	
	2019	2020
Hospital Putrajaya	32,419	27,582
Hospital Rehabilitasi Cheras	1,295	1,668
<b>JUMLAH</b>	<b>33,714</b>	<b>29,250</b>

Jadual 2.7: 10 sebab utama kemasukan pesakit Hospital Putrajaya Tahun 2020

NO	SEBAB UTAMA	JUMLAH	PERATUS (%)
1	Chapter XV : Pregnancy, Childbirth And The Puerperium (O00-O99)	9596	37.84
2	Chapter XVI : Certain Conditions Originating In The Perinatal Period (P00-P96)	4764	18.79
3	Chapter X : Diseases Of The Respiratory System (J00-J99)	1617	6.38
4	Chapter I : Certain Infectious And Parasitic Diseases (A00-B99)	1364	5.38
5	Chapter IX : Diseases Of The Circulatory System (I00-I99)	1206	4.76
6	Chapter XI : Diseases Of The Digestive System (K00-K93)	967	3.81
7	Chapter XIX : Injury, Poisoning And Certain Other Consequences Of External Causes (S00-T98)	947	3.73
8	Chapter XIV : Diseases Of The Genitourinary System (N00-N99)	866	3.42
9	Chapter II : Neoplasms (C00-D48)	749	2.95
10	Chapter IV : Endocrine, Nutritional And Metabolic Diseases (E00-E90)	680	2.68

Jadual 2.8: 10 sebab utama kemasukan pesakit Hospital Rehabilitasi Cheras Tahun 2020

NO	SEBAB UTAMA	JUMLAH	PERATUS (%)
1	Chapter IX : Diseases Of The Circulatory System (I00-I99)	490	37.61
2	Chapter VI : Diseases Of The Nervous System (G00-G99)	277	21.26
3	Chapter XIX : Injury, Poisoning And Certain Other Consequences Of External Causes (S00-T98)	258	19.80
4	Chapter XXI : Factors Influencing Health Status And Contact With Health Services (Z00-Z99)	103	7.90
5	Chapter XVIII : Symptoms, Signs And Abnormal Clinical And Laboratory Findings, Not Elsewhere Classified (R00-R99)	44	3.38
6	Chapter XVII : Congenital Malformation, Deformations And Chromosomal Abnormalities (Q00-Q99)	7	0.54
7	Chapter V : Mental And Behavioural Disorders (F00-F99)	28	2.15
8	Chapter I : Certain Infectious And Parasitic Diseases (A00-B99)	0	0
9	Chapter II : Neoplasms (C00-D48)	0	0
10	Chapter XIII : Diseases Of The Musculoskeletal System And Connective Tissue (M00-M99)	96	7.37

#### Kadar penggunaan katil / Bed Occupancy rate (BOR)

Jadual 2.9 menunjukkan kadar penggunaan katil (BOR) tertinggi adalah 73.29% bagi Hospital Putrajaya untuk tahun 2019. BOR bagi tahun 2020 menunjukkan

penurunan berikutan Hospital Putrajaya mempunyai penambahan bagi jumlah katil rasmi dan operasi.

Jadual 2.9: Kadar penggunaan katil (BOR) di Hospital KKM WPKL&P

Hospital	Kadar Penggunaan Katil (BOR)	
	2019	2020
Hospital Putrajaya	73.29 %	66.0%
Hospital Rehabilitasi Cheras	39.44%	47.46%

## Purata Masa Tinggal Hospital (ALOS)

Jadual 2.10 menunjukkan pencapaian ALOS bagi tahun 2020. ALOS yang paling tinggi adalah 13.54 di Hospital Rehabilitasi Cheras dimana rawatan utamanya adalah rawatan pemulihan.

Jadual 2.10: Statistik pesakit dalam di Hospital KKM, WPKL&P,2020

Hospital	Katil Operasi	Jumlah Kemasukan	Purata Kemasukan Harian	Jumlah Discaj	Jumlah Hari Pesakit	Jumlah Kematian	*ALOS
Hospital Putrajaya	391	27582	75.36	27604	94450	361	3.42
Hospital Rehabilitasi Cheras	132	1668	4.56	1693	22930	1	13.54
<b>JUMLAH</b>	<b>523</b>	<b>29250</b>	<b>79.92</b>	<b>29297</b>	<b>117380</b>	<b>362</b>	<b>16.96</b>

### 2.3.5 Perkhidmatan makmal


Jumlah Merkhidmatan makmal pada tahun 2020 ditunjukkan pada Jadual 2.11 dan jadual 2.12 dimana jumlah keseluruhan ujian yang dijalankan bagi hospital-

hospital dan klinik kesihatan KKM di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Putrajaya.

Jadual 2.11 : Bilangan Ujian Makmal di Klinik Kesihatan KKM, Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur & Putrajaya 2020(s206)

Pejabat Kesihatan Daerah	Jenis Ujian						Jumlah
	Patologi Kimia (Biochemistry)	Mikrobiologi (Microbiology)	Hematologi (Haematology)	Histopatologi (Histopathology)	Sitologi (Cytology)	Forensik (Forensic)	
Hospital Putrajaya	11295535	71475	143200	16211	3645	1	11530067
Hospital Rehabilitasi Cheras	1502	0	206				1708
<b>JUMLAH</b>	<b>11297037</b>	<b>71475</b>	<b>143406</b>	<b>0</b>	<b>3645</b>	<b>1</b>	<b>11531775</b>

**Bilangan Ujian Makmal Mengikut Pejabat Kesihatan Daerah di Bawah Jabatan Kesihatan  
Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Putrajaya**  
(Jumlah Keseluruhan ujian pada tahun 2020 ialah 3,437,562)



Rajah 2.17: Bilangan Ujian Makmal di Klinik Kesihatan KKM, Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Putrajaya 2020(s206)

### 2.3.6 Perkhidmatan pengimejan diagnostik

Jadual 2.12 dan Jadual 2.13 menunjukkan jumlah perkhidmatan pengimejan diagnostik yang dilakukan di hospital – hospital kerajaan dan klinik kesihatan KKM di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Putrajaya

Jadual 2.12: Jumlah perkhidmatan pengimejan diagnostik di hospital – hospital kerajaan KKM di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Putrajaya Bagi Tahun 2020

Hospital	Jenis Perkhidmatan Pengimejan	
	Pemeriksaan Am	Lain – Lain
Hospital Putrajaya	63007	19165
Hospital Rehabilitasi Cheras	2170	380
<b>JUMLAH</b>	<b>65177</b>	<b>19545</b>

Jadual 2.13: Jumlah perkhidmatan pengimejan diagnostik di klinik kesihatan kerajaan KKM di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Putrajaya Bagi Tahun 2020

Klinik Kesihatan	Jenis Perkhidmatan Pengimejan	
	Pemeriksaan Am	Lain-Lain
KK Jinjang	3768	506
KK Cheras	5980	-
KK Batu Muda	378	-
PKD Putrajaya	10484	5952
<b>Jumlah</b>	<b>20610</b>	<b>6458</b>

### 2.3.7 Permohonan Laporan Perubatan

Pada tahun 2020 jumlah permohonan Laporan Perubatan adalah sebanyak 4,586 permohonan. Jabatan Kesihatan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Putrajaya menguruskan permohonan laporan perubatan yang

melibatkan klinik kesihatan, klinik ibu dan anak dan klinik komuniti di bawah Jabatan Kesihatan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Putrajaya.

Jadual 2.14: Jumlah Permohonan Laporan Perubatan Di Fasiliti KKM di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur Dan Putrajaya Bagi Tahun 2018 – 2020


Fasiliti	2018	2019	2020
Hospital Putrajaya	3610	4870	3882
Hospital Rehabilitasi Cheras	321	353	325
Jabatan Kesihatan WP KL & Putrajaya	547	611	379
<b>JUMLAH</b>	<b>4478</b>	<b>5834</b>	<b>4586</b>

### 2.3.8 Permohonan penubuhan lembaga perubatan

Lembaga perubatan ditubuhkan berpandukan Surat Pekeliling Ketua Pengarah Kesihatan Bil 18/2010 bertarikh 4 Jun 2010. Permohonan diterima dari pelbagai agensi termasuk agensi swasta dan badan berkanun.

Pada tahun 2020, sejumlah 97 permohonan penubuhan lembaga perubatan diterima oleh Jabatan Kesihatan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur Dan Putrajaya.

**Bilangan penubuhan lembaga perubatan di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur Dan Putrajaya Bagi Tahun 2017 – 2020**



Rajah 2.18: Bilangan penubuhan lembaga perubatan di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Putrajaya Bagi Tahun 2017 – 2020

### 2.3.9 Pencapaian KPI dan NIA

Jadual 2.15 menunjukkan pencapaian KPI dan NIA bagi rekod perubatan di hospital – hospital KKM di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur Dan Putrajaya Bagi Tahun 2020.

Jadual 2.15: Pencapaian KPI dan NIA bagi hospital di bawah Jabatan Kesihatan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Putrajaya pada tahun 2020

BIL	INDICATOR NIA/KPI	HOSPITAL PUTRAJAYA	HOSPITAL REHABILITASI CHERAS	JABATAN KESIHATAN WILAYAH PERSEKUTUAN KUALA LUMPUR DAN PUTRAJAYA
1	<i>Percentage of medical reports prepared within the stipulated period (**KPI YBMK 2012): State &amp; Specialist Hospital &lt; 4 weeks. Other Hospital: &lt;2 week.</i>	89.79%	99.55%	85.26%
2	<i>Percentage of medical records that were dispatched within 72 working hours of discharge.</i>	99.99%	99.59%	99.97%
3	<i>Percentage of completed requests for medical reports that were sent to the doctors within the stipulated period State &amp; Specialist Hospital &lt;10 days. Other Hospitals &lt;5 days.</i>	95.23%	100.00%	95.60%
4	<i>Percentage of medical records for specialist clinic appointment that were traced within 3 working days.</i>	100.00%	99.54%	99.51%

## UNIT PENGURUSAN HOSPITAL

Unit ini bertanggungjawab untuk memantau aktiviti bagi 2 buah hospital dibawah JKWPKL&P iaitu Hospital Putrajaya (HPJ) dan Hospital Rehabilitasi Cheras (HRC) dengan memastikan servis klinikal serta pelbagai aktiviti berkaitan pengurusan program perubatan, kejururawatan, dan penyeliaan hospital berjalan lancar seiring dengan sasaran yang ditetapkan berdasarkan Pelan Tindakan Program Perubatan untuk tahun semasa.

### Unit Pengurusan Hospital

- Menjalankan pemantauan/ penyeliaan aktiviti perkhidmatan perubatan
- Menyelaras keperluan peruntukan dan perjawatan HPJ dan HRC
- Memantau tindakan terhadap aduan yang diterima
- Merancang dan menguruskan operasi hospital baru

#### 2.4.1 Aktiviti Unit

##### Pemantauan Hospital

Pemantauan hospital dirancang sebanyak 4 kali setahun bagi setiap hospital mengikut objektif ISO yang telah ditetapkan. Walaubagaimanapun, pemantauan hospital juga dilakukan bagi keperluan penyelesaian isu berbangkit, aduan, kadar jangkitan yang naik mendadak dan

sebagainya. Penjadualan lawatan dibuat semasa perancangan takwim sepanjang tahun. Perbincangan antara ahli pasukan diadakan sebelum lawatan pemantauan dibuat.

Pasukan dibahagi kepada 3 kumpulan berasingan bagi memantau dari sudut yang berbeza. Pemantauan di wad diketuai oleh penyelia jururawat bagi melihat sudut kejururawatan dan jagaan pesakit. Manakala doctor lebih tertumpu kepada aktiviti doktor siswazah, kutipan hasil, aduan semasa dan juga perjalanan klinik pakar.

Penolong pegawai perubatan membuat pemantau di jabatan kecemasan dan bahagian forensik serta meneliti peralatan di bawah seliaan syarikat konsensi dan juga ambulan. Laporan dibuat dan tindakan susulan dibuat pada isu yang memerlukan perhatian dan maklumbalas dari pihak hospital.

Penambahbaikan sentiasa dijalankan supaya perkhidmatan lebih efisyen dan efektif untuk mencapai kepuasan pelanggan serta meningkatkan taraf perkhidmatan di Hospital Putrajaya dan Hospital Rehabilitasi Cheras. Bagi tahun 2020, Unit Pengurusan Hospital hanya mampu melaksanakan dua kali pemantauan untuk Hospital Putrajaya dan hanya sekali untuk Hospital Rehabilitasi Cheras disebabkan oleh penularan wabak Covid -19.


Jadual 2.16: Pemantauan Hospital Bagi Tahun 2020

Bil	Hospital Putrajaya	Tarikh	Hospital Rehabilitasi Cheras	Tarikh
1.	Jabatan Rekod Perubatan, Jabatan Farmasi Wad 5A	8.7.2020	Wad 1C, Wad 2B Wad 2C	7.7.2020
2.	Unit Dermatologi, Unit Pendidikan Kesihatan, Unit Penjagaan Luka, Unit Kualiti, Unit Home Care, Pusat Kajian Tidur (Sleep Lab) Wad 4, Wad 5 Dan Epau Pusat Bersalin Berisiko Rendah (Pbbr)	17.7.2020	-	-


## Pengurusan Aduan dan Kes Medico-legal

### 1. Mengendalikan Aduan Awam Di Peringkat Hospital Dan Jabatan

Unit Pengurusan Hospital bertanggungjawab mengendalikan aduan awam di peringkat hospital dan jabatan. Bagi aduan di peringkat hospital, pihak hospital akan menjalankan siasatan awal (siasatan dalaman/grievance mechanism) bagi menyiasat kes aduan tersebut yang dihadiri oleh wakil hospital yang berkaitan, pengadu dan UPH JKWPKL&P. Pihak hospital perlu menyediakan laporan tersebut untuk disemak oleh TPKN(P) JKWPKL&P dan dipanjangkan ke KKM. Bagi aduan awam di peringkat jabatan pula, UPH bertanggungjawab menjalankan siasatan jika aduan berkaitan staf dengan staf, aduan kehilangan aset dan lain-lain.



Rajah 2.19: Perbandingan Aduan Berasas Dan Tidak Berasas Januari-Disember Tahun 2020 Hpj




Rajah 2.20: Perbandingan Jumlah Aduan Dari Tahun 2017-2020 HPJ

## Mengendalikan Dan Menguruskan Kes Medico Legal

### 1. Mesyuarat Jawatankuasa Penyiasatan Dalaman (JKPD)

UPH juga bertanggungjawab untuk menghadiri Mesyuarat Jawatankuasa Penyiasatan Dalaman (JKPD) hospital di bawah seliaan JKWPKL&P. Pada tahun 2018 terdapat 9 kes manakala pada tahun 2019 terdapat 14 kes dan pada tahun 2020, sebanyak 5 kes yang telah diadakan mesyuarat penyiasatan dalaman iaitu yang melibatkan pelbagai disiplin.


#### BILANGAN KES



### 2. Mesyuarat Jawatankuasa Penyiasatan Bebas (JKPB)

UPH juga bertanggungjawab untuk menyelesaikan Mesyuarat Jawatankuasa Penyiasatan Bebas di hospital di bawah seliaan JKWPKL&P. Pada tahun 2018 terdapat 3 kes sahaja yang telah diadakan mesyuarat JKPB manakala pada tahun 2019 terdapat 9 kes dan pada tahun 2020 hanya dua kes sahaja yang telah diadakan mesyuarat JKPB.


#### BILANGAN KES



### 3. Mesyuarat Ex Gratia

Pada tahun 2018, terdapat sebanyak 2 kes yang telah menerima tawaran ex gratia, 2019 sebanyak 3 kes dan tahun 2020 hanya 2 kes yang telah menerima tawaran kes ex gratia.

BILANGAN KES




### 4. Mesyuarat Jawatankuasa Siasatan Kes Kecuaian Perubatan (*Post Payment Investigation*) (Lampiran A) melibatkan ex gratia / saman.

Menghadiri mesyuarat Post Payment Investigation (Lampiran A) yang diselaraskan oleh Pihak Pengurusan JKWP KL&P bagi mengenalpasti kakitangan kesihatan yang terlibat dengan kecuaian medikolegal. Pada tahun 2019, Cawangan Medico legal KKM, telah mengeluarkan surat arahan untuk mengadakan mesyuarat tersebut dan sebanyak 11 kes medicolegal yang telah disenaraikan dan melibatkan pelbagai disiplin dan hanya 1 kes yang telah diadakan mesyuarat tersebut.

### 5. Surveillance and Audit untuk Kes-Kes Medico legal

Pada 7 hingga 9 September 2020 telah diadakan pemantauan dan audit kes medicolegal di hospital Putrajaya. Pemantauan dan audit ini melibatkan 8 kes medico legal yang melibatkan Jabatan Obstetrik dan Ginekologi, Jabatan Pembedahan, Jabatan Pediatric, Jabatan Ortopedik dan Jabatan Kecemasan Dan Trauma. Hasil penemuan mendapati setiap jabatan yang terlibat dengan kes medico legal telah bertungkus lumus dalam melaksanakan saranan penambahbaikan yang telah disyorkan dalam mesyuarat JKPB. Berdasarkan analisa dan pemantauan yang telah diadakan sebelum ini, dapat disimpulkan bahawa terdapat pelbagai faktor yang menyumbang kepada berlakunya kes medicolegal seperti di dalam carta yang dilampirkan.

### CONTRIBUTING FACTORS FOR ALL CASES



Rajah 2.21: Faktor Yang Menyumbang Kepada Berlakunya Kes Medicolegal (8 Kes)


### 6. Medico legal Case Audit and Surveillance Meeting

UPH telah merancang untuk mengadakan mesyuarat pada 5 November 2020 di bilik mesyuarat persidangan di HRC bagi membentangkan hasil penemuan audit dan pemantauan penambahbaikan kes-kes aduan medicolegal fasiliti di bawah seliaan Jabatan Kesihatan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur Dan Putrajaya. Mesyuarat ini melibatkan Klinik Kesihatan Kuala Lumpur, Klinik Kesihatan Cheras, Hospital Putrajaya dan Hospital Rehabilitasi Cheras dan dihadiri oleh wakil Cawangan Medico legal KKM. Terdapat 2 kes dari klinik kesihatan masing-masing, 8 kes dari Hospital Putrajaya dan 1 kes dari Hospital Rehabilitasi Cheras.

Tujuan utama mesyuarat diadakan adalah untuk membincangkan isu-isu dalam pengendalian kes-kes medico legal di JKWPKL&P dari tahun 2018 hingga 2020 serta mengenal pasti langkah-langkah pencegahan dan penambahbaikan yang perlu diambil dalam memberikan perkhidmatan kesihatan yang optimum dan efisien kepada pesakit. Namun begitu, mesyuarat tersebut terpaksa ditunda akibat penularan wabak covid-19 yang semakin meruncing dan akan dijadualkan semula pada tahun 2021.

### 7. Statistik Kes-Kes Medico legal.

Tahun 2020 menunjukkan penurunan ketara jumlah aduan berpotensi *medico legal* bagi Hospital Putrajaya, di mana hanya terdapat lima (5) aduan berpotensi medico legal dicatatkan. Penurunan jumlah aduan berpotensi *medico legal* yang diterima oleh pihak hospital adalah berkemungkinan disebabkan oleh penularan wabak COVID-19.



Daripada lima (5) aduan berpotensi *medico legal* yang diterima oleh pihak hospital pada tahun ini, tiga (3) aduan telah berstatus selesai dan dua (2) lagi aduan masih belum selesai.


Dua (2) aduan telah selesai di peringkat Mesyuarat *Grievance Committee* di mana pengadu berpuas hati dengan penjelasan oleh Panel Pakar dan satu (1) lagi aduan telah selesai setelah pengadu berpuas hati dengan maklum balas bertulis yang diberikan.

Manakala, dua (2) lagi aduan masih dalam peringkat siasatan oleh jabatan yang terlibat dan Mesyuarat *Grievance Committee* bagi kedua-dua aduan tersebut dijangka akan diadakan pada bulan Januari 2021. Kelima-lima aduan berpotensi *medico legal* pada tahun ini melibatkan beberapa jabatan klinikal yang berlainan seperti yang dinyatakan di dalam rajah di atas.

**Jadual 2.17: Jumlah Aduan Berpotensi *Medico Legal* Mengikut Jabatan Utama yang Diadukan dan Status Aduan**


Bil.	Jabatan Utama yang Diadukan	Jabatan/ Fasiliti Kesihatan lain yang Terlibat	Diagnosis	Tarikh Aduan	Peringkat Terakhir Siasatan	Status Aduan
1.	Jabatan Kecemasan	PKDPj	<i>Severe Pneumonia &amp; COVID-19</i>	30 Mac 2020	Siasatan dalaman & Mesyuarat <i>Grievance Committee</i>	Selesai
2.	Jabatan Pembedahan	Jabatan Otorinolaringologi	<i>Bilateral recurrent laryngeal nerve palsy post-thyroidectomy for toxic multinodular goiter</i>	22 Jun 2020	Maklum balas bertulis diberikan kepada Pengadu	Selesai
3.	Jabatan O&G	Tiada	<i>Still birth</i>	28 Julai 2020	Siasatan dalaman & Mesyuarat <i>Grievance Committee</i>	Selesai
4.	Jabatan Otorinolaringologi	Jabatan Pembedahan	<i>Traumatic CBD insertion</i>	5 Nov. 2020	Sedang dalam di peringkat siasatan oleh Jabatan. Mesyuarat <i>Grievance Committee</i> dijangka akan diadakan dalam bulan Januari 2021.	Belum selesai
5.	Jabatan Pediatrik	Jabatan O&G	<i>Refractory infantile spasm with global developmental delay with history of neonatal encephalopathy</i>	4 Dis. 2020	Sedang dalam di peringkat siasatan oleh Jabatan. Mesyuarat <i>Grievance Committee</i> dijangka akan diadakan dalam bulan Januari 2021.	Belum selesai

## Jumlah Pembayaran Ex-Gratia serta Jumlah Kes yang Terlibat bagi Tahun 2015 sehingga 2019



Rajah di atas menunjukkan jumlah pembayaran *ex-gratia* dan kes yang terlibat bagi tahun 2015 sehingga 2019. Secara purata, jumlah pembayaran *ex-gratia* didapati berkurangan dari tahun 2015 sehingga 2019 dan jumlah pembayaran yang tertinggi dicatatkan pada tahun 2015 iaitu sebanyak RM263,400, melibatkan pembayaran *ex-gratia* bagi dua (2) kes termasuk satu (1) kes kematian akibat *Severe Dengue Fever* yang melibatkan pembayaran

*ex-gratia* sejumlah RM246,000. Pembayaran *ex-gratia* pada tahun 2019 adalah sebanyak RM29,000 bagi dua (2) kes aduan *medico legal*, namun, masih terdapat dua (2) lagi kes aduan *medico legal* pada tahun 2019 yang sedang dalam peringkat pertimbangan *ex-gratia* oleh KKM. Manakala, setakat tahun 2020, tiada pembayaran *ex-gratia* yang diberikan bagi kes aduan *medico legal* pada tahun 2020.



Rajah 2.22: Faktor penyumbang kepada kes medico legal (analisis laporan siasatan 2017-2018)

## **Penyelaras Kursus Medico legal dan Kursus Pengurusan Aduan**

### **1. Kursus Medico legal 2020**

Kursus ini diadakan selama 4 hari 3 malam pada 25-28 Ogos 2020 di Hotel Impiana, Ipoh Perak. Kursus ini telah dihadiri oleh 39 orang peserta, 28 peserta dari Hospital Putrajaya, 5 peserta dari Hospital Rehabilitasi Cheras dan 6 peserta dari JKWPKL&P.

Objektif kursus ini diadakan adalah bagi menyelaras peranan pegawai medico legal di peringkat hospital berkaitan dengan pengendalian aduan berpotensi medico legal, ex gratia dan litigasi serta cara menambahbaik pengurusan kes medico legal di peringkat hospital. Kursus ini juga bertujuan memberi pendedahan dan penerangan kepada para peserta berkaitan dengan tatacara pengendalian siasatan kes kecuaian perubatan melibatkan pembayaran ex gratia / saman di KKM. Di samping itu juga, para peserta diberi peluang untuk berkongsi pengalaman dan cabaran dalam menguruskan aduan berpotensi medico legal di peringkat hospital.

Kursus pada kali ini, peserta telah didedahkan dengan sejarah dan sistem perundangan di Malaysia dan tatacara di mahkamah dan peserta juga diberi peluang untuk merasai keadaan di mahkamah apabila berpeluang membuat lawatan sambil belajar di Mahkamah Tinggi Ipoh. Ini telah membuka mata kepada semua para peserta dalam membuat persiapan dan persedian dari segi mental dan fizikal jika berhadapan dengan kes-kes medico legal di mahkamah.



## 2. Kursus Pengurusan Aduan 2020

Kursus ini diadakan pada 22-25 September 2020 di Hotel Lexis, Port Dickson, Negeri Sembilan. Kursus ini telah dihadiri oleh 43 orang peserta, 29 peserta dari Hospital Putrajaya, 8 peserta dari Hospital Rehabilitasi Cheras dan 6 peserta dari JKWPKL&P. Objektif kursus ini adalah untuk memberi pendedahan dan melatih anggota dibawah naungan JKWPKL&P dalam pengendalian aduan awam, mengenalpasti kes-kes aduan yang berpotensi menjadi kes-kes medicolegal dan tindakan yang perlu dilakukan sebelum atau selepas terjadinya aduan. Disamping itu juga, kemahiran berkomunikasi secara berkesan juga diterapkan dalam program ini bagi membantu para peserta dalam memperbaiki kaedah interaksi di kalangan sesama anggota dan juga pelanggan.



## Casemix Negeri

Casemix Negeri bertanggungjawab menyelia, memantau dan menilai pelaksanaan casemix di hospital, memantau ketepatan data-data yang dimasukkan ke dalam aplikasi MalaysianDRG, mengenalpasti dan menyelesaikan isu-isu pelaksanaan Sistem Casemix mengkaji maklumat-maklumat terbitan daripada Modul *Executive Information System*, mengkaji dan mencadangkan perbelanjaan hospital menurut pengiraan casemix, menjalankan latihan secara berterusan, mengatur dan melaksana aktiviti audit di peringkat negeri serta menyediakan laporan casemix dan lain-lain laporan yang diperlukan. Subunit Casemix KKM telah mengadakan mesyuarat casemix kewangan pada 24/8/2020 di Kompleks E, KKM yang telah dihadiri oleh wakil JKN dan hospital yang telah dipilih. Mesyuarat itu diadakan bagi memberi pendedahan dan pencerahan dalam memasukkan data kewangan yang tepat dan terperinci kepada pegawai yang terlibat. Satu video conference telah diadakan pada 26/8/2020 yang dipengerusikan oleh YBhg. Dato Dr. Norhizan Ismail, Pengarah Bahagian Perkembangan Perubatan, KKM bagi membincangkan isu-isu yang telah

dihadapi dalam melaksanakan system casemix. Satu jemputan ke mesyuarat casemix: pengesahan dan kemasukan data kewangan telah diadakan oleh subunit casemix KKM pada 30 /9/2020 di MITC, Melaka.

## Perubatan Traditional dan Komplementari (PT&K) di peringkat JKN

UPH juga terlibat dalam mengawalselia Perubatan Traditional dan Komplementari (PT&K) di peringkat JKN. Peranan utama UPH adalah mengambil maklum segala aktiviti PT&K di peringkat negeri dan memaklumkan kepada BPTK dan CPTK mengikut zon liputan masing-masing sekiranya ada tindakan yang perlu dilaksanakan, memberi kerjasama kepada Bahagian Perubatan Traditional dan Komplementari (BPTK) dan Cawangan PT&K (CPTK) sekiranya terdapat program PT&K, KKM yang dilaksanakan di peringkat negeri. Contohnya dari segi memberi maklumat dan data yang berkaitan, memberi nasihat teknikal berkenaan pelaksanaan perkhidmatan PT&K di peringkat negeri, membantu mengenal pasti tindakan pencegahan dan penambahbaikan yang boleh dilaksanakan di negeri masing-masing dan membantu memantau perkhidmatan PT&K yang disediakan di negeri masing-masing serta pelaksanaan projek / program kepada PT&K yang berkaitan.

Disamping itu juga menghadiri mesyuarat atau perbincangan berkenaan dengan PT&K yang mana berkaitan, membantu menyalurkan aduan berkenaan dengan PT&K kepada BPTK atau CPTK mengikut zon liputan yang ditetapkan serta tugas-tugas yang lain mengikut keperluan. Satu projek rintis iaitu **Task Force Projek Rintis Kolaborasi Antara Persatuan Holistik Dan Herba Malaysia (MHHO) Dan Klinik Kesihatan (KK) Jinjang Dalam Penyediaan Perkhidmatan Perubatan Tradisional Dan Komplementari (PT&K)** dalam proses pelaksanaan dan akan dijadualkan berjalan pada tahun hadapan dan UPH menjadi focal point yang mewakili bahagian Perubatan bagi segala urusan yang berkaitan dengan projek rintis ini serta meneliti proses pengendalian aduan berkenaan perkhidmatan PT&K yang ditawarkan oleh MHHO di KK Jinjang. Ini adalah penting untuk memudahkan proses penyaluran dan penyelesaian aduan.

## **Mesyuarat Pengarah Kesihatan Negeri Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Putrajaya Bersama Pakar-Pakar Hospital Putrajaya dan Hospital Rehabilitasi Cheras**

Kebiasaannya diadakan dua kali setahun tetapi hanya dapat dilakukan sekali pada tahun ini disebabkan wabak Covid-19. Mesyuarat ini telah diadakan pada 8 Ogos 2020 di bilik Mesyuarat Utama Jabatan Kesihatan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur yang dihadiri oleh Pengarah Kesihatan Negeri, pakar-pakar hospital dan wakil dari klinik kesihatan. Mesyuarat ini juga diadakan bagi membincangkan permasalahan yang dihadapi oleh pakar-pakar semasa menjalankan tugas, masalah yang melibatkan Pegawai Perubatan Siswazah, Pegawai Perubatan dan anggota kesihatan yang lain. Antara masalah yang sering diutarakan dari pihak hospital adalah seperti berkaitan sumber manusia dan peruntukan yang diperlukan.



## **Kursus Basic Life Support**

Kursus ini diadakan 4 kali setahun, tetapi memandangkan pada tahun ini telah mengalami pandemic Covid 19 kursus ini hanya dapat dilakukan pada awal tahun hanya sekali sahaja. Kursus ini dijalankan bertempat di bilik Seminar Aras 1 Hospital Rehabilitasi Cheras pada 4 Februari 2020 dan telah terdiri daripada 34 orang anggota kesihatan yang melibatkan pegawai perubatan dan paramedik dari Hospital Rehabilitasi Cheras. Visi utama kursus ini adalah untuk melahirkan anggota kesihatan yang mahir dalam teknik melakukan CPR dengan cara yang betul kepada mangsa semasa berada dilapangan atau kawasan awam.

Selain itu, ia juga memberi ilmu kepada anggota kesihatan supaya sentiasa bersiap sedia untuk memberi bantuan pemulihan jantung dan paru-paru. Di dalam kursus ini peserta akan jalani ujian bertulis dan juga amali. Peserta mesti menjawab soalan dalam bentuk objektif dan bulatkan sahaja dan seterusnya menjalani peperiksaan amali. Terdapat 3-4 stesen CPR dan *choking patient* yang peserta perlu lulus. Lulus kedua dua teori dan amali maka peserta layak untuk mendapatkan sijil CPR yang dikeluarkan oleh pihak pengangur. Dengan sijil itu peserta layak dan berhak melaksanakan CPR di mana sahaja di Malaysia tatkala berlaku kes kes kecemasan yang memerlukan CPR. Sijil tersebut hanya valid untuk 2 tahun sahaja dan selepas itu peserta terpaksa memperbaharui dengan cara yang sama.

Hasil analisa yang telah dilakukan kepada borang maklum balas para peserta amat berpuas hati mengenai program kursus yang telah dilaksanakan ini. Peserta juga dapat meningkatkan ilmu dan teknik CPR secara amali yang mudah difahami dengan bimbingan fasilitator yang sedia berkongsi pengalaman serta memberi tunjuk ajar yang baik.




## UNIT KUALITI

### 2.5.1 Pengenalan

Unit Kualiti Bahagian Penjagaan Perubatan JKWPKL&P bertanggungjawab menyelaras, memantau, menyemak, menganalisa dan memperakui laporan-laporan dan data-data berkaitan Kualiti Perkhidmatan Hospital seperti yang telah ditetapkan bagi meningkatkan tahap kecemerlangan penyampaian perkhidmatan hospital-hospital di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur & Putrajaya.

## AKTIVITI-AKTIVITI UNIT KUALITI JKWPKL



### 2.5.2 Pencapaian HPIA dan KPI Klinikal

Terdapat 2 aspek pencapaian *Performance Indicator* yang dipantau oleh Unit Kualiti iaitu *Hospital Performance Indicator for Accountability (HPIA)* dan juga KPI Klinikal.

HPIA merupakan KPI bagi Pengarah Hospital dan juga KPI Timbalan Pengarah Kesihatan Negeri Perubatan. Bagi KPI perkhidmatan klinikal, KPI ini merupakan KPI yang telah dikemaskini dan dipantau di hospital yang mempunyai kepakaran

atau subkepakaran dalam perkhidmatan tersebut. HPIA mempunyai enam elemen penting dalam pemantauan yang terdiri daripada:



Manakala KPI perkhidmatan klinikal mempunyai 44 disiplin secara keseluruhan.

Berikut adalah jadual disiplin atau subkepakaran KPI perkhidmatan klinikal.

#### MEDICAL BASED

General Medicine  
Endocrine  
Paediatrics  
Dermatology  
Psychiatry  
Rheumatology

#### SURGICAL BASED

Breast And  
Endocrine  
General Surgery-  
Obstetric And  
Gynaecology  
Ophthalmology  
Orthopaedic  
Otorhinolaryngology

#### CLINICAL SUPPORT


Anaesthesiology  
Emergency Medicine  
Forensic  
Pathology  
Radiology  
Transfusion medicine  
Rehabilitation (HRC)

#### **2.5.3 Rumusan Pencapaian Kpi Pkn Januari-Disember 2020**


PROGRAM	JUMLAH INDIKATOR	JUMLAH INDIKATOR YANG TERCAPAI	JUMLAH INDIKATOR YANG TIDAK TERCAPAI(SIQ)
<b>PERUBATAN</b>	11	8	3
<b>KESIHATAN AWAM</b>	13	9	4
<b>P&amp;ST</b>	4	4	0
<b>FARMASI</b>	4	3	1
<b>BKKM</b>	6	4	2
<b>PERGIGIAN</b>	6	4	2
<b>JUMLAH</b>	44	32	12

#### 2.5.4 Pelaporan Incident Reporting


**Pelaporan Incident Reporting bagi Hospital Rehabilitasi Cheras 2020**




**Peratus Pelaporan Incident Reporting Mengikut Kejadian Insiden Di Hospital Rehabilitasi Cheras 2020**




**Pelaporan Incident Reporting Mengikut Outcome di Hospital Rehabilitasi Cheras 2020**




**Pelaporan *Incident Reporting* mengikut tindakan bagi setiap Insiden di Hospital Rehabilitasi Cheras 2020**




**Peratus Pelaporan *Incident Reporting* Mengikut Kejadian Insiden Di Hospital Putrajaya 2020**




**Pelaporan Incident Reporting Mengikut Outcome Dari Jumlah Insiden Sebenar Di Hospital Putrajaya 2020**



**Pelaporan *Incident Reporting* Mengikut Jenis Kejadian Beserta Status Kejadian Di Hospital Putrajaya 2020**



**Pelaporan *Incident Reporting* Mengikut Tindakan Bagi Setiap Kategori Insiden Kejadian Di Hospital Putrajaya 2020**



**Status Akreditasi MSQH/ISO bagi Hospital Putrajaya dan Hospital Rehabilitasi Cheras**

	Akreditasi MSQH		ISO certification
Hospital Putrajaya	2 <sup>nd</sup> cycle	Pensijilan Tamat April 2021	NA
Hospital Rehabilitasi Cheras	1 <sup>st</sup> cycle	Pensijilan Tamat Julai 2023	Pensijilan Taman Desember 2020

## LEAN HEALTHCARE

Mesyuarat Semakan Pencapaian *Lean Healthcare* Peringkat Jabatan Kesihatan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Putrajaya (JKWPKL&P) Bil.1/2020 telah berjaya diadakan pada 19 Februari 2020 di Bilik Mesyuarat Pengurusan 1, Hospital Putrajaya. Mesyuarat tersebut telah mencapai sasaran bagi membincangkan masalah yang berlaku dalam penyelarasan Lean di Hospital serta Jabatan yang terlibat. Buat masa ini pelaksanaan *Lean Healthcare* hanya dijalankan di HPj. Ini adalah kerana HPj merupakan *pilot project* bagi *Lean Healthcare* di JKWPKL&P sejak 2014. Jabatan yang terlibat dalam pelaksanaan *Lean Healthcare* di Hospital Putrajaya adalah Jabatan Kecemasan dan Trauma serta Jabatan Perubatan.

Pada tahun 2020, status KPI Inisiatif *Lean Healthcare* telah diturunkan daripada KPI Pengarah Kesihatan Negeri (PKN) ke Timbalan Pengarah Kesihatan Negeri (TPKN) bagi Program Perubatan. Sasaran negeri adalah 100% dan sasaran kebangsaan adalah 25% (pada tahun terdahulu adalah  $\geq 30\%$ ) daripada 52 Hospital yang berada dalam kategori A. Untuk tahun 2020, Jabatan Kecemasan dan trauma memperolehi kategori A manakala Jabatan Perubatan memperolehi kategori B maka secara keseluruhan kategori akhir adalah A.

## Quality Assurance Programme

*Quality Assurance Programme* merupakan program yang diselenggara dan dipantau oleh Unit Kualiti Bahagian Perubatan di peringkat Jabatan Kesihatan Negeri (JKN). Program ini merupakan platform untuk perjalanan karier setiap peserta khusus dalam bidang kualiti menuju ke arah perubahan yang lebih baik agar lebih banyak kajian-kajian baru berhasil dan dapat diaplikasikan dalam perkhidmatan. Kajian-kajian yang berjaya akan mendapat pengiktirafan setelah dibentang dan dipamerkan pada Konvensyen Kebangsaan yang dijadualkan untuk diadakan pada tahun 2021, namun disebabkan pandemik Covid-19 Konvensyen Kebangsaan terpaksa ditangguhkan ke tahun 2022.

Pada suku tahun pertama tahun 2020, Unit Kualiti telah merancang untuk menganjurkan Bengkel Pengukuhan Quality Assurance (QA) yang kemudian dipindah kepada 20 hingga 23 Oktober 2020. Segala persiapan bermula dengan kertas kerja, pemilihan tempat bengkel, jemputan penceramah, jemputan peserta telah dilakukan namun terpaksa ditangguhkan disaat akhir kerana peningkatan kes Covid-19 bermula pada pertengahan Oktober 2020.

Diharap pada tahun 2021, Bengkel Pengukuhan QA dan Mini Konvensyen QA dapat diadakan sebagai persediaan untuk peserta QA bagi menghadapi Konvensyen Kebangsaan QA kelak.

## PAIN AS 5<sup>th</sup> VITAL SIGN & PAIN FREE PROGRAMME

Selaras dengan pekeliling Ketua Pengarah Kesihatan pada tahun 2017; Pengukuhan dan Perluasan Skop Tahap Kesakitan Sebagai Tanda Vital Kelima (*Pain as Fifth Vital Sign*) dan Program “*Pain Free*” di semua fasiliti Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM). JKN telah dipertanggungjawabkan untuk memastikan program ini dilaksanakan di peringkat negeri. Oleh itu, semua anggota kesihatan dan pesakit perlu diberikan pendedahan tentang konsep “*Pain Free*” agar dapat meningkatkan mutu rawatan dan juga kualiti hidup pesakit.


Seminar *Pain as 5<sup>th</sup> Vital Sign* dan *Pain Free Programme* telah diadakan selama 2 hari pada 14 hingga 15 September 2020 di Auditorium Hospital Rehabilitasi Cheras. Seminar ini telah diadakan untuk memberikan pendedahan kepada semua anggota kesihatan tentang Tahap Kesakitan Sebagai Tanda Vital Kelima (“*Pain as Fifth Vital Sign*”) dan Program Bebas Kesakitan (“*Pain Free Programme*”) selain daripada meningkatkan pengetahuan tentang rawatan-rawatan yang disediakan dalam mengatasi kesakitan selain daripada ubat-ubatan. Selain itu, seminar ini juga bertujuan untuk memberi pendedahan mengenai perkhidmatan *Traditional and Complimentary Medicine* sebagai rawatan untuk mengatasi kesakitan.

## Seminar Pain as 5th Vital Sign & Pain Free Programme



## Kes Kekerasan Di Hospital

### Kes Kekerasan




## Keselamatan & Kesihatan Pekerjaan

Jawatankuasa keselamatan dan kesihatan pekerjaan bahagian perubatan Jabatan Kesihatan Negeri telah mengadakan mesyuarat bil 1/2020 pada tarikh 4/8/2020. Mesyuarat ini sepatutnya telah ditetapkan pada 25/3/2020 dengan sasaran 2 kali mesyuarat dalam tahun 2020. Tetapi mesyuarat hanya dilakukan 1 kali pada tahun 2020 kerana Negara telah dilanda pandemic covid-19 & semua mesyuarat telah ditunda sehingga pandemic covid-19 berkurangan. Jawatankuasa keselamatan dan kesihatan pekerjaan telah membincangkan perkara-perkara yang telah dilakukan dan yang akan dilakukan sepanjang tahun 2020. Jawatankuasa juga telah mencadangkan tarikh sambutan dan seminar hari keselamatan dan kesihatan pekerjaan adalah pada 25/8/2020 bertempat di auditorium Hospital Rehabilitasi Cheras.

## Kes Kemalangan & Penyakit Pekerjaan Di Hospital

### Kes Kemalangan & Penyakit Berkaitan Pekerjaan



## UNIT PERLINDUNGAN PERUBATAN

### 2.6.1 Pengenalan

**Unit Perlindungan Perubatan (UPP)** merupakan salah satu unit daripada 6 unit dibawah pentadbiran Bahagian Perubatan JKWPKL&P. Unit ini ditugaskan untuk menyelaraskan permohonan pasukan perlindungan

perubatan yang melibatkan aktiviti/ program di peringkat Persekutuan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur & Putrajaya serta Negeri Selangor, berdasarkan Pekeliling Ketua Pengarah Kesihatan Malaysia Bil: 2 / 2007 Liputan Pasukan Perlindungan Perubatan Dan Kesihatan Kementerian Kesihatan Malaysia. Unit ini diketuai oleh seorang pegawai perubatan UD48 & dianggotai oleh sepuluh (10) orang anggota lain seperti berikut:



## 2.6.2 Aktiviti Utama Unit



Permohonan pasukan perlindungan perubatan melibatkan 2 peringkat iaitu:


1. Peringkat Persekutuan  
Tetamu VVIP/VIP seperti SPB YDP Agong/ SPB Raja Permaisuri Agong, YAB Perdana Menteri, YAB Timbalan Perdana Menteri, YB Menteri-Menteri Kabinet dan Ketua Negara
2. Selangor  
DYMM Sultan Selangor, Dewan Undangan Negeri Selangor

Jadual 2.18: Menunjukkan jumlah bilangan permohonan dan penyediaan pasukan perlindungan perubatan pada tahun 2020 (statistik 2010-2020)

TAHUN	PERMOHONAN			PENYEDIAAN		
	PERSEKUTUAN	SELANGOR	JUMLAH	TERIMA (MEDICAL STANDBY)	TOLAK (HOSPITAL RUJUKAN)	JUMLAH
2010	192	-	192	152	40	192
2011	201	-	201	155	46	201
2012	232	-	232	179	53	232
2013	198	95	293	239	54	293
2014	180	71	251	215	36	251
2015	244	72	316	276	40	316
2016	267	118	385	310	75	385
2017	275	129	404	340	64	404
2018	258	148	406	295	111	406
2019	340	167	507	399	108	507
2020	100	22	122	95	27	122


MAKLUMAN: Mulai tahun 2013, Unit Perlindungan Perubatan JKWP&L&P mula menyelaras pasukan perlindungan perubatan bagi peringkat Negeri Selangor

### GRAF PERMOHONAN PASUKAN PERLINDUNGAN PERUBATAN(2010-2020)



Rajah 2.23: Statistik permohonan pasukan perlindungan perubatan di peringkat Persekutuan dan Selangor bagi tahun 2010-2020

## GRAF PENYEDIAAN PASUKAN PERLINDUNGAN PERUBATAN (2010-2020)



Rajah 2.24: Statistik penerimaan dan penolakan permohonan pasukan perlindungan perubatan bagi tahun 2010-2020

Analisa menunjukkan penurunan jumlah permohonan dan penyediaan pasukan perlindungan perubatan bagi tahun 2020.

Penurunan ini disebabkan kebanyakannya Majlis-majlis Rasmi Kerajaan dan tidak rasmi terpaksa dibatalkan berikutan Perintah Kawalan Pergerakan yang telah diisytiharkan pada 18 Mac 2020 berikutan pandemik Covid-19.


### Menghadiri mesyuarat yang melibatkan keperluan pasukan perlindungan perubatan UPP

Menerima surat mesyuarat dari peringkat Persekutuan dari Kementerian, Agensi Jabatan, Istana Negara dan Korporat termasuk daripada Negeri Selangor iaitu Pejabat Kerajaan Negeri Selangor, Istana Selangor, Pejabat Kerajaan Tempatan dan Korporat serta agensi-agensi yang berkaitan.

Jadual 2.19: Menunjukkan jumlah bilangan mesyuarat dan kehadiran unit perlindungan perubatan/wakil (JKNS/HOSP) pada tahun 2020 (statistik 2015-2020)

TAHUN	MESYUARAT			KEHADIRAN			
	PERSEKUTUAN	SELANGOR	JUMLAH	HADIR (UPP)	WAKIL (JKNS/HOSP)	TIDAK HADIR	JUMLAH
2015	227	74	301	193	41	67	301
2016	208	82	290	200	35	55	290
2017	218	92	310	234	43	33	310
2018	216	79	295	251	22	22	295
2019	245	66	311	265	20	26	311
2020	106	16	122	118	3	1	122

### KEHADIRAN KE MESYUARAT MENGIKUT PERATUSAN



Rajah 2.25: Peratusan kehadiran unit perlindungan perubatan ke mesyuarat bagi tahun 2020

## BILANGAN MESUARAT BERKAITAN PASUKAN PERLINDUNGAN PERUBATAN TAHUN 2020



Rajah 2.26: Bilangan mesuarat berkaitan pasukan perlindungan perubatan mengikut peringkat sepanjang tahun 2020

Analisa menunjukkan jumlah penurunan kehadiran ke mesuarat dan lawatan tapak bagi tahun 2020. Penurunan ini disebabkan kebanyakan mesuarat dan lawatan tapak terpaksa dibatalkan berikutan Perintah Kawalan Pergerakan akibat pandemik Covid - 19.

### **Mengadakan Mesuarat Pengurusan Perlindungan Perubatan 2 kali setahun**

Membincangkan halatuju dan penambahbaikan untuk unit berdasarkan prestasi tahun-tahun yang terdahulu dan juga merancang tugas-tugas bagi tahun yang akan datang.

### **Melakukan pemeriksaan logistik kenderaan ambulan mengikut jadual yang telah ditetapkan**

Semua ambulan adalah tertakluk kepada jadual penyelenggaraan berkala yang telah ditetapkan. Pemeriksaan dilakukan bagi memastikan semua peralatan dan sistem berada didalam keadaan sempurna.

### **Latihan yang dijalankan**

Simposium pengurusan etika, protokol dan kecemasan bagi paramedik peringkat KKM. Memberi pendedahan awal kepada semua anggota paramedik yang bakal terlibat dengan pasukan perlindungan perubatan mengenai etika, protokol dan kecemasan semasa acara rasmi diadakan.

# BAHAGIAN KESIHATAN AWAM

- Menyediakan perkhidmatan pencegahan, promotif, kuratif dan rehabilitatif secara integrasi di semua peringkat perkhidmatan kesihatan di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Putrajaya.

## PENGENALAN

Bahagian Kesihatan Awam merupakan bahagian yang terbesar di bawah pentadbiran Pengarah Jabatan Kesihatan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur & Putrajaya (JKWPKL&P). Terdapat 11 cawangan dan 5 Pejabat Kesihatan Daerah di bawah struktur organisasi Bahagian Kesihatan Awam, JKWPKL&P. Bahagian Kesihatan Awam bertanggungjawab untuk membantu individu dan komuniti mencapai tahap kesihatan yang optima dengan menyediakan penjagaan kesihatan asas. Bagi mencapai misi ini, pelbagai perkhidmatan disediakan seperti kawalan, pencegahan dan rawatan penyakit, perkhidmatan rehabilitasi serta promosi kesihatan supaya iaanya menjadi suatu amalan di kalangan individu dan masyarakat.

### Piagam Bahagian Kesihatan Awam

Bersatu tenaga dalam perkongsian pintar ke arah mewujudkan penduduk yang sihat sejahtera melalui

- Promosi kesihatan yang berterusan
- Pencegahan dan kawalan penyakit yang efektif

Penyediaan perkhidmatan rawatan dan pemulihan yang saksama, inovatif, perhatin, berkualiti dan mampu dimiliki

### Fungsi Bahagian Kesihatan Awam

- Membantu individu dan komuniti di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Putrajaya untuk mencapai dan mengekalkan tahap kesihatan yang optimum melalui penyediaan penjagaan kesihatan asas.
- Menggalakkan amalan kesihatan di kalangan setiap individu dan masyarakat di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Putrajaya.



**DR. HAJI AMIN SAH BIN HAJI AHMAD**

Timbalan Pengarah Kesihatan Negeri  
Bahagian Kesihatan Awam

## CAWANGAN PERKEMBANGAN KESIHATAN AWAM

Cawangan Perkembangan Kesihatan Awam bertanggungjawab dalam pengurusan keperluan sumber di Bahagian Kesihatan Awam termasuk sumber manusia, peralatan dan infrastruktur bagi meningkatkan taraf

kemudahan perkhidmatan kesihatan. Ia juga berperanan dalam pengurusan perkembangan profesyen dan halatuju anggota serta menyelaras dan memantau aktiviti berkaitan kualiti di Bahagian Kesihatan Awam.

### 3.1.1 Sumber Manusia Bahagian Kesihatan Awam



\*\* Kumpulan Pengurusan & Profesional (Gred 41 - 56), seramai 117 orang adalah Pegawai Perubatan Apung Gred UD44 – 54 bagi menampung keperluan perkhidmatan yang meningkat

Rajah 3.1: Sumber Manusia Mengikut Gred Perjawatan Bahagian Kesihatan Awam JKWPKL&P, 2020

### 3.1.2 Program Kualiti Bahagian Kesihatan Awam

#### 1. Petunjuk Prestasi Utama Pengarah Kesihatan Negeri (PKN) & Timbalan Pengarah Kesihatan Negeri Program Kesihatan Awam TPKN (KA) Tahun 2020

Bagi tahun 2020, terdapat 12 indikator bagi KPI PKN, dan 12 indikator bagi KPI TPKN(KA). **Rajah 3.2** menunjukkan senarai indikator dan pencapaian.


<b>62.6%</b> (PKN / TPKN)	<b>3.1%</b> (PKN / TPKN)	<b>13</b> (PKN / TPKN)
Kadar berjaya berhenti merokok (Keseluruhan) (Sasaran: >35%)	Liputan rawatan Kesihatan Mental di Klinik Kesihatan (Sasaran: <10% pesakit tercicir)	Bilangan tempat kerja (setting) baru yang menerapkan Program KOSPEN Plus Sasaran: 16
<b>97%</b> (PKN / TPKN)	<b>83.15%</b> (PKN / TPKN)	<b>89%</b> (PKN / TPKN)
Peratus pekerja di tempat kerja (setting) yang menjalankan Program KOSPEN Plus disaring untuk faktor risiko NCD pada tahun semasa (Sasaran: ≥80%)	Kadar Sukses Rawatan Tibi bagi Warganegara (Sasaran: ≥86%)	Liputan rawatan anti retroviral (ART) Sasaran: 60%
<b>75%</b> (PKN / TPKN)	<b>32.46%</b> (PKN / TPKN)	<b>3.34%-KL / 4.93%-P</b> (PKN / TPKN)
Peratus kes <i>Non-Polio Acute Flaccid Paralysis Discard 1</i> (Notifikasi) (Sasaran: 80%)	Peratus pesakit Diabetes Jenis 2 mencapai paras HbA1c <6.5% (Sasaran: >30%)	Peratus anaemia (Hb <11g/dl) di kalangan ibu hamil pada 36 minggu kehamilan (Sasaran: <4.7%KL / <8/.1% Putrajaya)
<b>81.8%</b> (PKN / TPKN)	<b>95.97%</b> (PKN)	<b>35.8%</b> (PKN / TPKN)
Peratus kanak-kanak kurang berat badan dalam Program Pemulihan Kanak-Kanal Kekurangan Zat Makanan yang meningkat berat badan berdasarkan standard pertumbuhan WHO 2006 (Sasaran: ≥66%)	Pematuhan regulatori premis berlesen di bawah akta 304 (Sasaran: ≥80%)	Penurunan insiden kes Measles (Sasaran: Penurunan ≥50% berbanding 2019)
<b>103.9%</b> (PKN / TPKN)	<b>100%</b> (PKN / TPKN)	<b>100%</b> (TPKN)
Peratus liputan imunisasi MMR Dos 1 pada umur 9 bulan dalam Program Imunisasi Kebangsaan (MCV 1) (Sasaran: ≥95%)	Peningkatan komuniti disaring dengan saringan faktor risiko cara hidup sihat di <i>Wellness Hub</i> (Sasaran: 50%)	Peratus perbelanjaan peruntukan latihan dalam perkhidmatan (dalam negara) Program Kesihatan Awam (Sasaran: ≥99%)

Rajah 3.2: Pencapaian KPI PKN Dan TPKN (KA), JKWPKL&P, 2020

### 3.1.3 Latihan Dalam Perkhidmatan

Peruntukan Latihan Dalam Perkhidmatan (LDP) yang dikhurasukan dalam Program Kesihatan Awam JKWPKL&P

bagi tahun 2020 telah digunakan sepenuhnya untuk penganjuran kursus dan latihan seperti [Rajah 3.3](#).



Rajah 3.3: Pelaksanaan Dasar Latihan (Dasar 7 Hari Setahun) Program Kesihatan Awam, JKWPKL&P, 2020

## UNIT INSPEKTORAT DAN PERUNDANGAN NEGERI (UIPN)

### 3.2.1 Pencapaian UIPN

#### a) Bilangan Operasi Setiap Undang-Undang

Jadual 3.1: Bilangan Operasi Setiap Undang-Undang

OPERASI PENGUATKUASAAN	2016	2017	2018	2019	2020
Bil. Operasi Akta Makanan	107	78	198	186	194
Bil. Operasi PPKHT 2004	291	371	424	476	476
Bil. Operasi APSPP 1975	96	147	176	113	67
Bil. Operasi APPPB 1988	0	1	8	10	4
Bil. Operasi bersepada	23	9	26	46	11

#### b) Aktiviti Penguatkuasaan Mengikut Undang-Undang

Jadual 3.2: Senarai Aktiviti Penguatkuasaan Mengikut Undang-Undang

PENGUATKUASAAN (AKTA MAKANAN 1983& PER)	2016	2017	2018	2019	2020
Bil Notis Sek 32B Dikeluarkan	195	341	605	804	863
Bil kompaun Dikeluarkan	106	206	325	559	330
Bil Kompaun Dibayar	106	265	329	436	332
Nilai Bayaran (RM)	49,300	112,925	259,300	334,767	229,500
Bil Kes Di Daftar Mahkamah	9	19	41	31	4
Bil Di Denda	12	14	21	20	4
Nilai Denda (RM)	131,000	129,000	199,000	28,800	14,000
Bil Kes DNAA	4	0	1	5	0
Bil Kes DNA	0	0	0	2	0

Bagi kes pendakwaan Akta Makanan 1983 dan Peraturan-Peraturan di bawahnya seperti Peraturan Makanan 1985 dan Peraturan Kebersihan Makanan 2009 sebanyak 4 kes telah didaftarkan pada tahun 2020. 4 kes tersebut telah

didenda dengan nilai denda sebanyak RM14,000 oleh Mahkamah Majistret Jalan Duta, Kuala Lumpur setelah mengambil kira bukti serta hujahan pihak pendakwaan.

Jadual 3.3: Senarai Aktiviti Penguatkuasaan APSPP 1975

PENGUATKUASAAN (APSPP 1975)	2016	2017	2018	2019	2020
Bil Notis Sek 6 Dikeluarkan	446	739	741	398	1000
Bil kompaun Dikeluarkan	152	384	350	247	136
Bil Kompaun Dibayar	137	204	244	121	60
Nilai Bayaran (RM)	54,800	60,300	73,705	39,685	20,600
Bil Kes Di Daftar Mahkamah	9	19	41	31	13
Bil Di Denda	12	14	21	20	2
Nilai Denda (RM)	131,000	129,000	199,000	28,800	5000
Bil Kes DNAA	4	0	1	5	0

Pendakwaan kes di mahkamah tahun 2020, sebanyak 13 kes telah didaftarkan bagi kes APSPP 1975 dengan 2 kes telah didenda di mahkamah dengan nilai RM 5,000. Lebihan

11 kes lagi ditangguhkan bagi sebutan ke tahun 2021 memandangkan mahkamah telah ditutup ekoran pandemik COVID-19 yang melanda negara.

Jadual 3.4: Senarai Aktiviti Penguatkuasaan PPKHT 2004

PENGUATKUASAAN - (PPKHT 2004)	2016	2017	2018	2019	2020
Bil Notis Sek 32B Dikeluarkan	1172	1218	1843	47	738
Bil kompaun Dikeluarkan	587	1001	1424	62	496
Bil Kompaun Dibayar	566	973	1489	62	475
Nilai Bayaran (RM)	81,055	128,175	220, 695	11,950	82,505
Bil Kes Di Daftar Mahkamah	343	364	307	90	127
Bil Di Denda	52	285	246	17	0
Nilai Denda (RM)	24,050	27,750	17,650	10,740	0

Bagi kes pendakwaan di mahkamah melibatkan PPKHT 2004, sebanyak 127 kes telah didaftarkan bagi tahun 2020 namun tiada sabitan dikenakan kerana mahkamah telah

ditutup ekoran pandemik COVID-19 dan ditangguhkan ke tahun 2021. Tiada kes DNAA (dilepas tanpa dibebaskan) dan juga kes DNA pada tahun 2020.

Jadual 3.5: Penguatkuasaan SOP PKP/ PKPB & PKPP

PENGUATKUASAAN SOP PKP/PKPB/PKPP - PPPPB (LLDKJT) 2020	2020
Bil Kompaun Dikeluarkan PDRM	6915
Bil kompaun Dikeluarkan KKM	164
Jumlah Kompaun dikeluarkan	7093
Bil Kompaun Dibayar	5031
Nilai Bayaran (RM)	5,031,000
Bil Kes Di Daftar Mahkamah	26
Bil Di Denda	2
Nilai Denda (RM)	2000

Jadual 3.6: Penguatkuasaan APPPB 1988

PENGUATKUASAAN - APPPB 1988	2020
Bil Pemeriksaan Premis Pematuhan SOP	17,291
Bil HSO di bawah Sek 15 Dikeluarkan	68,551
Bil Pemantauan HSO Sek 15	1646
Bil Aduan Diterima	85
Bil Penutupan Premis di bawah Sek 18(1)(f)	18
Bil Penutupan Premis di bawah Sek 18(1)(d)	7

### 3.2.2 Latihan Dan Kursus Sepanjang Tahun 2020

Bil	Kursus	Tempat	Tarikh	Penyertaan
1	e-Kehakiman (EFS)	JKN	4 Sept	30 Orang

## CAWANGAN KAWALAN PENYAKIT BERJANGKIT (CDC)

### UNIT KAWALAN PENYAKIT BERJANGKIT

#### 3.3.1 Penyakit Berjangkit


##### Penyakit Cegahan Vaksin

###### A. Campak (Measles)

Sebanyak 380 kes Measles telah dilaporkan di WPKL & Putrajaya yang mana sebanyak 34 kes telah didaftarkan sebagai kes Measles, manakala 335 kes diabaikan kerana keputusan ujian makmal adalah negatif atau tidak menepati kriteria klinikal. Perincian kes yang didaftarkan ialah 33 kes (97%) telah disahkan Measles melalui ujian makmal dan 1 kes (3%) melalui diagnosa klinikal oleh pakar klinikal. Taburan kes mengikut kawasan operasi Pejabat Kesihatan (PK) adalah seperti Jadual 3.7.

Jadual 3.7: Taburan kes Measles mengikut Pejabat Kesihatan di WPKL & Putrajaya tahun 2020

Pejabat Kesihatan	Kes Measles		Jumlah	Wabak
	Lab Confirmed	Clinical Confirmed		
Lembah Pantai	0	0	0	0
Kepong	7	0	7	0
Cheras	8	0	8	0
Titiwangsa	10	1	11	0
Putrajaya	8	0	8	1
<b>Jumlah</b>	<b>33</b>	<b>1</b>	<b>34</b>	<b>1</b>



Rajah 3.4: Jumlah kes dan insiden Measles di WPKL & Putrajaya pada tahun 2014-2020

Berbanding tahun 2019, terdapat penurunan jumlah kes sebanyak 19 kes (35.8%), juga penurunan insiden Measles sebanyak 35.8% seperti yang ditunjukkan pada Rajah 3.4.

Daripada sejumlah 34 kes yang didaftarkan, 29 kes (85.3%) adalah mereka yang berumur di bawah 1 tahun, sebanyak 3 kes (8.8%) berumur antara 1 sehingga 6 tahun dan 2 kes (5.9%) berumur melebihi 6 tahun. Sebanyak 16 kes (47.1%) adalah di kalangan lelaki manakala 18 kes (52.9%) adalah perempuan. Kes yang telah menerima imunisasi adalah sebanyak 25 kes (73.5%), 1 kes tidak mengambil imunisasi (3%), dan 8 kes (23.5%) terdiri daripada kanak-kanak yang masih belum layak menerima imunisasi dos 1.

Hanya satu kejadian wabak Measles dilaporkan, iaitu wabak yang berlaku di bawah kawasan operasi Pejabat Kesihatan Putrajaya yang melibatkan 3 orang kanak-kanak di sebuah taska jagaan. Tiada kematian berkaitan wabak ini. Risiko yang dikenalpasti menyebabkan jangkitan dan wabak ialah ketidadaan imunisasi. Ini adalah kerana semua kes belum layak menerima vaksin Measles.

## B. Poliomyelitis /Acute Flaccid Paralysis (AFP)

Tiada kes jangkitan Polio dilaporkan pada tahun 2020. Manakala terdapat 4 kes AFP telah dilaporkan dengan perincian kes seperti di **Jadual 3.8**.

**Jadual 3.8:** Menunjukkan taburan pelaporan kes AFP mengikut PK pada tahun 2020

Pejabat Kesihatan (PK)	Bil. Kes AFP	Klasifikasi		
		Discard 1	Discard 2	Discard 3
Cheras	2	1	1	0
Lembah Pantai	1	1	0	0
Kepong	1	1	0	0
Putrajaya	0	0	0	0
Titiwangsa	0	0	0	0
<b>Jumlah</b>	<b>4</b>	<b>3</b>	<b>1</b>	<b>0</b>

## C. Pertussis



## Penyakit Bawaan Makanan Dan Air (FWBD)

### A. Keracunan Makanan

Bilangan kes keracunan makanan yang dilaporkan adalah sebanyak 424 kes iaitu penurunan kes sebanyak 40% berbanding tahun 2019 (704 kes).


Sebanyak 23 wabak keracunan makanan dilaporkan dengan 1 episod melibatkan sekolah. Kejadian wabak di sekolah menunjukkan penurunan sebanyak 80% iaitu melibatkan hanya 1 buah sekolah berbanding 5 buah sekolah pada tahun 2019. Sekolah ini juga turut melaporkan episod keracunan makanan berulang iaitu semenjak 2018.

## D. Hepatitis B

Sebanyak 257 kes disahkan Hepatitis B telah dinotifikasi yang mana sebanyak 155 kes (60.3%) adalah warganegara Malaysia manakala 102 kes (39.7%) adalah warga asing. Di kalangan warganegara, 24 kes (15.4%) adalah kes warganegara yang dilahirkan selepas tahun 1989 iaitu bermulanya polisi pemberian imunisasi Hepatitis B untuk semua bayi sejurus kelahiran.

## E. Neonatal Tetanus

Sebanyak 2 kes Tetanus dilaporkan, iaitu kedua-dua kes oleh Pejabat Kesihatan Kepong dan salah satu kes mengakibatkan kematian. Kes kematian tersebut membabitkan seorang warga asing dengan punca awal jangkitan adalah akibat kecederaan di kepala. Promosi kesihatan berkaitan Tetanus telah dipertingkatkan di kawasan kes untuk mencegah kejadian sama daripada berulang. Tiada kes **Neonatal Tetanus** dilaporkan pada tahun 2020.



**Rajah 3.5:** Bilangan Kes Keracunan Makanan di WPKL & Putrajaya, 2012-2020


## B. Lain-lain Penyakit Bawaan Makanan dan Air

Sebanyak 282 kes Tifoid dinotifikasi sepanjang tahun 2020, namun hanya 4 kes disahkan oleh ujian makmal, iaitu penurunan kes sebanyak 43% berbanding 7 kes pada tahun 2019. Namun tiada wabak dilaporkan. Sebanyak 19 kes Disentri dilaporkan, iaitu penurunan sebanyak 41% dari tahun 2019 (32 kes). Kes Disentri yang dilaporkan iaitu 11 kes dari PK Cheras, 4 kes dari PK Kepong, 1 kes dari PK Lembah Pantai dan 3 kes dari PK Titiwangsa. Namun, tiada wabak dilaporkan. Sebanyak 4 kes Hepatitis A dilaporkan dan tidak melibatkan kejadian wabak.

## Penyakit Zoonosis

### A. Leptospirosis

Pada tahun 2020, terdapat 81 kes Leptospirosis didaftarkan. Daripada kes yang didaftar, sebanyak 9 kes adalah *lab-confirmed* (11.1%). Berbanding tahun sebelumnya, terdapat penurunan kes sebanyak 46.5% (175 kes pada 2019). Tiada wabak leptospirosis telah dilaporkan bagi tahun 2020. Terdapat 4 kes kematian leptospirosis dilaporkan, yang mana kesemua kes adalah dibawah kawasan operasi Pejabat Kesihatan Cheras. Daripada 4 kes kematian tersebut, 2 kes kematian adalah disebabkan leptospirosis (berdasarkan laporan forensic), dengan Microscopic Agglutination Test (MAT) *equivocal titre* 1:100 dan 1:200.




## B. Lain-lain penyakit zoonosis

Tiada kes Rabies dilaporkan pada tahun 2020. Bagi kejadian gigitan anjing, sebanyak 9 kes gigitan anjing dilaporkan di WPKL & Putrajaya. Selain daripada itu, terdapat sebanyak 3 kes Melioidosis dilaporkan.

### Penyakit Hand Foot & Mouth Disease (HFMD)

Kumulatif kes HFMD di WPKL dan Putrajaya pada 2020 adalah sebanyak 1,610 kes, lebih rendah berbanding 4,238 kes pada tahun 2019, pengurangan sebanyak 62 %.

Sebanyak 75 wabak HFMD dilaporkan dengan jumlah wabak tertinggi berlaku di kawasan operasi Pejabat Kesihatan Putrajaya iaitu sebanyak 35 wabak, diikuti oleh Pejabat Kesihatan Kepong dan Pejabat Kesihatan Titiwangsa masing-masing dengan 15 wabak, 5 wabak di Pejabat Kesihatan Lembah Pantai dan 4 wabak di PK Cheras. Sebanyak 49.3% wabak berlaku di taska seperti di Rajah 3.7.



Rajah 3.7: Taburan wabak kes HFMD mengikut premis pada tahun 2020

Rajah 3.6: Perbandingan kes HFMD bagi tahun 2019 dan 2020 mengikut minggu epid di WPKL & Putrajaya

## UNIT TIBI & KUSTA

Pada tahun 2020 terdapat sebanyak 1982 kes Tibi didaftarkan dengan kadar insiden 101 per 100,000 penduduk. Terdapat penurunan sebanyak 1.1% berbanding tahun 2019.

### Kes Daftar Tibi 2007-2020

Kes Didaftarkan 2007-2020




### Kadar Insiden Tibi

Kadar Insiden Tibi 2007-2020




### Kes Tibi Mengikut Kewarganegaraan


- WARGANEGARA (81.18%)
- BUKAN WARGANEGARA (18.82%)




## Kes Tibi Mengikut Sub Diagnosis



## Kes Tibi Mengikut Jantina



## Kes Tibi Kanak-Kanak Mengikut Kumpulan Umur




## Kes Multi Drug Resistant TB

Kes Drug Resistance (DR-TB) yang di laporkan adalah 2.5% bersamaan 50 kes daripada 1982 kes Tibi yang dilaporkan pada tahun 2020. Ini adalah peningkatan 56% dari tahun 2019.


### Bilangan Kes Multi Drug Resistance (MDR-TB)



## Kes Tibi Kanak-kanak




## Kes Tibi Mengikut Kumpulan Umur




## UNIT HIV, STI & HEPATITIS C

### Epidemiologi HIV




Rajah 2.7: Taburan Kes Baru HIV Mengikut Kumpulan Umur, 2020



Rajah 3.9: Taburan Kes Baru HIV Mengikut Cara Jangkitan, 2020

Rajah 3.8: Bilangan Kes Baru HIV, AIDS dan Kematian HIV dari 2010-2020

## Program Saringan




Rajah 3.10: Jumlah Saringan HIV Yang Dijalankan Dari Tahun 2015-2020

## Program Pengurangan Kemudarat (Harm Reduction)

Secara keseluruhannya, sehingga Disember 2020 terdapat 6704 klien yang berdaftar bagi program rawatan methadone di Kuala Lumpur & Putrajaya. Namun hanya 21% daripada

mereka iaitu seramai 1418 klien yang masih aktif ([Rajah 3.11](#)). Terdapat 91 klien methadone adalah HIV positif iaitu 6.4% dari klien aktif dan 94.5% dari mereka sudah menerima rawatan antiretroviral.



Rajah 3.11: Bilangan Klien Aktif Bagi Program Methadone Mengikut Fasiliti Kesihatan, 2020

## Prevention of Mother to Child Transmission (PMTCT) Programme


Jadual 3.9: Pencapaian Program PMTCT HIV, JKWPKL&P 2015-2020

	2015	2016	2017	2018	2019	2020
IBU POSITIF HIV	14	16	18	12	17	16
WARGANEGARA	8	5	12	7	11	7
BUKAN WARGANEGARA	6	11	6	5	6	9
BAYI POSITIF HIV	0	0	0	0	0	0
VERTICAL RATE (%)	0	0	0	0	0	0
VERTICAL RATE/C100,000LB	3.49	0	0	0	0	0

Jadual 3.10: Pencapaian program PMTCT Sifilis, JKWPKL&P 2015-2020


	2015	2016	2017	2018	2019	2020
IBU TPHA POSITIF	10	8	11	12	7	17
WARGANEGARA	5	7	8	11	7	15
BUKAN WARGANEGARA	5	1	3	1	0	2
CONGENITAL SYPHILIS	0	2	0	0	2	3
KELAHIRAN HIDUP	30164	25472	41882	41818	40557	39260
CONGENITAL SYPHILIS/ 100,000LB	0	7.85	0	0	4.93	7.64

### ***Sexually Transmitted Infections (STI)***



Rajah 3.12: Bilangan kes STI dari tahun 2015 – 2020

### **Hepatitis C**




Rajah 3.13: Kadar Notifikasi kes Hepatitis C dari tahun 2015 – 2020

### **Key Performance Index (KPI)**

Indikator KPI bagi Unit HIV, STI dan Hep C mulai Januari 2020 adalah Liputan Rawatan Anti-Retroviral Therapy (ART) kepada klien-klien HIV. KPI ini telah menggantikan KPI sebelum ini, iaitu Kadar Notifikasi Kes Baru HIV. Sasaran untuk indikator ini adalah >60%. Bagi peringkat Jabatan Kesihatan Kuala Lumpur & Putrajaya, Liputan Rawatan ART

pada tahun semasa (2020) mencapai 89%, di mana sejumlah 371 daripada 419 klien yang berdaftar pada tahun semasa telah menerima rawatan ART.




Rajah 3.14: Pencapaian Kadar Liputan ART Setiap Daerah Bagi Tahun 2020

## CAWANGAN PENYAKIT BAWAAN VEKTOR (CPBV)


### 3.4.1 Denggi

Kadar insiden kes Denggi di WPKL&P pada tahun 2020 adalah 498 per 100,000 penduduk dengan kadar kes kematian 0.06%. (Rajah 3.15 dan Rajah 3.16).



Sumber: Data KKM dan JKWPKL&P

Rajah 3.15: Tren Kes dan Kematian Denggi di WPKL&P, 2006-2020



Rajah 3.16: Bilangan Kes, Kematian dan Kadar Insiden Denggi (per 100,000 populasi) di WPKL&P, 2020

Jadual 3.11: Perbandingan Kes dan Kematian Denggi Mengikut Pejabat Kesihatan di WPKL&P, 2019 & 2020

BIL	PEJABAT KESIHATAN	JUMLAH TERKUMPUL KES DENGGI PADA TAHUN		PERBANDINGAN KENAIKAN KES PADA TAHUN 2019 DAN 2020
		2019	2020	
1	<b>Cheras</b>	2,410 (0)	1,997 (3)	-17.1%
2	<b>Kepong</b>	4,100 (2)	1,780 (0)	-56.6%
3	<b>Lembah Pantai</b>	3,244 (3)	2,624 (2)	-19.1%
4	<b>Titiwangsa</b>	4,602 (3)	3,577 (2)	-22.3%
5	<b>Putrajaya</b>	1,068 (2)	653 (0)	-38.8%
<b>JKWPKL&amp;P</b>		<b>15,424 (10)</b>	<b>10,631 (7)</b>	<b>-31.1%</b>

Nota: ( ) Bilangan Kematian

Sumber: Sistem edengueV2.

Sebanyak 1,558 wabak denggi dilaporkan di WPKL&P sepanjang tahun 2020, penurunan 852 wabak (35.4%) berbanding dengan tahun sebelumnya iaitu 2,410 wabak. (Jadual 3.12).

Jadual 3.12: Taburan Wabak Denggi Mengikut Pejabat Kesihatan di WPKL&P, 2020

Bil.	Pejabat Kesihatan	Wabak		Kumulatif Wabak
		Wabak Terkawal	Wabak Tidak Terkawal	
1	Cheras	249	57 (41)	306 (41)
2	Kepong	248	22 (16)	270 (16)
3	Lembah Pantai	311	56 (40)	367 (40)
4	Titiwangsa	474	45 (35)	519 (35)
5	Putrajaya	87	23 (20)	110 (20)
<b>JUMLAH</b>		<b>1,346</b>	<b>203 (152)</b>	<b>1,558 (152)</b>


Nota: ( ) Bilangan lokaliti hotspot.

Sumber: Sistem edengueV2

### Analisis Virologi

Untuk tahun 2020, sebanyak 195 sampel yang diuji di Makmal Kesihatan Awam Kebangsaan (MKAK) dan Institut Penyelidikan Perubatan (IMR). Terdapat 115 sampel yang mempunyai keputusan serotaip positif. Serotaip yang

paling dominan adalah DEN 3 dengan 41 sample (36%) diikuti dengan DEN 2; 31 sampel (27%), DEN 1; 30 sampel (26%) dan DEN 4; 13 sampel (11%) (Rajah 3.17)




Rajah 3.17: Tren Serotaip Denggi di WPKL&P, 2013-2020

### 3.4.2 Malaria

Pada tahun 2020, terdapat penurunan sebanyak 6 kes (54.5 %) berbanding tahun 2019 iaitu sebanyak 7 kes (61%). Kesemua kes merupakan kes jangkitan import Human Malaria. Bilangan kes tertinggi dilaporkan adalah PK Lembah Pantai (2 kes), diikuti PK Cheras (1 kes), PK Kepong (1 kes) dan PK Titiwangsa (1 kes). Tiada kematian malaria dilaporkan di WPKL&P untuk tahun 2020 ([Rajah 3.18](#)).

Kesemua kes merupakan kes import dan melibatkan warga asing iaitu warganegara Sudan (2 kes), Bangladesh (1kes), India (1kes) dan Myammar (1 kes). Pecahan mengikut species menunjukkan jangkitan Plasmodium Falciparum adalah spesies/ parasit tertinggi iaitu sebanyak 3 kes dan diikuti oleh Plasmodium Vivax 2 kes. Tiada kematian malaria dilaporkan setakat ini.




Sumber: Vekpro JKWPCLP

Rajah 3.18: Kes Malaria di WPKL&P, 2010-2020

### 3.4.3 Chikungunya

Terdapat peningkatan sebanyak 5 kes (83.3 %) berbanding tahun 2019 iaitu sebanyak 1 kes. Bilangan kes tertinggi adalah di PK Kepong (3 kes) diikuti oleh PK Cheras (2 kes) dan PK Lembah Pantai (1 kes).

Desa Tasik Awam Blok Rendah, Cheras telah diklasifikasikan sebagai kawasan wabak bermula pada 24hb November 2020 dengan tempoh wabak selama 14 hari. Tiada kematian kes chikungunya dilaporkan di WPKL&P untuk tahun 2020.



Rajah 3.19: Kes Chikungunya Di WPKL&P, 2015 – 2020

### 3.4.4 Filariasis Limfatik / Program Kawalan Tifus / Japanese Encephalitis(JE) / Zika

Tiada kes dilaporkan di WPKL&P pada tahun 2020.


### 3.4.5 Kawalan Vektor Denggi

Pada tahun 2020, pencapaian bilangan premis diperiksa menurun 51% berbanding tahun 2019. Ini berikutnya penurunan kes sebanyak 4793 (31.1%) kes. Penurunan ini turut disumbangkan oleh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) yang menyebabkan aktiviti PTP dan SRT dalam premis tidak dapat dilaksanakan sepenuhnya. Sejumlah 1,168,320


premis disembur kabus, menurun 42% berbanding 2,806,025 premis telah disembur pada tahun 2019. Selain itu, sejumlah 584,160 premis telah dibubuh Abate, menurun 64% berbanding 906,217 premis telah dibubuh Abate pada tahun 2019.

Rajah 3.13: Pencapaian Aktiviti Kawalan Cawangan Penyakit Bawaan Vektor, JKWPKL&P, 2019 dan 2020



Aktiviti Kawalan Denggi	2019		2020	
	Bilangan kes 15,424	Bilangan kes 10,631	Bilangan kes 292,080	Bilangan kes 1,168,320
Bil. Premis Diperiksa (PTP)	570,783	292,080		
Bil. Premis Disembur Kabus (SRT)	2,806,025	1,168,320		
Bil. Premis Dilarvasiding	906,217	584,160		




Rajah 3.20: Pencapaian Aktiviti PTP Bagi Kes Wabak Berdasarkan Pejabat Kesihatan




Rajah 3.21: Pencapaian Aktiviti PTP Bagi Satu Kes Berdasarkan Pejabat Kesihatan



Rajah 3.23: Pencapaian Aktiviti SRT Bagi Satu Kes Berdasarkan Pejabat Kesihatan



Rajah 3.24: Pencapaian Aktiviti ULV Bagi Kes Wabak Berdasarkan Pejabat Kesihatan



Sumber: Sistem edengueV2, \*Reten Penguatkuasaan APSPP 1975

Rajah 3.26: Jenis Premis Dengan Pembiakan Aedes di WPKL&P, 2020

## CAWANGAN ENTOMOLOGI DAN PEST

### 3.5.1 Aktiviti Entomologi dan Pest

Jadual 3.14: Bilangan Aktiviti Entomologi Dan Pest Meliputi Entomology Investigation (EI), Entomology Risk Assessment (ERA), Kajian Entomologi Dan Aduan, JKWPPL&P, 2020

Daerah	EI				Jum EI	Jum ERA	Jum EI & ERA	Kajian Entomologi			
	Mati	Hotspot	Wabak (WTK & WT)	Aduan				Ovitrap	VDIM	Bio-assay	IR
Titiwangsa	2	41	33	3	79	34	113	12	3	0	0
Cheras	3	55	2	2	62	22	84	14	10	0	0
Lembah Pantai	2	46	11	5	64	24	88	14	5	0	0
Kepong	0	20	22	3	45	11	56	11	6	0	0
Putrajaya	0	22	18	0	40	21	61	11	2	0	0
WPKL&P	7	184	86	13	290	112	402	62	26	0	0

### Operasi Pelepasan Telur Nyamuk Aedes Aegypti Berwolbachia

Penilaian kejayaan operasi pelepasan diukur berdasarkan kepada peratus penetasan telur (>90%), peratus kejayaan menjadi Aedes dewasa (>80%) dan peratus frekuensi

Nyamuk berWolbachia (>80%) dua kali secara berturutan. Kejayaan operasi juga turut diukur berdasarkan kepada kejadian kes denggi dilaporkan di lokaliti di mana ianya adalah matlamat operasi ini dijalankan. Ringkasan kepada penilaian operasi ini dapat dilihat pada Jadual 3.15.

Jadual 3.15: Keputusan dalam peratus Ovitrap Baseline (OB), Ovitrap Monitoring (OM) dan Frekuensi Wolbachia bagi OM1

hingga OM 11 di lokaliti pelepasan Aedes aegypti berWolbachia

Lokaliti	OB (%) O.I, O.I aeg, O.I albo	Frekuensi Wolbachia (%) [Ovitrap Index (O.I)]; [O.I Ae. aegypti]; [O.I Ae. Albo Index]										
		OM 1	OM 2	OM 3	OM 4	OM 5	OM 6	OM7	OM8	OM9	OM10	OM11
Pangsapuri Sri Penara	19.86 <b>19.86%</b> 0%	34.02 <b>(35.4%)</b>	21.74 <b>(45%)</b>	67.76 <b>(61%)</b>	69.35 <b>(84%)</b>	91.36 <b>(63%)</b>	94.42 <b>(72%)</b>	98.12 <b>(62.6%)</b>	77.42 <b>(15%)</b>	92.31 <b>(23.5%)</b>	85.9 <b>(26.26%)</b>	81.25 <b>(20.65%)</b>
PPR Desa Tun Razak	35.66 <b>34.27%</b> <b>1.40%</b>	48.04 <b>(42.90%)</b>	24.03 <b>(49.50%)</b>	31.86 <b>(75.3%)</b>	71.43 <b>(56.6%)</b>	25.63 <b>(53.6%)</b>	50.42 <b>(66.7%)</b>	49.26 <b>(58.76%)</b>	83.87 <b>(57.89%)</b>	97.08 <b>(65.98%)</b>	93.84 <b>(80.61%)</b>	91.53 <b>(46.94%)</b>
Apartmen Sri Rakyat	26.06 <b>22.54%</b> <b>3.52%</b>	23.36 <b>(46.94%)</b>	42.31 <b>(76.29%)</b>	58.56 <b>(88.2%)</b>	67.89 <b>(80.65%)</b>	60.98 <b>(31.9%)</b>	74.91 <b>(75%)</b>	100 <b>(39%)</b>	98.84 <b>(93%)</b>	98.02 <b>(93%)</b>	97.94 <b>(75.71%)</b>	
RKAT Desa Setia Wira	48.97 <b>46.25%</b> <b>2.72%</b>	95.09 <b>(45.65%)</b>	94.78 <b>(55.55%)</b>	90.83 <b>(57%)</b>	100 <b>(26.26%)</b>	85.37 <b>(31.31%)</b>						
Presint 14 Sub 7	46.00 <b>43.33%</b> <b>2.67%</b>	86.89 <b>(51%)</b>	94.02 <b>(63%)</b>	98.48 <b>(67%)</b>	91.38 <b>(21%)</b>	94.78 <b>(33.6%)</b>	86.67 <b>(8.51%)</b>	73.17 <b>(25%)</b>				
Presint 14 Sub 12	35.35 <b>32.32%</b> <b>3.03%</b>	76.61 <b>(66%)</b>	84.85 <b>(52%)</b>	97.96 <b>(50%)</b>	100 <b>(50%)</b>	98.18 <b>(38.8%)</b>	100 <b>(21.3%)</b>	23.81 <b>(26%)</b>	100% <b>(45.8%)</b>			

Terdapat penurunan kejadian denggi bagi tahun 2020 berbanding 2019 di semua lokaliti Fasa 1 dan Fasa 2 di antara 31% hingga 99% seperti Jadual 3.16.

Jadual 3.16: Bilangan Kes Sebelum Dan Selepas Perlaksanaan Pelepasan Aedes Aegypti Berwolbachia Bagi Lokaliti Fasa 1 Da Fasa 2

BIL	LOKALITI PERLAKSANAAN FASA 1	2014	2015	2016	2017	2018	2019 (A)	2020 (B)	Beza (%) (B-A)	
									2020	Beza (%) (B-A)
1	Pangsapuri Sri Penara	10	9	38	124	53	142	21	- 121 (85%)	
2	Ppr Desa Tun Razak	13	8	18	45	48	49	15	- 34 (69%)	
3	Appt Sri Rakyat	13	19	19	24	40	20	6	- 14 (70%)	
BIL	LOKALITI PERLAKSANAAN FASA 2	2014	2015	2016	2017	2018	2019	2020	Beza (%)	
1	Desa Setiawira (Blok A - J)	18	19	33	32	44	74	51	- 23 (31%)	
2	Presint 14 Parcel Sub-7	13	8	27	16	7	72	1	- 71 (99%)	
3	Presint 14 – Parcel Sub-12	5	4	12	3	4	16	1	- 15 (94%)	

### 3.5.2 Aktiviti Kajian Nyamuk

Aktiviti kajian nyamuk dijalankan dengan menggunakan kaedah *Bare Leg Catch* (BLC). Objektif aktiviti adalah untuk mengetahui taburan nyamuk sebagai vektor bagi penyakit

denggi, malaria dan filariasis. Di samping itu, aktiviti *larva source management* (LSM) bagi mengurangkan risiko kehadiran vektor turut dijalankan. Sebanyak tiga (3) aktiviti telah dijalankan sepanjang tahun 2020 dengan penemuan spesies nyamuk seperti dalam [Jadual 3.17](#).

**Jadual 3.17: Aktiviti Bare Leg Catch (BLC) dan Larva Souce Management (LSM) Tahun 2020**


Daerah	Lokaliti	Aktiviti	Bulan	Tarikh	Spesies
<b>Putrajaya</b>	Taman Wetland Putrajaya & Taman Rekreasi Air	BLC	Februari 2020	10-13 feb 2020	<i>Anopheles maculatus</i>
					<i>Anopheles barbirostris</i>
					<i>Culex quinquefasciatus</i>
					<i>Culex gelidus</i>
					<i>Aedes albopictus</i>
					<i>Mansoniabonnea</i>
					<i>Mansonia uniformis</i>
					<i>Anopheles umbrosus</i>
<b>Cheras</b>	Sycles Hostel	LSM	Ogos 2020	6 Ogos 2020	<i>Aedomyia sp</i>
					<i>Culex quinquefasciatus</i>
					<i>Culex sp</i>
					<i>Aedes albopictus</i>
					<i>Armigerae subalbatus</i>
					<i>Anopheles maculatus</i>
		BLC	Jun 2020	15-17 Jun 2020	<i>Anopheles nitidus</i>
					<i>Culex fuscocephala</i>
					<i>Culex tritaeniorhynchus</i>
					<i>Culex quinquefasciatus</i>
					<i>Culex gelidus</i>
					<i>Culex gelidus</i>
<b>Kepong</b>	Kg. Sungai Penchala	BLC	Oktober 2020	12-14 Oktober 2020	<i>Culex quinquefasciatus</i>
					<i>Culex fuscocephala</i>
					<i>Anopheles barbirostris</i>
					<i>Anopheles umbrosus</i>
					<i>Mansonia uniformis</i>
					<i>Aedes albopictus</i>
		LSM	Oktober 2020	13 Oktober 2020	<i>Armigerae subalbatus</i>
					<i>Culex gelidus</i>
					<i>Culex quinquefasciatus</i>
					<i>Culex fuscocephala</i>
					<i>Anopheles barbirostris</i>
					<i>Mansonia uniformis</i>

## CAWANGAN SURVELAN


### 3.6.1 Wabak Penyakit Berjangkit

Jadual 3.18: Perbandingan Kumulatif Wabak Penyakit Berjangkit (Selain Denggi), WPKL&P, 2019-2020

PENYAKIT	KUMULATIF WABAK 2019	KUMULATIF WABAK 2020
HFMD	180	75
KERACUNAN MAKANAN	34	21
ILI/ INFLUENZA/ URTI	28	37
CHICKEN POX	22	4
MUMPS	16	5
MEASLES	3	1
PERTUSIS	2	0
NEONATAL TETANUS	2	0
CONJUNCTIVITIS	1	0
ROTAVIRUS	1	0
LEPTOSPIROSIS	1	0
MENINGOCOCCAL	1	0
AGE	1	1
HEPATITIS A	1	0
SCABIES	0	1
<b>JUMLAH</b>	<b>293</b>	<b>145</b>




Rajah 3.27: Kejadian Wabak Penyakit Berjangkit (Selain Denggi) Mengikut Pejabat Kesihatan, WPKL&P, 2012-2020



Rajah 3.28: Kejadian Wabak Penyakit Berjangkit (Selain Denggi) di WPKL&P, 2012-2020


#### Influenza-like Illness(ILI) dan Severe Acute Respiratory Infection (SARI)



Rajah 3.29: Kadar Konsultasi ILI, WPKL&P, 2012-2020


Kadar konsultasi ILI di klinik-klinik kesihatan di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Putrajaya pada tahun 2020 adalah antara 0.002 hingga 0.719. Tren pada tahun 2020 dilihat lebih rendah berbanding tahun sebelumnya [Rajah 3.29](#). Walau bagaimanapun, pada tahun 2020, Kuala Lumpur dan Putrajaya telah melaporkan 37 wabak berkaitan ILI iaitu peningkatan sebanyak 32.1% berbanding tahun 2019 dimana hanya 28 wabak ILI telah dilaporkan. ([Rajah 3.30](#))

Rajah 3.30: Taburan Wabak ILI Mengikut Kategori Tempat Kejadian di WPKL&P





#### Gastroenteritis Akut (AGE)

Keseluruhannya, tren bilangan kes AGE adalah dilihat jauh menurun dan mencatatkan jumlah kumulatif kes paling rendah dilaporkan sejak tahun 2012. ([Rajah 3.31](#)). Pada tahun 2020, jumlah kumulatif kes AGE yang dilaporkan adalah sebanyak 7,142 kes berbanding tahun 2019 dengan jumlah 15,884 kes iaitu penurunan sebanyak 55%. Selain itu, kejadian wabak keracunan makanan didapati menurun hampir 32.4% daripada 34 kejadian wabak pada 2019 kepada 23 kejadian wabak pada tahun 2020 dimana 56.5% kejadian wabak keracunan makanan pada tahun 2020 adalah melibatkan premis rumah persendirian. ([Rajah 3.32](#))



Rajah 3.31: Bilangan Kes Gastroenteritis Akut (AGE) yang dilaporkan di WPKL&P, 2012-2020






Rajah 3.34: Jumlah Klinik yang Gagal Menotifikasi Penyakit Hepatitis B, Sifilis, Dan Malaria


### Import dan Eksport Mayat, Tisu Manusia dan Organisma

Pada tahun 2020, 1042 permit import dan eksport mayat telah dikeluarkan daripada WP Kuala Lumpur dan Putrajaya dengan penurunan sebanyak 42.46% berbanding 1,811 permit pada tahun 2019. Rajah 3.35 menunjukkan tren jumlah mayat yang diimport dan dieksport di Kuala Lumpur dan Putrajaya.

Pada tahun 2020, sebanyak 308 permit import dan eksport tisu, organisme dan bahan patogenik telah dikeluarkan (Rajah 3.36).




Rajah 3.35: Jumlah Mayat yang Diimport dan Dieksport, WPKL&P, 2019 – 2020




Rajah 3.36: Jumlah Tisu, Organisma dan Bahan Patogenik yang Diimport dan Dieksport, WPKL&P, 2020

## CAWANGAN KAWALAN PENYAKIT TIDAK BERJANGKIT (NCD)

### 3.7.1 Kawalan dan Pencegahan Diabetes



Rajah 3.37: Perbandingan Pencapaian KPI Diabetes ( $HbA1c \leq 6.5\%$ ) Mengikut PK, JKWPKL&P, 2018-2020




Rajah 3.38: Pembandingan Pencapaian Tekanan Darah  $\leq 135/75$  mmHg Mengikut PK JKWPKL&P, 2018 – 2020


### 3.7.2 Kawalan dan Pencegahan Kesihatan Mental

Sepanjang tahun 2020, seramai 6,288 (30 saringan/KK/Bulan = 6,120) pelanggan telah menjalani saringan kesihatan mental. Jumlah kumulatif kes kesihatan


mental sehingga tahun Disember 2020 adalah seramai 1001 kes dan kes baru pada tahun 2020 seramai 609 kes. Manakala, kes cicir kesihatan mental dari Jan-Dis 2020 bagi JKWPKL&P adalah 3.10% (KPI PKN iaitu Liputan Rawatan Kesihatan Mental, dimana Kes Cicir Kesihatan Mental < 10%).




Rajah 3.39: Peratus Kes Cicir Kesihatan Mental (%) Jan- Dis 2020 di JKWPPL



Rajah 3.40: Peratus Masalah Kesihatan Mental Kategori Teruk dan Sangat Teruk dengan menggunakan saringan DASS Jan-Jun 2020



Rajah 3.41: Peratus Masalah Kesihatan Mental PHQ-9 Dengan Skor >10 (Kemurungan) dan GAD-7 dengan Skor > 10 (Anzieti) Julai-Disember 2020




Rajah 3.42: Bilangan Kes Baru Kesihatan Mental 2020 mengikut Klinik Kesihatan di JKWPPL


### 3.7.3 Kawalan dan Pencegahan Alkohol

Sepanjang tahun 2020, seramai 641 klien telah menjalani saringan audit 10 (sasaran tahunan: 1080). Daripada jumlah tersebut hanya 11 klien yang lengkap menjalani

saringan audit 10 kedua. Terdapat penurunan saringan alkohol pada tahun 2020 jika dibandingkan dengan tahun 2



Rajah 3.43: Bilangan Saringan Alkohol Peringkat JKWP KLP (2014-2020)



Rajah 3.44: Bilangan Saringan Alkohol yang Mempunyai Skor mengikut Klinik Kesihatan JKWP KLP, 2020

### Komuniti Sihat Pembina Negara (KOSPEN)


Terdapat 42 lokaliti KOSPEN di Kuala Lumpur dan Putrajaya.

#### A. Saringan Kesihatan

Aktiviti saringan kesihatan, saringan kesihatan mental dan saringan alkohol tidak dijalankan dengan aktif oleh sukarelawan KOSPEN disebabkan oleh perintah kawalan

pergerakan. Tiga (3) sesi motivasi dan kaunseling dijalankan secara maya menerusi "Facebook Live" KOSPEN KL Putrajaya untuk kesihatan mental.

Sehingga akhir tahun 2020, seramai 14606 orang telah disaring oleh sukarelawan KOSPEN yang terlatih. Empat (4) aspek utama saringan faktor NCD dinilai adalah seperti di dalam graf di bawah. Rujukan dibuat ke klinik kesihatan terdekat bagi intervensi sewajarnya.



Rajah 3.45: Pencapaian Saringan KOSPEN Bagi Faktor Risiko NCD, JKWP KLP&P, sehingga Dis 2020 (n=14,606)

#### B. Rumah Bebas Asap Rokok (RBAR)

Sebanyak 176 buah rumah telah bersetuju dijadikan RBAR. Lawatan pemantauan telah dijalankan pada bulan Julai 2020 ke dua (2) lokaliti terpilih untuk memantau kawasan bebas asap rokok PPKHT (2004) dan melawat RBAR.

#### C. Pematuhan pemasangan papan tanda larangan merokok di lokaliti KOSPEN

Pada tahun 2020, sebanyak 42 (100%) bilangan lokaliti KOSPEN yang lengkap memasang semua tanda larangan merokok di semua premis PPKHT.

#### D. Program Pengurusan Berat Badan


Untuk pertama kalinya Program PBB dijalankan secara maya menerusi aplikasi *Telegram* melibatkan 150 orang peserta dari lokaliti KOSPEN. Program Virtual PBB 2020 adalah kerjasama di antara Cawangan NCD, Cawangan Pemakanan dan Cawangan Pendidikan Kesihatan di peringkat Jabatan Kesihatan WPKL dan Putrajaya dan Pejabat Kesihatan. Majlis penutup juga dijalankan secara virtual.

Jadual 3.19: Pencapaian Program Pengurusan Berat Badan KOSPEN 2020

Peserta kekal menjalani PBB selama 6 bulan	Peserta berjaya menurunkan berat badan dari berat badan asal	Peratus peserta dengan penurunan berat badan sebanyak ≥5-10%
84% (126/150)	58.7% (74/126)	15.9% (20/126)

### 3.7.4 Kawalan dan Pencegahan Kanser

#### A. Program Saringan Kanser Kolorektal





Rajah 3.46: Jumlah Saringan Dan Pecahan Penemuan Kolonoskopi Kes Positif Ifobt yang Dirujuk, 2020

#### B. Registri Kanser Kebangsaan

JKWPKL&P menerima, menyemak serta memasukkan data notifikasi kanser ke dalam sistem Can Reg 5 dan SMRP PRIS. Latihan untuk menggunakan sistem SMRP PRIS dijalankan kepada *Data Source Provider* untuk pertukaran kepada sistem SMRP PRIS secara

berperingkat. Jumlah kes terkumpul di dalam Sistem Can Reg 5 untuk kes kanser yang didiagnosa pada tahun 2017-2020 adalah sebanyak 3956 dan 69 daripadanya adalah kes yang didiagnosa pada tahun 2020. Bagi sistem SMRP PRIS pula, jumlah notifikasi yang diterima bagi kes 2017-2020 adalah sebanyak 3841 dan 706 daripadanya adalah kes yang didiagnosa pada tahun 2020.


Rajah 3.47: Bilangan 10 Kes Kanser Tertinggi Di WPKL & Putrajaya, 2020 di dalam Sistem SMRP PRIS (sehingga 15 Januari 2021)



### C. Data Verifikasi Kematian Yang Tidak Disahkan


Pada tahun 2020, jumlah kes kematian yang tidak disahkan adalah sebanyak 2364 kes (kes kematian 2019).

Rajah 3.48: Pencapaian Data Verifikasi Kematian Yang Disahkan Mengikut ICD 10 Di Kuala Lumpur Dan Putrajaya



Jumlah penyebab kematian (cause of death) yang berjaya didapati adalah sebanyak 678 kes (29%). Berikut adalah data verifikasi kematian seperti Rajah 3.48 dan Rajah 3.49.

Rajah 3.49: Data Verifikasi Kematian Yang Tidak Disahkan Dalam Proses Verifikasi Data Di Kuala Lumpur Dan Putrajaya



### 3.7.5 Kawalan dan Pencegahan Tembakau

#### A. Kadar Berjaya Berhenti Rokok 2020

Rajah 3.20: Peratus Kadar Berhenti Merokok 2016-2020 di Klinik Kesihatan, Hospital Kerajaan dan Fasiliti Swasta

INDIKATOR	2020	2018	2017	2016
Kadar Berjaya Berhenti Merokok Di Klinik Kesihatan	217/342 (63.5%)	341/494 (69%)	245/512 (47.8%)	116/293 (40%)
Kadar Berjaya Berhenti Merokok di Hospital	18/29 (62.1%)	26/35 (74.2%)	22/65 (33.85%)	33/35 (94.2%)
Kadar Berjaya Berhenti Merokok Di Fasiliti Swasta	9/19 (47.4%)	42/135 (30.9%)	26/79 (32.91%)	Baru mula
Kadar Berjaya Berhenti Merokok di KL dan Putrajaya	244/390 (62.6%)	409/664 (61.59%)	293/656 (44.66%)	149/328 (45.4%)

#### B. Pertandingan Video Pendek Kempen ‘Speak Out: Express Your Right’


Pada tahun 2020, Cawangan Kawalan Penyakit Tidak Berjangkit telah menganjurkan pertandingan Video

Pendek Kempen ‘Speak Out: Express Your Right’ peringkat sekolah menengah dalam Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Putrajaya. Pertandingan yang berakhir pada Disember 2020 telah disertai seramai 30 pelajar sekolah menengah dalam Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur & Putrajaya

## UNIT KESIHATAN PEKERJAAN DAN ALAM SEKITAR (KPAS)

### 3.8.1 Kesihatan Pekerjaan


#### Imunisasi Hepatitis B Untuk Anggota



Kumpulan 1: Anggota yang tidak pernah menerima atau menerima imunisasi Hepatitis B tetapi tidak lengkap

Kumpulan 2: Anggota yang telah menerima imunisasi Hep B lengkap tetapi perlu menjalani saringan HBsAg

Rajah 3.50: Pencapaian Keseluruhan Imunisasi Hepatitis B JKWPKL 2020



#### Saringan Tibi di Kalangan Anggota Kesihatan Berisiko


Bagi tahun 2020, seramai 39 orang (4.37%) anggota berisiko didapati positif ujian *mantoux* ( $>15\text{mm}$ ) dan tiada

penyakit tibi dikesan daripada saringan berkenaan. Namun, terdapat 9 anggota yang telah disahkan menghidap TB melalui penerimaan 9 notifikasi penyakit pekerjaan (Borang WEHU L1/L2 dan D1/D2)



Rajah 3.51: Saringan Tibi Di kalangan Anggota Berisiko, JKWPKL 2020

### 3.8.2 Survelan Perubatan Anggota Vektor



Rajah 3.52: Liputan Survelan Perubatan Anggota Vektor, JKWPKL 2020

Jadual 3.21: Liputan Survelan Perubatan Anggota Vektor Mengikut Pejabat Kesihatan, 2020

Pejabat Kesihatan	Jumlah Anggota	Jumlah Survelan Perubatan	Bil. Anggota Yang Menjalani Ujian Serum Cholinesterase	Keputusan Cholinesterase		Keputusan Audiometri		Keputusan Ujian Spirometri	
				NORMA L	ABNORM AL	NORMA L	ABNORM AL	NORMA L	ABNORM AL
Titiwangsa	39	24	31	31	0	21	3	21	3
L. Pantai	30	10	10	10	0	21	5	20	6
Kepong	35	22	23	22	1	35	0	26	0
Cheras	30	22	22	22	1	28	1	11	1
Tarikh : 17 April 2020 <b>Segmen Selamat Pagi Malaysia oleh RTM</b> Membicarakan tentang Keselamatan Makanan Semasa CIVOD-19 berkenaan dengan pelbagai isu langkah-langkah pencegahan keselamatan makanan semasa di rumah.	Tarikh : 1 Julai 2020 <b>Siaran Nadi Kota oleh Radio KLfm</b> Perbincangan dan pendapat mengenai Keracunan Makanan Boleh Membawa Maut serta kaedah keselamatan makanan yang boleh diamalkan semasa Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) yang dilaksanakan.
--	---

#### 4.4.7 Pertandingan Video Pendek Sempena Hari Keselamatan Makanan Sedunia

Pertandingan video pendek ini dianjurkan terbuka kepada semua warganegara Malaysia kecuali kakitangan Bahagian Keselamatan dan Kualiti Makanan, Jabatan Kesihatan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Putrajaya.

Hadiyah yang ditawarkan merupakan hadiah istimewa yang telah ditandatangani oleh ‘hero negara’ kita YBhg. Tan Sri Dato’ Seri Dr Noor Hisham bin Abdullah (Ketua Pengarah Kesihatan Malaysia).



Peserta dan pemenang Pertandingan Video Pendek Sempena Hari Keselamatan Makanan Sedunia

- i. Kategori 1 : Berusia 4 hingga 6 tahun  
Tajuk : Pemilihan Bahan Mentah

**Pemenang : Saguhati - Nor Azura binti Ahmad**



- ii. Kategori 2 : Berusia 7 hingga 12 tahun  
Tajuk : Teknik Penyediaan dan Pengendalian Makanan

**Pemenang : Pertama - Zamzaireen binti Zainal Abidin**



**Pemenang : Kedua - Azuliyana binti Alias**



**Pemenang : Saguhati - Norazlina binti Mohd Nor**



**Pemenang : Pertama - Umi Kalsom binti Md Ariffin**



**Pemenang : Kedua – Siti Nursabrina binti Mohd Sapari**




**Pemenang : Ketiga - Nurhidayah binti Mohamad**



Rajah 4.17: Antara pemenang Pertandingan Video Pendek yang telah menerima hadiah

Interaksi bersama penonton yang telah memberi komen, *like* dan *share* semasa *Fb Live* Pertandingan Video Pendek Sempena Hari Keselamatan Makanan Sedunia juga telah diberikan penghargaan di atas sokongan mereka kepada

aktiviti yang dianjurkan oleh pihak BKKM, JKWP&P semasa berlangsungnya Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) sepanjang tahun 2020.



Rajah 4.18: Antara penonton bertuah komen, *like* dan *share* semasa *Fb Live* Pertandingan Video Pendek Sempena Hari Keselamatan Makanan Sedunia yang menerima sijil, surat penghargaan dan bahan promosi pendidikan keselamatan makanan.

#### 4.4.8 Aktiviti Promosi Keselamatan Makanan Di Lapangan Ketika COVID-19

Selaras dengan hasrat serta usaha Kerajaan Malaysia dalam mengekang penularan wabak COVID- 19 di Malaysia, Kerajaan Malaysia telah memutuskan bahawa mulai 24 Julai 2020, semua individu yang baru pulang dari luar negara dan memasuki Malaysia, akan dikenakan perintah kuarantin wajib di Stesen Kuarantin yang telah ditetapkan oleh Kerajaan Malaysia, berdasarkan kepada peruntukan di bawah subseksyen 15(1) Akta Pencegahan dan Pengawalan Penyakit Berjangkit 1988 [Akta 342].

Selanjutnya daripada ketetapan di atas, Kerajaan Malaysia juga telah memutuskan bahawa semua individu yang baru pulang dari luar negara dan memasuki Malaysia melalui semua Pintu Masuk Antarabangsa (PMA) perlu menanggung sepenuhnya kos kuarantin di Stesen Kuarantin yang ditetapkan oleh Kerajaan.

Individu yang dikenakan perintah kuarantin dan memegang "Surat Perintah Pengawasan dan Pemerhatian Bagi Kontak Jangkitan Penyakit Corona Virus 2019 (COVID-19) di bawah Seksyen 15(1) Akta 342" dirujuk sebagai *Person Under Surveillance ("PUS")*.

Stesen Kuarantin merupakan tempat pengasingan dan pemerhatian kesihatan yang telah diwartakan di bawah Akta Pencegahan dan Pengawalan Penyakit Berjangkit 1988 [Akta 342], termasuk hotel-hotel atau mana-mana premis lain yang ditentukan oleh Kerajaan dan tempoh Kuarantin adalah empat belas (14) hari atau apa-apa jumlah hari penginapan PUS yang ditetapkan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia.

Sehubungan itu, para anggota dari Bahagian Keselamatan dan Kualiti Makanan, JKWP&P bersama Unit Keselamatan dan Kualiti Makanan dari setiap Pejabat Kesihatan di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur telah menjalankan aktiviti-aktiviti pemantauan keselamatan

makanan di lapangan bagi memastikan tiada kejadian tidak diingini berlaku akibat penyakit bawaan air dan makanan.

Antara aktiviti yang dijalankan adalah seperti berikut:

- i. Membuat pemantauan tahap kebersihan di semua Pusat Kuarantin, Bilik Gerakan, Dapur Katerer dan Fasiliti Kesihatan COVID-19 yang berada di Kuala Lumpur;
- ii. Membuat pemantauan pensampelan makanan di semua Pusat Kuarantin, Bilik Gerakan, Dapur Katerer dan Fasiliti Kesihatan COVID-19;
- iii. Membuat pemantauan dari segi penyediaan makanan atau bahan mentah Dapur Katerer dan persediaan, pengagihan serta penyimpanan makanan ketika di Pusat Kuarantin, Bilik Gerakan, dan Fasiliti Kesihatan COVID-19 sepanjang Perintah Kawalan Pergerakan dipatuhi.

Aktiviti pemantauan keselamatan makanan semasa PKP COVID-19 telah diadakan bermula pada Mac

2020 sehingga Disember 2020. Antara fasiliti dan lokasi pemantauan yang dijalankan melibatkan beberapa institusi yang menyelia dan menyelaras pengagihan makanan, bekalan makanan dan penyediaan makanan kepada individu yang dikenakan perintah kuarantin.

Antara fasiliti yang terlibat dalam pemantauan keselamatan makanan adalah seperti berikut:

BIL.	FASILITI	KUANTITI	NOTA
1	Pusat Kuarantin	28	Institut Pengajian, Fasiliti Kerajaan, Hotel
2	Bilik Gerakan	101	Jabatan, Pejabat Kesihatan, Pejabat Kerajaan, Pusat Kuarantin
3	Katerer	26	Pembekal Makanan
4	Masjid	6	Pembekal Makanan
5	Fasiliti Kesihatan	56	Hospital, Klinik



Pusat Kuarantin Hotel Crystal Crown



Pusat Kuarantin KL International Hotel



Pusat Kuarantin MACA (*Malaysian Anti Corruption Academy*)





Pusat Kuarantin Ibis Styles Kuala Lumpur  
Fraser Business Park



Pusat Kuarantin PKPD Flat Malayan  
Mansion dan Flat Selangor Mansion

Rajah 4.19: Pemantauan keselamatan dan kualiti makanan di pusat-pusat kuarantin di sekitar WP Kuala Lumpur dan Putrajaya

#### Pemantauan Keselamatan Makanan Di Bilik Gerakan



Bilik Gerakan Hotel Plaza Grand



Bilik Gerakan Hotel Ibis Styles Kuala Lumpur Fraser Business Park



Bilik Gerakan Tamu Hotel & Suites



Bilik Gerakan Pejabat Kesihatan Cheras

Rajah 4.20: Pemantauan keselamatan dan kualiti makanan di bilik-bilik gerakan COVID-19

#### Pemantauan Keselamatan Makanan Di Dapur Katerer



Pembekal Syarikat Ramadin Enterprise



Pembekal Syarikat RS Supply

Rajah 4.21: Pemantauan keselamatan dan kualiti makanan di dapur katerer pembekal kepada bilik-bilik gerakan COVID-19

#### Pemantauan Keselamatan Makanan Di Masjid




Masjid Ar Rahimah Kampung Pandan Kuala Lumpur



Gambar 4.22: Pemantauan keselamatan dan kualiti makanan di masjid yang membekalkan makanan kepada pusat kuarantin dan orang awam secara *packed food*.

## Pemantauan Keselamatan Makanan Di Fasiliti Kesihatan



Dapur Pusat Perubatan Universiti Malaya



Dapur Hospital Kuala Lumpur

Rajah 4.23: Pemantauan keselamatan dan kualiti makanan di fasiliti kesihatan

### 4.4.8 Program Latihan Pengendali Makanan (LPM)


Program latihan pengendali makanan bertujuan untuk memberi pendedahan dan kesedaran kepada semua pengendali makanan dalam aspek kebersihan dan keselamatan makanan, kebersihan diri dan premis makanan yang bersih dan seterusnya mengurangkan kejadian keracunan makanan di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Putrajaya. Sehingga 2020, terdapat **27** Sekolah Latihan Pengendali Makanan (SLPM) telah diiktiraf dan sebanyak **10,231** pengendali makanan telah

dilatih di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Putrajaya.

Jadual 4.12: Bilangan Pengendali Makanan Yang Dilatih Sekolah Latihan Pengendali Makanan 2018 – 2020

PERKARA	TAHUN		
	2018	2019	2020
Jumlah Pengendali Makanan yang telah dilatih	25,475	21,936	10,231

BILANGAN PENGENDALI MAKANAN YANG DILATIH OLEH SEKOLAH LATIHAN PENGENDALI MAKANAN 2018 HINGGA 2020



Rajah 4.25: Bilangan Pengendali Makanan yang dilatih oleh Sekolah Latihan Pengendali Makanan 2018 – 2020

# BAHAGIAN PERKHIDMATAN FARMASI

## PENGENALAN

Bahagian Perkhidmatan Farmasi, Jabatan Kesihatan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Putrajaya (BPF JKWPKL&P) bertanggungjawab ke atas pengurusan, perancangan dan pembangunan, sumber dan penyampaian perkhidmatan farmasi di JKWPKL&P dalam memastikan perkhidmatan dan ubat-ubatan adalah berkualiti dan mencukupi untuk keperluan semua fasiliti kesihatan Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) di W.P. Kuala Lumpur dan Putrajaya. BPF JKWPKL&P meliputi tiga aktiviti utama iaitu Pengurusan Farmasi, Amalan dan Perkembangan Farmasi, dan Penguakusaan Farmasi.

Objektif utama Bahagian Perkhidmatan Farmasi adalah seperti berikut:

1. Merancang dan menyelaras keperluan modal insan yang optima, termasuk latihan disamping membelanjakan peruntukan secara berhemah.
2. Mengoptimakan terapi ubat-ubatan dan pemberian penjagaan farmaseutikal yang mesra dan berhemah kepada pesakit melalui perkhidmatan yang terbaik dan profesional.
3. Memastikan pengilangan, pengimportan, penjualan, pembekalan, pengendalian dan penggunaan ubat-ubatan, sediaan-sediaan farmaseutikal dan produk-produk kesihatan adalah berkualiti, selamat dan berkesan mengikut Undang-Undang Farmasi yang dikuatkuasakan iaitu:
  - Akta Racun 1952 dan Peraturan-Peraturannya
  - Akta Jualan Dadah 1952
  - Akta Ubat (Iklan & Penjualan) 1956
  - Akta Pendaftaran Ahli Farmasi 1951 dan peraturannya
  - Akta Dadah Berbahaya 1952 dan Peraturan-Peraturannya
  - Peraturan-Peraturan Kawalan Dadah dan Kosmetik 1984



**PUAN ZAITON BT SHATO**

**Timbalan Pengarah Kesihatan Negeri  
Bahagian Perkhidmatan Farmasi**

## **VISI DAN MISI**

### **Visi**

Menerajui pengurusan berkualiti ke atas ubat-ubatan melalui tenaga kerja yang berdaya saing, sains dan teknologi bersesuaian dengan semua pihak yang berkepentingan.

### **Misi**

Memastikan ubat-ubatan berkualiti untuk negara.

## **Piagam Pelanggan**

- Pelanggan akan mula menerima perkhidmatan di farmasi dalam masa 30 minit selepas pendaftaran atau kad diimbas.
- Selepas menerima permohonan pembaharuan lesen dan pendaftaran klinik yang lengkap daripada pelanggan, Lesen Farmasi bagi racun jenis A, B, E dan permit Sodium Hydroxide akan dikeluarkan dalam tempoh 7 hari bekerja.

## PENCAPAIAN PETUNJUK PRESTASI UTAMA (KPI)

	Indikator	Sasaran Negeri	Pencapaian 2020
DPS1	Peratus perbelanjaan bagi peruntukan Pelan Operasi Latihan (POL) berbanding peruntukan yang diterima dalam setahun	≥ 95%	100%
DPS3	Peratus aduan dalam kategori BIASA yang diterima melalui sistem pengurusan aduan awam (SisPAA) yang diselesaikan dalam tempoh 15 hari bekerja	≥ 80%	66.67%
DPS5	<b>Peratus fasiliti farmasi KKM menjalankan penyelidikan farmasi atau inisiatif kualiti &amp; inovasi farmasi *</b>	≥ 95%	100%
DPS6	Peratus fasiliti bilik bersih di Kementerian Kesihatan Malaysia yang dijalankan audit kualifikasi susulan	≥ 50%	TB
AP1	<b>Peratus fasiliti KKM yang berjaya mencapai paras simpanan stok ubat yang optimum (1-3 bulan) *</b>	≥ 90%	98.81%
AP2	<b>Peratus preskripsi susulan yang didispens melalui Perkhidmatan Tambah Nilai (VAS) berbanding preskripsi susulan diterima *</b>	≥ 20%	38.30%
AP3	Bilangan kaunseling ubat-ubatan yang diberikan kepada pesakit oleh pegawai farmasi di fasiliti kesihatan	60,000	66,658
AP4	Peratus fasiliti kesihatan yang mencapai pematuhan penuh ≥ 80% bagi penilaian amalan keselamatan pengubatan	≥ 80%	100%
AP5	Bilangan pesakit yang dibuat rekonsiliasi ubat-ubatan semasa kemasukan ke wad	13,000	13,124
AP6	Peratus fasiliti farmasi yang diaudit oleh Audit Dalam Amalan Farmasi (ADAF) mendapat tahap pematuhan baik	≥ 70%	100%
AP7	Peratus fasiliti mencapai sasaran penggunaan semua modul PhIS & CPS yang ditetapkan	100%	89.47%
PK1	Peratus pengeluaran lesen / permit baharu yang dikeluarkan di bawah Akta Racun 1952 dalam tempoh 7 hari bekerja	90%	100%
PK2	<b>Peratus aduan awam mengenai penjualan / pengiklanan produk yang tidak mematuhi undang-undang yang berjaya diambil tindakan penguatkuasaan (serbuan / pemeriksaan) dalam tempoh 60 hari daripada tarikh penerimaan aduan *</b>	75%	73.33%
PK3	Peratus kes yang berjaya dalam perbicaraan mahkamah daripada jumlah kes yang didakwa ke mahkamah	100%	100%
PK4	Peratus kertas siasatan yang berjaya mendapat sanksi / kebenaran untuk mendakwa daripada jumlah kertas penyiasatan yang dikemukakan kepada Timbalan Pendakwa Raya	90%	98.95%
PK5	Peratus iklan ubat-ubatan di dalam media cetak yang mematuhi undang-undang yang dikuatkuasakan	90%	96.57%
PK6	Peratus Laporan Pemprofilan Lengkap yang diambil tindakan dalam tempoh 14 hari bekerja	90%	100%

\*KPI Pengarah Kesihatan Negeri

## CAWANGAN PENGURUSAN FARMASI


Cawangan Pengurusan Farmasi terbahagi kepada tiga (3) seksyen iaitu Seksyen Pengurusan Profesyen, Seksyen Infrastruktur dan Informatik dan Seksyen Kualiti dan Penyelidikan & Pembangunan.

Fungsi Cawangan Pengurusan Farmasi:

1. Merancang keperluan sumber manusia, penempatan dan pengisian anggota secara optima di semua fasiliti JKWPKL&P.
2. Merancang, menyelaras dan memantau latihan dan aktiviti CPD semua anggota farmasi BPF di hospital dan farmasi klinik kesihatan bagi meningkatkan kompetensi dalam melaksanakan tugas.
3. Merancang dan menyelaras aktiviti pengurusan farmasi termasuk aset dan kenderaan.
4. Merancang, mengurus dan memantau serta menganalisa perbelanjaan kewangan Farmasi JKWPKL&P.
5. Menyelaras dan memantau sistem inisiatif kualiti perkhidmatan farmasi seperti, KPI, QAP, KIK, EKSA, Inovasi, ISO dan kajian R&D jabatan supaya dapat dicapai mengikut piawaian yang ditetapkan.
6. Merancang dan memantau projek BP06 dan pembangunan infrastruktur farmasi di semua fasiliti BPF JKWPKL&P termasuk hospital dan klinik kesihatan.
7. Merancang dan menyelaras dan termasuk keperluan latihan ICT jabatan farmasi.
8. Memberi khidmat sokongan teknikal, keperluan prasarana, penyelenggaraan peralatan, rangkaian berkaitan ICT dan sistem PHIS
9. Penyebaran maklumat farmasi melalui laman web.
10. Menyelaras laporan tahunan, buletin dan laporan statistik jabatan farmasi.

### 5.1.1 Pengurusan Sumber Manusia

Berdasarkan data berakhir 31 Disember 2020, fasiliti-fasiliti farmasi di JKWPKL&P telah dianggotai oleh 308 Pegawai Farmasi, 124 Penolong Pegawai Farmasi dan 24 anggota sokongan lain meliputi 97% pengisian jawatan.



Rajah 5.1: Bilangan anggota di fasiliti-fasiliti farmasi JKWPKL&P

#### a) Latihan Siswazah Pegawai Farmasi (PRP)

Sepanjang tahun 2020, sebanyak 29 Pegawai Farmasi Provisional (PRP) telah ditempatkan di pelbagai fasiliti farmasi di JKWPKL&P bagi latihan siswazah. 58 orang PRP (kelompok 2019 dan 2020) telah tamat latihan siswazah pada tahun 2020.


#### b) Fasiliti Liberalisasi Latihan (FLL)

Ahli farmasi provisional (PRP) kini boleh menjalankan latihan pasca siswazah di farmasi komuniti yang merupakan salah satu Fasiliti Liberalisasi Latihan (FLL). Ini adalah bagi menampung kesesakan dan kesukaran tempat latihan di fasiliti farmasi KKM. Walaubagaimanapun, PRP perlu menjalani latihan sangkutan di fasiliti farmasi KKM selama empat (4) minggu. Berakhir tahun 2020, sebanyak 75 farmasi komuniti dari Selangor, WP Kuala Lumpur, WP Putrajaya dan Selangor telah menandatangai Memorandum Perjanjian bersama JKWPKL&P bagi menjalankan latihan sangkutan. Terdapat 16 fasiliti farmasi di JKWPKL&P bagi latihan sangkutan tersebut


Sebanyak 34 orang Ahli Farmasi Provisional (PRP) telah menjalankan latihan sangkutan di fasiliti farmasi JKWPKL&P sepanjang tahun 2020.

### 5.1.2 Pengurusan Kewangan

Sebanyak RM 451,871.00 telah diperuntukan kepada BPF JKWPKL&P pada tahun 2020. Pada akhir tahun 2020 RM 432,868.29 (95.79%) telah dibelanjakan termasuk tanggungan.



Rajah 5.2: Peruntukan dan perbelanjaan Bahagian Perkhidmatan Farmasi bagi tahun 2018, 2019 dan 2020



Rajah 5.3: Pecahan peruntukan dan perbelanjaan bagi cawangan-cawangan di Bahagian Perkhidmatan Farmasi bagi tahun 2020

#### a) Pembangunan Fasiliti dan Peralatan Perubatan

##### i. Projek 00600 (BP6)

Peruntukan Butiran Projek 00600 (BP6) yang diluluskan adalah untuk tujuan naiktaraf, ubahsuai dan pemberian yang tidak mengubah fungsi asal bangunan atau kemudahan dan meliputi bangunan-bangunan sedia ada sahaja. Cadangan projek hendaklah di siapkan dalam tahun semasa dan siling RM500,000.00 dijadikan sebagai panduan. Cadangan projek perlu dan kritikal yang mana batas peruntukan melebihi RM500,000.00, ianya boleh dilaksanakan namun memerlukan persetujuan satu jawatankuasa atau Ketua Setiausaha Kementerian Kesihatan (KSU) atau pegawai yang dilantik oleh KSU. Senarai projek yang telah diluluskan bagi tahun 2020 adalah seperti jadual:

Jadual 5.1: Senarai projek BP6 tahun 2020.

Bil.	Fasiliti	Projek	Harga (RM)
1	PK Cheras	Kerja-Kerja Menaiktaraf Stor Ubat di Unit Farmasi Logistik Pejabat Kesihatan Cheras	100,000
2	CPFKL	Kerja-Kerja Menaiktaraf Stor Ekshibit, Cawangan Penguatkuasaan Farmasi di Blok E	100,000
3	KK Salak Selatan	Kerja-Kerja Menaiktaraf Kaunter Farmasi Pesakit Luar di Unit Farmasi Klinik Kesihatan Salak Selatan	20,000

##### ii. Projek 01100 (BP11)

Peruntukan Butiran Projek 01100 (BP11) adalah peruntukan bagi pembelian aset-aset kerajaan yang dibahagikan kepada tiga (3) bahagian:

- I. Peralatan Perubatan
- II. Peralatan Bukan Perubatan
- III. Kenderaan


Bagi tahun 2020, hanya peruntukan BP11 (Peralatan Perubatan) sahaja yang mendapat kelulusan pembelian adalah seperti jadual:

Jadual 5.2: Senarai projek BP11 bagi tahun 2020.

Bil.	Fasiliti	Peralatan	Kuantiti	Harga (RM)
1	KK Salak Selatan	Queue Management System (QMS)	1	15,000
2	KK Muhibbah	Queue Management System (QMS)	1	19,500
3	KK Jinjang	Trigger Alarm System	2	10,000
4	KKPJ Presint 11	Queue Management System (QMS)	1	10,000
5	KKPJ Presint 14	Queue Management System (QMS)	1	10,000

6	PK Lembah Pantai	Trigger Alarm System	1	5,500
7	KK Setapak	Trigger Alarm System	1	5,000
8	KK Kg. Pandan	Trigger Alarm System	1	5,000
9	Hospiyal Putrajaya	Queue Management System (QMS)	1	19,500

### 5.1.3 Pengurusan Aduan



Rajah 5.1: Senarai aduan yang diterima dan diselesaikan dalam tempoh 14 hari bekerja bagi tahun 2017 - 2020.

Sebanyak 14 aduan telah diterima sepanjang tahun 2020. Daripada jumlah tersebut, 13 aduan diterima melalui SisPAA dan 1 aduan bukan SisPAA.

12 aduan (84%) berjaya diselesaikan dalam tempoh 14 hari bekerja manakala 2 aduan tidak dapat diselesaikan berikutan PKP (Pengesahan aduan tidak dapat dijalankan oleh Cawangan Penguatkuasaan Farmasi berikutan arahan semasa bagi mengelakkan penularan Covid-19).

#### a) Latihan Dalam Perkhidmatan (LDP)

Pada tahun 2020, sejumlah RM 21,959.00 peruntukan Latihan Dalam Perkhidmatan (LDP) telah dibelanjakan untuk menganjurkan 14 kursus dan melibatkan peserta seperti di Jadual bagi memastikan kompetensi anggota farmasi di JKWP&P di tahap yang optimum dan diterapkan dengan informasi terkini.

Jadual 5.3: Prestasi Perbelanjaan Latihan Dalam Perkhidmatan (LDP)

Peruntukan LDP 2020 (RM)	Bilangan Kursus yang Dianjurkan	Bil. Pegawai Hadir Kursus	Jumlah Keseluruhan	Perbelanjaan (RM)	Peratus Perbelanjaan
21,959.00	14	71	599	21,959.00	100%

#### b) Kajian Penyelidikan dan Pembangunan (R&D)

Status Kajian/Tahun	2017	2018	2019	2020	Jumlah
Penyediaan Proposal			1	6	7
Pengumpulan Data	1		3	12	16
Analisa data			1		1
Penulisan			2	1	3
Kajian selesai dan lengkap dengan laporan penuh	3	2	2		7
Jumlah Kajian Aktif pada Tahun 2020					34

Jadual 5.4: Status kajian yang telah dilaksanakan dari tahun 2017 hingga 2020.

19 kajian baru telah dimulakan pada tahun 2020, meliputi 6 kajian *multicenter*, 9 kajian dari Hospital Putrajaya, 2 dari Hospital Rehabilitasi Cheras, 1 kajian dari Cawangan Penguatkuasaan Farmasi, dan 2 kajian dari PKD Putrajaya. Sebanyak tujuh kajian telah berjaya diselesaikan pada tahun 2020.

#### c) Pencapaian Mata *Continuing Professional Development* (CPD)

Pada tahun 2020, sejumlah 307 Pegawai Farmasi dan 122 Penolong Pegawai Farmasi telah dipantau pemantauan bagi pencapaian mata CPD. Susulan wabak pandemic COVID-19 dan Perintah-perintah Kawalan Pergerakan yang dilaksanakan oleh Kerajaan bagi menundukkan penularan wabak ini, Mesyuarat Khas PKPF Bil. 2/2020

yang telah diadakan pada 24-25 Ogos 2020 telah memutuskan keperluan mata CPD minima untuk tahun 2020 adalah 20 mata. Peratus pencapaian 20 mata CPD bagi Pegawai Farmasi dan Penolong Pegawai Farmasi adalah 100%.

#### d) Audit Verifikasi *Continuing Professional Development* (CPD)

Audit Verifikasi *Continuous Professional Development* (CPD) bagi tahun 2020 telah dijalankan pada bulan Oktober 2020. Sebanyak 111 anggota farmasi dari 8 Pusat Tanggungjawab (PTJ) di JKWPKL&P telah diaudit dan penemuan secara keseluruhan adalah **memuaskan**.



Rajah 5.5: Sekitar lawatan penyeliaan TPKN(F) ke fasiliti-fasiliti di PK Kepong dan PK Cheras

#### e) Lawatan Penyeliaan Timbalan Pengarah Kesihatan Negeri (Farmasi)

Lawatan penyeliaan telah dijalankan bagi memastikan Perkhidmatan Farmasi adalah di tahap yang terbaik. Lawatan TPKN(F) merupakan agenda tahunan bagi tujuan meneliti kemudahan fasiliti farmasi, peralatan dan sumber manusia adalah di tahap optimum. Sebanyak 8 fasiliti telah dilawati oleh TPKN(F) sepanjang tahun 2020.

#### g) Projek Kualiti (Tahun 2020)

Jadual 5.5: Projek Quality Assurance (QA) di JKWPKL&P

Bil.	Tajuk	Fasiliti	Status Pelaksanaan
1.	Mengurangkan Bilangan Ubat-ubatan Lambat Bergerak ( <i>Slow Moving</i> ) di Jabatan Farmasi Hospital Rehabilitasi Cheras	Hospital Rehabilitasi Cheras	Selesai
2.	<i>Reducing E-Prescription Errors in Hospital Putrajaya</i>	Hospital Putrajaya	Analisis
3.	Mengoptimakan pembekalan ubat kepada pesakit di Hospital Putrajaya semasa Perintah Kawalan Pergerakan menggunakan <i>Enhanced Value Added Services</i> (EVAS)	Hospital Putrajaya	Analisis
4.	<i>Reducing Medication Administration Error Through Knowledge Empowerment of Nurses</i>	Hospital Rehabilitasi Cheras	Pengumpulan Data

#### h) Projek Kumpulan Inovatif dan Kreatif (KIK)

Jadual 5.6: Status projek Kumpulan Inovatif dan Kreatif (KIK) di JKWPKL&P

Bil.	Tajuk	Fasiliti	Status Pelaksanaan
1.	Menambahbaikan Prosedur Indent Bukan Ubat di Klinik Kesihatan	Pejabat Kesihatan Cheras	Selesai
2.	Mengoptimakan perkhidmatan pembekalan ubat discaj di Hospital Putrajaya melalui inovasi <i>Ezy2Home</i>	Hospital Putrajaya	Kertas Cadangan

## CAWANGAN AMALAN DAN PERKEMBANGAN FARMASI

Cawangan Amalan dan Perkembangan Farmasi (A&P) secara umumnya merancang, menyelia dan memantau Perkhidmatan Farmasi di semua fasiliti kesihatan di JKWPKL&P yang merangkumi 2 buah hospital dan 20 buah klinik kesihatan di bawah 5 buah Pejabat Kesihatan Daerah (PKD).


Fungsi Cawangan Amalan dan Perkembangan Farmasi:

1. Merancang, menyelaras serta memperkembangkan perkhidmatan farmasi berkaitan aspek klinikal dan teknikal, logistik farmaseutikal, perolehan serta agihan peruntukan ubat, bukan ubat, vaksin dan reagen.
2. Merancang dan menyelaras amalan dan perkhidmatan penjagaan farmaseutikal bagi memastikan farmakoterapi pesakit yang selamat, berkesan serta mencapai kesan terapeutik optimum di hospital dan klinik kesihatan.
3. Pemantauan kualiti perkhidmatan farmasi dengan menjalankan Audit Dalaman Amalan Farmasi (ADAF), memantau aktiviti Petunjuk Prestasi Utama (KPI), program *Quality Assurance* (QAP) dan Piagam Pelanggan serta menggalakkan penglibatan dalam program-program peningkatan kualiti lain yang dijalankan di peringkat negeri dan KKM.
4. Pemantauan isu-isu berkaitan komponen farmasi dalam aplikasi sistem *Information and Communications Technologies* (ICT) dan pelaksanaan *Pharmacy Information System/Clinic Pharmacy System* (PhIS/CPS) serta pembangunan infrastruktur di semua fasiliti farmasi di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur & Putrajaya.

5. Menyelaras aktiviti-aktiviti berkaitan penggunaan ubat yang berkualiti dan pendidikan tentang penggunaan ubat-ubatan secara rasional.
6. Memberi pendidikan kepada orang awam mengenai cara penggunaan ubat berkualiti supaya kefahaman dan pengetahuan mengenai ubat-ubatan ditingkatkan bagi menggalakkan kepatuhan dan mendapatkan hasil rawatan yang baik.
7. Menyedia akses dan maklumat ubat-ubatan yang tepat, tidak berat sebelah dan relevan untuk disebarluaskan kepada orang awam melalui sebaran risalah, laman web dan media masa.
8. Pemantauan latihan dan aktiviti berkaitan keselamatan pengubatan dan pelaporan kesan ubat yang tidak diingini (*adverse drug reaction*).
9. Menyelaras dan memantau aktiviti serta audit berkaitan Pengurusan Rangkaian Sejuk (*cold chain*) di fasiliti JKWPKL&P.
10. Menyelaras dan memantau pelaksanaan aktiviti Tambah Nilai Farmasi/Value Added Services (VAS) dan menjalankan aktiviti-aktiviti kualiti seperti Kumpulan Inovatif dan Kreatif (KIK) dan Quality Assurance (QA).
11. Penyeliaan secara berkala ke hospital dan klinik kesihatan untuk mengekalkan ketulusan dan akauntabiliti serta tadbir urus yang baik bagi sektor farmaseutikal tempatan melalui amalan *Good Governance for Medicine* (GGM).

### 5.2.1 Pengurusan Farmasi Logistik

Pada tahun 2020, nilai peruntukan ubat, vaksin, bukan ubat dan reagen di semua hospital dan klinik kesihatan JKWPKL&P adalah sebanyak RM 39,126,787.65 dan RM40,699,108.83.



Rajah 5.6: Perbandingan Peruntukan Hospital bagi Tahun 2017 sehingga 2020

RM


	2017	2018	2019	2020
UBAT	29,225,736.00	30,506,732.66	33,803,999.59	27,415,436.93
VAKSIN	5,517,100.00	7,370,720.57	6,450,865.84	5,687,683.13
BUKAN UBAT	2,798,600.00	3,949,183.39	3,498,448.85	4,167,055.77
REAGEN	3,116,300.00	4,398,094.00	2,850,698.14	3,428,933.00
JUMLAH	40,657,736.00	46,224,730.62	46,604,012.42	40,699,108.83

Rajah 5.7: Perbandingan Peruntukan Kesihatan Awam bagi Tahun 2017 sehingga 2020


### 5.2.2 Perkhidmatan Maklumat Ubat



Rajah 5.8: Bilangan Pertanyaan Maklumat Ubat Mengikut Tahun



Rajah 5.9: Bilangan pertanyaan mengikut kategori Maklumat Ubat



Rajah 5.10: Bilangan ADR Mengikut Tahun

Rajah 5.11: Bilangan Pelaporan AEFI Vaksin HPV vs Non-HPV

### 5.2.3 Kad Alahan

Jadual 5.7: Bilangan Kad Alahan Dikeluarkan Mengikut Tahun

Perkara	2016	2017	2018	2019	2020
<b>Bilangan Kad Alahan dikeluarkan kepada pesakit</b>	547	595	719	674	618


### 5.2.4 Keselamatan Ubat


Taklimat / ceramah / kempen / pameran keselamatan ubat turut dijalankan bagi meningkatkan kesedaran anggota farmasi terhadap kesilapan ubat.

Jadual 5.8: Bilangan Taklimat, Ceramah, Bengkel Berkaitan Keselamatan Pengubatan Mengikut Tahun

Perkara / Item	2016	2017	2018	2019	2020
<b>Bilangan Taklimat Medication Error Reporting (Sasaran: 19 setahun)</b>	28	27	33	30	25
<b>Bilangan Ceramah Berkaitan Keselamatan Pengubatan (Sasaran: 19 setahun)</b>	42	46	53	59	40
<b>Bilangan Bengkel/Kursus Berkaitan</b>	10	3	4	2	5
<b>Bilangan Kempen/Pameran Dijalankan (Sasaran: 19 setahun)</b>	24	19	18	19	18
<b>Bilangan RCA dijalankan</b>	11	18	13	13	19

Program Kenali Ubat Anda turut dijalankan untuk meningkatkan kesedaran masyarakat terhadap ubat-ubatan. Rajah-rajab berikut menunjukkan aktiviti-aktiviti yang telah dijalankan sepanjang tahun 2020.






Rajah 5.12: Bilangan Aktiviti Kenali Ubat Anda dari Tahun 2017 hingga 2020

### 3.2.5 Perkhidmatan Pesakit Luar


Secara amnya, jumlah preskripsi diterima oleh unit pesakit luar menunjukkan pola peningkatan dari tahun ke tahun sejak 2015 hingga 2019. Tahun 2020 menunjukkan penurunan disebabkan oleh COVID-19.



Rajah 5.12: Bilangan Preskripsi diterima oleh Unit Farmasi Pesakit Luar di JKWPKL&P dari Tahun 2015-2020

### 3.2.6 Perkhidmatan Pesakit Dalam

Terdapat dua buah hospital di JKWPKL&P iaitu Hospital Putrajaya (HPJ) dan Hospital Rehabilitasi Cheras (HRC). Graf berikut memaparkan bilangan preskripsi yang diterima oleh unit farmasi pesakit dalam bermula tahun 2015 hingga tahun 2020. Penurunan mendadak bagi bilangan preskripsi di HRC adalah disebabkan oleh penggunaan format pengiraan preskripsi yang baru.



Rajah 5.13: Bilangan Preskripsi Yang Diterima oleh Unit Farmasi Pesakit Dalam Hospital di JKWPKL&P Dari Tahun 2015-2020.


Bagi pesakit yang masuk ke wad, rekonsiliasi ubat-ubatan akan dijalankan oleh pegawai farmasi.




Rajah 5.14: Bilangan Dokumentasi Rekonsiliasi Ubat-Ubatan Semasa Kemasukan Pesakit ke Wad (CP1) di JKWPKL&P bagi Tahun 2017-2020

### 3.2.7 Perkhidmatan Kaunseling Ubat

Terdapat dua jenis perkhidmatan kaunseling ditawarkan oleh unit farmasi pesakit dalam iaitu kaunseling individu dan kaunseling berkumpulan. Kaunseling individu untuk pesakit dalam adalah dijalankan secara *bedside*. HPJ dan HRC turut menjalankan pendispensan discaj secara bedside. Ini membolehkan pesakit mendapatkan ubat discaj tanpa menunggu di kaunter.



Rajah 5.15: Bilangan Kaunseling Individu dan Berkumpulan Bagi Pesakit Luar Yang Telah Dilaksanakan di Fasiliti JKWPKL&P Dari Tahun 2015-2020.



Rajah 5.16: Bilangan Kaunseling Farmasi Pesakit Dalam di JKWPKL&P dari 2015-2020



Rajah 5.17: Bilangan Bedside Dispensing Pesakit Discaj di JKWPKL&P dari 2015-2020

### 3.2.8 Perkhidmatan *Medication Therapy*


#### *Adherence Clinic* dan Farmakoterapi Berhenti Merokok (FBM)

1


Program “*Medication Therapy Adherence Clinic*” (MTAC)

Diabetes, Respiratory, Retroviral, Rheumatoid,

Psychiatric, Geriatrik, Strok dan Farmakoterapi Berhenti Merokok (FBM) ditawarkan oleh fasiliti-fasiliti di JKWPKL&P bagi menjamin penggunaan ubat secara selamat dan berkualiti serta meningkatkan kepatuhan pesakit terhadap ubat.



Rajah 5.18: Bilangan Kaunseling oleh Pegawai Farmasi dalam Farmakoterapi Berhenti Merokok JKWPKL&P bagi tahun 2020



Rajah 5.19: Jumlah Kos Farmakoterapi Program Berhenti Merokok JKWPKL&P bagi Tahun 2018-2020


#### Program Rawatan Methadone

Program Rawatan Methadone di JKWPKL&P ditawarkan di beberapa fasiliti termasuk Sembilan (9) klinik kesihatan, tiga (3) klinik swasta

yang berkolaborasi dengan KKM dan dua (2) pusat pemulihan di bawah Agensi Anti Dadah Kebangsaan (AADK).

### 3.2.9 Perkhidmatan Nilai Tambah (VAS)


Unit Farmasi di hospital dan klinik kesihatan di bawah JKWPKL&P turut menawarkan VAS. Antara VAS yang ditawarkan adalah sistem pendispensan ubat bersepadau (SPUB), ubat melalui pos (UMP), sistem temujanji, Medibox, pusat pembekalan ubat setempat (PPUSS), farmasi pandu lalu (*drive-thru*) dan Park & Take. Terdapat peningkatan penggunaan VAS pada 2020 dan mencapai sasaran yang ditetapkan pada tahun tersebut iaitu lebih daripada 20% bilangan preskripsi susulan menggunakan VAS.



Rajah 5.21: Peratusan Preskripsi Susulan Yang Didispens Melalui VAS Di Fasiliti JKWPKL&P Dari Tahun 2016-2020

### Piagam Pelanggan Masa Menunggu

Tempoh pendispensan preskripsi dalam masa 30 minit merupakan salah satu Piagam Pelanggan Teras Kementerian Kesihatan Malaysia dan juga indikator dalam *Hospital Performance Indicator For Accountability* (HPIA). Masa menunggu adalah salah satu faktor kepuasan pelanggan dengan perkhidmatan yang diberikan. Indikator ini juga mencerminkan kecekapan proses pembekalan ubat di kaunter farmasi.



Rajah 5.22: Pencapaian Piagam Pelanggan (Masa Menunggu Pesakit di Kaunter Farmasi) bagi Fasiliti JKWPKL&P Tahun 2015-2020

### Pharmacy Information System (PhIS) & Clinic Pharmacy System (CPS)

PhIS & CPS adalah sistem yang komprehensif yang mengintegrasikan proses kerja berkaitan perkhidmatan penjagaan farmaseutikal dan pengurusan logistik di fasiliti kerajaan (Hospital/Klinik Kesihatan). Sistem ini terdiri dari dua belas (12) modul yang dibangunkan dengan matlamat untuk mengukuhkan proses perolehan, pembekalan dan penggunaan ubat di fasiliti KKM. Sistem ini membolehkan perkongsian profil pengubatan pesakit bagi memastikan kesinambungan rawatan pesakit selain berfungsi sebagai alat dalam membuat keputusan untuk memastikan kebolehcapaian ubat-ubatan oleh pengguna di negara ini.

Jadual 5.9: Pelaksanaan PhIS & CPS Mengikut Jenis Fasiliti

FASILITI	INVENTORY BASED	PHARMACY BASED	FULL BASED	
Hospital	Hospital Putrajaya	✓		
	Hospital Rehabilitasi Cheras		✓	
PK Cheras	PKD Cheras	✓		
	KK Cheras		✓	
	KK Cheras Baru		✓	
	KK Bandar Tun Razak		✓	
	KK Sungai Besi		✓	
PK Kepong	PKD Kepong	✓		
	KK Batu		✓	
	KK Sentul		✓	
	KK Jinjang		✓	
PK Titiwangsa	PKD Titiwangsa	✓		
	KK Setapak		✓	
	KK Dato Keramat		✓	
	KK Kampung Pandan		✓	
	KK Kuala Lumpur		✓	
PK Lembah Pantai	PKD Lembah Pantai	✓		
	KK Tanglin		✓	
	KK Petaling Bahagia		✓	
PKD Putrajaya	PKD Putrajaya	✓		
	KK Putrajaya Presint 9	✓		
	KK Putrajaya Presint 11		✓	
	KK Putrajaya Presint 14		✓	
	KK Putrajaya Presint 18			✓

## Audit Dalam Amalan Farmasi (ADAF)

Audit dalam merupakan pemeriksaan bebas yang terperinci yang dilakukan ke atas prosedur, peraturan dan langkah kawalan bagi memastikan sistem penyampaian perkhidmatan dilaksanakan dengan efisien dan berkesan. Prosedur penting ini akan membantu pihak pengurusan memantau pelaksanaan polisi-polisi organisasi, prosedur serta peraturan di peringkat fasiliti. Selain itu, penambahbaikan berterusan dapat dilakukan melalui kesedaran kendiri terhadap langkah kawalan dan pemantauan organisasi.

Jadual 5.10: Markah ADAF bagi fasiliti farmasi yang telah diaudit pada tahun 2020

BIL.	FASILITI	MARKAH ADAF
1	Hospital Rehabilitasi Cheras	89.6%
2	KK Putrajaya Presint 18	90.5%
3	KK Dato' Keramat	91.1%
4	KK Petaling Bahagia	91.5%
5	KK Putrajaya Presint 11	92.5%
6	KK Kuala Lumpur	92.8%
7	KK Cheras Baru	94.9%
8	KK Sungai Besi	95.7%
9	KK Setapak	95.8%
10	KK Jinjang	96.0%

Petunjuk:

Tahap Pematuhan Standard Amalan Farmasi	Markah Penilaian
Baik	80-100%
Sederhana	60-79%
Lemah	0-59%

## CAWANGAN PENGUATKUASAAN FARMASI

Cawangan Penguatankuasaan Farmasi Kuala Lumpur (CPFKL) terbahagi kepada 4 seksyen yang terdiri daripada Seksyen Pelesenan, Seksyen Perisikan & Operasi, Seksyen Siasatan dan Pendakwaan dan Seksyen Kawalan Iklan dan Perkembangan Penguatankuasaan Farmasi.

### 5.3.1 Fungsi Unit di CPFKL

#### Seksyen Pelesenan

1. Memproses Lesen Racun Jenis A/B/E, Permit NaOH dan Permit Methadone di bawah Akta Racun 1952.
2. Memeriksa premis-premis yang berlesen dengan CPFKL dan premis-premis berdaftar seperti hospital swasta, klinik perubatan dan klinik pergigian.
3. Menjalankan pemeriksaan pengendalian racun ke atas premis berdaftar iaitu klinik-klinik dan hospital swasta.
4. Menjalankan pemeriksaan produk ke atas premis tidak berlesen.

#### Seksyen Perisikan & Operasi

1. Menyiasat dan mengesahkan setiap aduan dan maklumat yang diterima.
2. Melakukan serbuan ke atas semua premis perniagaan termasuklah premis ubat tradisional, kedai ubat, salun kecantikan, kedai barang-barang hardware, farmasi retail, klinik perubatan serta rumah kediaman yang didapati menjalankan penjualan ubat-ubat tidak berdaftar, penjualan produk mengandungi racun oleh individu yang tidak dilesenkan serta produk kosmetik tidak bernotifikasi.
3. Mengawal selia informasi berbentuk elektronik bagi memastikan maklumat yang disampaikan adalah tepat, betul dan benar.

#### Seksyen Siasatan Dan Pendakwaan

1. Mengkoordinasi, menjalankan dan memantau aktiviti siasatan.
2. Mengkoordinasi, menjalankan dan memantau aktiviti pendakwaan.
3. Mengkoordinasi, menjalankan dan memantau aktiviti pengendalian eksibit.


## Seksyen Kawalan Iklan dan Perkembangan

### Penguatkuasaan


- Menyelaras penyiasatan kes iklan yang melanggar Akta Ubat (Iklan dan Penjualan) 1956 dan menyelaras saringan dan pemantauan iklan di media dan saringan iklan di premis pemeriksaan.
- Menyelaras dan menganalisa data informatik penguatkuasaan farmasi.
- Mengkoordinasi aktiviti R&D dan inovasi penguatkuasaan farmasi.
- Menjalankan pemantauan terhadap kawalan sumber penguatkuasaan farmasi (kewangan, perjawatan dan latihan).
- Mengurus selia aktiviti seperti aktiviti pameran, ceramah dan dialog bersama-sama pembekal produk-produk kesihatan untuk meningkatkan tahap pengetahuan pengeluar produk kesihatan tentang keperluan pendaftaran produk.

### 5.3.2 Pelesenan

Sebanyak 753 Lesen Racun Jenis A, 64 Lesen Racun Jenis B, 39 permit NaOH dan 16 permit membeli dan menggunakan bahan psikotropik telah dikeluarkan pada tahun 2020. Jumlah pengeluaran semua lesen dan permit pada tahun 2020 adalah sebanyak 872.




Rajah 5.23: Pengeluaran Lesen dan Permit Tahun 2020




Rajah 5.24: Pengeluaran Lesen dan Permit Tahun 2020

### 5.3.3 Pemeriksaan Premis

Sepanjang tahun 2020, sebanyak 1350 pemeriksaan telah dilakukan. Pemeriksaan ke atas premis berlesen adalah sebanyak 590, diikuti oleh premis tidak berlesen sebanyak 557 dan pemeriksaan premis berdaftar sebanyak 269.




Rajah 5.25: Jumlah pemeriksaan premis pada tahun 2020




Rajah 5.26: Pecahan Bilangan Pemeriksaan Premis Berdaftar Tahun 2020

### 5.3.4 Kawal Selia Iklan




Rajah 5.27: Bilangan iklan perubatan yang disaring pada tahun 2019 dan 2020

### 5.3.5 Perkembangan Penguatkuasaan Farmasi




Rajah 5.28: Bilangan Aktiviti Kesedaran Pemegang Taruh (Stakeholder) dan Orang Awam Bagi Tahun 2020


### 5.3.6 Risikan dan Operasi



Rajah 5.29: Bilangan aduan dan maklumat yang disahkan dan Tindakan serbuan pada tahun 2019 dan 2020



Rajah 5.30: Tindakan serbuan pada tahun 2019 dan 2020




Rajah 5.31 Nilai Rampasan Bagi Tahun 2020 Mengikut Kategori


### 5.3.7 Siasatan dan Pendakwaan

Pada tahun 2020, CPF telah membuka sejumlah 123 kes baru yang melibatkan kesalahan di bawah Akta Racun 1952 dan Akta Jualan Dadah 1952. Rajah 13 menunjukkan pecahan bilangan kes yang disiasat mengikut jenis

kesalahan yang paling kerap disiasat di CPF sepanjang tahun 2020. Kesalahan lain yang tidak disenaraikan termasuklah kesalahan yang melibatkan bahan psikotropik, pelabelan dan lain-lain.



Rajah 5.32: Pecahan Bilangan Kes Yang Disiasat Mengikut Jenis Kesalahan Pada Tahun 2020



\*NFA – No Further Action


Rajah 5.33: Kertas Siasatan Yang Diselesaikan Pada Tahun 2020

Rajah 5.34: Pecahan Bilangan Kes Selesai Pada Tahun 2020




Rajah 5.35: Bilangan Kes Yang Dirujuk Kepada TPR Dan Bilangan Kes Yang Mendapat Izin Mendakwa Oleh TPR

### 5.3.8 Pendakwaan




\*DNAAs - *Discharged Not Amounting to Acquittal*

Rajah 5.36: Serahan Saman Yang Berjaya, Gagal Dan DNAAs




Rajah 5.37: Bilangan Kehadiran Ke Mahkamah Pada Tahun 2020



\*PG – Mengaku salah

Rajah 5.38: Pecahan Kes Yang Berjaya Didakwa Di Mahkamah Tahun 2020



Rajah 5.39: Jumlah Denda Di Mahkamah Mengikut Akta Yang Dikuatkuasakan

### 5.3.9 Pengendalian Ekshibit

Pelupusan telah dijalankan sekali pada tahun 2020 dengan kos keseluruhannya RM 9,950.72. Rajah 21 menunjukkan nilai kos pelupusan ekshibit pada tahun 2020. Semua aktiviti pengendalian ekshibit di stor termasuk aktiviti pelupusan ekshibit adalah mengikuti Garis Panduan Pengurusan Stor Ekshibit dan Garis Panduan Pelupusan Barang Rampasan / Ekshibit yang dikeluarkan oleh Bahagian Perkhidmatan Farmasi, Kementerian Kesihatan Malaysia.

### 5.3.10 Aktiviti-Aktiviti (Kursus/Bengkel/Persidangan)

#### Bengkel Penyediaan Abstrak / Abstract Preparation Workshop

Memberi pendedahan kepada anggota mengenai teknik dan cara penyediaan abstrak yang betul dan tepat.

**Tempat** : Hospital Rehabilitasi Cheras  
**Tarikh** : 24 Februari 2020  
**Penceramah** : Dr Ernieda Md Hatah, Universiti Kebangsaan Malaysia  
**Bilangan peserta** : 41 orang



Rajah 5.40: Sekitar Suasana Semasa Bengkel

#### Kursus Memperkasakan Pelaporan ADR, AEFI dan Alahan

Memberi pendedahan dan memperkasakan pelaporan ADR, AEFI dan alahan.

**Tempat** : Bilik Seminar Pemakanan, JKWP KL  
**Tarikh** : 11 Mac 2020  
**Bilangan peserta** : 45 orang



Rajah 5.41: Sekitar Suasana Pembentangan Semasa Kursus

#### Perbincangan Input dan Menambahbaik Laporan Projek Inovasi

Mengemaskini dan menambah baik laporan bagi projek inovasi yang telah dijalankan.

**Tempat** : Bilik Bincang Berlian, Program Perkhidmatan Farmasi KKM  
**Tarikh** : 15 Jun 2020  
**Bilangan peserta** : 7 orang



Rajah 5.42 Perbincangan Input dan Menambahbaik Laporan Projek Inovasi

## **Bengkel Kajian Kualitatif / Qualitative Research Workshop**

Memperkenalkan kaedah kajian kualitatif untuk diaplikasikan dalam kajian

**Tempat** : Jabatan Perdana Menteri

**Tarikh** : 20-21 Julai 2020

**Penceramah** : Dr Adliah Mhd Ali, Universiti Kebangsaan Malaysia

**Bilangan peserta** : 33 orang



Rajah 5.43: Sekitar suasana semasa bengkel

## **Latihan Label Keselamatan Hologram Farmatag**

Memperkenalkan sistem hologram farmatag terbaru dari Bahagian Penguatkuasaan Farmasi

**Tempat** : Bilik Seminar Pemakanan, JKWPKL&P

**Tarikh** : 7 Ogos 2020

**Penceramah** : Bahagian Penguatkuasaan Farmasi Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) dan Syarikat Techno Secure Print Sdn Bhd

**Bilangan peserta** : 18 orang



Rajah 1.44: Sekitar suasana pembentangan semasa kursus

## **Bengkel Good Preparation Practice in Primary Care Setting bagi Pegawai Farmasi dan Penolong Pegawai Farmasi di JKWPKL&P 2020**

Pengenalan konsep *Good Preparation Practice in Primary Care Setting*

**Tempat** : Hospital Rehabilitasi Cheras

**Tarikh** : 24 - 25 Ogos 2020

**Bilangan peserta** : 26 orang



Rajah 5.45: Sekitar suasana pembentangan semasa kursus.

## **Bengkel Pengukuhan MTAC Respiratori (RMTAC) 2020**

Memberi pendedahan dan mempertingkatkan kemahiran PF dalam menjalankan MTAC Respiratori

**Tempat** : Auditorium Hospital Rehabilitasi Cheras

**Tarikh** : 26 Ogos 2020

**Bilangan peserta** : 38 orang

## **Taklimat Projek Inovasi Farmasi JKWPKL&P**

Pembentangan projek-projek inovasi yang telah dijalankan.

**Tempat** : Auditorium, Pejabat Kesihatan Putrajaya

**Tarikh** : 28 Ogos 2020

**Bilangan peserta** : 42 orang

### **JKWPKL&P Pharmacy R&D Mini Conference**

Mini Konferens bagi memberi pendedahan kepada anggota farmasi dengan suasana semasa konferens

**Tempat** : Jabatan Perdana Menteri  
**Tarikh** : 7 September 2020  
**Penceramah** : Dr Adliah Mhd Ali & Prof Dr. Mohd Makmor Bakry, Universiti Kebangsaan Malaysia

**Bilangan peserta** : 19 orang



Rajah 5.46: Sekitar suasana semasa konferens

### **Bengkel Validasi Kaunseling**

Melatih PF untuk menvalidasikan kaunseling PRP sebelum PRP menjalani latihan sangkutan di HPJ

**Tempat** : Bilik Mesyuarat Farmasi JKWPKL  
**Tarikh** : 2 September 2020  
**Bilangan Peserta** : 22 orang



Rajah 5.47: Sekitar suasana pembentangan semasa kursus

### **Kursus Pengenalan Kualiti dan Inovasi**

Pengenalan Kualiti dan inovasi kepada kumpulan baru yang akan menjalankan projek-pojek di bawah Bahagian Perkhidmatan Farmasi

**Tempat** : Auditorium, Pejabat Kesihatan Putrajaya  
**Tarikh** : 23-24 September 2020  
**Bilangan peserta** : 44 orang



Rajah 5.48: Sekitar suasana pembentangan semasa kursus

### **Bengkel Duta Kenali Ubat Anda**

Melatih Duta yang telah dilantik pada tahun 2020 mengenai skop dan modul yang akan dipakai di bawah program Kenali Ubat Anda

**Tempat** : The Guest Hotel & Spa, Port Dickson, Negeri Sembilan  
**Tarikh** : 1-3 September 2020  
**Bilangan Peserta** : 25 orang



Rajah 5.49: Sekitar suasana pembentangan semasa kursus

## Kursus Pengurusan Stor

Memberi pendedahan kepada Pengurusan Asas Pengurusan Stor

**Tempat** : Auditorium Hospital Rehabilitasi Cheras

**Tarikh** : 3 September 2020

**Bilangan peserta** : 66 orang



Rajah 5.51: Sekitar suasana pembentangan semasa kursus



Rajah 5.50: Sekitar suasana pembentangan semasa kursus

## Bengkel Budget Impact Analysis (BIA)

Memberi pendedahan dan mempertingkatkan kemahiran PF dalam membuat penilaian kritikal untuk merancang peruntukan kewangan, perolehan ubat-ubatan dan pengurusan formulari ubat fasiliti.

**Tempat** : Bilik Seminar Pemakanan, JKWP KLP

**Tarikh** : 9 September 2020

**Bilangan peserta** : 25 orang



## Bengkel Pengukuhan MTAC Retroviral Disease (RVD) 2020

Memberi pendedahan dan mempertingkatkan kemahiran PF dalam menjalankan MTAC RVD

**Tempat** : Auditorium Pejabat Kesihatan Daerah Putrajaya

**Tarikh** : 10 September 2020

**Bilangan peserta** : 43 orang

## Bengkel Latihan Pharmacy Information System (PhIS)

Meningkatkan kecekapan dan kemahiran anggota Farmasi mengendalikan sistem PhIS

**Tempat** : Bilik ICT, NPRA

**Tarikh** : 16-17 Mac 2020 (Siri 1), 14,17,21,30 Oktober 2020 (Siri 2)

**Bilangan peserta** : 53 orang (Siri 1) 68 orang (Siri 2)

## Taklimat Audit Dalaman Amalan Farmasi (ADAF)

Melatih auditor ADAF Negeri yang baru serta memberi pendedahan berkenaan kriteria dan keperluan bagi audit ADAF yang menggunakan senarai semak terbaru

**Tempat** : Bilik Mesyuarat Farmasi JKWP KLP&P

**Tarikh** : 10 Ogos 2020

**Bilangan Peserta** : 26 orang

### 5.3.11 Wawancara Radio Dan Televisyen



### 5.3.12 Aktiviti Bersama Masyarakat

#### Pameran Keselamatan Pengubatan Hospital Putrajaya 2020

Meningkatkan kesedaran berkenaan keselamatan pengubatan dalam memberi perkhidmatan yang berkualiti kepada pesakit

**Tempat** : Hospital Putrajaya

**Tarikh** : 22 September 2020

**Bilangan peserta** : 50 orang



Rajah 5.52: Sekitar suasana pembentangan semasa pameran

#### Dialog Bersama Pemegang Taruh (Stakeholders)

Aktiviti Kesedaran Pemegang Taruh (Stakeholders): Dialog Bersama Persatuan Pergigian & Pengamal Pergigian Swasta beserta Pameran Produk Tidak Berdaftar dan Kosmetik Tidak Bernotifikasi

**Tarikh** : 22 September 2020

**Tempat** : Bilik Seminar Latihan, Jabatan Kesihatan WP Kuala Lumpur & Putrajaya



#### Aktiviti Kesedaran Pemegang Taruh (Stakeholders):

#### Dialog Bersama Majalah Feminine

**Tarikh** : 9 Oktober 2020

**Tempat** : Dilangsungkan secara dalam talian



Aktiviti Kesedaran Pemegang Taruh (Stakeholders): Dialog Bersama Cawangan Kawalan Amalan Perubatan Swasta (CKAPS) Dan Unit Penguatkuasaan Pergigian Jabatan Kesihatan W.P Kuala Lumpur Dan Putrajaya.

**Tarikh** : 19 November 2020

**Tempat** : Bilik Mesyuarat Farmasi, Aras 3, Blok B, Jabatan Kesihatan WP Kuala Lumpur & Putrajaya



### 5.3.13 Operasi Khas (Penguatkuasaan)

#### Ops Rahsia

Satu operasi telah dilaksanakan pada 2 September 2020 ke atas premis yang disyaki memiliki dan menjual produk tidak berdaftar. Serbuan telah dijalankan ke atas 2 premis kediaman dan 1 premis perniagaan di sekitar Kuala Lumpur. Sasaran adalah terhadap produk ubat-ubatan dan produk kesihatan yang tidak berdaftar dengan KKM.

Seramai 23 orang pegawai penguatkuasa farmasi daripada Jabatan ini terlibat dalam serbuan ini. Salah sebuah rumah kediaman yang tidak berpenghuni didapati telah dijadikan sebagai stor untuk menyimpan ubat-ubatan seperti vaksin dan produk kesihatan tanpa kelulusan daripada Kementerian Kesihatan Malaysia. Jumlah rampasan adalah sebanyak 41 perkara yang dianggarkan bernilai RM670,370.



#### OPS Full Power

Satu operasi telah dilaksanakan 13 Oktober 2020 ke atas premis yang disyaki memiliki dan menjual makanan yang mengandungi racun dan produk tidak berdaftar. Serbuan dijalankan ke atas 2 premis kediaman dan 3 premis perniagaan di sekitar Kuala Lumpur. Seramai 26 orang pegawai penguatkuasa farmasi daripada Jabatan ini terlibat dalam serbuan ini.

Serbuan telah berjaya merampas beberapa produk kesihatan yang tidak berdaftar dengan Kementerian Kesihatan Malaysia serta makanan yang

disyaki dicampur palsu dengan racun berjadual. Makanan yang dirampas adalah dalam bentuk gula-gula dan minuman yang disyaki mengandungi racun perangsang seks seperti sildenafil dan tadalafil. Antara produk tidak berdaftar dan makanan yang disyaki mengandungi racun yang telah dirampas adalah Candy B, Catuaba, Hammer Ginseng & Coffee, Xtreme Candy, Soloco, Vimax, Maxman Creme dan AK-11 Phenomenal King.



Hasil risikan terancang yang dijalankan oleh CPF telah membawa kepada serbuan melibatkan rampasan produk-produk kesihatan dianggarkan bernilai **RM 533,974.**

#### OPS E-Cigarette

Satu operasi telah dilaksanakan pada 9 Disember 2020 ke atas premis yang menjual cecair rokok elektronik dan sebuah kilang cecair rokok elektronik. Serbuan dijalankan ke atas 1 premis kilang memproses cecair vape dan 7 premis perniagaan di sekitar Kuala Lumpur. Sebanyak 504 jenis cecair dan vape yang disyaki mengandungi racun nikotin telah dirampas bernilai RM192,185. Seramai 57 anggota yang terlibat dalam serbuan tersebut.

Nikotin adalah disenaraikan dibawah Jadual Pertama Akta Racun 1952. Nikotin yang terkandung di dalam tembakau adalah dikecualikan daripada kawalan akta ini.



### Aktiviti Saringan Iklan Di Jalan Raya

Objektif aktiviti ini adalah untuk memastikan papan tanda sekitar Kuala Lumpur dan Putrajaya disaring agar mematuhi Akta Ubat (Iklan dan Penjualan) 1956. Penyaringan telah dilakukan pada 9 dan 14 Oktober 2020 dan setiap pegawai penguatkuasa farmasi dikehendaki menyaring iklan jalan raya untuk perjalanan sekurang-kurangnya 2km. Kesemua 39 orang pegawai melaksanakan penyaringan iklan jalan raya yang merangkumi jarak perjalanan sebanyak **131.95km**.

Saringan di lebuhraya juga ada dijalankan atas arahan daripada Bahagian Penguatkuasaan Farmasi di Lebuhraya Karak dan juga Lebuhraya ELITE.



### 5.3.13 Penerbitan

#### Laporan

1. *Pharmacy Research & Quality Report Vol 1* (eISSN: 2735-0657).
2. Laporan Tahunan BPF JKWPKL&P Tahun 2018
3. Laporan Tahunan BPF JKWPKL&P Tahun 2019
4. Buku Laporan Statistik Tahun 2019
5. Drug Album 2.0 for Health Clinics updated April 2020
6. Drug Album 2.0 for Health Clinics updated October 2020



## Majalah

1. PharmBuzz Bil 1/2020 (Edisi Januari – Jun 2020)
2. PharmNews Vol 1.2020
3. PharmNews Vol 2.2020



## Kajian

### Manuskrip

*Pharmacy Value Added Services in Malaysia: A Review on Current Implementation and Future Opportunities.*  
*Journal of Health Management. 2020; Vol 17: No.1/2020*, oleh Izzati Yussof (Cawangan Pengurusan Farmasi BPF JKWPKL&P)

1. *An Explorative Qualitative Study on Pharmacist Active Engagement Approach in Primary Healthcare Diabetic Education. Indonesian Journal of Pharmacy. 2020. Vol 31(3)* oleh Selvakumari Selvadurai (KK Tanglin/Hospital Putrajaya), Mohd Makmor-Bakry, Adliah Md Ali (UKM)
2. *Exploring the practices of using bisacodyl suppositories and glycerin (25%) and NaCl (15%) enemas among rehabilitation patients. Malaysian Journal of Health Promotion. 2020. Foong Loo Yee, Carolyn Marie Peter, Ong Poo Ling, Kayatheri A/P Simachalam (Hospital Rehabilitasi Cheras)*
3. *Pain Belief and Adherence to Pain Medications in Patients with Neuropathic Pain in Hospital Rehabilitasi Cheras. Malaysian Journal of Health Promotion. 2020. Noor Hafizah Bt. Tajuddin, Nurul Yumiza Bt. Md Yusof, Foong Loo Yee, Jamaliah bt Mokhtar (Hospital Rehabilitasi Cheras)*

### 5.3.14 Pencapaian

#### 1. Penganugerahan Sijil Penghargaan kepada Quality Assurance (QA) Trainers

Pn. Hor Yee Yee, Pegawai Farmasi UF54 dari Hospital Putrajaya telah menerima anugerah sijil penghargaan daripada Institut Penyelidikan Sistem Kesihatan (iHSR) KKM, atas komitmen dan sumbangan sebagai QA Trainer tahun 2019.

#### 2. Anugerah Inovasi Kementerian Kesihatan Malaysia (AIKKM) Tahun 2020 – Sesi Saringan Penilaian Projek Inovasi Kategori Proses & Produk

Tiga (3) projek inovasi farmasi JKWPKL&P telah menyertai AIKKM 2020 – Sesi Saringan Penilaian Projek Inovasi, iaitu:

Bil.	Tajuk	Kategori	Pembentang
1.	EzSPUBag	Proses	Pn. Nadia Idiana binti Md. Nasir
2.	C-Pen Bank	Proses	En. Ahmad Fitri bin Mohd Ramli
3.	Drug Ablum 2.0	Produk	Pn. Nur Rafidah binti Yahil

# BAHAGIAN KESIHATAN PERGIGIAN

## PENGENALAN

Perkhidmatan Pergigian Kerajaan di Kuala Lumpur telah wujud sejak tahun 1929. Selepas kemerdekaan, perkhidmatan ini ditadbir oleh Jabatan Kesihatan Negeri Selangor. Apabila Wilayah Persekutuan ditubuhkan pada tahun 1974, Perkhidmatan Pergigian ini dipindahkan di bawah pentadbiran Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, sebagai Jabatan Perkhidmatan Pergigian Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur pada tahun 1978.

Setelah Wilayah Persekutuan Putrajaya telah ditubuhkan pada 1 Februari 2000. Bahagian Kesihatan Pergigian Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur & Putrajaya (BKP WPKL&P) pula ditubuhkan pada 1 Januari 2001. Bahagian ini berada di bawah pentadbiran Jabatan Kesihatan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur & Putrajaya (JKWPKL&P). BKP JKWPKL&P diketuai oleh Timbalan Pengarah Kesihatan (Pergigian) yang beribu pejabat di Tingkat 2, Bangunan Cahaya Suria sebelum berpindah ke Pejabat Pentadbiran, Kompleks Kesihatan Wilayah Persekutuan, Jalan Cenderasari pada 16 Mac 2006.

Pejabat Timbalan Pengarah Kesihatan (Pergigian) Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur & Putrajaya merupakan pusat tanggungjawab perkhidmatan pergigian seluruh Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Putrajaya, yang terdiri daripada 5 Pejabat Kesihatan Pergigian (PKP) dengan jumlah keluasan 291.52 km persegi bagi seramai 1,895900 orang penduduk.



**PUAN NOORAINI BINTI OSMAN**

**Timbalan Pengarah Kesihatan Negeri  
Bahagian Kesihatan Pergigian**

### VISI

Memastikan penduduk Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Putrajaya menikmati perkhidmatan dan kemudahan kesihatan terbaik di negara ini


### MISI

Untuk memberikan perkhidmatan pergigian yang optima kepada individu, keluarga dan masyarakat melalui penggalakkan kesihatan yang positif dan perkhidmatan yang berkualiti dan berteknologi sesuai

### DASAR KUALITI


Kami komited memberi perkhidmatan pergigian yang profesional dan berkualiti bagi peningkatan kepuasan hati pihak berkepentingan mengikut kehendak yang ditetapkan secara berterusan.

### TABURAN KLINIK PERGIGIAN DI WILAYAH PERSEKUTUAN KUALA LUMPUR DAN PUTRAJAYA






CARTA ORGANISASI BAHAGIAN KESIHATAN PERGIGIAN, JAB. KESIHATAN W.P KUALA LUMPUR & PUTRAJAYA





## CARTA FASILITI BAHAGIAN KESIHATAN PERGIGIAN, JAB. KESIHATAN W.P KUALA LUMPUR & PUTRAJAYA





## CARTA FUNGSI BAHAGIAN KESIHATAN PERGIGIAN JAB. KES. WILAYAH PERSEKUTUAN KUALA LUMPUR & PUTRAJAYA

### BAHAGIAN KESIHATAN PERGIGIAN

#### CAWANGAN DASAR DAN PERANCANGAN STRATEGIK KESIHATAN PERGIGIAN

- Mengurus tadbir hal-hal pengurusan, pentadbiran, perkhidmatan dan kewangan BKP JKWPKL&P
- Menguruskan epidemiologi dan penyelidikan kesihatan pergigian
- Menguruskan kepakaran kesihatan pergigian
- Mengurus perkembangan profession kesihatan pergigian
- Penguruskan kualiti kesihatan pergigian
- Menguruskan perundangan, penguatkuasaan dan keselamatan pekerjaan kesihatan pergigian

#### CAWANGAN PENJAGAAN KESIHATAN PERGIGIAN

- Mengurus promosi kesihatan pergigian
- Mengurus penjagaan kesihatan pergigian primer
- Mengurus penjagaan kesihatan pergigian masyarakat

#### CAWANGAN AMALAN DAN PERKEMBANGAN KESIHATAN PERGIGIAN

- Mengurus pembangunan dan perkembangan kesihatan pergigian
- Menguruskan perkhidmatan sokongan luar
- Mengurus teknologi kesihatan pergigian
- Mengurus tadbir pengurusan maklumat kesihatan pergigian

## MATLAMAT BAHAGIAN KESIHATAN PERGIGIAN SEHINGGA TAHUN 2020

Tujuh (7) kunci matlamat kesihatan pergigian sehingga tahun 2020 yang telah dikenal pasti (Jadual 1) merangkumi empat (4) masalah utama iaitu masalah karies gigi, masalah gusi, status pergigian, dan kanser mulut.

Bagi kanser mulut, lima (5) tahun kadar *survival* adalah ukuran hasil yang ideal. Walau bagaimanapun, ukuran terhadap tahap kanser telah diputuskan untuk dikekalkan. Ini disebabkan oleh kerumitan untuk mendapatkan data bagi lima (5) tahun kadar *survival*. Matlamat ini dicadangkan untuk dikaji semula pada pertengahan tahun. Pusat Kawalan dan Penyelidikan Kanser Mulut (OCRCC) seharusnya telah menukuhkan sistem untuk memantau lesi kanser mulut yang berpotensi malignan serta mempunyai pertambahan data pesakit.

## MATLAMAT SOKONGAN SEHINGGA TAHUN 2020

Menyokong matlamat dalam bentuk proses indikator dan strategi-strategi lain *National Oral Health Plan (NOHP)* 2010 sedia ada dikekalkan bagi memantau strategi yang telah dikenal pasti (Jadual 2).

Jadual 6.2: Matlamat Sokongan Kesihatan Pergigian sehingga Tahun 2020

Masalah Pergigian	Kunci Matlamat Tahun 2020	Sasaran Negeri
Karies Gigi	dft 6 tahun $\leq 2$	$\leq 2.0$
	DMFT 12 tahun $\leq 1$	$\leq 0.35$
	DMFT 16 tahun $\leq 2$	$\leq 0.70$
Kecacatan Pembedahan Enamel	Prevalens kecacatan enamel yang estetik $\leq 2\%$	$\leq 2\%$

Jadual 6.1: Kunci Matlamat Kesihatan Pergigian sehingga Tahun 2020

Masalah Pergigian	Kunci Matlamat Tahun 2020	Sasaran Negeri
Karies Gigi	50% murid 6 tahun bebas karies	50%
	70% murid 12 tahun bebas karies	80%
	50% murid 16 tahun bebas karies	65%
Keadaan Perio-dontium	50% murid 16 tahun sihat periodontium	95%
Status Pergigian	0% orang dewasa 35-44 tahun tiada gigi	0%
	60% warga emas 60 tahun mempunyai $\geq 20$ gigi	60%
Kanser Mulut	30% dikenal pasti pada tahap 1	30%

## PENGURUSAN SUMBER MANUSIA

### 6.1.1 PENGURUSAN KEWANGAN

Pada tahun 2020, Bahagian Kesihatan Pergigian JKWPKL&P telah menerima sebanyak **RM 69,580,018.32** (rujuk Jadual 1). Peruntukan kewangan untuk Bahagian Kesihatan Pergigian, Jabatan Kesihatan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Putrajaya (BKP JKWPKL&P) adalah melalui sumber berikut:

Jadual 6.3: Peruntukan dan Perbelanjaan 2020

Aktiviti	Kod Objek	Peruntukan Asal (RM)	Peruntukan Dipinda (RM)	Perbelanjaan Sebenar (RM)	% Perbelanjaan
040100 (Pengurusan)	10000/ 20000	2,735,787.75	2,542,671.08	2,709,118.71	106.55 %
040200 (Pergigian Primer)	10000/ 20000	40,201,784.00	40,173,637.08	41,626,983.08	103.62 %
040300 (Masyarakat)	10000/ 20000	2,622,296.00	2,528,122.67	2,649,111.49	104.79 %
040400 (Kepakaran)	10000/ 20000	10,267,609.00	10,160,483.63	10,279,011.31	101.17 %
<b>Sumber Peruntukan Pembangunan</b>					
00105 (Latihan)	20000	30,800.00	30,800.00	30,800.00	100 %
00800 (Perbelanjaan berkaitan COVID-19)	20000	510,340.00	510,340.00	510,340.00	100 %
00203 (Perkhidmatan sokongan klinik)	20000	247,433.00	244,900.18	244,900.17	100 %
01100 (MEET)	20000	3,464,699.48	3,691,510.90	3,691,510.90	100 %
01100 (Naik taraf peralatan perubatan & bukan perubatan)	20000	951,600.00	950,902.00	950,902.00	100 %
<b>Sumber Peruntukan Mengurus</b>					
022200 (Farmasi dan bekalan)	20000	99,580.00	99,512.05	99,512.05	100 %
080700 (Pengoperasian Fasiliti Baru)	20000	10,000.00	9,990.00	9,990.00	100 %
080800 (Perolehan Aset)	35000	267,031.00	267,031.00	267,031.00	100 %
010300 (Kewangan)	35000	30,340.00	30,320.00	30,320.00	100 %
060200 (Kejuruteraan dan kawal selia radiasi perubatan)	20000	27,350.00	25,150.00	25,150.00	100 %
080200 (Emolumen kakitangan kontrak)	20000 / 40000	9,774,296.96	10,584,647.73	10,584,647.73	100 %
<b>Jumlah</b>		<b>71,241,547.19</b>	<b>69,580,018.32</b>	<b>73,709,328.44</b>	<b>105.93 %</b>

BKP JKWPKL&P tidak menerima peruntukan bagi Dasar Sedia Ada semenjak tahun 2016 kerana Program *Medical Equipment Enhancement Tenure* (MEET) yang dikendalikan oleh *Quantum Medical Solutions Sdn Bhd* (*QMS*) telah mula dilaksanakan pada 16 Januari 2015 dan penyenggaraan / pembaikan aset pergigian diambil alih pihak konsesi.

### Statistik

Jadual 6.4 menunjukkan perbandingan peruntukan yang diperoleh BKP JKWPKL&P dari tahun 2015 hingga 2020. Didapati peningkatan peruntukan sebanyak 3.82% (RM 14,809,505.92) berbanding 2019.

**Jadual 6.4:** Peruntukan yang dipinda, BKP JKWPKL&P 2015-2020

Tahun	Jumlah peruntukan yang dipinda
2015	51,198,334.34
2016	52,055,372.17
2017	52,912,410.00
2018	52,213,218.55
2019	67,022,724.47
2020	69,580,018.32

**Jumlah peruntukan yang dipinda**



**Rajah 6.2:** Perbandingan Peruntukan Kewangan dari Tahun 2015 hingga 2020

### Kesimpulan

Secara keseluruhan, BKP JKWPKL&P telah membelanjakan 103.46% (RM 73,709,328.44) dari peruntukan yang diterima. Sasaran Kerja Tahunan TPKN(G) telah mencapai sasaran yang ditetapkan (100%).

### 6.1.2 PENGURUSAN SUMBER MANUSIA

Personel Pergigian di Bahagian Kesihatan Pergigian JKWPKL&P terdiri daripada Kumpulan Pengurusan Tertinggi, Kumpulan Pengurusan & Profesional (Pakar Pergigian, Pegawai Pergigian), Kumpulan Aukasiliari & Paramedik Pergigian (Juruterapi Pergigian, Juruteknologi Pergigian dan Pembantu Pembedahan Pergigian dan Pembantu Perawatan Pergigian) dan Kumpulan Sokongan (Penolong Akauntan, Pembantu Tadbir, Pembantu Operasi dan Pemandu Kenderaan). Sehingga 31 Disember 2020, terdapat 947 perjawatan (lantikan tetap) untuk Bahagian Kesihatan Pergigian JKWPKL&P dan sebanyak 864 (91.24%) pengisian perjawatan tetap telah diisi sepanjang tahun 2020 (rujuk Jadual 6.5).

**Jadual 6.5:** Perjawatan (tetap) BKP JKWPKL&P Mengikut Kategori (Sehingga 31 Disember 2020)

Kategori Jawatan	Bilangan Jawatan	Isi	Kosong
Timbalan Pengarah Kesihatan Negeri (Pergigian); Pegawai Pergigian Kesihatan Awam, Pegawai Pergigian Gred UG56	1	1	0
Pakar Pergigian (Jusa B/Jusa C)	8	4	4
Pakar Pergigian (UG44/UG48/UG52/UG54/UG56)	25	22	3
Pegawai Pergigian (UG41/UG44/UG48/UG52/UG54)	205	196	9
Juruterapi Pergigian (U40/U38/U36/U32/U29)	146	139	7
Juruteknologi Pergigian (U40/U28/U36/U32/U29)	50	43	7
Pembantu Pembedahan Pergigian (U24/U22/U19)	265	234	31
Setiausaha Pejabat (N32/N27/N22/N19)	2	1	1
Penolong Akauntan (W29/W32) (KUP)	7	7	0
Pembantu Tadbir (P/O) & (Kew) (N22/N19/W19)	44	43	1
Pembantu Perawatan Kesihatan (U14/U11)	155	140	15
Pemandu Kenderaan (H11/H14)	37	32	5
Pembantu Operasi (N11/N14)	2	2	0
<b>Jumlah Keseluruhan</b>	<b>947</b>	<b>864</b>	<b>3</b>

Mulai tahun 2017 terdapat pelantikan secara kontrak bagi jawatan Pegawai Pergigian Gred UG41 yang diberi tempoh kontrak selama tiga (3) tahun. Pelantikan jawatan ini tidak melibatkan sebarang penambahan jawatan baru tetapi hanya melibatkan penambahan jumlah pengisian (*body*) sahaja (rujuk **Jadual 6.6**). Bermula tahun 2019, terdapat urusan pelantikan tetap dari kalangan lantikan kontrak yang layak memenuhi syarat-syarat pelantikan tetap yang dikeluarkan BSM

KKM. Seramai sebelas (11) orang Pegawai Pergigian UG41, dua (2) orang Juruteknologi Pergigian dan lima (5) orang Pembantu Pembedahan Pergigian menerima tawaran pelantikan tetap berkenaan dan melapor diri keluar dari WPKL&P. Penempatan ini adalah mengisi kekosongan jawatan sedia ada (arahan penempatan dari BSM KMM).

**Jadual 6.6: Pegawai Pergigian (Kontrak) Tahun 2017 sehingga 2020**

Kategori Jawatan	Jumlah Pg Melapor Diri	Jumlah Pg Meletak Jawatan	Jumlah Pg Dilantik Tetap	Jumlah Pg Tamat Kontrak	Jumlah Pg Masih Berkhidmat
Pegawai Pergigian (Kontrak) - 09.01.2017	46	29	7	10	1
Pegawai Pergigian (Kontrak) - 22.05.2017	20	17	1	2	2
Pegawai Pergigian (Kontrak) - 13.11.2017	15	8	1	6	6
Pegawai Pergigian (Kontrak) - 26.02.2018	41	19	2	20	20
Pegawai Pergigian (Kontrak) - 16.07.2018	15	7	0	0	8
Pegawai Pergigian (Kontrak) - 15.10.2018	10	2	0	0	8
Pegawai Pergigian (Kontrak) - 11.03.2019	33	7	0	0	26
Pegawai Pergigian (Kontrak) - 01.07.2019	25	4	0	0	21
Pegawai Pergigian (Kontrak) - 14.10.2019	15	1	0	0	14
Pegawai Pergigian (Kontrak) - 02.03.2020	16	0	0	0	16
Pegawai Pergigian (Kontrak) - 17.08.2020	16	0	0	0	16
Pegawai Pergigian (Kontrak) - 07.10.2020	12	0	0	0	12
Jumlah Keseluruhan	264	94	11	38	150

Kategori Jawatan	Jumlah Pg Melapor Diri	Jumlah Pg Meletak Jawatan	Jumlah Pg Dilantik Tetap	Jumlah Pg Tamat Kontrak	Jumlah Pg Masih Berkhidmat
Juruteknologi Pergigian (Kontrak) - 18.03.2019	2	0	2	0	2 (tetap)
Juruteknologi Pergigian (Kontrak) - 13.01.2020	4	0	0	0	4
Juruteknologi Pergigian (Kontrak) - 15.07.2020	1	0	0	0	1
Jumlah Keseluruhan	7	0	2	0	7

**Jadual 6.7: Pembantu Pembedahan Pergigian (Kontrak) Tahun 2019 sehingga 2020**

Kategori Jawatan	Jumlah Pg Melapor Diri	Jumlah Pg Meletak Jawatan	Jumlah Pg Dilantik Tetap	Jumlah Pg Tamat Kontrak	Jumlah Pg Masih Berkhidmat
Pembantu Pembedahan Pergigian (Kontrak) - 18.03.2019	5	0	5	0	5 (tetap)
Pembantu Pembedahan Pergigian (Kontrak) - 01.07.2019	4	0	0	0	4
Pembantu Pembedahan Pergigian (Kontrak) - 13.01.2020	9	0	0	0	9
Pembantu Pembedahan Pergigian (Kontrak) - 15.07.2019	9	0	0	0	9
Jumlah Keseluruhan	27	0	5	0	27

Berikut tahun 2020 bermulanya pandemik Covid-19, Bahagian Sumber Manusia KKM dengan kelulusan dari Jabatan Perkhidmatan Awam Malaysia (JPA), telah meluluskan sejumlah peruntukan bagi Pelantikan Semula Pegawai Pergigian Gred UG41 Kontrak Secara One-Off Tempoh Enam (6) bulan (**Jadual 6.8**). Pelantikan ini berlangsung untuk satu (1) tahun yang akan tamat pada tahun 2021. Pelantikan ini adalah tawaran dari pihak BSM KKM kepada Pegawai Pergigian UG41 yang telah tamat kontrak melalui sistem e-Dentist KKM.

**Jadual 6.8: Pelantikan Semula Kontrak Secara One-Off Tempoh 6 bulan**

Kategori Jawatan	Jumlah Yg Melapor Diri	Jumlah Yg Meletak Jawatan	Jumlah Yg Dilantik Tetap	Jumlah Yg Masih Berkhidmat
Pelantikan Semula Kontrak Secara One-Off Tempoh 6 bulan : 18.05.2020 – 17.11.2020	10	2	3 (lantikan khas)	5
Pelantikan Semula Kontrak Secara One-Off Tempoh 6 bulan: 18.11.2020 – 17.05.2021	5	1	-	4
Pelantikan Semula Kontrak Secara One-Off Tempoh 6 bulan: 22.05.2020 – 21.11.2020	4	2	-	2
Pelantikan Semula Kontrak Secara One-Off Tempoh 6 bulan: 22.11.2020 – 21.05.2021	2	0	-	2
Pelantikan Semula Kontrak Secara One-Off Tempoh 6 bulan: 13.11.2020 – 12.05.2021	6	0	-	6

Sejak tahun 2017, terdapat peningkatan dalam pengisian Personel Pergigian yang diterima melalui kaedah pindah butiran / tukar ganti (*trade off*) dari jenis jawatan lain sama ada dalam bahagian ini sendiri atau dari negeri-negeri lain. Ini menunjukkan tetap ada perkembangan jumlah perjawatan dan pengisian

Pelantikan semula ini adalah atas dasar keprihatinan BSM KKM bagi menempatkan personel Pergigian di klinik-klinik pergigian setiap Negeri yang telah memberi bantuan anggota Pergigian untuk dimobilisasikan kepada Unit *Crisis Preparedness and Response Centre* (CPRC) di Jabatan Kesihatan WP Kuala Lumpur & Putrajaya serta setiap Pejabat Kesihatan Daerah WPKL&P dalam mengawal Pandemik Covid-19.

**Jadual 6.9: Personel Pergigian di BKP JKWPKL&P Tahun 2017 - 2020**

(bagi Kump. Pengurusan Tertinggi, Pengurusan & Profesional, Paramedik & Auksiliar)

Tahun	2017			2018			2019			2020		
Kategori Jawatan	P	I	K	P	I	K	P	I	K	P	I	K
Pegawai Pergigian / Pakar Pergigian	203	194	5	230	211	19	233	215	18	239	223	16
Pegawai Pergigian (Lantikan Kontrak)	0	81	0	0	116	0	0	149	0	0	157	0
Juruterapi Pergigian	143	140	3	143	138	5	143	130	13	146	139	7
Juruteknologi Pergigian	47	43	4	47	43	4	47	43	4	50	43	7
Juruteknologi Pergigian (Lantikan Kontrak)	-	-	-	-	-	-	-	-	-	0	2	0
Pembantu Pembedahan Pergigian	242	227	15	247	235	12	247	230	17	265	234	31
Pembantu Pembedahan Pergigian (Lantikan Kontrak)	-	-	-	-	-	-	-	-	-	0	9	0
Pembantu Perawatan Kesihatan	156	138	18	155	132	23	155	142	13	155	140	15
Setiausaha Pejabat / Pembantu Tadbir	53	43	10	47	37	10	47	68	9	46	44	2
Penolong Akauntan	-	-	-	6	6	0	6	6	0	7	7	0
Pembantu Operasi	2	2	0	2	2	0	2	2	0	2	2	0
Pemandu Kenderaan	36	31	5	36	30	6	36	29	7	37	32	5
<b>Jumlah</b>	<b>908</b>	<b>843</b>	<b>65</b>	<b>913</b>	<b>833</b>	<b>80</b>	<b>916</b>	<b>835</b>	<b>81</b>	<b>947</b>	<b>864</b>	<b>83</b>

**Petunjuk:** P – Perjawatan I – Isi K - Kosong

Mulai 2018 hingga 2020, penambahan perjawatan (*post*) hanya bagi pewujudan projek-projek baru serta naik taraf fasiliti kesihatan dan hanya terbatas kepada penambahan jumlah pengisian yang tidak ketara. Penambahan ini berdasarkan penyelarasan dan pemetaan jawatan seperti permohonan pindah butiran serta tukar ganti (*trade-off*). Untuk makluman, urusan permohonan Anggaran Belanja

Mengurus (ABM) bukan berdasarkan pewujudan projek baru atau naik taraf fasiliti kesihatan masih lagi dibekukan sejak tahun 2015 hingga kini. Pewujudan jawatan yang diluluskan melalui penyelarasan/pemetaan perjawatan/kelulusan pindah butiran berkenaan boleh dirujuk pada **Jadual 6.10**.

**Jadual 6.10: Perjawatan yang Diluluskan Melalui Permohonan Penyelarasan/Pemetaan Perjawatan /Kelulusan Pindah Butiran, Penambahan Jawatan Kerana Projek Baru 2020-2021**

Bil	Aktiviti	Butiran	Nama Jawatan	Ke
1.	4.1.1.5.12	(290)	<b>Waran Perjawatan Bil.10 Tahun 2020</b> <b>[Pewujudan Dua Belas (12) Jawatan Pelbagai Skim Perkhidmatan dan Gred Secara Tetap, Bertempoh dan Khas Untuk Penyandang Berikut Pelaksanaan Keputusan Pembubaran Lembaga Promosi Kesihatan Malaysia (MySihat), Kementerian Kesihatan Malaysia]</b> <b>Ruj.Kami : (13) dlm.KK(S)-0.61 Bhg.53 bertarikh 28 Feb 2020]</b>  Penolong Akauntan, Gred W29 Khas Untuk Penyandang Jawatan Hakiki Pembantu Tadbir (Kewangan), Gred W19 (TBK 1 dan TBK 2)	<u>WPKL (-1)</u> KP Jinjang (-1)  <u>WPKL (-1)</u> KP Jinjang (+1) <b>[Ammar Safwan bin Mohd Arif]</b> <b>Jawatan Kader</b> <b>Jabatan Akauntan Negara</b>
2.	4.4.1.13	(904)	<b>Waran Perjawatan Bil.17 Tahun 2020</b> <b>[Pewujudan Jawatan Pakar Pergigian Secara Penukaran Langsung (Direct Conversion) Dengan Jawatan Yang Sedang Disandang oleh Penyandang Yang Tamat Pewartaan dan Pakar Pergigian Sedia Ada di Kementerian Kesihatan Malaysia]</b> <b>Ruj.Kami : (26) dlm.KK(S)0.61 BHG 53 bertarikh 08 Mei 2020]</b>  Pakar Pergigian Ortodontik, Pegawai Pergigian, Gred UG44/UG48/UG52/UG54/Pakar UG56	<u>WPKL (+1)</u> KP Setapak (Ortodontik) (+1)
3.	4.1.1.5.12	(285)	<b>Waran Perjawatan Bil.20 Tahun 2020</b> <b>[Pemetaan Perjawatan di bawah Program Kesihatan Pergigian di Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) – Fasa I]</b> <b>Ruj.Kami : (29) dlm.KK(S)0.61 BHG 53 bertarikh 29 Mei 2020]</b>  Pegawai Pergigian, Gred UG41/UG44/UG48/UG52/UG54	<u>WPKL (+1)</u> KP Taman Batu Muda (+1)  <u>WPKL (-1)</u> KP Batu (-1) <b>[Dr. Wan Syazanna bt Meor Abd Wahab]</b>
	4.2.1.13	(553)	Pegawai Pergigian, Gred UG41/UG44/UG48/UG52/UG54	<u>WPKL (+1)</u> KP Taman Batu Muda (+1)

Bil	Aktiviti	Butiran	Nama Jawatan	Ke
	4.3.1.13	(696)	Pegawai Pergigian, Gred UG41/UG44/UG48/UG52/UG54	<u>WPKL (-1)</u> KP Batu (-1) <b>[Dr.Masliana bt Abd.Halim]</b>  <u>WPKL (+2)</u> KP Taman Batu Muda (+2)  <u>WPKL (-2)</u> KP Batu (-2) <b>[Dr.Nur Nasuha bt Maarif</b> <b>Dr.Nur Syakirah bt Abdullah]</b>
4.	4.1.1.5.1 2	(495)	<b>Waran Perjawatan Bil.67 Tahun 2020</b> <b>[Pemetaan Perjawatan di bawah Program Kesihatan Pergigian di Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) – Fasa II</b> <b>Ruj.Kami : (5) dlm.KK(S)0.61 BHG 53 Jld.2 bertarikh 19 Ogos 2020]</b>  Pembantu Tadbir (Kewangan), Gred W19 (TBK 1 dan TBK 2)	<u>WPKL (+1)</u> PKP Titiwangsa (+1)  <u>WPKL (-1)</u> KP Dato' Keramat (-1) <b>[Mohd Jamel bin Omar]</b>
	4.2.1.13	(560)	Juruterapi Pergigian, Gred U32 (TBK 2)	<u>WPKL (+1)</u> KP Bdr Tun Razak (+1)  <u>WPKL (-1)</u> KP Cahaya Suria (-1) <b>[Aida Herniyatie bt Mohamad Yasin]</b>
		(562)	Juruterapi Pergigian, Gred U29 (TBK 1 dan TBK 2)	<u>WPKL (+4)</u> KP Presint 18 (+3) KP Cheras (+1)  <u>WPKL (-4)</u> Klinik Bedah Mulut, Hospita Putrajaya (-2) <b>[Nur Azieda bt Azmi</b> <b>Unissa a/p A.Kamaladass]</b> KP Cheras Baru (-1) <b>[Nurainur Nadia bt Mat Sedi]</b> KP Kg.Pandan (-1) <b>[Nur Izzati bt Isa]</b>
		(568)	Pembantu Perawatan Kesihatan,	<u>WPKL (+1)</u>

Bil	Aktiviti	Butiran	Nama Jawatan	Ke
	4.4.1.13	(912)	Gred U11 (TBK 1 dan TBK 2)  Juruterapi Pergigian, Gred U32 (TBK 2)	KP Cheras (+1)  <b><u>WPKL (-1)</u></b> KP Dato' Keramat (-1) <b>[Maisarah bt Mohd Radhuan]</b>  <b><u>WPKL (+1)</u></b> KP Cahaya Suria (Restoratif) (+1)
		(918)	Pembantu Tadbir (Perkeranian/Operasi), Gred N19 (TBK 1 dan TBK 2)	<b><u>WPKL (-1)</u></b> KP Jinjang (-1) <b>[Siti Zaleha bt Salleh]</b>  <b><u>WPKL (+1)</u></b> KPP Presint 6 (+1)  <b><u>WPKL (-1)</u></b> KP Bangsar (Ortodontik) (-1) <b>[Wan Roskamariza b Wan Seman]</b>
5.	4.1.1.5.1 2	(553)	<b>Waran Perjawatan Bil.79 Tahun 2020</b> [Pewujudan Jawatan Baharu Pelbagai Gred dan Skim Perkhidmatan Bagi Pengoperasian Fasiliti Baharu di Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) – Fasa I Ruj.Kami : (26) dlm.KK(S)0.61 Bhg.53 Jld.2 bertarikh 23 Sept 2020]	
	4.3.1.13	(563) (566) (699) (709) (702)(a )	Pegawai Pergigian, Gred UG41/UG44/UG48/UG52/UG54  Juruteknologi Pergigian, Gred U29 (TBK 1 dan TBK 2)  Pembantu Pembedahan Pergigian, Gred U19 (TBK 1 dan TBK 2)  Juruterapi Pergigian, Gred U29 (TBK 1 dan TBK 2)  Pembantu Pembedahan Pergigian, Gred U19 (TBK 1 dan TBK 2)  Pemandu Kenderaan, Gred H11 (TBK 1 dan TBK 2)	<b><u>WPKL (+2)</u></b> KP Taman Batu Muda (+2)  <b><u>WPKL (+2)</u></b> KP Taman Batu Muda (+2)  <b><u>WPKL (+7)</u></b> KP Taman Batu Muda (+5) KP Jinjang (+1) KP Cheras (+1)  <b><u>WPKL (+2)</u></b> KP Taman Batu Muda (+2)  <b><u>WPKL (+4)</u></b> KP Dato' Keramat (+3) KP Sentul (+1)  <b><u>WPKL (+1)</u></b> KP Taman Batu Muda (+1)

Bil	Aktiviti	Butiran	Nama Jawatan	Ke
	4.4.1.13	(Baharu) (907) (908) (912) (913) (916) (917) (919)	Pakar Pergigian Periodontik, Pegawai Pergigian, Gred UG44/UG48/UG52/UG54/Pakar UG56  Pegawai Pergigian, Gred UG41/UG44/UG48/UG52/UG54  Juruterapi Pergigian, Gred U32 (TBK 2)  Juruteknologi Pergigian, Gred U32 (TBK 2)  Pembantu Pembedahan Pergigian, Gred U26  Pembantu Pembedahan Pergigian, Gred U24 (TBK 2)  Pembantu Pembedahan Pergigian, Gred U19 (TBK 1 dan TBK 2)	<b>WPKL (+1)</b> KP Taman Batu Muda (+2)  <b>WPKL (+2)</b> KP Taman Batu Muda (+2)  <b>WPKL (+1)</b> KP Kuala Lumpur (+1)  <b>WPKL (+1)</b> KP Bangsar (+1)  <b>WPKL (+1)</b> KP Presint 18 (+1)  <b>WPKL (+1)</b> KP Taman Batu Muda (+2)  <b>WPKL (+4)</b> KP Taman Batu Muda (+2) KP Presint 18 (+1) KP Kuala Lumpur (+1)

#### **Pelaksanaan Pemetaan Perjawatan Bahagian Kesihatan Pergigian Wp Kuala Lumpur Dan Putrajaya**

Dasar Penswastaan telah dilancarkan pada tahun 1983 sebagai usaha ke arah meningkatkan peranan sektor swasta dalam pembangunan ekonomi negara. Objektif utama dasar ini adalah untuk membantu meningkatkan pertumbuhan ekonomi, meningkatkan kecekapan dan produktiviti, mengecilkan saiz perkhidmatan awam dan mengurangkan penglibatan sektor awam dalam ekonomi. Dalam erti kata lain, Dasar Penswastaan adalah antara

strategi meningkatkan kecekapan dan produktiviti penjawat awam. Sehubungan itu, pada 11 hingga 13 Mac 2020, Program Kesihatan Pergigian, Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) telah berkolaborasi dengan Bahagian Sumber Manusia, KKM menganjurkan satu Bengkel Pemetaan dan Pengurusan Perjawatan di bawah Program Pergigian Tahun 2020 di Tasik Villa International Resort, Negeri Sembilan. Pelaksanaan Pemetaan dan Pengurusan Perjawatan adalah berlandaskan empat (4) tahap seperti Jadual 6.11.

Jadual 6.11: Cara Pelaksanaan Pemetaan dan Pengurusan Perjawatan yang telah diterapkan semasa Bengkel Pemetaan dan Pengurusan Perjawatan di bawah Program Pergigian Tahun 2020

CARA PERLAKSANAAN PEMETAAN JAWATAN	a) Penubuhan pasukan kerja atau Ahli Jawatankuasa di peringkat negeri b) Mengkaji keperluan fasiliti di bawah seliaan masing-masing (Penglibatan Ketua Kepakaran Pergigian Kesihatan Awam dan Unut Sumbe Manusia c) menggunakan prinsip ' <i>minimum must have</i> ' dan keutamaan keperluan perkhidmatan ( <i>Priority</i> ) d) mengemukakan cadangan pemetaan semula penjawatan kepada program Kesihatan Pergigian Bahagian Sumber Manusia KKM
------------------------------------	---

## Rasional Pelaksanaan Pemetaan dan Pengurusan Perjawatan

1. Pemetaan perjawatan ini dilaksana dengan berpandukan *Outfit 8*. *Outfit 8* berkenaan telah disediakan oleh Program Kesihatan Pergigian dan norma ,adalah tertakluk kepada keperluan perkhidmatan semasa. Hal ini penting kerana Perkhidmatan Kesihatan Pergigian bergantung terus kepada kapasiti sumber manusia yang maksima di sesebuah fasiliti. Oleh itu, *Outfit 8* ini menjadi panduan untuk urusan berkaitan perjawatan di fasiliti pergigian.
2. Antara amanah yang diberikan oleh Program Kesihatan Pergigian, KKM pemetaan yang dilaksanakan juga mengambil kira pelbagai faktor seperti nisbah Pesakit Luar dan Pegawai Pergigian, nisbah Pesakit Luar dan bilangan Kerusi Pergigian, nisbah enrolmen Pra Sekolah, Sekolah Rendah dan Sekolah Menengah dan operator, nisbah Ibu Mengandung, Golongan Keperluan Khas, Warga Emas dan nisbah jumlah pesakit dalam program komuniti kepada Masyarakat.
3. Pelaksanaan pemetaan ini juga memastikan kapasiti sumber manusia adalah efektif dan optimum dalam menyampaikan kesihatan pergigian kepada masyarakat. Hal ini selaras dengan Dasar Kerajaan dan ulasan Perdana Menteri pada tahun 2019 berkenaan pengecilan saiz Perkhidmatan Awam.
4. Bagi tujuan Projek Pembangunan, Pengukuhan serta Naik Taraf Fasiliti di WP Kuala Lumpur dan Putrajaya, pemetaan ini membantu dalam perwujudan perjawatan yang diperlukan dan sedia ada mengikut jenis fasiliti, jumlah kerusi pergigian serta populasi penduduk dimana fasiliti berkenaan dibina. Ini juga memberi peluang kepada perluasan Perkhidmatan Kesihatan Pergigian (*Expansion of Services*).

## Penemuan

1. Terdapat ketidakseimbangan jumlah operator berdasarkan nisbah kerusi pergigian dan beban kerja dimana jumlah operator adalah tidak selari dengan

jumlah fasiliti dan beban kerja antara fasiliti. Bagi Klinik Pergigian yang menerima jumlah kedatangan pesakit yang tinggi mempunyai jumlah operator yang kurang berbanding klinik pergigian lain yang menerima jumlah kedatangan pesakit yang rendah.

2. Hasil pencapaian daripada pemetaan perjawatan yang dilaksanakan:

- Bahagian Kesihatan Pergigian berjaya melakukan penjimatan terhadap pengambilan Pekerja Sambilan Harian (PSH). Pemetaan perjawatan ini melibatkan seluruh kumpulan perkhidmatan berdasarkan kepentingan keperluan Perkhidmatan Kesihatan Pergigian.
- Pemetaan perjawatan kali ini mengurangkan jurang perbezaan nisbah operator dan beban kerja di semua zon WP Kuala Lumpur dan Putrajaya.

Berikut adalah Kronologi Pelaksanaan Pemetaan dan Pengurusan Perjawatan Bahagian Kesihatan Pergigian pada tahun 2020:



## Kesimpulan

Pengurusan Sumber Manusia yang amat terkesan bagi sesuatu organisasi di mana salah satunya adalah pewujudan serta keperluan perjawatan di sesuatu fasiliti iaitu implikasi atau impak jika perjawatan makin bertambah atau dikurangkan. Perkara yang perlu diambil kira adalah perlu melihat dan menilai sama ada ianya memberi kesan yang tinggi atau menjadikan sesuatu pengurusan fasiliti terkecil itu lebih produktif dan dalam masa sama dapat mengawal penggunaan tenaga kerja personel pergigian itu setimpal dengan gaji yang diterima.

Penyelarasang semula jawatan atau dipanggil Pemetaan Semula Perjawatan dilaksanakan di setiap fasiliti di seluruh Malaysia dengan mengambil kira keperluan berdasarkan *Outfit* Perjawatan yang dikeluarkan oleh Program Kesihatan Pergigian KKM. *Outfit* Perjawatan ini adalah sebagai garis panduan

(*guidelines*) bagi menyemak keperluan tenaga kerja berdasarkan jumlah kedatangan pesakit, bilangan kerusi pergigian, jenis fasiliti (KK Besar hingga KK5) serta perkhidmatan yang disediakan di sesebuah fasiliti selain perkhidmatan pergigian primer. Penanda aras (*benchmark*) yang digunakan dalam penyelarasang / pemetaan jawatan ini antaranya adalah jumlah enrolmen kedatangan pesakit, jumlah bilangan kerusi pergigian, jumlah rawatan di Sekolah (Rendah & Menengah) serta jumlah Pasukan Pergigian Bergerak atau *Dental Promotion Team* (DPT). Ianya juga mengambil kira pelaksanaan MyCost dari Jabatan Akauntan Negara Malaysia (JANM) yang mana berkaitan Perakaunan Pengurusan yang mengenalpasti pewujudan sesuatu jawatan itu berbaloi atau seimbang dengan peruntukan kewangan (contoh: gaji) atau bajet yang disalurkan. Penyelarasang semula ini juga melibatkan arahan yang telah dikeluarkan di mana tiada lagi Penempatan Secara Pentadbiran (*pinjam post*) boleh dibuat.

## Lampiran Gambar

Roadshow Pemetaan dan Pengurusan Perjawatan 14 hingga 27 Julai 2020



Roadshow ke Zon Hospital Putrajaya



Roadshow ke Zon Zon Kepong



Roadshow ke Zon Zon Titiwangsa



Roadshow ke Zon Lembah Pantai



Roadshow ke Zon Kepong



Roadshow ke Zon Cheras


### 6.1.3 PEMBANGUNAN MODAL INSAN DAN PENGURUSAN LATIHAN DALAM PERKHIDMATAN

#### Pengenalan

Latihan dalam perkhidmatan melibatkan semua anggota di bawah seliaan Bahagian Kesihatan Pergigian Jabatan Kesihatan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Putrajaya (BKP JKWPKL&P). Ia merangkumi latihan

peringkat dalaman yang dianjurkan di peringkat klinik pergigian dan Pejabat Timbalan Pengarah Kesihatan Negeri (Pergigian) serta latihan luaran. Latihan ini bertujuan untuk menambah ilmu pengetahuan, pengalaman dan kemahiran secara berterusan kepada semua anggota agar sentiasa memberikan perkhidmatan yang cekap, profesional dan terbaik kepada pelanggan.


Berikut adalah Pencapaian Pembangunan Modal Insan di Bahagian Kesihatan Pergigian, JKWPKL&P pada tahun 2020.



#### Trending /Status

Pencapaian Keseluruhan Prestasi Latihan Dalam Perkhidmatan (LDP) bagi tahun 2018 sehingga 2020 telah menunjukkan penurunan seperti di Jadual 1. Ini

disebabkan kesan pandemik COVID-19 terhadap pelaksanaan LDP di Bahagian sepanjang tahun 2020. Walau bagaimanapun, kesemua kumpulan perkhidmatan BKP JKWPKL&P telah mencapai prestasi latihan sebanyak 100% bagi tiga (3) hari atau lebih (100%).



Rajah 6.3: Perbandingan Pencapaian Keseluruhan Prestasi Latihan Dalam Perkhidmatan Tahun 2018- 2020

Jadual 6.12: Perbandingan Pemantauan Perkembangan Sumber Manusia Tahun 2018-2020

Tahun	2018	2019	2020
Petunjuk Prestasi Utama (KPI 18): Peratus peruntukan tahunan latihan dalam perkhidmatan (LDP) Program Kesihatan Pergigian, Kementerian Kesihatan Malaysia (PKP KKM) selesai dibelanja pada minggu pertama bulan Disember.	100% KPI TAHUN 2018	100%	100%
Memastikan 100% anggota pergigian telah menjalani latihan 3 hari setahun.	100%	100%	100%
Memastikan laporan perbelanjaan LDP dihantar ke Unit Latihan, JKWPKL dan PKP KKM pada 10 hb setiap bulan.	100%	100%	100%

Bilangan latihan dalaman yang dianjurkan telah menunjukkan trend menurun dari tahun 2019 seperti di Jadual 3. Hal ini kerana kekangan peruntukan yang diberikan serta kesan daripada pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan sejak bulan Mac 2020.

Jadual 6.13: Ringkasan Laporan Latihan Dalam Perkhidmatan Tahun 2017-2020

Latihan yang Telah Dilaksanakan	Bilangan Latihan			
	Tahun 2017	Tahun 2018	Tahun 2019	Tahun 2020
Latihan Dalaman (A)	47	27	48	22
Latihan Luaran (B)	-	1	4	-
Jumlah Latihan (A+B)	47	28	52	22

BKP JKWPKL&P telah menerima peruntukan latihan dalam perkhidmatan yang berbeza setiap tahun seperti yang ditunjukkan dalam Jadual 4. Bagaimanapun, 100% peruntukan yang diterima pada tahun 2020 telah berjaya digunakan sepenuhnya untuk pelaksanaan latihan anggota.

Jadual 6.14: Ringkasan Laporan Peruntukan Latihan Dalam Perkhidmatan Tahun 2017-2020

Tahun	Peruntukan Diterima	Perbelanjaan dan Tanggungan		Baki	
		(RM)	%	(RM)	%
2017	48,000.00	47920.00	99.8	80.00	0.2
2018	26,000.00	25,996.00	99.9	4.00	0.1
2019	94,500.00	94,499.00	99.9	0.20	0.1
2020	30,800.00	30,800.00	100.0	0.00	0.0

Jadual 6.15 : Senarai Kursus/Latihan Yang Diadakan Pada Tahun 2020

Bil	Senarai Latihan	Tarikh Dilaksanakan
<b>A. Latihan Dalaman</b>		
1.	Bengkel Juruaudit Audit Keselamatan & Kesihatan Pekerjaan 2020	4 - 8 Ogos 2020
2.	Kursus Tertusuk Peralatan Tajam Bagi Anggota Pergigian	7 - 8 September 2020
3.	Kursus Pengukuhan dan Pelarasan Caj Rawatan	5 Ogos 2020
4.	Kursus Pengurusan Fail dan Rekod	7 – 9 September 2020
5.	Kursus Pemantapan Pembantu Perawatan Kesihatan	25 Februari 2020
6.	Kursus Pemantapan Pembantu Pembedahan Pergigian	17 Februari 2020
7.	Bengkel Link Nurse , JKWPKL&P	9-10 Mac 2020

Bil	Senarai Latihan	Tarikh Dilaksanakan
8.	Kursus Pemantapan Perkhidmatan Program Pergigian Warga Emas (WE) dan Perkhidmatan Pergigian Keperluan Khas	5 Mac 2020
9.	Bengkel Pemantapan Pembantu Perawatan Kesihatan Tahap 3	9 Julai 2020
10.	Kursus Protokol Majlis Bagi Pegawai Pergigian dan Anggota Pelaksana	11 Ogos 2020
11.	Kursus Peningkatan Kajiselidik <i>Research Know- Hows Among Dental Therapist In FTKL&amp;P</i>	6 Ogos 2020
12.	Seminar <i>Prevention And Early Detection Of Oral Potentially Malignant Disorders And Oral Cancer</i>	7 September 2020
13.	6 <sup>th</sup> Malaysian Dental Technologist Conference And Trade Exhibititon	25 - 26 Septemebr 2020
14.	Taklimat Pasca COVID-19	4 November 2020
15.	Kursus Peningkatan Perkhidmatan Ortodontik Juruterapi Pergigian WPKL&Putrajaya	6 Ogos 2020
16.	<i>New Periodontal Classification 2017: &amp; Revisiting Periodontal Disease : Detection &amp; Early Treatment - Group I</i>	11 Ogos 2020
17.	<i>New Periodontal Classification 2017: &amp; Revisiting Periodontal Disease : Detection &amp; Early Treatment - Group II</i>	12 Ogos 2020
18.	Kursus Pemantapan Anggota Periodontik Wilayah	15 September 2020
19.	Bengkal Pengenalan dan Kalibrasi Restorative Index Of Treatment Need (RDITN)	15 September 2020
20.	Kursus Restodontik 2020: <i>Back to Basic Dental Materials –Materialise Them</i>	30 September – 1 Oktober 2020
21.	<i>Medical Emergencies in Dentistry</i>	28 September 2020
22.	Kursus Inovasi Pergigian	7 September 2020

### Isu Dan Cadangan Penambahbaikan

Terdapat beberapa isu yang telah dikenalpasti sepanjang pelaksanaan Latihan Dalam Perkhidmatan seperti berikut:

1. Kesilapan tuntutan kategori MyCPD oleh Pegawai Lantikan Kontrak Gred UG41(NDOP)
  - Terdapat penglibatan NDOP yang tidak melibatkan Kesihatan Pergigian contohnya bertugas di Pusat Kesiapsiagaan dan Tindak Cepat Krisis Negara (CPRC), justeru menuntut kategori B2 dalam MyCPD.

Penambahbaikan:

- Hebahan kepada Supervisor NDOP dalam taklimat mengenai kegiatan-kegiatan yang boleh diisi di bawah (kategori B2). Bagi petugas CPRC pula, tutntutan hanya boleh dibuat dalam

Kegiatan dan Sumbangan di luar tugas rasmi bagi Sasaran Kerja Tahunan (SKT)/Laporan Nilaian Prestasi Tahunan (LNPT)

2. Pelaksanaan Modul Teknikal Pergigian (MTP) bagi Pegawai Pergigian Gred UG41 Lantikan Kontrak
  - Taklimat Modul Teknikal Pergigian (MTP) Program Transformasi Minda (PTM) bagi Pegawai Pergigian Gred UG41 lantikan kontrak tidak dapat dilaksanakan pada tahun ini oleh BKP JKWPKL&P berikutan situasi semasa pandemik COVID-19.

Penambahbaikan:

- Satu *Training of Trainers (TOT)* Modul Teknikal Pergigian bagi NDOP telah dilaksanakan kepada wakil Pegawai Pergigian dari setiap zon pada 16 Disember 2020. Sehubungan itu, wakil berkenaan perlu mengadakan *Echo-training* di

peringkat zon melibatkan NDOP kohot 2/2019 hingga 2/2020 telah dirancang awal tahun 2021.

3. Perubahan kaedah pelaksanaan *Continuous Dental Education* (CDE) peringkat klinik

- Berikutan Pandemik COVID-19 dan penguatkuasaan Perintah Kawalan Pergerakan sejak Mac 2020, pelaksanaan CDE masih diteruskan dan dilaksanakan secara atas talian menggunakan pelbagai platform. Kekeliruan timbul bagi tuntutan MyCPD bagi kategori CDE atas talian oleh anggota Bahagian.

Penambahbaikan:

- Hebahan kepada semua anggota mengenai kategori tuntutan yang betul adalah Kategori A8. Perkara ini telah diwar-warkan melalui taklimat kepada *Supervisor NDOP*, Pegawai Pergigian Daerah dan Pegawai Pergigian Yang Menjaga melalui Mesyuarat Pengurusan Bahagian Kesihatan Pergigian JKWPKLP&P Bil 4 tahun 2020.
- Berikut adalah kriteria bagi menuntut A3:
  - Webinars (A7), 5-8 jam = 1 hari berkursus = 6 mata
  - CDE atas talian (A8), 5-8 JAM = 1 hari berkursus = 6 mata
  - Forum (A4) 5-8 jam = 1 hari berkursus = 6 mata
  - Kategori A4 dan A8, 5-8 jam = 1 hari berkursus = 6 mata
  - Gabungan kategori A4, A5, A7 dan A8, 5-8 jam = 1 hari berkursus = 6 mata

Sebarang tuntutan kategori di atas yang tidak mencukupi 5 jam tidak boleh membuat tuntutan A3

4. Penggunaan CPD *Guidelines* Majlis Perubatan Malaysia (MPM)

- Terdapat kekeliruan mengenai CPD *Guidelines* Majlis Perubatan Malaysia yang berkuatkuasa 1 Julai 2020 yang mana telah diedar di *Postmaster KKM*
- CPD *Guidelines* tersebut mempunyai kategori A1 hingga A8. Dua kategori penting dalam tuntutan bagi pelantikan tetap NDOP iaitu kategori A5 dan B2 tidak digunakan dalam CPD *Guidelines* berkenaan.
- Sehubungan itu, Majlis Pergigian Malaysia (MDC) masih menggunakan CPD *Guidelines for Dental Practitioners 2018*.

## Kesimpulan

Penggalakan pelaksanaan Latihan Dalam Perkhidmatan secara atas talian memudahkan penyampaian latihan kepada semua anggota Bahagian. Pelaksanaan tersebut bukan sahaja dapat diakses di mana-mana malah kapasiti anggota yang terlibat adalah tidak terhad. Liputan penyampaian latihan seperti ini dapat merangkumi semua anggota terutamanya NDOP. Hal ini kerana pencapaian markah actual MyCPD point Tahun 2 adalah kriteria dalam penilaian pelantikan tetap Pegawai Pergigian Gred UG41 lantikan kontrak selain daripada melengkapkan buku log NDOP.

Tambahan lagi, salah satu pencapaian yang membanggakan Bahagian WP Kuala Lumpur adalah peningkatan 75% pada jumlah Cuti Belajar Bergaji Penuh (CBBP) dengan / tanpa Hadiah Latihan Persekutuan (HLP) Peringkat Sarjana berbanding tahun 2019 iaitu seramai 3 orang Pegawai Pergigian kepada 12 orang Pegawai Pergigian pada tahun 2020. Bagi pewartaan Pakar Pergigian pula, seorang Pakar Pergigian Periodontik telah berjaya menyelesaikan pewartaan beliau dan kini bertugas di Negeri Melaka.

Secara keseluruhannya, kaedah memanfaatkan teknologi *digital* bagi kegunaan penyampaian ilmu pengetahuan tanpa batas ini selari dengan perkembangan teknologi bertaraf antarabangsa semasa.

## CAWANGAN DASAR DAN PERANCANGAN STRATEGIK KESIHATAN PERGIGIAN

### 6.2.1 EPIDEMIOLOGI DAN PENYELIDIKAN KESIHATAN PERGIGIAN

#### Pengenalan

Salah satu teras Rancangan Malaysia yang Ke Sebelas (*RMK-11*) 2016 hingga 2020 adalah memperkuuh keterangkuman ke arah masyarakat yang saksama di mana penekanan diberikan dalam memperbaiki

kesejahteraan masyarakat. Sembilan (9) strategi telah diperkenalkan antaranya, strategi yang berkaitan kesihatan. Epidemiologi dan Penyelidikan Kesihatan Pergigian adalah elemen di dalam strategi memperkasakan '*Healthcare Delivery System*'.

#### Keputusan Data

Jadual 1 menunjukkan pencapaian Penyelidikan Kesihatan Pergigian untuk 3 tahun berturut-turut iaitu 2018 sehingga 2020.

Jadual 6.16: Pencapaian Tahun 2018, 2019 dan 2020

Pencapaian			
	2018	2019	2020
1. Pemantauan dan Penilaian: Pencapaian KKM			
a) Number of active research project per year: 3	14	17	19
b) Presentation oral / poster: 3	16	7	0
c) Publication: 1	3	9	5
2. CDE Kelab Jurnal	100% (N=3)	100% (N=3)	33% (N=1)
3. Seminar / Latihan / Bengkel	7	8	6
4. Mesyuarat AJK HSR	3	3	2
5. Hari Kaji Selidik/ Bengkel Kaji Selidik	1	1	1
4. Kolaborasi bersama agensi lain	3	3	4

Mesyuarat dicadangkan tiga (3) kali setiap tahun. Namun disebabkan kekangan pandemik COVID-19 pada tahun 2020, ia hanya dapat diadakan sebanyak dua (2) kali sahaja.

Jadual 6.17: Takwim Mesyuarat Ahli Jawatankuasa Kaji Selidik Negeri 2020

Bil Mesyuarat	Bulan	Tarikh
1/2020	Mac	Ditunda ke 28 Julai 2020
2/2020	November	19 November 2020

Pemantauan dan penilaian dijalankan secara berkala setiap tahun oleh Penyelaras yang dilantik oleh negeri. Jadual 3 menunjukkan pemantauan projek *Health System Research (HSR)* di WP Kuala Lumpur & Putrajaya Tahun 2020.

Jadual 6.18: Pemantauan Projek *Health System Research (HSR)* di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur & Putrajaya Tahun 2020

No	Study Title	PI	NMMR ID	MREC
<b>KEPAKARAN PERGIGIAN KESIHATAN AWAM ( 9 )</b>				
1	<i>Impact of Oral Health on Quality of Life of Toddler and their Families</i>	Dr Siti Zuriana MZ	NMRR-18-901-40126	MREC:KKM/NIHSEC/P18-968(9) - 20/6/18
2	<i>Improving Education of Tooth Brushing Technique among School Children</i>	Dr Siti Zuriana MZ	NMRR-19-543-47047	MREC:KKM/NIHSEC/P19-603 (15)-11/9/19
3	<i>Barriers to Utilisation of Ministry of Health (MOH) Antenatal Dental Service (ADS) in Federal Territory of Kuala Lumpur and Putrajaya</i>	Dr Nurul Iman Mohd Noor	NMRR-19-47923	28/01/20
4	<i>Stress Among Dental Surgery Assistants in Federal Territory of Kuala Lumpur and Putrajaya</i>	Dr Hafizah	NMRR-19-1788-47921	-
5	<i>Oral Health Related Quality of Life (OHRQoL) in Cheras Young Adults: A Pilot Study</i>	Datin Dr Zaliza Zain	NMRR-19-1221-47919	17/7/19
6	<i>Comparing of Knowledge, Attitude, and Practice towards Needle Stick and Sharp Injuries (NSSI) among Dental Officers (DOs) and New Dental Officers (NDOs) in Federal Territory of Kuala Lumpur &amp; Putrajaya</i>	Dr Siti Zuriana MZ	NMRR-19-4168-47924	MREC:KKM/NIHSEC/P20-2214 (4) - 9/11/20
7	<i>Reasons for Smoking among Government Secondary School Students in Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur</i>	Dr Siti Zuriana MZ	NMRR-20-1747-55926	MREC:KKM/NIHSEC/P20-1760 (10)

No	Study Title	PI	NMMR ID	MREC
8	<i>Knowledge and Challenges of Implementation Basic Periodontal Examination (BPE) Among Adult Patients In Government Primary Oral Healthcare Setting In Federal Territory Of Kuala Lumpur And Putrajaya</i>	Dr Nurul Iwanie binti Ibnu	NMRR-19-4079-47922	-
9	<i>Social Media Impacts On Patients' Awareness Towards Oral Health</i>	Dr Norhazimah bt Khairuddin	-	-
<b>KEPAKARAN PERGIGIAN RESTORATIF (2)</b>				
1	<i>Achieving NOHP goal of 20 functional teeth among Malaysian: comparing OHRQoL of patients with RCT versus tooth extraction.</i>	Dr Balkis bt Ghazali	NMRR-17-3485-37374	-
2	<i>Awareness, Perception, and Satisfaction on Endodontic Treatment among Patients in Primary Dental Clinics in Zon Kepong</i>	Dr Intan Azimah	NMRR-19-5475-47920	-
<b>KEPAKARAN PERGIGIAN ORTODONTIK (6)</b>				
1	<i>Impact of Orthodontic Treatment on the Oral Health Related Quality of Life of Adolescents</i>	Dr M.Zambri M.Makbul	NMRR-16-866-30029	6/6/2016
2	<i>Assessing the Validity of the Socio-Dental Model to assess Orthodontic Treatment Need for the Malaysian</i>	Dr M.Zambri M.Makbul	NMRR-16-896-30028	13/7/16
3	<i>The Effectiveness of the Forsus Fatigue Resistance Device versus the Twin Block Appliance in Treating Class</i>	Dr Prethiba	-	-
4	<i>The Influence of Communication after Placement of Orthodontic Fixed Appliance on Pain, Anxiety and Oral Health Quality of Life among Malaysian Population</i>	Dr Nina Baizura Dr M.Zambri M.Makbul	NMRR-19-4117-51929 (IIR)	MREC: KKM/NIHSEC/P20-1533 (10)

No	Study Title	PI	NMMR ID	MREC
5	<i>Prevalence And Risks Associated With Sleep Disordered Breathing Among Young Malaysian Patients Seeking Orthodontic Treatment</i>	Dr M.Zambri M.Makbul	NMRR-20-924-54958	MREC: KKM/NIHSEC/P20-1190(4)
6	<i>A Retrospective Cephalometric Study On The Effects Of Twin Block Functional Orthodontic Treatment In Malaysian Adolescents</i>	Dr M.Zambri M.Makbul	NMRR-18-4001-41011 (IIR)	MREC : KKM/NIHSEC/ P20-1038( 6 )
<b>KEPAKARAN MAXILLOFACIAL (2)</b>				
1	<i>Incidence of Distal Cervical Caries in Mandibular Second Molar due to Impacted Third Molar: A Case-control Study</i>	Dr Shobina Sivanganam	NMRR-18-3171-42704	-
2	<i>Evaluating Peri-operative Effect of Music Listening on Anxiety Level in Patient Undergoing Surgical Removal of Impacted Lower Third Molar Under Local Anaesthesia</i>	Dr Kamal	NMRR-18-769-39884	-

Pada tahun 2020 tiada pembentangan yang dapat dilaksanakan memandangkan Perintah Kawalan Pergerakan Diperketat dan Bersyarat di Malaysia, malah seluruh dunia, maka tiada konferens atau kursus yang dilaksanakan. Jadual 4 menunjukkan satu (1) pembentangan yang sepatutnya diadakan namun ditunda ke tahun 2021.

Jadual 6.19: Pemantauan Pembentangan Oral / Poster di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur & Putrajaya Tahun 2020

No	Nama Kajian	Oral/Poster	PI	Program/ aktiviti
1	<i>Impact of Oral Health on Quality of Life (QoL) of Toddler and Their Families</i>	Oral	Dr Siti Zuriana MZ	2 <sup>nd</sup> International Conference on Public Health and Well Being 25 – 26 Jun 2020 Kuala Lumpur DITUNDA ke 20 – 21 Januari 2021

Bahagian Kesihatan-Pergigian Jabatan Kesihatan WP Kuala Lumpur & Putrajaya sentiasa menggalakkan warga pergiginya untuk menerbitkan kaji selidik yang telah selesai mahupun artikel yang berkaitan pergigian. Namun sebarang artikel yang ditulis perlu mendapat kelulusan Ahli Jawatankuasa dari Program Kesihatan Pergigian KKM. Jadual 5 menunjukkan pemantauan penerbitan di WP Kuala Lumpur & Putrajaya Tahun 2020.

Jadual 6.20: Pemantauan Penerbitan di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur & Putrajaya Tahun 2020

No	Tajuk	Penulis	Jurnal	Peer reviewed (Yes/No)
1	Inginkan Gigi Tersusun Cantik – Apakah Risikonya	Dr Nina Baizura bt Abd Aziz Dr Naadira bt Jamaluddin	Buletin Oral Health Promotion PKP KKM	N
2	Ubat Pencair Darah dan Cabutan Gigi	Dr Mazwin binti Mazlan	Medical Mythbusters Malaysia	N
3	Kotornya Berkongsi Peralatan Pergigian	Dr Mazwin binti Mazlan	Medical Mythbusters Malaysia	N
4	Patuh Arahan Selepas Cabutan Gigi	Dr Mazwin binti Mazlan	Medical Mythbusters Malaysia	N
5	Benarkah Bayi Di dalam Kandungan “Mencuri” Kalsium Gigi Ibunya	Dr Mazwin binti Mazlan	Majalah PaMa	N

Jadual 6.21: WPKL/Putrajaya - Status Projek HSR Tahun 2018 – 2020

No	Indikator	2018	2019	2020
1	<i>Number of Active Research Projects per year (New/On-going/Completed)</i>	14	17	19
2	<i>Presentation (Oral/Poster)</i>	16	7	0
3	<i>Publication</i>	3	9	5

Bahagian Kesihatan Pergigian Jabatan Kesihatan WP Kuala Lumpur & Putrajaya sentiasa memantau status projek *HSR* untuk dihantar ke Program Kesihatan Pergigian setiap tiga (3) kali setahun bagi memastikan kaji selidik yang dijalankan mengikut tempoh masa yang dirancang. Sekiranya tidak dapat dilaksanakan mengikut tempoh waktu, AJK *HSR* akan memberi cadangan atau pendapat yang sewajarnya. Jadual 7 menunjukkan status *HSR* pada tahun 2020.

Jadual 6.22: Status Projek *HSR* Tahun 2020

No	Indikator	Target		Tanggungjawab
		Kebangsaan	Negeri	
1	<i>Number of Active Research Projects Per Year</i>	3	19	<i>HSR Advisory Committee</i>
2	<i>Presentation (Oral/Poster)</i>	3	0	<i>HSR Advisory Committee</i>
3	<i>Publication</i>	1	5	<i>HSR Advisory Committee</i>

Bagi Prestasi Utama (KPI) Pengarah Kesihatan Negeri Jabatan Kesihatan WP Kuala Lumpur & Putrajaya sentiasa tercapai setiap tahun. Jadual 8 menunjukkan pencapaian *HSR* Tahun 2020.

Jadual 6.23: Penunjuk Prestasi utama (KPI) *HSR* Tahun 2020

No	Indikator	Standard	Pencapaian 2020			SIQ (Y/N)
			Nominator	Denominator		
1	Peratus Kajian (Kajian Penyelidikan/ Kualiti/ ISR) yang Dihasilkan Dalam Tempoh Dua (2) Tahun (2017-2018)	$\geq 80\%$	Nominator	19	316.6%	N
			Denominator	6		

## Penemuan

1. **Pada tahun 2020, indikator-indikator berikut telah tercapai:**
  - a) Peratus kajian yang telah dihasilkan dalam tempoh dua (2) tahun (2019-2020) adalah melebihi *standard* yang ditetapkan dengan 19/6 kajian (316.6%).
  - b) Bilangan kajian yang aktif pada tahun 2020 adalah sebanyak sembilan belas (19) meningkat berbanding tahun 2019 dengan tujuh belas (17) kajian sahaja.
  - c) Sebanyak (5) penerbitan telah diterbitkan di bawah Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Putrajaya pada tahun 2020 menunjukkan trend penurunan berbanding sembilan (9) penerbitan pada tahun 2019.

2. **Indikator-indikator berikut pula tidak tercapai yang mana rata-ratanya disebabkan COVID-19 yang melanda seluruh dunia:**

- a) Hanya satu pembentangan oral/poster yang dijadualkan pada tahun 2020 berbanding tujuh (7) pada tahun 2019. Walau bagaimanapun, ia ditangguhkan ke tahun 2021.
- b) Hanya satu (1) CDE Kelab Jurnal yang dapat dilaksanakan.
- c) 5<sup>th</sup> *Research Day JKWPKL & P* yang berkolaborasi dengan CRC Hospital Putrajaya yang dijadualkan pada September 2020 juga ditangguhkan kepada tahun 2021 berikutan pandemik COVID-19.

## Kelemahan

Terdapat beberapa kelemahan kecil yang boleh diperbaiki pada masa akan datang:

1. Terdapat *Principal Investigator* (PI) yang masih keliru tentang tatacara permohonan kaji selidik walaupun telah dimaklumkan setiap kali mesyuarat kepada Ahli Jawatankuasa.
2. Kesalahan penulisan (*minor*) oleh Pegawai / Pakar yang menghantar penerbitan untuk *Compendium*.
3. Program Kesihatan Pergigian KKM meminta kaji selidik yang dijalankan perlu memberi impak kepada kesihatan pergigian.

## Cadangan Penambahbaikan/Pembetulan

Beberapa cadangan penambahbaikan kelemahan di atas telah dilaksanakan:

1. Lampiran yang telah dikemaskini oleh KKM telah dimaklumkan dan dimintahkan semasa Mesyuarat HSR WPKL&P pada 15 Nov 2018 dan juga semasa Mesyuarat Pengurusan.
2. *Reviewer* menghantar semula penulisan yang perlu penambahbaikan. Sekiranya pembetulan tidak dihantar, kaji selidik tersebut tidak akan diterbitkan
3. Terdapat beberapa kaji selidik yang memberi impak kepada perkhidmatan kesihatan pergigian telah dirancang pada tahun 2021.

## Kesimpulan

Beberapa perancangan pada tahun 2020 seperti *Research Day* yang berkolaborasi dengan CRC Hospital Putrajaya, Asas Analisa Kajian Dan Pengenalan Kepada Biostatistik dan Teknik Penulisan '*Research Report, Thesis & Dissertation*' terpaksa ditangguhkan berikutan pandemik COVID-19. Sehubungan itu BKP, JKWPKL &P membuat beberapa perancangan pada tahun 2021 iaitu Bengkel Basic SPSS dan Bengkel Analisa Data Menggunakan Excel. Selain itu, pihak JKWPKL & P berusaha untuk memastikan setiap kajian yang dijalankan memberi impak kepada kesihatan pergigian.

## 6.2.2 KEPAKARAN KESIHATAN PERGIGIAN

### KEPAKARAN BEDAH MULUT DAN MAKSILOFASIAL HOSPITAL PUTRAJAYA

#### Pengenalan

Klinik Pakar Bedah Mulut yang terletak di aras G Hospital Putrajaya mula beroperasi pada 1 September 2001, namun masa itu komponen pergigian tidak terdapat di dalam sistem THIS (Total Hospital Information System). Pakar Pergigian Bedah Mulut telah ditempatkan untuk membangun dan melengkapkan klinik dan Sistem HIS Pergigian. *Trial run* sistem telah di buat dan pada tahun 2002 mula menerima pesakit sepenuhnya. Bedah Mulut merupakan salah satu perkhidmatan kepakaran dalam Perkhidmatan Kesihatan Pergigian. Jabatan Bedah Mulut Hospital Putrajaya yang beroperasi sebagai *hospital-based* klinik merupakan pusat rujukan kes trauma dan bukan trauma yang melibatkan bahagian maksilofasial dan mulut.


Jadual 6.24: Senarai Nama Pakar Pergigian Bedah Mulut dan Maksi洛facial (OMFS) tahun 2020

Bil	Nama	Jawatan	Gred
1	Dr Norhayati binti Omar	Pakar Bedah Mulut dan Maksi洛facial & Ketua Jabatan Klinik Bedah Mulut	UG56
2	Dr Fadzira Binti Maarof	Pakar Bedah Mulut dan Maksi洛facial	UG56

#### Objektif Jabatan

1. Memberikan rawatan pencegahan, kecemasan dan definitif dan pemulihan kepada pesakit yang memerlukan agar mencapai taraf kesihatan yang memuaskan untuk menjalankan kehidupan sehari-hari.
2. Menyediakan latihan dalam bidang kepakaran pembedahan pergigian kepada pegawai pergigian, paramedik dan lain-lain anggota.
3. Menggalakkan perkongsian ilmu melalui penyelidikan dan pembelajaran berterusan.

## Statistik



Rajah 6.4: Kedatangan Pesakit Dalam & Luar ke Klinik Bedah Mulut Tahun 2018–2020


Jadual 6.25: Taburan Kedatangan ke Klinik Pakar Bedah Mulut Mengikut Umur Tahun 2016–2020

Umur (Tahun)	2018	2019	2020
0-1	125	177	144
1-4	214	227	214
5-6	108	80	104
7-12	193	207	176
13-17	233	269	167
18-29	2101	1973	1574
30-59	3039	2840	2442
60 keatas	572	575	594
Jumlah	<b>6585</b>	<b>6348</b>	<b>5415</b>

Jadual 6.26: Bilangan Prosedur / Ujian (Tertinggi) Bagi Tahun 2018–2020

Bil	Prosedur / Ujian	Pencapaian		
		2018	2019	2020
1	Pembedahan <i>Dentoalveolar/MOS</i>	824	897	563
2	Trauma i. Rawatan kecederaan tulang ii. Rawatan kecederaan tisulembut & rawatan kecederaan gigi	89 602	114 601	108 449
3	Restoratif / Preventif	611	1110	3109
4	Pengambilan Radiograf Luar Mulut ( <i>Conebeam</i> )	1357	1297	1229

### Rawatan Pembedahan di bawah Pembiusan Am 2018-2020



Rajah 6.5: Bilangan Rawatan Pembedahan Di Bawah Pembiusan Am Tahun 2018–2020

Jadual 6.27: Aktiviti Jabatan Bedah Mulut Januari - Disember 2020

Tarikh	Aktiviti & Ringkasan
<b>Januari — Disember 2020</b>	<b>Mesyuarat Jabatan</b> <ul style="list-style-type: none"> <li>Sebanyak 4 kali mesyuarat jabatan diadakan           <ul style="list-style-type: none"> <li>➤ Bil 1/20: 14 Feb 2020</li> <li>➤ Bil 2/20: 19 Jun 2020</li> <li>➤ Bil 3/20: 4 Sept 2020</li> <li>➤ Bil 4/20: 4 Dis 2020</li> </ul> </li> </ul>
<b>7-8 Mac 2020-</b>	<b>Hari Keluarga Jabatan Bedah Mulut HPj di Tg Bidara Beach Resort Melaka</b>
<b>Januari — Disember 2020</b>	<b>'BUWAT' (BUYING WAITING TIME)</b> Pihak jabatan menyokong program BUWAT yang telah dikelolai oleh Unit Pendidikan
<b>Januari — Disember 2020</b>	<b>Kursus /Bengkel/ Konferen</b> <ul style="list-style-type: none"> <li>Sebanyak 124 kursus, seminar, bengkel, konferen, dihadiri oleh berbagai katergori anggota sepanjang tahun 2020</li> </ul> <b>CDE</b> <ul style="list-style-type: none"> <li>➤ 13 topic CDE diadaka, semua anggota Jabatan Bedah Mulut pelbagai kategori terlibat</li> </ul>
<b>Mac -Jun 2020</b>	<ul style="list-style-type: none"> <li>Sumbangan&amp; Aktiviti           <ul style="list-style-type: none"> <li>➤ Penyedian PPE (<i>Head Cover</i>)</li> <li>➤ <i>Frontliner</i> Peringkat Hospital Putrajaya: 4 orang Peg.Pergigian &amp; 3 orang Pem.Pemb.Pergigian</li> <li>➤ <i>Frontliner</i> Peringkat Negeri: 1 Pakar Bedah Mulut, 5 orang Peg.Pergigian&amp; 1 orang Pem.Pemb.Pergigian</li> </ul> </li> </ul>
<b>28 sept 2020</b>	Kursus (Anjuran Jabatan Bedah Mulut) I. <b><i>Medical Emergencies In Dentistry</i></b> <ul style="list-style-type: none"> <li>➤ Peserta: 30 orang (Pegawai Pergigian)</li> <li>➤ Tempat : Bilik Seminar Hospital Putrajaya</li> </ul>

### 6.2.3 PERKHIDMATAN KEPAKARAN ORTODONTIK

#### Pengenalan

Ortodontik adalah salah satu bidang pergigian yang menitikberatkan pertumbuhan muka, perkembangan gigi dan oklusi serta diagnosis, rawatan pintasan dan rawatan maloklusi. Aktiviti utama (skop) Perkhidmatan Kepakaran Ortodontik adalah memberi perkhidmatan perundingan kepada pesakit yang dirujuk ke Unit Ortodontik dan memberi rawatan kepada yang didapati memerlukan.

Oleh kerana permintaan untuk rawatan ortodontik yang tinggi, hanya pesakit yang mempunyai "Indeks of Orthodontic Need" (Keperluan Rawatan Ortodontik) (IOTN) yang tinggi iaitu IOTN 4 dan 5 diterima

untuk rawatan. Keutamaan diberikan kepada pesakit yang memerlukan rawatan pintasan, modifikasi kepada tumbesaran tulang rahang dan kes-kes kecederaan kepada pergigian (*dental trauma*). Pesakit yang tidak memerlukan rawatan segera akan dimasukkan ke dalam senarai menunggu.

#### Objektif

Memberi rawatan ortodontik yang komprehensif dengan cekap dan berkesan kepada pesakit yang dirujuk dan didapati memerlukan rawatan ortodontik.

Keutamaan rawatan diberikan kepada pelajar sekolah yang berumur 18 tahun ke bawah atau pesakit yang didapati memerlukan rawatan pelbagai disiplin.

Jadual 6.28: Senarai Nama Pakar Pergigian Ortodontik Tahun 2020

Bil	Nama	Jawatan	Gred	Tempat Bertugas
1	Dr Ruslan bin Sulaiman (Bersara pada 21.09.20)	Ketua Kepakaran & Pakar Perunding Kanan Ortodontik	Khas B	KP Putrajaya Presint 18
2	Dr Arjunan A/IL Muthusamy (Melapor diri pada 12.10.20)	Ketua Kepakaran & Pakar Perunding Kanan Ortodontik	Khas B	KP Putrajaya Presint 18
3	Dr Fatimah bt Abdullah (Melapor diri pada 05.11.20)	Pakar Perunding Ortodontik	Khas C	KP Cahaya Suria
4	Dr Nina Baizura bt Abdul Aziz	Pakar Ortodontik	UG54	KP Cahaya Suria
5	Dr Mohd Zambri bin Mohamed Makbul	Pakar Ortodontik	UG54	KP Cahaya Suria
6	Dr Prethiba a/p Yugraj	Pakar Ortodontik	UG56	KP Bangsar
7	Dr Emy Haniza Zuriani bt Mamat Ariffin	Pakar Ortodontik	UG54	KP Bangsar
8	Dr Nora Rizka bt Mohamad	Pakar Ortodontik	UG54	KP Dato' Keramat
9	Dr Hajar Hidayah bt Rossdan	Pakar Ortodontik	UG54	KP Dato' Keramat
10	Dr Wan Salbiah bt Wan Abdul Razak	Pakar Ortodontik	UG54	KP Kuala Lumpur


## Statistik

Jadual 6.29: Senarai Menunggu Rawatan Ortodontik Mengikut Unit Ortodontik Sehingga Tahun 2020

Unit Ortodontik	Senarai Menunggu		
	2018	2019	2020
KP Cahaya Suria	366	352	238
KP Bangsar	574	322	349
KP Dato' Keramat	439	409	398
KP Putrajaya Presint 18	144	405	604
KP Kuala Lumpur	30	0	0

Jadual 6.30: Bilangan Pesakit Rujukan Tahun 2018 – 2020

Tahun	Klinik				
	KPCS	KP Dato. Keramat	KP Bangsar	KP Presint 18 Putrajaya	KPKL
2018	284	263	154	339	68
2019	335	227	98	325	69
2020	90	89	47	182	89



Rajah 6.6: Kedatangan Pesakit ke Unit Ortodontik Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur Tahun 2018 - 2020

Jadual 6.31: Kedatangan Pesakit Mengikut Umur Tahun 2018 - 2020

Kategori Pesakit	Bilangan Pesakit Baru			Bilangan Pesakit Ulangan		
	2018	2019	2020	2018	2019	2020
<6 tahun	0	1	0	0	0	0
7-12 tahun	257	257	165	498	501	208
13-17 tahun	1825	1747	1234	5149	4770	1888
18-29 tahun	3096	3321	2856	11438	12461	4928
30-59 tahun	117	127	119	382	379	189
>18 tahun	3213	3448	2975	11820	12840	5117
<b>Jumlah</b>	<b>5295</b>	<b>5453</b>	<b>4374</b>	<b>17467</b>	<b>18111</b>	<b>7213</b>



Rajah 6.7: Bilangan Pesakit Mengikut Jenis Maloklusi Dalam Tahun 2018 - 2020

Mengikut jenis maloklusi, pesakit paling ramai adalah dari Class II Div 1 dan paling sedikit dari Class II Div 2. Jika bersesuaian pesakit yang mempunyai maloklusi Class II boleh diberi rawatan modifikasi tumbesaran tulang

rahang menggunakan aplians fungsi jika dirujuk bertepatan masa (*timely referral*), iaitu 10-12 tahun bagi kanak-kanak perempuan dan 12-14 tahun bagi kanak-kanak lelaki.



Rajah 6.8: Perundingan 1 di Unit Ortodontik Tahun 2018 - 2020



Rajah 6.9: Perundingan 2 di Unit Ortodontik Tahun 2018 - 2020



Rajah 6.10: Aplians Tetap di Unit Ortodontik Tahun 2018 – 2020



Rajah 6.11: Bilangan Pesakit Tamat Rawatan Aktif di Unit Ortodontik Tahun 2018 – 2020

## Aktiviti

### 1. Menjalankan Satu (1) Kursus Dalaman

Jadual 6.32: Kursus Dalaman yang Diadakan oleh Unit Kepakaran Ortodontik Tahun 2020

Bil	Nama Kursus	Tarikh	Kumpulan Sasaran	Penyelaras
1	Kursus Pemantapan Perkhidmatan Ortodontik Juruterapi Pergigian WPKL & P	6 Ogos 2020	Juruterapi Pergigian	
2.	Echo training Taklimat Pelaksanan SKT dan LNPT	4 September 2020 Via Skype for business	Pakar Ortodontik dan Pegawai Pergigian tetap	

## **2. Sesi *Combine Clinic***

Memberi perkhidmatan perundingan dan rawatan kepada kes-kes yang dirujuk melalui sesi *Combine Clinic* seperti berikut :

- a. Jabatan Bedah Mulut, Hospital Kuala Lumpur
- b. Jabatan Bedah Mulut, Hospital Selayang
- c. Jabatan Plastik & Rekonstruktif, Hospital Kuala Lumpur
- d. Jabatan Pergigian Pediatrik, Institut Pediatrik, Hospital Kuala Lumpur
- e. Unit Ortodontik / Periodontik / Restoratif, Klinik Pergigian Cahaya Suria

## **3. Melatih Pegawai Pergigian *Attachment***

Pegawai pergigian berkenaan telah lulus sekurang-kurangnya *MFDS Part I* atau *MOrth Part 1* dan dalam proses memohon tempat untuk melanjutkan pelajaran dalam bidang Ortodontik.

BIL	NAMA PEGAWAI	PENEMPATAN ATTACHMENT	STATUS
1	Dr Asyraf Adili bin Gazaini	KP Cahaya Suria	Tetap
2	Dr Tan Xin Yi	KP Cahaya Suria	Tetap
3	Dr Roselyn Matthew	KP Bangsar	Tetap
4	Dr Nik Ruzzana bt Nik Azmin	KP Setapak	Tetap
5	Dr Nur Akmalina bt Mahadzir	KP Putrajaya Presint 18	Tetap
6	Dr Nusaibah Mutmainnah bt mohamad Azmi	KP Putrajaya Presint 18	Sementara
7	Dr Lor Yen Fang	KP Putrajaya Presint 18	Sementara
8	Dr Parimala Devi a/p Muthu Krisnan	KP Kuala Lumpur	Tetap
9	Dr Siti Syahirah binti Mohd Ridzwan	KP Kuala Lumpur	Sementara
10	Dr Nur Airina bt Zainuddin	KP Kuala Lumpur	Sementara

## **4. Melatih Pegawai Pergigian Sarjana(Ortodontik)**

Latihan Kolaborasi Pascasiswazah di antara Universiti Malaya dan Program Kesihatan Pergigian KKM telah bermula pada 16 Jun 2020. Seramai 4 pelajar telah memulakan pengajian klinikal di 2 buah Klinik Pakar Ortodontik yang telah di pilih.

- 1.Dr. Najwa binti Zakaria -KP Cahaya Suria
- 2.Dr. Noor Asyikin Azmily -KP Cahaya Suria
- 3.Dr. Chan Choon Chong -KP Botanik, Klang
- 4.Dr. Pang Yee Rui -KP Botanik, Klang

8 orang Pensyarah Kehormat telah dilantik oleh Universiti Malaya bagi membantu dalam penyeliaan klinikal pada pelajar tersebut. Mereka terdiri daripada:

1. Dr. Mohd Zambri Bin Mohamed Makhbul
2. Dr. Prethiba a/p Yugarraj
3. Dr. Nora Rizka bin Mohamad
4. Dr. Emy Haniza Zuriani binti Mamat Ariffin
5. Dr. Nur Auliana binti Zainul Ariff
6. Dr. Ikmal binti Mohamad Jaafar
7. Dr. Lyddia binti Saffai
8. Dr. Shazreena binti Razak

## Cabaran / Isu

1. Pandemik COVID-19 sejak Mac 2020  
Hanya kes kecemasan sahaja dapat dijalankan dari Mac hingga Jun 2020. Sementara dari Jun hingga Julai, hanya membuat rawatan susulan bagi kes aktif dengan penjarakan pada kedatangan pesakit. Kes dari senarai menunggu dan kes baru terpaksa ditunda. Ini menyebabkan senarai menunggu bertambah dan kurang pesakit dapat dirawat.
2. Senarai menunggu yang panjang yang lebih 3 tahun di KPB, KPDK dan KP Presint 18 dan 3 tahun bagi KPCS.
3. Kekurangan Pembantu Pembedahan Pergigian di KPB dan PPK yang membantu Pakar Ortodontik.
4. Ketiadaan Juruteknologi (JT) Pergigian Pos Basik di semua Unit Ortodontik di WPKL dan Putrajaya.
5. Ketiadaan Juruterapi Pergigian Pos Basik Ortodontik sepenuh masa di KPKL.
6. Kekurangan "*dental chair*" di Unit Ortho KPB, KPDK, dan KPKL.
7. Unit Ortodontik KPDK yang masih menumpang di KP Setapak.
8. Perkhidmatan Ortodontik KP Cahaya Suria Sementara dalam proses untuk berpindah lagi ke Legasi. Memerlukan perancangan yang teliti dan rapi dalam berbagai aspek sebelum perpindahan dapat dilaksanakan.
9. Kekurangan ruang untuk penyimpanan model kajian ortodontik untuk semua unit ortodontik.
10. Unit Ortodontik KP Dato Keramat yang masih menumpang di KP Setapak dengan ruang yang sempit dan tiada penghadang diantara bilik surgeri.

## Tindakan Penambahbaikan

1. Kerusi dental Unit Ortodontik KPB yang selalu rosak telah dimohon untuk dilupuskan agar penggantian "*dental chair*" yang baru dapat dilaksanakan.
2. Memohon penambahan kakitangan sokongan di Unit Ortodontik KPB dan KPDK.
3. Memohon agar lebih ramai Juruteknologi Pergigian terutama yang memiliki Pos Basik Ortodontik ditempatkan di klinik yang mempunyai Unit Ortodontik agar masa menunggu untuk pembuatan aplians dapat dipendekkan dan kualiti aplians ortodontik dapat ditingkatkan.
4. Memohon kabinet untuk penyimpanan barang stok di Unit Ortodontik, KPKL.
5. Memerlukan penghadang antara dua surgeri di Unit Ortodontik, KPDK bagi membolehkan prosedur AGP dapat dijalankan dengan lebih berkesan.

## Kesimpulan

Tahun 2020 merupakan tahun yang penuh cabaran bagi semua anggota di KKM termasuk Unit Kepakaran Ortodontik kerana berdepan dengan pandemik Covid-19 serta Perintah Kawalan Pergerakan yang memaksa semua anggota perlu peka dan berubah kepada cara kerja norma baru dalam menjalankan tugas semasa memberi

perkhidmatan kepada pesakit. Ini bagi memastikan keselamatan diri anggota dan pesakit dapat dijaga dengan sebaik mungkin untuk mengelakkan berlaku sebarang perebakan jangkitan Covid-19 semasa memberikan rawatan ke atas pesakit. Walaubagaimana pun, Perkhidmatan Kepakaran Ortodontik WPKL dan Putrajaya akan terus berusaha memberikan perkhidmatan yang terbaik dan berkualiti kepada semua pesakit yang memerlukan rawatan ortodontik.

**Disediakan oleh:** Dr Fatimah Bt Abdullah

## 6.2.4 UNIT KEPAKARAN PERGIGIAN PERIODONTIK

### Pengenalan

Unit Kepakaran Periodontik WP Kuala Lumpur & Putrajaya terdiri daripada Unit Periodontik yang bertempat di empat (4) lokasi iaitu:

1. Unit Pakar Periodontik, KP Cahaya Suria (KPCS) : beroperasi sejak 1987
2. Unit Pakar Periodontik, KP Cheras : beroperasi pada April 2013
3. Unit Pakar Periodontik, Presint 18 Putrajaya : beroperasi pada Ogos 2015
4. Unit Pakar Periodontik, KP Kuala Lumpur (PKPL) : beroperasi pada Mei 2017

Ketua Kepakaran Periodontik Kebangsaan adalah Dr Rasidah bt Ayob, manakala Ketua Kepakaran Periodontik Negeri WP Kuala Lumpur & Putrajaya adalah Dr Chan Yoong Kian. Terkini bilangan Pakar Periodontik di WPKL & P kekal 7 orang.

Jadual 6.33: Senarai Nama Pakar Pergigian Periodontik WPKL & Putrajaya Tahun 2020

Bil	Nama	Jawatan	Gred	Tempat Bertugas
1.	Dr Chan Yoong Kian	Ketua Kepakaran Periodontik Negeri	Gred Khas B (M)	Unit Pakar Periodontik, KPCS
2.	Dr Izrawatie Mardiana bt Shapeen	Pakar Periodontik	UG56	Unit Pakar Periodontik, KPCS
3.	Dr Izni Iwani bt Majid	Pakar Periodontik	UG54	Unit Pakar Periodontik, KPCS
4.	Dr Renukanth a/l P.Chetra Raman	Pakar Periodontik	UG56	Unit Pakar Periodontik, PKPL
5.	Dr Sharifah Maznah bt Wan Mohammed	Pakar Periodontik	UG56	Unit Pakar Periodontik Presint 18 Putrajaya
6.	Dr Ainul Haliza bt Ab Malek	Pakar Periodontik	UG54	Unit Pakar Periodontik Presint 18 Putrajaya
7.	Dr Poonitha a/p Gengatharan	Pakar Periodontik	UG54	Unit Pakar Periodontik KP Cheras

### Objektif

1. Mencegah dan mengurangkan bebanan penyakit periodontium di kalangan rakyat.
2. Menggalakkan dan memperbaiki sistem penjagaan kesihatan periodontium.
3. Memberi perkhidmatan kepakaran Periodontik pada tahap terbaik dan dengan rawatan terkini berdasarkan 'evidence based approach'.


## Statistik

Jadual 6.34: KPI Unit Pakar Periodontik WPKL & Putrajaya Tahun 2020


UNIT PERIO	KPI 1			KPI 2			KPI 3 (new / modified)			KPI 4		
	Masa menunggu (30min)			Tarikh temujanji diberi dalam masa 4 minggu			Kompetensi klinikal : Kes selesai dalam masa 2 tahun			Pengurangan 50% kedalaman poket dalam masa 6 bulan		
	Std: 85%			Std: 63%			Std: 20%			Std: 70%		
	N	D	%	N	D	%	N	D	%	N	D	%
KP Cahaya Suria	329	440	74.8	89	138	64.5	29	353	8.2	8	12	66.7
KP Putrajaya P18	454	470	96.6	89	170	52.4	95	299	31.8	53	60	88.3
KP Kuala Lumpur	694	757	91.7	44	135	32.6	14	93	15.1	18	21	85.7
KP Cheras	345	347	99.4	29	73	39.7	30	60	50.0	2	5	40.0
KP Batu Muda – mula dibuka 25/1/2021	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-

Pencapaian di bawah % standard


Kekangan akibat pandemik Covid-19 serta ketiadaan bilik AGP sehingga akhir tahun 2020 telah menyebabkan KPI2, KPI3 dan sebahagian KPI4 tidak dicapai.




Rajah 6.12: Jumlah Kedatangan Pesakit Ke Unit Periodontik WPKL & P Tahun 2018-2020




Rajah 6.13: Bilangan Kes Perundingan dan Penskaleran / Pendebridmen Subgingiva Tahun 2018–2020




Rajah 6.14: Bilangan Kes Fasa Pengekalan dan Kes Selesai Tahun 2018–2020



Rajah 6.15: Beban Kerja Pakar Periodontik JKWPKL&P Tahun 2018 – 2020, mengikut unit : Kedatangan Pesakit



Rajah 6.16 : Beban Kerja Pakar Pakar Periodontik JKWPKL&P Tahun 2018 – 2020, mengikut unit : Kes Non-surgikal  
(Perundingan, Penskaleran Dan Pendebridmen Subgingiva)



Rajah 6.17: Beban Kerja Pakar Pakar Periodontik JKWPKL&P Tahun 2018 – 2020, mengikut unit : Kes Pembedahan  
(termasuk prosedur pembedahan lain-lain)

## Aktiviti

	TARIKH	AKTIVITI
<b>Kursus/Bengkel</b>	11 & 12 Ogos 2020	New Perio Classification & Revisiting Periodontal Disease: Detection & Early Treatment, peserta terdiri daripada 60 pegawai pergigian
	15 September 2020	Kursus Pemantapan Periodontik untuk anggota Periodontik Wilayah, terdiri daripada 41 orang peserta
<b>CDE</b>		CDE telah dilakukan di peringkat unit
<b>Journal Club</b>		Dijadualkan setiap tiga bulan sekali dan dirancang oleh Dr. Izni Iwani. Pemilihan tajuk atau tema adalah mengikut kepakaran dan dibentangkan pegawai pergigian dan diselia oleh pakar. Kehadiran dan pembentangan dibuat mengikut giliran yang melibatkan pegawai pergigian seluruh WPKL&P. Pada tahun 2020, pembentangan dan perbincangan telah dijalankan sebanyak tiga kali sahaja disebabkan pandemik pada bulan Januari, Februari dan Mac 2020.
<b>Combined clinic</b>		<p>Kes-kes multidisiplin yang melibatkan kepakaran <i>non-hospital based</i>: Periodontik, Ortodontik dan Restoratif – bertempat di KP Cahaya Suria</p> <p>Kes-kes multidisiplin yang melibatkan kepakaran di hospital :</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Melibatkan juga restoratif, ortodontik dan periodontik.</li> <li>• Orthognathic : Melibatkan Kepakaran Bedah Mulut dan Maksilofasial (OMFS), Ortodontik, Restoratif &amp; Periodontik dijalankan sebulan sekali, di lokasi yang telah ditetapkan secara bergilir-gilir di Hospital Putrajaya, Hospital Kajang, Hospital Serdang, Hospital Ampang.</li> <li>• Paeds : Melibatkan Kepakaran Pergigian Paeds, Resto, Ortho dan Perio. Dijalankan sebulan sekali, di lokasi yang telah ditetapkan secara bergilir-gilir di Hospital Kajang, Hospital Ampang, Hospital Serdang dan KP Ortodontik Sri Kembangan dan KP Ortodontik Sg Chua.</li> </ul>

CABARAN	TINDAKAN PENAMBAHBAIKAN
Pandemik Covid-19 telah menjadikan perkhidmatan kepakaran periodontik yang melibatkan banyak <i>Aerosol Generating Procedure</i> (AGP)	Permulaan prosedur AGP dengan penerimaan <i>oral suction</i> dari BKP dan pembelian PPE serta penyediaan bilik AGP untuk setiap Unit Pakar Periodontik
Kekurangan perawat/operator dan pembantu	Membuka peluang kepada pegawai pergigian yang berminat untuk melakukan attachment di Unit Pakar Periodontik bukan sahaja untuk perkembangan kerjaya mereka tetapi dalam masa yang sama agar lebih ramai pesakit dapat dirawat
	Memaklumkan kepada pihak pentadbir dan atasan untuk menambah bilangan pelatih PPP dan PPP
Fasiliti yang terhad, sering rosak dan tidak berfungsi dengan baik	Memajukan permohonan aset dan pembaikan kepada pihak atasan.
Pertumbuhan kulat di bilik rawatan Perio KPCS (bangunan Pudu Sentral) pada dinding dan <i>partition</i> . Walaupun telah dicat, kulat tumbuh kembali. Jangkitan kulat semakin teruk dan rawatan ke atas pesakit telah dihentikan bermula Disember 2019 sehingga keadaan bebas kulat di akhir tahun 2020.	Unit Pakar Periodontik KPCS mula beroperasi akhir tahun 2020 dengan renovasi dan pembasmian jangkitan kulat oleh pihak pengurusan UDA.

Disediakan Oleh: Dr Chan Yoong Kian

## 6.2.5 UNIT KEPAKARAN PERGIGIAN RESTORATIF

### Pengenalan

Unit Pakar Pergigian Restoratif pertama di WPKL dan Putrajaya telah memulakan operasinya di Klinik Pergigian Cahaya Suria, Kuala Lumpur pada tahun 2004 dan kini selepas 16 tahun terdapat 6 unit pakar di seluruh WPKL dan Putrajaya.

### Objektif

Perkhidmatan kepakaran pergigian restoratif merangkumi pencegahan, promosi, pemulihan dan rawatan yang bertujuan untuk mengembalikan semula fungsi oral dan estetik dengan cara penggantian dan

rehabilitasi struktur gigi, oral dan maksilofasial. Secara spesifiknya, antara kes-kes yang dirawat adalah seperti:


- Prostodontik tetap dan boleh tanggal yang kompleks- konvensional dan/atau implant pergigian
- Protesis untuk maksilofasial
- Kecacatan kongenital / diperoleh (bahagian kepala dan leher) – seperti rekahan lelangit dan bibir
- Endodontik yang kompleks (mikroskopik) – konvensional dan pembedahan, termasuk kes ulangan

Jadual 6.35: Senarai Nama Pakar Pergigian Restoratif Tahun 2020


Bil	Nama	Jawatan	Gred	Tempat Bertugas
1	Dr Roshima Mohd Sharif	Ketua Kepakaran dan Pakar Perunding Pergigian Restoratif	Gred Khas C	KP Cahaya Suria
2	Dr Rohani Mahmood	Pakar Perunding Pergigian Restoratif	Gred Khas C	KP Putrajaya Pr. 18
3	Dr Kamarul Hisham Kamarudin	Ketua Pakar Negeri dan Pakar Pergigian Restoratif	UG56	KP Kuala Lumpur
4	Dr Balkis Ghazali	Pakar Pergigian Restoratif	UG56	KP Cheras
5	Dr Ithnaniah Abdul Wahab	Pakar Pergigian Restoratif	UG56	KP Tanglin
6	Dr Aswani Che Ahmad	Pakar Pergigian Restoratif	UG56	KP Putrajaya Pr. 18
7	Dr Intan Azimah Azman	Pakar Pergigian Restoratif	UG54	KP Jinjang

### Pencapaian Tahun 2020

Kedatangan Pesakit Baru dan Ulangan ke Klinik Pakar Restoratif Tahun 2018-2020



### Rawatan Endodontik, Korona dan Jambatan Yang Dijalankan dan Kes Selesai Tahun 2018-2020



#### Kekuatan

- 1) Pakar-pakar pergigian restoratif di WPKL dan Putrajaya mempunyai latar belakang pendidikan, latihan dan pengalaman kepakaran dari dalam dan luar negara.
- 2) Ramai pakar telah menjalani latihan tambahan pos-kepakaran jangkamasa panjang dan pendek di dalam pelbagai sub-bidang seperti *maxillofacial prosthodontics*, implan pergigian dan endodontik melaui program khas seperti *area of special interest*.

- 3) Bergabung bukan sahaja dengan kepakaran pergigian lain untuk sesi *Combine Clinic*, tetapi juga turut bersama kepakaran perubatan lain seperti dalam sesi *Craniofacial Combine Clinic* di Hospital Kuala Lumpur.
- 4) Rawatan prostesis maksilofasial (mata dan hidung) dan luar mulut (telinga) dijalankan di klinik pakar bedah mulut dan maksilofasial bersama pakar bedah mulut.
- 5) 5 daripada 6 unit pakar dibekalkan mikroskop yang amat membantu dalam rawatan pergigian terutamanya rawatan endodontik dan pembedahan mikroskopoik endodontic.

#### Kelemahan Dan Tindakan Penambahbaikan

KELEMAHAN	TINDAKAN PENAMBAHBAIKAN
Kekurangan Pembantu Pembedahan Pergigian (PPP) terutamanya melibatkan Unit Pakar Pergigian Restoratif di KP Kuala Lumpur dan KP Putrajaya Pr. 18.	Hasil daripada program pemutihan penjawatan, tambahan seorang Pembantu Pembedahan Pergigian (PPP) telah berjaya ditempatkan di kedua-dua unit tersebut.
Masalah kekurangan kerusi pergigian. Setiap pakar memerlukan sekurang-kurangnya dua kerusi pergigian bagi membenarkan pegawai <i>attachment</i> menjalankan rawatan serentak bersama pakar.	Unit pergigian yang lengkap dan mencukupi untuk semua kepakaran dan pesakit luar perlu disediakan.
Tiada mikroskop di unit pakar Klinik Pergigian Cheras yang menghadkan rawatan endodontik kompleks.	Mikroskop perlu disediakan untuk membantu kelancaran rawatan.
Tiada Juruterapi Pergigian (JTP) Pos Basik Kepakaran Pergigian Restoratif. Sumber tenaga ini diperlukan dalam membantu pakar memberi rawatan sehari-hari, memantau amalan pencegahan jangkitan silang dan keberkesanan rawatan dalam fasa pengekalan.	Post basik JTP perlu diwujudkan untuk Kepakaran Pergigian Restoratif untuk memenuhi keperluan semasa.
Bilangan Juruteknologi Pergigian (JT) perlu ditambah	Penjawatan JT pos basik untuk gunasama Kepakaran Pergigian Restoratif di klinik-klinik perlu diwujudkan

## Aktiviti

### ANJURAN KEPAKARAN

TARIKH	AKTIVITI
15 September 2020	Bengkel Pengenalan dan <i>Kalibrasi Restorative Dentistry Index of Treatment Need (RDITN)</i>
30 September – 1 Oktober 2020	Kursus Restodontik 2020 <i>Back to Basic Dental Materials - Materialize Them</i>

### PENGLIBATAN PAKAR

TARIKH	PAKAR TERLIBAT	AKTIVITI
11 Januari 2020	Dr Roshima Mohd Sharif	<i>Integrating Micro-Endodontic In Your Dental Practice</i>
9 Februari 2020	Dr Kamarul Hisham Kamarudin	<b>International Journal of Maxillofacial Prosthetics (iJMP).</b> 2019: 1:33-35 <i>Obturators to facilitate speech and swallowing in a maxillectomy patient with dementia and cerebral infarction. Case Report.</i> <i>Yuka I. Sumita, Kamarul Hisham Kamarudin, Mariko Hattori, Ayuko Kamiyanagi, Toshimitsu</i>
14-16 Februari 2020	Dr Roshima Mohd Sharif	<b>27<sup>th</sup> MDA Scientific Convention &amp; Trade Exhibition</b>
12 April – 28 Mei 2020	Dr Kamarul Hisham Kamarudin	Sukarelawan COVID di PKD Titiwangsa
31 Mac – 12 April 2020	Dr Aswani Che Ahmad	Sukarelawan COVID di CPRC PKD Putrajaya dan PKD Kepong
24 Ogos 2020	Dr Intan Azimah Azman	Facebook Live anjuran BKP JKWPKL dan Putrajaya bertajuk “Norma Baharu: Rawatan Restoratif Pasca Covid-19”
15 Sept 2020	Dr Kamarul Hisham Kamarudin	<b>Seminar Pain as 5th Vital Sign and Pain Free Programme</b> peringkat negeri WPKL & Putrajaya. “Pelaksanaan P5VS dan Pengurusan Kesakitan di Klinik Pergigian”
27 Sept 2020	Dr Kamarul Hisham Kamarudin	<b>6th Malaysian Dental Technologist Conference and Trade Exhibition</b> “Bend and Break ”

### Kesimpulan

Pihak kepakaran Pergigian Restoratif JKWPKL dan Putrajaya akan terus cuba sedaya upaya untuk memberikan perkhidmatan yang terbaik kepada pesakit-pesakit yang dirujuk ke unit kami walaupun perlu menjalankan rawatan di dalam norma baharu pasca wabak Covid-19.

Disediakan Oleh:

Dr Aswani Che Ahmad  
Dr Kamarul Hisham Kamarudin


## 6.2.6 KEPAKARAN PERGIGIAN KESIHATAN AWAM

### Pengenalan

Kepakaran Pergigian Kesihatan Awam adalah bidang kepakaran pergigian yang meneraju dan merancang hala tuju Perkhidmatan Kesihatan Pergigian yang diberikan kepada seluruh lapisan masyarakat. Di WP Kuala Lumpur & Putrajaya, Unit Kepakaran Pergigian Kesihatan Awam pertama akan berada di Pusat Pakar Pergigian Kuala Lumpur dan mula beroperasi tahun 2021. Unit ini akan berfungsi sebagai Pusat Penjagaan Kesihatan Awam dengan memperkasakan Kesihatan Pergigian pada masyarakat, meneraju kolaborasi bersama pelbagai Agensi Kerajaan dan Bukan Kerajaan bagi memperluaskan kesihatan pergigian, menjadi Pusat Rujukan Pencegahan Penjagaan Kesihatan Pergigian. Unit ini juga menjadi Pusat Rehabilitasi terbesar dan menerima rujukan pesakit dari seluruh kepakaran kesihatan dan pergigian di Malaysia. Tambahan lagi, unit ini juga berperanan sebagai pusat latihan kepada

Kepakaran Kesihatan Awam, pelatih dan pelajar di WP Kuala Lumpur.

Dengan perancangan bagi merealisasikan visi, misi dan objektif Program Kesihatan Pergigian, Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM), Perkhidmatan Kepakaran Pergigian Kesihatan Awam WP Kuala Lumpur & Putrajaya adalah berteraskan seperti berikut:



Pelaksanaan sesuatu strategi yang telah dirangka oleh Dasar dan Perancangan strategik Kesihatan Pergigian memerlukan perancangan yang teliti dan sistematik. Pelan tindakan ini dibina berdasarkan PDCA (**Plan**>**Do**>**Check**>**Act**) seperti yang ditunjukkan dalam Carta Alir 1.

Carta Alir 1: Pelan Tindakan Kepakaran Pergigian Kesihatan Awam


- a) Memantau dan menganalisa situasi Kesihatan Pergigian di WP Kuala Lumpur dan Putrajaya berpandukan **Dasar dan Perancangan Strategik Kesihatan Pergigian** serta **Pelan Kesihatan Pergigian Nasional**.
- b) Memastikan Penyampaian Perkhidmatan Kesihatan Pergigian mematuhi dasar yang ditetapkan **melalui bukti (evidence-based), value-based** serta teknologi yang sesuai.
- c) Meneraju inisiatif **epidemiologi dan penyelidikan kesihatan pergigian** agar **setaraf antarabangsa** sebagai keperluan baharu dan mengkaji peluang perkembangan dasar kesihatan pergigian.
- d) Memastikan Penjagaan Kesihatan Pergigian **merangkumi keseluruhan liputan** iaitu Kesihatan Pergigian **Primer, Masyarakat, serta Kepakaran** agar taraf kesihatan pergigian rakyat selari dengan kemajuan sosio-ekonomi negara.
- e) **Menjamin pengamalan dan penyampaian Perkhidmatan Kesihatan Pergigian selamat dan berkualiti** meliputi amalan profesional dan aksiliary, akreditasi pengajian pergigian serta pelaksanaan inisiatif kualiti melalui pengubahan dan penguatkuasaan undang-undang dan peraturan berkenaan amalan pergigian.
- f) Memperkuuhkan usaha kolaborasi bersama agensi-agensi Kerajaan dan Bukan Kerajaan di pelbagai peringkat dalam mencapai taraf kesihatan pergigian berlandaskan prinsip-prinsip kesihatan awam. Meliputi isu-isu berkaitan *Universal Health Coverage (equity, accessibility, quality and affordability)*

Pelan Tindakan Ringkas Unit Kepakaran Pergigian Kesihatan Awam meliputi perancangan yang telah ditetapkan bagi memastikan taraf kesihatan pergigian masyarakat selari dengan kemajuan sosio-ekonomi negara. Perkara ini boleh dicapai dengan melaksanakan analisa situasi semasa sebagai bukti (*evidence-based*) bagi menyokong keperluan melaksanakan perancangan program/aktiviti kesihatan pergigian. Kesiapsiagaan dari segi sumber manusia, kewangan dan fasiliti turut disediakan supaya pelaksanaan kelak berjalan lancar. Pemantauan dan penilaian adalah berterusan bagi memastikan keberkesanan di tahap maksima. Pelbagai tindakan penambahbaikan akan diambil bagi memastikan

hasil pelaksanaan program/aktiviti tersebut meliputi dan berjaya mencapai seluruh masyarakat.


Penyakit mulut adalah salah satu indikator yang diukur dalam menentukan taraf kesihatan pergigian masyarakat. Hal ini selaras dengan salah satu konsep pelaksanaan Unit Kepakaran Pergigian Kesihatan Awam iaitu Konsep Pencegahan. Konsep akan meliputi seluru lapisan masyarakat seperti Gambar rajah 1.

Rajah 6.18: Konsep Unit Kepakaran Kesihatan Awam



### Skop Perkhidmatan Unit Kepakaran Kesihatan Awam

Unit Kepakaran Pergigian Kesihatan Awam menawarkan pelbagai perkhidmatan kesihatan pergigian berlandaskan teras-teras kesihatan awam seperti berikut:



## Pemantauan Dan Penilaian

Pelaksanaan pemantauan dan penilaian secara berterusan dilakukan oleh Unit Kepakaran Pergigian Kesihatan Awam dalam memastikan perkhidmatan kesihatan pergigian yang berkualiti diberikan merangkumi liputan seluruh masyarakat.

Penilaian dijalankan bagi menentukan kesesuaian, kesan, keberkesanan dan kesinambungan intervensi dalam pelaksanaan sesebuah program yang dirancang dan ditetapkan.

## Isu Dan Cabaran

Terdapat beberapa isu mengenai Kepakaran Kesihatan Awam Pergigian ini termasuk latihan, perjawatan dan kewangan seperti berikut:

### 1. Latihan sangkutan Pegawai Pergigian bersama Kepakaran Pergigian Kesihatan Awam

#### Penambahbaikan yang dilakukan:

##### i. Mengenalpasti masalah:

a) Terdapat pertanyaan oleh Pegawai Pergigian yang memohon Hadiah Latihan Persekutuan (HLP) tetapi tidak memohon *Dental Public Health Grooming (DPHG) Programme*

b) Bagi permohonan DPHG Programme, pegawai perlu melalui proses temuduga oleh Ketua Kepakaran Pergigian Kesihatan Awam Negeri iaitu sama seperti keperluan menjalani latihan sangkutan Kepakaran Pergigian lain merujuk kriteria latihan sangkutan kepakaran pergigian.

##### ii. Tindakan:

a) Bagi menjawab persoalan pegawai mengenai DPHG Programme di mana:

– Terdapat *weightage* semasa sesi temuduga HLP.  
– Sehubungan itu, sekiranya tidak mengikuti DPHG Programme, pegawai perlu mempunyai sekurang-kurangnya satu (1) projek dan merujuk Pakar Pergigian Kesihatan Awam (PP(G)KA) untuk memberi “expert opinion” mereka.

b) Bagi permohonan DPHG Programme adalah seperti berikut:

- Perlu menjalani temuduga sepetimana Kepakaran Pergigian Klinikal dengan mematuhi kriteria *attachment* yang ditetapkan.
- Hebahnya Permohonan Pegawai Pergigian berkenaan DPHG Programme setiap awal suku tahun bagi menggalakkan penglibatan dan memperluaskan minat Pegawai Pergigian terhadap Kepakaran Pergigian Kesihatan Awam

### 2. Perjawatan Kepakaran Pergigian Kesihatan Awam

#### Penambahbaikan yang dilakukan:

##### i. Mengenalpasti masalah:

a) Terdapat kekosongan bagi Pakar Pergigian Kesihatan Awam di mana pos strategik PP(G)KA di WPKL & P adalah lima (5), namun yang diisi setakat ini adalah tiga (3) sahaja iaitu dua (2) di Pejabat TPKN dan seorang (1) di PKPD Lembah Pantai).

b) Kekurangan Pakar Pergigian Kesihatan Awam di Zon iaitu hanya seorang sahaja di Zon Lembah Pantai.

##### ii. Tindakan:

a) Bagi pos strategik Pakar Pergigian Kesihatan Awam di WP Kuala Lumpur & Putrajaya:

- Program Kesihatan Pergigian KKM telah mengkaji semula pemetaan perjawatan bagi kepakaran Pergigian Kesihatan Awam
- Mereka menggunakan formula skor bagi menentukan keperluan dan penempatan PP(G)KA
- Sehubungan itu, hanya empat (4) pos strategik bagi PP(G)KA di WP Kuala Lumpur & Putrajaya sahaja iaitu dua (2) di Pejabat TPKN dan dua (2) di PKPD

b) Bagi mengatasi kekurangan Pakar Pergigian Kesihatan Awam di Zon, prinsip “zoning” telah diperkenalkan di mana dua (2) pos strategik perlu bertanggungjawab terhadap zon-zon yang lain.

### 3. Keperluan kewangan bagi membangun Unit Pakar Pergigian Kesihatan Awam yang dirancang akan siap pada tahun 2022.

## Penambahbaikan yang dilakukan:

- i. Mengenalpasti masalah:
  - Unit Pakar Pergigian Kesihatan Awam masih baru lagi dan setakat tahun 2020 hanya tiga (3) unit ini yang terdapat di Malaysia. Sehubungan itu, segala PP(G)KA sedia ada masih belum berpengalaman mengenai perbelanjaan yang melibatkan unit ini.
- ii. Tindakan:
  - PP(G)KA mengambil inisiatif dari pengalaman tiga (3) buah unit yang telah ditubuhkan di Malaysia.
  - Permohonan kewangan telah pun dibuat melalui Anggaran Belanja Mengurus (ABM)

## Kesimpulan

Kepakaran Pergigian Kesihatan Awam melibatkan usaha berpasukan dalam merealisasikan hala tuju Perkhidmatan Kesihatan Pergigian kepada masyarakat sejagat. Kerjasama dan kolaborasi antara sesama Kepakaran Pergigian, Agensi Kerajaan dan Bukan Kerajaan adalah teras kejayaan perancangan dan pelaksanaan Unit Kepakaran Pergigian Kesihatan Awam berlandaskan konsep pencegahan dan aplikasi konsep *family wellness*. Tanggungjawab anggota di Kepakaran Pergigian Kesihatan Awam adalah menggalakkan dan memupuk semangat kreativiti serta inovasi bagi mempertingkatkan kualiti dan memperluaskan liputan perkhidmatan kesihatan pergigian (Primer, Kepakaran serta masyarakat) yang ditawarkan.

### Disediakan Oleh

Dr Siti Zuriana Binti Mohd Zamzuri


Dr Maisara binti Mohd Zain

## 6.2.7 UNIT KEPAKARAN PERGIGIAN KEPERLUAN KHAS

### Pengenalan


Klinik Pergigian Keperluan Khas telah memulakan perkhidmatan di Hospital Rehabilitasi Cheras (HRC) pada tahun 2015 dengan penempatan seorang Pegawai Pergigian U48 dan seorang Pembantu Pembedahan Pergigian U17. Kes-kes yang rumit dirujuk kepada Pakar Pergigian Keperluan Khas dari Hospital Kuala Lumpur dan Hospital Kajang yang menjalankan lawatan secara berkala. Walaubagaimanapun, mulai Julai 2019, seorang Pakar Pergigian Keperluan Khas telah ditempatkan di hospital ini. Perkhidmatan yang diberikan meliputi pesakit-pesakit HRC yang berkeperluan khas, yang berumur 16 tahun dan ke atas.

Perkhidmatan yang diberikan merangkumi rawatan pergigian kepada pesakit dengan masalah perubatan yang kompleks, ketidakupayaan fizikal dan/ atau intelektual dan/ atau psikiatri atau kombinasi kesemua masalah tersebut. Kebanyakan pesakit yang dirujuk ke klinik ini adalah pesakit strok dan pesakit dengan masalah neurologikal dengan kombinasi ketidakupayaan fizikal dan/ atau intelektual serta warga emas. Penyampaian rawatan pergigian ke atas pesakit dilakukan dengan mengambil kira risiko komplikasi yang dihadapi oleh pesakit akibat masalah perubatan mereka.



## Pencapaian Tahun 2020

Kedatangan pesakit ke klinik ini telah merosot pada tahun 2020 akibat pandemik COVID-19 yang menyebabkan penyusunan semula temujanji pesakit supaya dapat mematuhi prosedur operasi standard (SOP) yang telah ditetapkan.



## Kekuatan, Kelemahan Dan Tindakan Penambahbaikan

Kekuatan	Kelemahan	Tindakan Penambahbaikan
<ul style="list-style-type: none"><li>Seorang Pakar Pergigian Keperluan Khas</li><li>Seorang Pegawai Pergigian U48</li><li>Seorang Pembantu Pembedahan Pergigian U24</li></ul>	<ul style="list-style-type: none"><li>Kekurangan anggota kerja kerana hanya seorang Pembantu Pembedahan Pergigian</li><li>Ketiadaan mesin radiograf</li></ul>	<ul style="list-style-type: none"><li>Permohonan penambahan anggota</li><li>Permohonan peruntukan aset untuk mesin x-ray</li></ul>

## Kesimpulan

Terdapat penurunan yang ketara dalam jumlah kehadiran pesakit ke klinik Pergigian Keperluan Khas pada tahun 2020 kesan daripada pandemik COVID-19. Semasa Perintah Kawalan Pergerakan dikuatkuasakan, hanya rawatan kecemasan sahaja dapat diberikan kepada

pesakit. Penerapan norma-norma baru dalam penyampaian perkhidmatan perlu diadaptasikan dan diamalkan. Sejajar dengan itu, aktiviti-aktiviti secara dalam talian (online) terpaksa dijalankan demi menjaga kemaslahatan semua pihak. Projek-projek penyelidikan yang bersesuaian juga patut ditingkatkan demi kemajuan perkhidmatan.

## 6.2.8 KUALITI KESIHATAN PERGIGIAN

### Pencapaian Kualiti Bahagian Kesihatan Pergigian Tahun 2020

Penetapan petunjuk prestasi bagi organisasi yang memberi perkhidmatan adalah bagi memastikan perkhidmatan yang diberi menepati keperluan pelanggan dan pihak berkepentingan kepada organisasi. Ini juga perlu untuk pelaksanaan tindakan penambahbaikan secara berterusan dalam memastikan perkhidmatan yang diberi sentiasa ditahap yang terbaik. Pemantauan prestasi perkhidmatan bagi Bahagian Kesihatan Pergigian (BKP), JKWPKL&P dibuat melalui indikator keberkesanannya berikut:

1. Petunjuk Prestasi Utama (KPI)
2. Objektif Kualiti (OK)

Jadual 6.36: Pencapaian KPI Dari Tahun 2018 Sehingga 2020

BIL	INDIKATOR	SASARAN 2020	PENCAPAIAN	PENCAPAIAN	PENCAPAIAN
			2018	2019	2020
1	Peratus klinik pergigian yang menyediakan perkhidmatan pesakit luar setiap hari	≥84%	100%	100%	100%
2	Peratus klinik kesihatan (KK) yang mempunyai komponen fasiliti pergigian	≥75%	72.2%	70.6%	70.6%
3	Peratus liputan ibu mengandung	≥60%	59.1%	60.2%	23.5%
4	Peratus murid sekolah rendah mencapai status <i>orally-fit</i> (liputan)	≥96.5%	96.7%	97.3%	31.5%
	Peratus murid sekolah menengah mencapai status <i>orally-fit</i> (liputan)	≥85%	93.8%	95.2%	41.8%
6	Peratus murid sekolah rendah dengan status <i>maintaining orally-fit</i> (kedatangan baru)	≥65%	KPI Baru 2019	69.4%	63.9%
7	Peratus murid sekolah menengah dengan status <i>maintaining orally-fit</i> (kedatangan baru)	≥70%	83.3%	82.1%	80.4%
8	Peratus murid 6 tahun bebas karies gigi	≥50%	KPI Baru 2019	58.9%	55.3%
9	Peratus murid 12 tahun bebas karies gigi	≥70.5%	86.1%	86.1%	84.6%
10	Peratus murid 16 tahun bebas karies gigi	≥50%	KPI Baru 2019	74.6	73.0%
11	Peratus murid sekolah rendah yang perlu sealan fisur mendapat rawatan sealan fisur	≥96%	96.6%	96.8%	50.1%

12	Peratus murid sekolah yang dikenalpasti sebagai perokok semasa yang menjalani sekurang-kurangnya 3 kali sesi intervensi lanjutan melalui program KOTAK	$\geq 58\%$	60.8%	79.7%	33.2%
13	Peratus ibu mengandung mencapai status <i>orally fit</i>	$\geq 45\%$	KPI Baru 2019	43.8%	35.1%
14	Peratus warga emas berumur 60 tahun yang mempunyai 20 batang gigi atau lebih yang berfungsi	$\geq 60\%$	55.9%	57.1%	53.9%
15	Peratus pesakit mendapat dentur dalam tempoh 3 bulan	$\geq 64\%$	68.2%	65.1%	50.2%
16	Peratus pesakit berumur 60 tahun ke atas mendapat dentur dalam tempoh 8 minggu	$\geq 50\%$	40.2%	40.7%	37.6%
17	Peratus ikon gigi (iGG) yang menjalankan aktiviti sekurang-kurangnya 1 kali sebulan	$\geq 40\%$	28.6%	75.0%	62.5%
18	Peratus peruntukan tahunan Latihan Dalam Perkhidmatan (LDP) Program Kesihatan Pergigian, Kementerian Kesihatan Malaysia selesai dibelanja pada minggu pertama Disember tahun semasa	100%	100%	100%	100%
19	Peratus klinik pergigian dengan persijilan MS ISO 9001:2015	$\geq 85\%$	100%	100%	100%
20	Peratus fasiliti pergigian KKM yang mencapai $\geq 80\%$ pematuhan semasa Audit Keselamatan Dan Kesihatan	$\geq 95\%$	KPI Baru 2019	100%	50.0%
21	Peratus pemeriksaan pemantauan yang dijalankan ke atas klinik pergigian swasta (KPS) yang dikenalpasti	100%	100%	100%	100%
22	Peratus pesakit luar yang mendapat rawatan dalam masa 60 minit	$\geq 86\%$	KPI Baru 2019	72.5%	88.9%
23	Peratus pelanggan yang berpuas hati dengan perkhidmatan/ rawatan yang diterima	$\geq 95\%$	96.9%	98.9%	98.2%
24	Pembudayaan Inovasi di Klinik Pergigian	$\geq 80\%$	100%	100%	100%
25	Peratus Penyelesaian Aduan (Program Kesihatan Pergigian)	$\geq 85\%$	93.8%	89.7%	95.2%

## Objektif Kualiti (OK)

Objektif Kualiti bagi BKP, JKWPKL&P mempunyai 12 indikator yang dipantau setiap 6 bulan sekali. Ini merangkumi sembilan (9) perkhidmatan/perkara khusus kepada bahagian ini yang dirumuskan seperti di Jadual 6.37.

Jadual 6.37: Indikator Objektif Kualiti Mengikut Perkhidmatan/Perkara

Bil.	Perkhidmatan/Perkara	Indikator
1	Pergigian Sekolah	3
2	Kepakaran Restoratif	1
3	Kepakaran Periodontik	1
4	Kepakaran Ortodontik	1
5	Kajian Kepuasan Pelanggan Dalaman	1
6	Pengendalian Aduan	1
7	Pengurusan Stor	2
8	Sumber Manusia	1
9	Pengurusan Kewangan	1

Secara keseluruhan 75% (9/12) indikator telah mencapai sasaran yang telah ditetapkan. Bagi OK Kepakaran Periodontik, sasaran tidak tercapai kerana semasa PKP, rujukan dan rawatan elektif perlu ditangguhkan.

Pencapaian keseluruhan OK dari tahun 2018 sehingga 2020 diringkaskan seperti di Jadual 6.38. Terdapat peningkatan pencapaian yang memberansangkan pada pencapaian OK berkaitan kemas kini buku perkhidmatan anggota dari tahun 2019 ke 2020 walaupun masih belum

mencapai sasaran yang ditetapkan. Kekangan ini disebabkan oleh beberapa faktor seperti:

- i. Hanya 5 anggota untuk kemaskini semua buku perkhidmatan bagi semua anggota di BKP, JKWPKL&P
- ii. Komponen cuti rehat dan latihan anggota hanya diterima lengkap daripada klinik pada awal tahun berikutnya.
- iii. Buku perkhidmatan untuk kakitangan berpindah masuk dari negeri lain tidak dikemaskini sebelum dihantar ke BKP, JKWPKL&P.

Pihak Unit Sumber Manusia sentiasa berusaha untuk mempertingkatkan lagi pencapaian dari masa ke masa dengan pelbagai inisiatif seperti mengadakan Hari Terbuka Sumber Manusia untuk tujuan semakan buku perkhidmatan.

Bagi pencapaian OK aduan diambil tindakan dalam 15 hari bekerja, masih tidak mencapai sasaran walaupun terdapat peningkatan pada pencapaian dari 2019 ke 2020. Ini kerana pencapaian aduan diambil berdasarkan dari Sistem Pengurusan Aduan Awam, KKM. Terdapat aduan yang diterima pada hujung tahun yang turut dikira. Walaubagaimanapun aduan berkaitan masih diselesaikan dalam tempoh yang ditetapkan.

OK ini dibentang dan dibincangkan semasa Mesyuarat Pencapaian BKP, JKWPKL&P dimana status pemantauan OK berkaitan ditentukan untuk diteruskan pemantauan atau ditukar. Semasa mesyuarat berkaitan juga, sasaran OK diputuskan sama dikekalkan atau dinaikkan bergantung kepada pencapaian semasa.

Jadual 6.38: Objektif Kualiti dan Pencapaian dari Tahun 2018 sehingga 2020

Bil.	Indikator	Pencapaian 2018	Pencapaian	Pencapaian
			2019	2020
1	Memastikan sekurang-kurangnya 90% murid sekolah rendah berpuas hati terhadap perkhidmatan yang diberi	98.4%	95.8%	98.6%
2	Memastikan sekurang-kurangnya 90% murid sekolah menengah berpuas hati terhadap perkhidmatan yang diberi	94.3%	96.5%	95.5%
3	Memastikan sekurang-kurangnya 95% pihak sekolah berpuas hati terhadap perkhidmatan yang diberi	100%	100%	100%
4	<b>Kepakaran Ortodontik</b> Memastikan sekurang-kurangnya 90% pesakit yang dirujuk mendapat temujanji untuk perundingan dalam masa 3 bulan	99.8%	99.8%	98.7%
5	<b>Kepakaran Periodontik</b>	66.7%	38.9%	49.3%

	Memastikan sekurang-kurangnya 63% pesakit yang dirujuk mendapat temujanji pertama dalam tempoh satu bulan selepas dirujuk			
6	<b>Kepakaran Restoratif</b> Memastikan sekurang-kurangnya 70% pesakit menerima temujanji konsultansi dalam tempoh 2 bulan selepas klinik menerima rujukan	98.5%	93.7%	78.6%
7	Memastikan sekurang-kurangnya 80% pelanggan dalam berpuas hati dengan perkhidmatan yang diberikan oleh pihak pengurusan Pejabat TPKN(G) & Putrajaya	94.5%	93.8%	86.6%
8	Memastikan aduan awam yang diterima sama ada secara lisan / melalui telefon/akbar/surat diambil tindakan dalam tempoh 15 hari bekerja (100%) (Aduan Biasa)	93.8%	89.7%	95.2%
9	Memastikan KEW PS-3 dikemaskini (100%)	100%	100%	100%
10	Pembekalan bahan pergigian kepada stor unit dalam tempoh 3 bulan (60%)	OK Baru 2019	74.7%	95.6%
11	Memastikan semua buku perkhidmatan dikemaskini sekurang-kurangnya sekali dalam setahun (100%)	76.2%	82.9%	86.3%
12	Memastikan bil-bil dibayar dalam tempoh 14 hari dari tarikh penerimaanya - 100%	98.2%	100%	99.9%

## Cabarau

1. Pengamalan norma baharu memberi cabaran kepada perkhidmatan pergigian dimana jarak operator dan pesakit yang perlu berada berdekatan. Kebanyakan rawatan pergigian seperti penskaleran dan tampilan merupakan prosedur yang menghasilkan titisan air yang boleh menjadi punca penyebaran COVID-19.
2. Pemberian perkhidmatan sekolah terutama rawatan pergigian adalah mencabar kerana pasukan pergigian bergerak perlu mematuhi *Standard Operating Procedure (SOP)* yang ketat ketika pemberian rawatan disekolah dalam keadaan bilik rawatan di sekolah tidak seperti susun atur di klinik pergigian.
3. Jumlah pesakit terpaksa dihadkan dan perlu berdasarkan temujanji menyebabkan banyak pesakit yang tertangguh rawatan seperti rawatan gigi palsu memberi impak kepada pesakit dan pencapaian petunjuk prestasi secara amnya.

## Kesimpulan

Pandemik Covid-19 memberi impak kepada perkhidmatan pergigian terutamanya perkhidmatan sekolah, program ibu mengandung dan juga program lain yang melibatkan interaksi antara pesakit dan perawat. BKP, JKWPKL&P terus komited membuat tindakan penambahbaikan berterusan seperti menambahbaik fasiliti pergigian, latihan kepada anggota untuk memastikan pelanggan terus mendapat perkhidmatan pergigian yang berkualiti mengikut norma baharu dalam keadaan selamat kepada anggota dan juga pesakit

**Di sediakan oleh:** Dr Nailah Husin

## 6.2.9 AUDIT DALAMAN BAHAGIAN KESIHATAN PERGIGIAN WPKL & P

### Pengenalan

Bahagian Kesihatan Pergigian (BKP), JKWPKL&P telah melaksanakan Sistem Pengurusan Kualiti (SPK) yang berpandukan MS ISO 9001:2015 dalam urusan pemberian perkhidmatan pergigian kepada penduduk di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur. Audit dalam merupakan salah satu komponen wajib (Klausula 9.2 MS ISO 9001:2015) yang perlu dilaksanakan bagi menilai keberkesanan SPK yang dijalankan di peringkat organisasi sejajar dengan keperluan pensijilan MS ISO 9001: 2015 oleh pihak badan pensijilan kualiti iaitu SIRIM.

Skop audit dalam meliputi semua aktiviti pengurusan Program Kesihatan Pergigian dan Penyampaian Perkhidmatan dan melibatkan semua Pejabat Kesihatan Pergigian, Klinik Pergigian Primer dan Unit Kepakaran Pergigian dibawah JKWPKL&P termasuk Pejabat Timbalan Pengarah Kesihatan Negeri (Pergigian) (TPKN(G)).

### Objektif


- Memastikan aktiviti berkaitan dengan pelaksanaan Sistem Pengurusan Kualiti (SPK) versi terkini iaitu MS ISO 9001:2015 dipatuhi dengan keperluan yang telah ditetapkan selaras dengan versi terkini.

Jadual 6.39: Penemuan audit mengikut PK dan AK pada tahun 2020

Bil	Prosedur Kerja (PK) / Arah Kerja (AK)	NCR	OFI	Jumlah
1	AG 1-Pengendalian Pesakit Luar dan Temujanji dan AK2-Kawalan Kad Rawatan	23	2	25
2	S05-Pengurusan Stor	16	6	22
3	AK4-Kawalan Jangkitan Silang	12	1	13
4	A1-Perancangan, Pelaksanaan, Pemantauan dan Penilaian Program Kesihatan Pergigian / Pelan Risiko/ Audit lepas	12	13	25
5	Q3-Tindakan Pembetulan	9	0	9
6	S07-Pengurusan Kutipan Hasil	9	0	9
7	S06-Pengurusan Aset	8	0	8
8	Q7-Kawalan dan Pindaan Dokumen	8	0	8
9	S11-Pengurusan Latihan	4	1	5
10	AG3-Perkhidmatan Pergigian Sekolah dan AK16- Pengurusan Sistem Maklumat Kesihatan Pergigian	4	2	6
11	S4-Pengurusan Kenderaan	7	0	7


- Menilai keberkesanan SPK yang dilaksanakan di semua unit di Bahagian Kesihatan Pergigian JKWPKL&P dilaksanakan dengan berkesan.
- Memastikan langkah penambahbaikan berkesan dan dijalankan secara berterusan.

### Pencapaian



Rajah 6.19: Carta Palang Perbandingan Penemuan Audit NCR/OFI dari Tahun 2018 Sehingga Tahun 2020

<b>12</b>	S01-Penyelenggaraan / <i>Quality Assurance Test</i> (QAT), S02-Pembaikan Peralatan Pergigian dan Infrastruktur dan AK 5-Cara Mengguna dan Menyelenggara Alat-Alat Pergigian	5	2	7
<b>13</b>	SG1-Perkhidmatan Makmal Pergigian dan AK3-Pembuatan dan Pembaikan Dentur/Aplians	9	0	9
<b>14</b>	AK 15-Pengendalian Surat Menyurat	3	0	3
<b>15</b>	Q5-Kajian Kepuasan Pelanggan	3	3	6
	<b>Jumlah</b>	<b>132</b>	<b>30</b>	<b>162</b>



Peratus penemuan Audit Dalaman mengikut Klausula

Rajah 6.20: Carta Pai Penemuan Audit Dalaman Berdasarkan Klausula

Berdasarkan [rajah 6.20](#), turutan menurun penemuan audit dalaman berdasarkan klausula adalah seperti berikut:

1. **Klausula 8.5.1 – 42% (Kawalan Penyediaan Pengeluaran dan Perkhidmatan)**

Klausula ini melihat kawalan secara keseluruhan terhadap perancangan dan pemberian perkhidmatan pergigian kepada pelanggan bermula dari pendaftaran pesakit sehingga proses pesakit dibenarkan pulang serta termasuk proses sokongan yang perlu.

2. **Klausula 8.2.3 – 17% (Semakan Terhadap Keperluan Yang Berkaitan Keatas Produk dan Perkhidmatan)**

Melalui klausula ini semakan lebih terperinci terhadap keperluan bagi sesuatu perkhidmatan yang diberi sebagai contoh keperluan rekod kebenaran rawatan diambil sebelum rawatan pergigian diberi kepada pelanggan

3. **Klausula 8.5.4 – 8% (Pemeliharaan)**

Klausula ini merujuk kepada pengendalian dan pemeliharaan bahan/alat/proses yang dibuat semasa

perkhidmatan diberi. Sebagai contoh mudah pemerhatian kepada pengendalian kawalan jangkitan silang di klinik termasuk pengendalian bahan-bahan pergigian.

4. **Klausula 9.1. dan 7.5.3 – 5 % (Analisis dan Penilaian dan Kawalan Maklumat Didokumenkan)**

Melalui klausula analisa dan penilaian, audit melihat bagaimana pemantauan terhadap keberkesanan perkhidmatan yang telah diberi. Kebiasaan bagi klausula ini penilaian dibuat terhadap analisa pencapaian seperti Objektif Kualiti dan Petunjuk Prestasi Utama (KPI). Melalui pencapaian ini seterusnya dilihat kaedah tindakan pembetulan dan penambahbaikan yang dibuat bagi indikator yang tidak mencapai sasaran yang ditetapkan. Bagi klausula 7.5.3 pula, audit melihat kepada pengendalian maklumat-maklumat yang perlu untuk perkhidmatan seperti pengendalian dokumen bagi Prosedur Kerja yang diguna pakai di BKP, JKWPKL&P.

## Penambahbaikan

1. Latihan berterusan kepada semua anggota sebagai usaha untuk meningkatkan kemahiran dan komitmen terhadap tugas harian serta memastikan semua prosedur kerja, arahan kerja dan garis panduan dipatuhi mengikut keperluan yang ditetapkan.
2. Kemahiran Juruaudit Dalaman juga perlu dipertingkatkan dari masa ke masa melalui latihan berterusan bagi memantapkan lagi kemahiran di dalam melaksanakan pengauditan dimasa akan datang.
3. Kesedaran tentang MS ISO 9001:2015 terhadap semua anggota perlu diteruskan bagi

memastikan pemahaman yang berterusan terutama dikalangan anggota baru.

## Kesimpulan

1. Pemantauan berterusan perlu sebagai kaedah untuk memastikan keberkesanan tindakan pembetulan yang diambil adalah konsisten dan berterusan.
2. Ketakakuran yang berlaku ditempat lain perlu diambil kira di tempat sendiri dengan mengambil langkah-langkah tindakan pencegahan dan penambahbaikan yang sesuai.
3. AJK Sistem Pengurusan Kualiti perlu secara berterusan melaksanakan penyemakan semula bersesuaian dengan MS ISO 9001:2015

Disediakan oleh: Dr Nailah binti Husin

## 6.2.10 QUALITY ASSURANCE PROJECT (QA)

### Pengenalan

Program Kepastian Kualiti (QAP) bagi perkhidmatan kesihatan pergigian diperkenalkan bagi mencapai, mengekalkan dan mempertingkatkan kualiti kesihatan pergigian secara berterusan dan seterusnya menjamin pencapaian yang optimum bagi pesakit, keluarga, dan masyarakat.

Jadual 6.40: Status Projek Quality Assurance (QA) 2020

Bilangan projek tahun 2019 yang dibawa ke tahun 2020	Bilangan projek dihasilkan/ dimulakan pada 2019	Bil. projek selesai sehingga Jan – Dis 2020	Selesai, status sehingga Dis 2020 (disambung atau digugurkan)
6 projek	6 projek	0 projek	6 projek sambung (Tertangguh disebabkan PKP)

Jadual 6.41: Senarai Projek Quality Assurance (QA) 2015-2018

Bil	Senarai Projek	Klinik	Tahun Mula Projek	Status
1	<i>Increasing The Percentage Of Toddlers For Fluoride Varnish Review at KP Setapak</i>	KP Setapak	2015	GUGUR
2	<i>Improving Referral rates of Interceptive Orthodontic Cases</i>	KP Dato Keramat	2013	Selesai 2017 (Penulisan Laporan utk QA e-Bulletin)
3	<i>To Improve The Treatability Of Tooth By Root Canal Treatment among patient in KP Batu</i>	Zon Kepong	2017	SELESAI (Penilaian semula 2 <sup>nd</sup> Cycle)
4	<i>To Improve Reporting Of Anterior Teeth Injury Cases Among Primary School Children In Lembah Pantai</i>	Zon Lembah Pantai	2016	SELESAI (Penilaian semula 2 <sup>nd</sup> Cycle)
5	<i>To Increase The Percentage Of Patients Receiving Dentures Within 3 Months In Cheras Government Dental Clinic</i>	Zon Cheras	2018	GUGUR

6	<i>To Reduce High Percentage Of Repeated Patients Come For Pre Orthodontic Assessment Visits In Putrajaya</i>	Zon Putrajaya	2017	SELESAI
7	<i>To increase percentage of attendance of toddlers for every review visit of fluoride varnish (FV) application at KP Putrajaya Presint 9</i>	Zon Putrajaya	2016	GUGUR
8	<i>To reduce percentage of post-extraction complication in dental clinic in Zon Kepong</i>	Zon Kepong	2016	GUGUR
9	<i>To reduce the percentage of inappropriate referrals of endodontic cases to Restorative Specialist Clinic</i>	Zon Kepong	2015	Selesai 2017 (Penulisan Laporan utk QA e-Bulletin)

Jadual 6.42: Pelan Tindakan Projek Quality Assurance (QA) 2019-2020

Bil	Zon	Tajuk	Penyelidik Utama
1.	Kepong	To reduce Early Childhood Care prevalence among kindergarten children at Taska Nur Ifty	Dr. Salwa binti Razali, Dr. Nur Amira binti Ishak, Dr. Dheren, Dr. Ainnur Aisyah binti Lahmudin JP Thulasi Devi, JP Zafirah
2.	Putrajaya	i) Smoke-free Life  ii) To increase the percentage of maintaining orally-fit status among secondary schoolchildren in SMK Presint 18(1) Putrajaya	Dr Lor Yen Fang, Dr Nurul Jannah bt Ariffin, Pn Ezzati bt Romli  Dr. Nur Haziqah Binti Junaidi Dr. Nur Akmalina Mahadzir Dr. Fatin Aqilah Binti Abdul Khalid Dr. Shahera Binti Abdul Majid Dr. Beatrix Tan Hwe Ern Dr. Haifa Nasuha Binti Mohd Nazlan
3.	Titiwangsa	TO IMPROVE THE PERCENTAGE OF GINGIVITIS FREE MOUTH AMONG SECONDARY SCHOOL STUDENTS	Dr Lynthia Wong, Dr Ng Ying Wei KJP Hasmifaliza, PPP Azreen Nadia, PPK Nurul Aminin
4.	Cheras	To Increase the Percentage of fissure sealants provision to high caries risk secondary school students in the Cheras Zone	Dr. Aishah bt Noor Din, Dr. Low Mei Lin Dr. Tan Bee Ting, Dr. Ong Yan Yuan, Dr Lim Yu Chen Dr Abdullah Muiz Bin Mohd Mazri
5.	Lembah Pantai	PUT A FULLSTOP TO FAKE BRACES!	Dr Ooi Hui Tieng, Dr Nazatul Husna Kamaruzaman, Dr Intan Nadia Zolkefli Dr Nur Azwina Ahmad Marzuki Dr Natrah Ahmad Fuad, Dr Alvena Ann Gomez Dr Chelsea Khor Wen Phing, Dr Ong Hui Jun

Jadual 6.43: Pelan Tindakan Quality Assurance (QA) 2021

Bil	Kursus	Sasaran	Tarikh
1	Kursus TOT for QA peringkat JKWPKL&P	PP, JP, JT, PPP	Februari 2021
2	<i>Penulisan Manusrip bagi Jemputan Sumbangan Artikel Untuk Penerbitan Dalam Jurnal E-Q Bulletin Kementerian Kesihatan Malaysia bagi projek QA yang telah selesai</i>	<b>KP Jinjang</b> (To reduce the percentage of Inappropriate referrals of endodontic cases to Restorative Specialist Clinic) <b>KP Dato' Keramat</b> (Improving Referral rates of Interceptive Orthodontic Cases)	2021
3	Mesyuarat Jawatankuasa QA peringkat JKWPKL&P	2 x setahun	Mac, Julai
4	Mesyuarat Jawatankuasa QA peringkat BKP JKWPKL&P	4 x setahun	Setiap suku tahun
5	Projek QA	Sekurang-kurangnya 1 projek setiap zon	2021
6	Mini Konvensyen QA Peringkat JKWPKL&P 2020	1 kali setiap 2 tahun	Mini Konvensyen QA ditangguhkan ke tahun 2021 akibat Covid-19

## Maklum Balas / Kelemahan

Projek-projek baru QA yang telah dimulakan pada tahun 2019 masih tidak dapat diselesaikan pada tahun 2020 akibat penularan wabak Covid-19. Ini berikutan kebanyakan projek QA melibatkan pelajar sekolah dalam

pengumpulan data yang terpaksa ditangguhkan kerana penutupan sekolah bagi mengelakkan penularan wabak Covid-19 di samping Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) yang telah dilaksanakan.

Disediakan Oleh :Dr Azura Bt Abdullah

### 6.2.11 PROGRAM INOVASI

#### Pengenalan

Inovasi didefinisikan sebagai kaedah mencari jalan untuk menghasilkan produk atau perkhidmatan yang lebih baik samada melalui pengubahauan atau penambahbaikan. Hasil cetusan idea yang inovatif dalam mana-mana aspek kerja dapat meningkatkan kualiti dan produktiviti organisasi. Mutu organisasi akan bertambah efisien, efektif dan produktif selari dengan sasaran dan matlamat untuk memberi perkhidmatan terbaik kepada masyarakat.

#### Objektif

1. Meningkatkan kemahiran berfikir dan bertindak secara inovatif dalam kalangan peserta.
2. Memantapkan lagi idea-idea dalam penciptaan inovasi terhadap organisasi.
3. Menghasilkan inovasi yang diiktiraf serta bernilai dan berimpak tinggi kepada organisasi.

Bagi tahun 2019 Bengkel Inovasi telah diadakan pada 8 September 2020 bertempat di Bilik Seminar Klinik Kesihatan Jinjang. Peserta terdiri dari Pegawai Pergigian, Pembantu Pembedahan Pergigian dan Pembantu Perawatan Kesihatan seramai 25 orang. Ceramah telah disampaikan oleh Encik Hussein Mohd Ariff, Ketua Latihan dan Biro Pembangunan Program *Malaysian Association of Creativity & Innovation* (MACRI)

Jadual 6.44: Senarai Projek Inovasi Mengikut Klinik Pergigian Dan Status

Zon	Tajuk Projek Inovasi	Status Projek
Zon Lembah Pantai	Aerosol Shield- Kp Petaling Bahagia Dentabloc- Kp Tanglin Aerodentbox- Kp Bangsar	Penambahbaikan prototype sedia ada sedang dijalankan
Zon Titiwangsa	Varpotect	sedang dijalankan
Zon Cheras	Fifo Organizer	sedang digunakan
Zon Kepong	Xtra Hand	Sedang digunakan
Zon Putrajaya	DENT.4U	Sedang dalam proses penambahbaikan

#### Kesimpulan

Semua kumpuan inovasi dari Klinik dan Zon sedang mempersiapkan projek masing-masing dan menyasarkan dapat menyertai Mini Konvensyen Inovasi Peringkat JKWPKL & P dan seterusnya layak ke Peringkat Kebangsaan tahun 2021. Adalah diharapkan anggota, klinik dan zon yang berjaya dalam sesuatu pertandingan mendapat pengiktirafan agar anggota di dalam organisasi tersebut lebih bersemangat dalam mencetuskan idea inovasi mereka. Kursus inovasi perlu diteruskan lagi pada masa akan datang kerana banyak memberi pengetahuan bagi menjana idea inovasi di kalangan peserta.

Disediakan oleh: Dr. Sakura Binti Hashim

## 6.2.12 KUMPULAN INOVATIF DAN KREATIF (KIK)

### Pengenalan

Pelaksanaan program KIK di Bahagian Kesihatan pergigian, JKWPKL & P akan dapat memperkenal dan menambahbaik sistem dan cara kerja baru yang secara tidak langsung dapat meningkatkan mutu penyampaian perkhidmatan jabatan dan klinik pergigian melaui idea-idea yang inovatif dan kreatif kakitangan di pelbagai peringkat. Selain itu, ia dapat memupuk kerjasama di kalangan warga jabatan dan klinik pergigian melalui persaingan melahirkan idea-idea inovatif dalam penciptaan sesuatu sistem dan cara kerja baru.

Pelaksanaan KIK ini juga mampu memberi impak positif kepada budaya kerja berpasukan dan megeratkan perhubungan yang harmoni di antara pekerja dengan pihak pengurusan. Keberkesanan pelaksanaan KIK memerlukan mekanisme pemantauan dan latihan yang efektif bagi mencapai objektif pelaksanaan KIK yang diharatkam.

### Objektif Umum

Untuk memperkenalkan atau menambah baik sistem dan cara kerja baru yang secara tidak langsung dapat

meningkatkan mutu penyampaian perkhidmatan Jabatan dan Klinik Pergigian.

### Objektif Khusus

1. Dapat meningkatkan kepuasan pelanggan.
2. Untuk memupuk kerjasama dalam kalangan warga Jabatan dan Klinik Pergigian.
3. Untuk melahirkan budaya kerja berpasukan dan mengeratkan perhubungan yang harmoni di antara pekerja dengan pihak pengurusan.

### Status Projek Kik Bagi 2020

Berikut adalah status projek KIK yang mana telah diwujudkan dan di bentangkan semasa bengkel KIK 2020. Akibat daripada penularan wabak Covid-19 pada tahun ini telah menyebabkan penangguhan sebarang aktiviti pertandingan pada Hari Kualiti yang telah dirancang sebelum ini oleh Bahagian Kesihatan JKWPKL & P. Dengan itu tiada projek yang memasuki mana-mana pertandingan pada tahun ini.

Jadual 6.45: Status Projek KIK Bahagian Kesihatan Pergigian, JKWPKL & P 2020

ZON	TAJUK PROJEK KIK	KATEGORI	STATUS TERKINI	TAHUN MULA	CATATAN
CHERAS . Kumpulan : <b>SMART-D</b>	MIXIT	Penciptaan	<ul style="list-style-type: none"><li>• Projek Baru : Di bentangkan semasa bengkel KIK</li><li>• Belum memasuki mana-mana pertandingan</li></ul>	2020	Disambung 2021
LEMBAH PANTAI KUMPULAN: <b>Coastal Valley Creation</b>	Q- View	Perkhidmatan	<ul style="list-style-type: none"><li>• Projek Baru: Di bentangkan semasa bengkel KIK</li><li>• Belum memasuki mana-mana pertandingan</li></ul>	2020	Di sambung 2021
PUTRAJAYA Kumpulan : <b>CLOUDSKY</b>	Electrical Dental Consent (EDC)	Perkhidmatan	<ul style="list-style-type: none"><li>• Penambahbaikan –</li><li>• 20/7/2020-Akuan sumpah untuk pendaftaran akuan hak cipta terpelihara di Istana Kehakiman .</li><li>• Kerjasama dan mendapat sokongan Penasihat Undang-undang KKM</li><li>• 29/9/2020 - Digital System &amp; Development training Course (10 peserta terlibat)</li><li>• Dalam proses mendapatkan sokongan dari MAMPU untuk tujuan penggunaan GPKI ke atas sistem EDC (Tindakan KKM)</li></ul>	2019	Penambahbaikan Disambung 2021

			<ul style="list-style-type: none"> <li>Pembentangan bajet untuk tindakan penyeragaman EDC di beberapa klinik di WPKL &amp; P pada 13 Oktober 2020</li> </ul>		
<b>PUTRAJAYA KUMPULAN : DENT-4U</b>	Dent.4u Connecting Us	Perkhidmatan	<ul style="list-style-type: none"> <li>Penyertaan Pertandingan Chipta, Mampu pada 13 Oktober 2020.</li> <li>Masih dalam pembuatan aplikasi dan menjalankan kaji selidik ke atas pesakit dan staf.</li> </ul>	2020	Di sambung 2021
<b>TITIWANGSA KUMPULAN: NEW DENT</b>	Spittoon Spill Protector	Penciptaan	<ul style="list-style-type: none"> <li>Projek Baru: Di bentangkan semasa bengkel KIK</li> <li>Belum memasuki mana-mana pertandingan</li> </ul>	2020	Di sambung 2021
<b>KEPONG KUMPULAN : K</b>	Self Operating Disinfection Station ( SODS ) ;	Penciptaan	<ul style="list-style-type: none"> <li>Projek Baru: Di bentangkan semasa bengkel KIK</li> <li>Belum memasuki mana-mana pertandingan</li> <li>Projek sekarang dalam proses pembuatan prototype dan perbincangan bersama individu luar .</li> </ul>	2020	Di sambung 2021

### Kursus KIK: Penubuhan Projek Baru 2020

Pada tahun 2020, setiap Zon telah menubuhkan sekurang-kurangnya 1 kumpulan KIK dengan 1 projek yang mana kebanyakannya adalah projek-projek baru dari penubuhan kumpulan baru. Dengan itu, satu bengkel pengenalan kepada semua ahli baru bagi setiap kumpulan telah dilaksanakan pada tarikh 14-15

September 2020 bertempat di Bilik Seminar Latihan Blok B JKWPKL & P. Kursus yang disertai oleh 30 orang anggota pergigian seluruh WPKL dan Putrajaya ini turut menjemput penceramah berpengalaman seperti En Md Yatim Bin Arifin , Pn Asdayanti Bt Buang dan Dr Lydia Mason. Kursus yang dijalankan ini berjaya menghasilkan beberapa kumpulan dan projek berpotensi untuk dipertandingkan pada tahun 2021.

Jadual 6.46: Bengkel dan Kursus KIK yang telah dijalankan 2018-2020 bagi BKP, JKWPKL & P

Nama Bengkel/ kursus	2018	BIL PESERTA	2019	BIL PESERTA	2020	BIL PESERTA
<b>KURSUS / BENGKEL PEMANTAPAN KIK</b>	HOSP REHAB CHERAS. (9-10 OKT 2018)	30 Org	HOSP REHAB CHERAS. (25-26 APRIL 2019)	27 Org	BILIK SEMINAR LATIHAN JKWPKL (14-15 SEPT 2020)	30 Org
<b>KURSUS PENGENALAN HORIZON BARU (INTAN)</b>	(INTAN) (9-11 APRIL 2018)	14 Org	(INTAN) (24-26 JUN 2019)	7 Org		

### Kekuatan Dan Kelemahan

Didapati idea-idea baru adalah agak memuaskan di mana idea-idea yang telah dijana semasa Bengkel KIK perlu diperkembangkan sewajarnya. Ahli-ahli Kumpulan Inovasi Kreatif yang baru menyertai program masih kurang mahir dan perlu bimbingan.namun dengan adanya ketua fasilitator KIK bagi setiap Zon sebagai sumber rujukan sedikit sebanyak membantu perkembangan projek dari segi penghasilan dan dokumentasi. Kumpulan KIK juga perlu didedahkan dengan penyaksian pertandingan KIK semasa Hari Kualiti supaya boleh menimba pengalaman. Cabaran yang amat

ketara adalah kekurangan peruntukan untuk menghasilkan projek yang lebih berimpak tinggi.

### Tindakan Penambahbaikan

Dicadangkan sesi perbincangan dan bimbingan untuk penyediaan dokumentasi boleh dijalankan dengan menjemput penceramah yang berpengalaman untuk memastikan setiap projek KIK mempunyai dokumentasi yang tersusun dan memenuhi kriteria yang diperlukan.PPYM dan PPD juga perlu lebih beperanan untuk memantau pencapaian kumpulan KIK di klinik dan daerah masing-masing dan memberi ruang untuk ahli projek untuk bermesyuarat berkala untuk maju ke hadapan.

## Kesimpulan

Beberapa projek KIK telah berjaya di tubuhkan di WPKL&P pada tahun 2020. Walaubagaimanapun, untuk lebih maju ke hadapan, komitmen dari kumpulan KIK untuk muncul cekap dan berkesan amat penting bagi memastikan kejayaan pelaksanaan KIK seterusnya. Projek yang baik mampu menghasilkan impak positif kepada

jabatan, negara, sektor awam dan rakyat. Bimbingan dan latihan yang berterusan kepada anggota akan dapat memantapkan pengurusan KIK selain memperkasakan budaya kerja secara inovatif dan kreatif dalam kalangan penjawat awam.

**Disediakan Oleh :** Dr Marniza Che Mohamad

### 6.2.13 KAJIAN KEPUASAN PELANGGAN DALAMAN

#### Pengenalan

Kajian Kepuasan Pelanggan Dalaman terhadap pengurusan Pejabat Timbalan Pengarah Kesihatan Negeri (Pergigian), (TPKN(G)) dilaksanakan sekali dalam tempoh setahun. Pada tahun 2020, 923 responden yang terdiri daripada anggota pergigian di klinik-klinik pergigian di WPKL&P telah menyertai kajian ini berbanding 656 responden pada tahun sebelumnya. Secara keseluruhan 89.5 % anggota (923/1031) telah mengambil bahagian dalam Kajian Kepuasan Pelanggan Dalaman pada tahun 2020.

Kajian menggunakan *self-administered questionnaire* dan data diperolehi melalui Borang Kajian Kepuasan Pelanggan Dalaman Terhadap Pengurusan Pejabat TPKN (G) (WPKL-BKP (G)-BK44A) yang diedarkan secara dalam talian menggunakan medium *Google Form*. Jadual 1 memaparkan perkara yang dinilai melalui Kajian Kepuasan Pelanggan Dalaman yang telah dijalankan sepanjang bulan November 2020 yang lalu dengan menggunakan skor seperti di Jadual 2.

#### Objektif

Kajian Kepuasan Pelanggan Dalaman dilaksanakan bagi mengukur tahap kepuasan pelanggan dalaman terhadap pengurusan di pejabat TPKN (G). Ini untuk memastikan sebarang kelemahan sistem pengurusan pejabat dapat diambil tindakan penambahbaikan dan dilaksanakan secara berterusan. Kajian Kepuasan Pelanggan Dalaman ini juga merupakan salah satu Objektif Kualiti Bahagian Kesihatan Pergigian (BKP) yang dipantau setiap tahun dengan mensasarkan 80% responden berpuas hati dengan pengurusan bahagian ini.

Jadual 6.47: Perkara Yang Dinilai Dalam Kajian Kepuasan Pelanggan Dalaman

Bil.	Perkara yang dinilai
1	Layanan yang diberikan kepada anggota
2	Tindakan susulan di atas perkara-perkara yang diajukan/dibangkitkan
3	Urusan kebajikan untuk anggota dari segi perkhidmatan, fasiliti dan faedah-faedah
4	Hubungan saya dengan bahagian pentadbiran pejabat
5	Hubungan saya dengan bahagian stor pusat
6	Sikap adil dan saksama pengurusan terhadap anggota
7	Keberkesanan penyampaian maklumat ke peringkat bawahan
8	Tindakan dan teguran yang diberikan bila anda melakukan kesilapan
0	Tahap kepuasan keseluruhan anda sebagai anggota


Jadual 6.48: Skala Tahap Kepuasan Keseluruhan Kajian Kepuasan Pelanggan Dalaman

Skor	Tahap Kepuasan
1	Sangat Tidak Memuaskan
2	Tidak Memuaskan
3	Memuaskan
4	Sangat Memuaskan

Jadual 6.49: Taburan Responden Mengikut Zon

Bil	Zon	Bilangan anggota	Peratus(%)
1	Lembah Pantai	275	29.8
2	Titiwangsa	227	24.6
3	Kepong	190	20.6
4	Cheras	129	14
5	Putrajaya	102	11.1
	Jumlah	919	100

## Pencapaian



Rajah 6.21: Carta Palang Peratus Tahap Kepuasan Pelanggan Dalaman Mengikut Perkara yang Dinilai bagi Tahun 2020


Majoriti responden menyatakan tahap kepuasan yang memuaskan (skor 3) bagi semua item penilaian. Daripada keseluruhan perkara yang dinilai didapati (jumlah skor 3 dan skor 4) peratusan adalah agak rendah untuk:

- i. Urusan kebijakan untuk anggota dari segi fasiliti (80.1%, n=749)
- ii. Tindakan susulan di atas perkara-perkara yang diajukan/dibangkitkan (80.9%, n=747)
- iii. Sikap adil dan saksama pengurusan terhadap anggota (81.2%, n=749)

Pengurusan	31	22
Memuaskan	11	7.8
Lain-lain	11	7.8
Jumlah	141	100

## Kesimpulan

Secara keseluruhan berdasarkan pengiraan jumlah skor, sebanyak 75.2% dari anggota telah memberi skor memuaskan (3) dan 11.3% anggota memberikan skor sangat memuaskan (4) menjadikan jumlah skor keseluruhan adalah 86.5%. Peratusan ini diambil kira sebagai tahap Kepuasan Pelanggan Dalaman secara keseluruhan untuk jabatan ini. Terdapat penurunan kepuasan hati responden sebanyak 7.2 % jika dibandingkan dengan pencapaian pada tahun 2019 atas beberapa faktor seperti pemetaan jawatan dan pandemik Covid-19.



Rajah 6.22: Trend Kepuasan Keseluruhan Anggota 2018-2020

Jadual 6.50: Kategori Komen/Cadangan Terbuka Responden

Kategori	Jumlah	Peratus (%)
Pengurusan Stor / Bahan Pergigian	16	11.4
Komunikasi / Layanan	20	14.2
Sumber Manusia	15	10.6
Fasiliti / Penyelenggaraan	12	8.5
Kebajikan / Elaun	21	14.9
Kursus / Latihan	2	1.4
Aduan Pelanggan	2	1.4

Hasil daripada kajian kepuasan pelanggan ini telah dibentangkan semasa mesyuarat pengurusan BKP, JKWPKL&P dan tindakan penambahbaikan telah dimaklumkan kepada semua ahli mesyuarat. Pengurusan atasan amat mengambil berat maklum balas dari anggota seliaan untuk memastikan kebijakan anggota sentiasa terpelihara sekaligus memberi motivasi kepada anggota untuk sentiasa memberi perkhidmatan yang cemerlang kepada rakyat.

**Disediakan Oleh:** Dr Nailah binti Husin

## 6.2.14 KAJIAN KEPUASAN PELANGGAN LUARAN

### Pengenalan

Kajian Kepuasan Pelanggan Luaran dijalankan untuk mengukur tahap kepuasan pelanggan terhadap pengurusan dan perkhidmatan pergigian yang diberi agar penambahbaikan boleh diambil bagi memenuhi keperluan pelanggan serta perundungan yang ditetapkan.

### Kajian Kepuasan Pelanggan Terhadap Perkhidmatan Pesakit Luar

Sebanyak dua puluh (20) buah Klinik Pergigian (KP) yang melibatkan lima (5) Zon iaitu iaitu Lembah Pantai, Titiwangsa, Cheras, Putrajaya dan Kepong telah terlibat dalam kajian ini. Kajian telah dijalankan dalam tempoh 1 Januari sehingga 31 Disember 2020 dan dijalankan ke atas pesakit luar yang berumur lapan belas (18) tahun ke atas yang datang ke klinik pada hari pesakit luar (warganegara sahaja). Ia dijalankan melalui *self administered questionnaires* ke atas pesakit yang bersetuju dan belum pernah mengambil bahagian dalam kajian pada tahun semasa. Pemilihan sampel dijalankan menggunakan teknik pensampelan secara sistematik (*systematic sampling*) setiap empat (4) pesakit seperti berikut:

- a. Sampel pertama dipilih secara rawak oleh petugas kaunter
- b. Sampel kedua dan berikutnya dipilih untuk setiap empat (4) pesakit selepas pilihan pertama

Saiz sampel adalah seratus (100) orang pesakit luar bagi setiap klinik dalam tempoh kajian. Lima (5) bahagian yang diambil kira dalam kajian ini adalah sosio-demografik, fasiliti dan perkhidmatan, rawatan, keseluruhan dan maklum balas.

### Keputusan

#### BAHAGIAN I: SOSIO-DEMOGRAFIK


Daripada kajian sosio-demografik didapati:

1. Majoriti pelanggan perempuan 55.6% (n=1112) manakala lelaki 44.4% (n=888).
2. Majoriti pesakit adalah Melayu 71.5% (n=1430) diikuti Cina 17.2% (n=344) dan India 8.65% (n=173).
3. Majoriti responden yang berkelulusan SPM adalah 37.9% (n=758), diikuti 30.45% (n=609) responden berkelulusan Diploma dan 23.45% (n=469) berkelulusan Ijazah.
4. Majoriti responden adalah berumur 30 hingga 59 tahun iaitu 59.65% (n=1193) diikuti 18 hingga 29 tahun 33.15% (n=663). Hanya 7.2% (n = 144) daripada responden adalah berumur 60 tahun ke atas.
5. Responden telah berkahwin adalah 66.2% (n=1324) manakala 31.2% (n=624) belum berkahwin. Seramai 2.6% (n=52) berstatus lain-lain (ibu tunggal/ janda/ balu/ bercerai).
6. Majoriti responden adalah pekerja swasta iaitu 40.5% (n=801) diikuti oleh 27.25% (n=545) pekerja kerajaan.
7. Majoriti responden menggunakan kenderaan sendiri iaitu 87.15% (n=1743) diikuti responden yang menggunakan kenderaan awam 10.95% (n=219)
8. Majoriti responden tinggal kurang dalam jarak dari 5 km iaitu 50.65% (n=1013), responden tinggal dalam lingkungan jarak 5 – 10 km ialah 33.2% (n=663), manakala tinggal melebihi 10 km dari klinik ialah 16.65% (n=323).

#### BAHAGIAN II: FASILITI DAN PERKHIDMATAN

Secara keseluruhan, keputusan Kajian Kepuasan Pelanggan bagi bahagian fasiliti dan perkhidmatan adalah memuaskan seperti yang ditunjukkan pada Rajah 1.

## BAHAGIAN II: FASILITI DAN PERKHIDMATAN




Rajah 6.23: Keputusan KKP bagi Fasiliti dan Perkhidmatan.

## BAHAGIAN III: RAWATAN

Majoriti responden berpuas hati bagi bahagian rawatan (>90% skor memuaskan bagi semua *item* yang dinilai) seperti keputusan yang ditunjukkan dalam Rajah 6.24.

### BAHAGIAN III: RAWATAN



Rajah 6.24: Keputusan KKP bagi Bahagian Rawatan

## BAHAGIAN IV: KESELURUHAN


Rajah 3 menunjukkan keputusan KKP bagi bahagian IV (i) di mana secara keseluruhan pesakit berpuas hati dengan rawatan diterima pada hari yang sama dan tujuan mereka datang ke Klinik Pergigian telah tercapai.

### BAHAGIAN IV(i): KESELURUHAN



Rajah 6.25: Keputusan KKP bagi bahagian IV (i)

### BAHAGIAN IV: KESELURUHAN 2020



Rajah 6.26: Keputusan KKP bagi bahagian IV (ii)

Secara keseluruhannya pelanggan yang datang berpuas hati (97.5% (n=1943) dengan perkhidmatan pergigian yang diterima.

## BAHAGIAN V: MAKLUMBALAS

Majoriti responden memberi maklum balas yang positif iaitu penghargaan kepada perkhidmatan kesihatan pergigian yang diberikan. Namun, terdapat maklum balas seperti **tempoh menunggu yang panjang, komunikasi yang kurang berkesan antara pelanggan dengan anggota serta naik taraf kemudahan fasiliti dan infrastruktur.**

### Cadangan Penambahbaikan

1. Memandangkan pandemik COVID-19 yang melanda seluruh negara malah seluruh dunia, rawatan yang melibatkan *Aerosol Generating Procedure (AGP)* tidak dapat dilakukan. Sehubungan itu, anggota pergigian di klinik perlu meningkatkan kemahiran komunikasi berkesan dengan pelanggan agar mereka dapat memahami situasi semasa dan perubahan norma baharu di klinik.
2. Menaik taraf kemudahan fasiliti dan infrastruktur selaras dengan pertambahan jumlah pesakit dan menyediakan suasana kondusif untuk memudahkan pelanggan berkunjung ke Klinik Pergigian dan mengelakkan masa menunggu yang panjang.

## CAWANGAN PENJAGAAN KESIHATAN PERGIGIAN

### 6.3.1 PROMOSI KESIHATAN PERGIGIAN

#### Program Kesihatan Pergigian Untuk Guru Pelatih (Ipg)

##### Pengenalan

Guru merupakan agen penyampai utama maklumat yang berkaitan dengan kesihatan yang unggul bagi setiap individu. Kedudukan guru yang boleh berhubung terus dengan masyarakat setempat memudahkan maklumat yang disampaikan serta diterima oleh masyarakat. Oleh itu, wajarlah kiranya maklumat berkaitan kesihatan pergigian disampaikan kepada guru pelatih yang akan ditempatkan di sekolah untuk menerima maklumat tentang kesihatan pergigian melalui satu program khas.

Lantaran daripada itu, Bahagian Kesihatan Pergigian Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur & Putrajaya telah bersetuju agar program kesihatan pergigian dilaksanakan di 3 buah Institut Pendidikan Guru (IPG) di Kuala Lumpur. Program dijalankan sebelum guru pelatih menjalani *Intership* Program Ijazah Sarjana Muda Perguruan (PISMP) iaitu pada semester 5 dan 7.

3. Memasang peralatan AGP beserta ADU dipasang bagi membolehkan rawatan-rawatan seperti tampilan gigi, rawatan akar, penskaleran dan lain-lain dapat dilakukan seperti biasa.

### Kesimpulan

Pada tahun 2020, secara keseluruhannya KKP mencatatkan sedikit penurunan bagi responden yang berpuashati terhadap Perkhidmatan Pergigian dengan skor 97.5% (memuaskan dan amat memuaskan) berbanding pada tahun 2019 iaitu 98.2%. Walaupun ia masih mencapai sasaran yang ditetapkan (sasaran KPI 95%), Bahagian ini telah mengambil maklum dan tindakan terhadap masalah disebabkan oleh komunikasi yang perlu lebih jelas kepada para pesakit dan membangun fasiliti yang bersesuaian dengan norma baharu.

#### Disediakan oleh:

Dr Siti Zuriana Binti Mohd Zamzuri  
Dr Sapiah Binti Derahman

##### Objektif Program

1. Mengalakkan penglibatan guru-guru dalam perkembangan pengetahuan kesihatan pergigian.
2. Membentuk keseimbangan antara pendidikan dan kesihatan pergigian.
3. Salah satu langkah melatih guru dalam menjayakan program perkhidmatan pergigian sekolah
4. Melahirkan guru yang berkemahiran dalam mengenal pasti keadaan kebersihan mulut, cara memberus dan membersih gigi dengan berkesan.
5. Guru yang mampu mengenal pasti murid-murid yang mempunyai masalah pergigian di peringkat awal untuk diberi nasihat atau dirujuk.

##### Aktiviti Program

1. Pendidikan dan pameran Kesihatan Pergigian
2. Pemeriksaan Kesihatan Pergigian
3. Demonstrasi Latihan Memberus Gigi (LMG)
4. Bengkel Rancangan Pelajaran Harian

Jadual 6.51: Laporan Pelaksanaan Aktiviti di IPG Tahun 2020

BIL	IPG	ANJURAN			Tarikh Perlaksanaan Program	Maklumat Guru Pelatih					**Aktiviti-aktiviti yang dijalankan	Personel Pergigian Terlibat	
		PJK	HEP	Lain-lain		Program	Semester	*Enrolmen	Bilangan	Peratus		Pakar/ Pegawai Pergigian Kesihatan Awam	Pegawai Pergigian
1	IPG Kampus Bahasa Melayu	✓	✓	✓	3 Nov 2020	PISM P	6	147	118	80	- Ceramah secara Virtual (dirakam) - Ujian Pre-Test dan Post-Test	Tiada	1. Dr Aini Norhaida Othman 2.Dr Vanisree a/p Sree Subrahmaniam 3. Dr Syaza Syazwani binti Badaruddin 4. Dr Nurizzati binti Nasruddin
2	IPG Kampus Bahasa Antara bangsa					KPLI	-	-	-	-	- Ceramah secara Virtual (dirakam) - Ujian Pre-Test dan Post-Test		
3	IPG Ilmu Khas, Cheras Kuala Lumpur	✓	✓	✓	10 Sept 2020	PISMP	8	76	76	100	-Ceramah bersemuka -Ujian Pretest & postest	Tiada	1- Dr Peh Wei Ying 2- Dr Eva Kwan Dict Xing 3- Dr Nurul Asyikin
						KPLI	-	-	-	-			

### Kekuatan Program

Dengan adanya program ini, pengetahuan yang disampaikan kepada para guru pelatih di harapkan dapat melahirkan individu yang proaktif dan bertanggungjawab ke atas bukan sahaja kepada kesihatan diri sendiri namun keatas kesihatan murid-murid di bawah seliaanya di masa akan datang.

### Cabaran

Tahun 2020 merupakan tahun yang agak mencabar dari segi pelaksanaan sebarang program kerana berlakunya penularan wabak Covid 19. Dengan itu pelbagai alternatif di ambil seperti pelaksanaan ceramah secara bersemuka dan secara maya sahaja dapat di laksanakan di mana pelbagai aktiviti lain seperti Pemeriksaan pergigian, pameran, Demo memberus gigi secara berkesan serta bengkel rancangan pelajaran harian tidak dapat di jalankan sepanjang tahun tersebut .

Penilaian keberkesanan ceramah sesi menjawab pretest dan postest juga dilaksanakan bagi menentukan tahap pemahaman guru pelatih terhadap pendidikan kesihatan pergigian. Antara salah satu faktor penyebab

yang mempengaruhi kemerosotan pemahaman guru bagi sesetengah topik walaupun secara umumnya menunjukkan pemahaman yang baik tentang kesihatan pergigian adalah komunikasi berkesan semasa penyampaian ceramah. Ini jelas menunjukkan kemahiran berkomunikasi penting untuk mencapai komunikasi berkesan agar objektif program tercapai.

### Tindakan Penambahbaikan

Perancangan awal perlu di laksanakan setiap awal tahun di mana pegawai yang bertanggungjawab perlu sentiasa berhubung baik antara pihak IPG bagi memastikan program berjalan lancar. Sebarang perubahan tarikh perancangan program perlu di maklumkan dan di kemaskini kepada kedua-dua belah pihak.

Untuk membina komunikasi interpersonal yang berkesan bukanlah mudah jika tidak mengenalpasti terlebih dahulu faktor yang akan mempengaruhi komunikasi berkesan. Penghantar maklumat perlulah memahami isi kandungan maklumat sebaik mungkin dan memilih media dan saluran yang terbaik untuk menyebarkannya agar penyampaian maklumat kesihatan pergigian kepada para guru pelatih dapat dicapai.

Manakala para guru pelatih juga perlulah berusaha untuk menjadi pendengar yang baik agar pemahaman dua hala tercapai. Penyampaian maklumat secara lisan boleh diringkaskan atau dipersembahkan semula menggunakan media-media yang lebih menarik dan bersifat lebih dinamik supaya ia mampu merangsang minda pelajar selain dari faktor ia tidak membosankan.

## Kesimpulan

Guru merupakan contoh terbaik bagi mempromosikan kesihatan perggigian di kalangan murid-murid sekolah. Oleh itu, program kesihatan perggigian guru pelatih di Institut Pendidikan Guru perlu dipertingkatkan dari semasa ke semasa sejajar dengan perkembangan era digital dan norma baharu

Disediakan Oleh: Dr Marniza Che Mohamad

## Program Ikon Gigi (Igg)

### Pengenalan

Program ikon gigi (iGG) adalah program yang melibatkan komuniti sebagai medium perantara dalam penyampaian maklumat kesihatan perggigian dengan lebih berkesan. Program ini dimulakan di Bahagian Kesihatan Pergigian, Jabatan Kesihatan Wilayah Kuala Lumpur dan Putrajaya pada Mei 2017.

### Objektif

Objektif am program ikon gigi (iGG) adalah untuk meningkatkan status kesihatan perggigian rakyat melalui aktiviti-aktiviti kesukarelawan dan pemerkasaan Masyarakat.

Objektif khusus program ikon gigi (iGG) adalah seperti berikut:

1. Untuk menggalakkan penglibatan individu dalam aktiviti kemasyarakatan dan kesukarelawan
2. Untuk melatih iGG dalam menyampaikan maklumat berkaitan kesihatan perggigian
3. Untuk meningkat pegetahuan dan kemahiran masyarakat dalam penjagaan kesihatan perggigian kendiri
4. Untuk meningkatkan status kesihatan perggigian masyarakat.

### Aktiviti

Bengkel untuk fasilitator ikon gigi (iGG) telah berlangsung pada 24 Februari 2020 di Dewan Serbaguna, Pejabat Kesihatan Daerah Putrajaya, Presint 11. Bengkel ini telah berjaya memantapkan kemahiran dan pengetahuan fasilitator iGG untuk membimbing iGG masing-masing.

Sepanjang tahun 2020, para ikon gigi (iGG) berjaya menjalankan aktiviti individu malah terlibat dalam aktiviti yang dianjurkan oleh BKP, JKWPKL & Putrajaya.

### Pencapaian



Rajah 6.27: Bilangan aktiviti di jalankan oleh iGG 2018-2020

Carta di atas menunjukkan bilangan aktiviti yang dijalankan oleh ikon gigi (iGG) dari tahun 2018 ke 2020. Bilangan aktiviti menunjukkan penambahan yang mendadak disebabkan penambahan bilangan iGG yang telah dilantik.

### CABARAN/ISU-ISU

Terdapat beberapa cabaran dalam pelaksanaan program ikon gigi (iGG) di mana

1. Pertukaran pegawai perggigian menyebabkan ikon gigi(iGG) yang bawah bimbingan tidak aktif
2. Kebanyakan ikon gigi tidak dapat menjalankan aktiviti seperti yang ditetapkan dalam KPI disebabkan wabak covid 19
3. Kesukaran untuk mendapat retan dengan laporan pada masa yang ditetapkan

## Tindakan Penambahbaikan

KPI program ikon gig(iGG) dalam proses perbincangan di tahap BKP, KKM di mana prestasi fasilitator ikon gigi (iGG) yang akan dipantau. Pertukaran ke platform media sosial iGG untuk menyampaikan pengetahuan perggian lebih diutamai memandangkan norma baharu pasca covid 19.

## Kesimpulan

Diharapkan program ikon gigi (iGG) akan mendapat sambutan dan prestasi yang lebih baik dengan usaha semua pegawai yang berdedikasi dengan kerjasama yang rapat antara fasilitator dan ikon gigi(iGG).

Disediakan oleh : Dr Lor Yen Fang

## Program Kesihatan Oral Tanpa Amalan Merokok (Kotak)

### Pengenalan

Malaysia adalah salah sebuah negara yang telah menandatangani perjanjian antarabangsa WHO Framework Convention on Tobacco Control (FCTC) yang telah berkuatkuasa sejak 2005. Seiringan dengan itu, satu Pelan Strategik Kawalan Tembakau Kebangsaan 2015-2020 juga telah diwujudkan. Di antara misinya adalah untuk mewujudkan generasi Malaysia bebas tembakau. Oleh yang demikian, perkhidmatan perggian di Malaysia yang mana dikenalpasti mempunyai potensi yang amat besar untuk menyumbang kepada pencegahan dan intervensi faktor risiko merokok ini. Menurut Laporan Kesihatan Oral Sedunia 2003<sup>4</sup>, perkhidmatan kesihatan perggian boleh memainkan peranan kerana perkhidmatan ini mempunyai akses kepada kanak-kanak dan berpeluang untuk mempengaruhi mereka sebelum ketagihan nikotin menjadi lebih serius


### Objektif umum

Untuk menurunkan prevalen merokok dalam kalangan pelajar sekolah menerusi pencegahan dan intervensi kepada pelajar.


### Objektif khusus

- Untuk mengetahui status merokok dalam kalangan murid-murid sekolah
- Untuk mengetahui amalan merokok dalam kalangan murid –murid sekolah.
- Untuk memberikan kesedaran kepada semua murid supaya menghindari amalan merokok.
- Untuk memberikan intervensi kepada murid yang merokok supaya berhenti merokok

### Laporan Pencapaian Program Kotak



Rajah 6.28: Bilangan Perokok Semasa Sek Rendah Mengikut Umur (2018 –2020)



Rajah 6.29: Bilangan Perokok Semasa Sek Menengah Mengikut Umur (2018 –2020)

### Definisi KPI KOTAK (STD = >58%)


KPI : % murid sekolah yang dikenalpasti sebagai perokok semasa yang menjalani sekurang- kurangnya 3 kali sesi intervensi lanjutan melalui Program KOTAK

#### Numerator ;

- Bil murid sekolah yang dikenalpasti sebagai perokok semasa yang telah menjalani sekurang- kurangnya 3 kali sesi intervensi lanjutan •

#### Denominator;

- Bil murid sekolah yang dikenalpasti sebagai perokok semasa melalui program KOTAK • KPI Pengarah Bahagian & TPKN (G)



Rajah 6.30: Pencapaian Kpi Kotak Mengikut Zon 2018 - 2020 (Std = >58%)

Jadual 6.52: Latihan Kotak 2020

TOT KOTAK LEVEL 1 (2020)	PERINGKAT	TARIKH DI LAKSANA	BIL PESERTA	KATEGORI	CATATAN
	BKP WPKL & P	1-2 -SEPT /2020	38	6 JP 5 PJP	-
	ZON TITIWANGSA	24 -SEPT 2020	22	14 PP 8 JP	-
	ZON KEONG	1 - OKT 2020	22	15 PP 7 JP	-
	ZON CHERAS	26- OKT 2020	15	6 PP 6 JPK/JP 3 PPP	DIJALANKAN SECARA M AYA AKIBAT WABAK COVID
	ZON PUTRAJAYA	15- OKT 2020	23	14 PP 9 JPK/JP	
	ZON LEMBAH PANTAI	14 - OKT 2020	20	12 PP 8 JPK/JP	
JUMLAH PESERTA IKUT KATEGORI			140	78 PP 54 JP 8 PJP/PPP17 PP 1	

### Cabaran Dan Kelemahan

- Cabaran untuk mengesan secara klinikal bagi pelajar yang mengambil rokok elektronik
- Kekangan masa dalam menjalankan intervensi lanjutan dalam masa yang sama program inkremental sekolah tersebut terutamanya bagi sekolah yang berenrolment kecil.
- Tekanan dari pihak sekolah di mana ada yang tidak mahu memberikan kerjasama dalam intervensi

lanjutan yang hendak dijalankan semasa sekolah dibuka semula dengan SOP semasa penularan wabak Covid -19 berlaku

- Kurang latihan bersesuaian bagi sesetengah pegawai yang menjalankan intervensi lanjutan terutamanya bagi *Dedicated Promotion Team*.
- Rentetan dari penularan Covid -19 dan perintah kawalan pergerakan menyebabkan intervensi kepada perokok semasa tidak dapat di teruskan seperti biasa apabila sekolah di tutup sementara.

### **Penambahbaikan**

- Latihan secara menyeluruh kepada semua pegawai dan Juruterapi pergigian dalam mengesan perokok semasa dalam program ini.
- Kumpulan Dedicated Promotion team perlu merancang jadual yang lebih sistematik agar program KOTAK ini dapat dijalankan dengan lancar dengan pelbagai kaedah samada secara maya atau dalam talian.
- Pihak sekolah perlu di berikan penerangan dengan lebih jelas berkaitan program ini kerana kerjasama antara pihak sekolah amat penting dalam memastikan program ini dapat berjalan dengan lancar.
- Semua Pegawai promosi ( DPT) di beri latihan sebelum melaksanakan program KOTAK terutamanya bagi intervensi lanjutan agar program dapat mencapai sasaran yang dikehendaki.

### **6.3.2 PENJAGAAN KESIHATAN PERGIGIAN MASYARAKAT**

#### **Program Pencegahan Dan Pengesan Awal Oral Potentially Malignant Disorders (OPMDS) & Kanser Mulut**

##### **Pengenalan**

Program Pencegahan dan Pengesan Awal Oral Potentially Malignant Disorders (OPMDs) dan Kanser Mulut telah dijalankan berdasarkan kepada Protokol Primary Prevention and Early Detection of Oral Precancer and Cancer yang telah dikeluarkan pada tahun 2002. Antara aktiviti yang dilaksanakan dalam program ini adalah saringan pemeriksaan mulut untuk semua orang dewasa warganegara Malaysia berumur 18 tahun dan ke atas berkuatkuasa mulai 1 Julai 2020. Aktiviti lain program ini termasuk aktiviti promosi kesihatan pergigian dan rujukan pesakit yang mempunyai lesi mulut kepada Klinik Pakar Bedah Mulut dan Maksilofasial/ Perubatan dan Patologi Mulut atau rujukan pesakit yang mempunyai tabiat berisiko tinggi ke Klinik Berhenti Merokok.

### **Kesimpulan**

Pelaksanaan Program Pencegahan dan Intervensi Merokok Dalam Kalangan Pelajar Sekolah Menerusi Perkhidmatan Pergigian Sekolah ini dapat menyumbang ke arah penurunan prevalen merokok dalam kalangan pelajar. Intervensi ringkas yang berdasarkan konsep 5A dan 5R bukan sahaja dapat meningkatkan kadar pengesan pelajar yang merokok, malah ia juga berpotensi untuk meningkatkan motivasi pelajar yang merokok untuk berhenti merokok. Kaedah intervensi ringkas dapat menambah nilai perkhidmatan kesihatan pergigian di sekolah, tanpa meningkatkan beban hakiki.

**Disediakan oleh :** Dr Marniza Che Mohamad

### **Objektif Am**

Untuk mengurangkan prevalens dan kejadian Gangguan Potensi Malignan Mulut dan Kanser Mulut (*Oral Potentially Malignant Disorders, OPMD and Oral Cancer*) di kalangan masyarakat.

### **OBJEKTIF KHUSUS**

- i. Untuk melakukan saringan terhadap orang dewasa bagi pengesan awal OPMD dan kanser mulut dalam komuniti berisiko tinggi yang dikenalpasti
- ii. Untuk menjalankan *opportunistic screening* bagi pengesan awal OPMD dan kanser mulut di kalangan orang dewasa yang menghadiri program komuniti dan menghadiri klinik pergigian
- iii. Untuk mengesan kes-kes OPMD dan kanser mulut, membuat rujukan dan pemantauan komplians pesakit yang dirujuk
- iv. Untuk mendidik masyarakat umum dan komuniti berisiko tinggi mengenai faktor risiko, tanda-tanda awal kanser mulut dan pemeriksaan mulut kendiri (*Mouth Self Examination, MSE*)

Jadual 6.53: Laporan Am Aktiviti 2020

Daerah	Jumlah pesakit Umur 18 tahun ke atas yang disaring		Jumlah pesakit disaring dengan tabiat berisiko tinggi		Pesakit dengan tabiat berisiko tinggi				Pesakit dengan Pesakit disaring yang ada lesi mulut		Pesakit dengan lesi mulut			
					Jumlah Dirujuk		Jumlah Hadir Untuk Rawatan		Jumlah Berjaya Berhenti					
	Klinik	Komuniti	Klinik	Komuniti	Klinik	Komuniti	Klinik	Komuniti	Klinik	Komuniti	Klinik	Komuniti		
1	2	3	4	5	6	7	8	9						
PKP CHERAS	447	0	527	0	16	0	0	0	0	11	0	11	0	
PKP KEPONG	4112	0	307	0	50	0	3	0	0	0	5	0	5	0
PKP LEMBAH PANTAI	1744	7	806	5	83	0	4	0	1	0	11	0	10	0
PKP PUTRAJAYA	6366	0	417	0	25	0	1	0	0	0	4	0	4	0
PKP TITIWANGSA	21049	11	479	9	42	0	5	0	2	0	19	0	15	0
JUMLAH	33718	18	2536	14	216	0	13	0	3	0	50	0	45	0


### Minggu Kesedaran Kanser Mulut 2020

Kempen Minggu Kesedaran Kanser Mulut telah diadakan pada 7/11/2020 – 13/11/2020 di semua klinik pergigian di WPKL & Putrajaya. Majlis Pelancaran Minggu Kesedaran Kanser Mulut bagi tahun 2020 telah diadakan di secara alam maya melalui Facebook Live di Dewan Serbaguna KKM dengan tema “I am and I will #BeatMouthCancer”. Aktiviti-aktiviti yang diadakan adalah dengan memuatnaik infografik dan poster-poster dengan mesej Kesedaran Kanser Mulut di laman Facebook Program Kesihatan Pergigian KKM dan Instagram. Manakala Pelancaran Minggu Kesedaran Kanser Mulut Peringkat JKWPKL&P telah disempurnakan oleh Pengarah Kesihatan Negeri Datuk Param Jeeth Singh a/l Pakar Singh Bersama Timbalan Pengarah Kesihatan Negeri (pergigian), Dr Nooraini Osman melalui Facebook Live pada 9 November 2020. Laman Facebook Bahagian Kesihatan Pergigian Kuala Lumpur & Putrajaya juga telah dimuatnaik dengan pelbagai poster dan infografik serta video berkaitan kesedaran Kanser Mulut. Pertandingan InstaVideo telah juga diadakan dan sebanyak 17

penyertaan pertandingan Instavideo. KP Batu Muda telah memenangi Juara Pertandingan Instavideo kategori kakitangan KKM. Manakala aktiviti Minggu Kesedaran Kanser Mulut turut dijalankan di seluruh Klinik Pergigian dengan aktiviti seperti pameran, ceramah, saringan mulut, demonstrasi pemeriksaan mulut kendiri (Mouth-Self Examination, MSE) dengan *Standard Operating Procedure* (SOP) yang ketat akibat penularan wabak Covid-19 yang melanda.

Sempena Minggu Kesedaran Kanser Mulut 2020 juga, kemunculan Pakar-pakar dari JKWPKL&P iaitu Dr Norhayati bt Omar (Pakar Bedah Mulut dan Maksilofasial, Hospital Putrajaya) dan Dr Azura bt Abdullah (Pakar Pergigian Kesihatan Awam) telah dijemput untuk sesi temubual secara Live di slot Sembang KL di Radio KLFM pada 11 November 2020.

Rajah 6.31 Laporan Minggu Kesedaran Kanser Mulut 2017-2020 di WPKL & P



Jadual 6.54: Aktiviti Saringan dan Promosi Sempena Minggu Kesedaran Kanser Mulut 2020

Bil	Tempat diadakan (KP)	Aktiviti Saringan Mulut				Aktiviti Pendidikan Kesihatan		Aktiviti Promosi (Bilangan Diadakan)				Aktiviti Nashhat/ Kaunseling	Catatan	
		Jumlah disaring	Jumlah dengan risk habit**	Ceramah		Berkumpulan	Individu	Bilangan Diadakan						
				Bil disaring	Bil peserta			Bil disaring	Ceramah di radio	Ceramah di	Pameran/kempen	Video MSE		
	WPKL&P								1			1		i) WPKL&P telah mengadakan FB Live Majlis Pelancaran MCAW 2020 pada 9/11/2020 ii) WPKL&P telah dijemput menyertai wawancara radio di Sembang KL di Radio KLFM pada 11/11/2020
1	Cheras	180	10	0	0	10	180	0	0	0	5	10	10	✓
2	Cheras Baru	200	6	0	0	5	53	53	0	0	5	5	53	✓
3	Bandar Tun Razak	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	TIADA LAPORAN KERANA KP BTR TUTUP DAN TERLIBAT DENGAN KERJA-KERJA PENGUBAHSUAIAN
4	Cahaya Suria	94	28	0	0	10	80	14	0	0	0	94	28	✓
5	Bangsar	130	30	0	1	9	53	130	0	0	1	1	30	✓
6	Petaling Bahagia	142	15	1	0	9	142	142	0	0	5	5	142	✓
7	Tanglin	84	5	1	1	10	84	35	0	0	1	5	4	✓
8	UTC Pudu Sentral	26	1	0	0	3	15	26	0	0	0	7	26	✓
9	Kuala Lumpur	213	16	2	4	5	45	213	0	0	5	15	213	✓
10	Dato Keramat	79	10	0	0	10	132	15	0	0	1	1	10	✓
11	Setapak	151	6	1	6	0	0	46	0	0	5	5	46	✓
12	Kg Pandan	21	1	0	0	5	21	1	0	0	1	1	1	✓
13	PULAPOL	23	2	0	0	0	0	23	0	0	5	5	23	✓
14	Jinjang	211	41	0	3	6	211	41	0	0	1	1	41	✓
15	Batu	55	20	2	5	3	46	55	0	0	1	1	55	✓
16	Sentul	69	14	1	9	0	0	69	0	0	10	10	0	✓
17	UTC Mini Sentul	60	13	0	0	0	0	13	0	0	13	13	13	✓
18	Putrajaya Presint 9	312	5	0	0	11	62	26	0	0	1	1	31	✓
19	Putrajaya Presint 18	159	11	0	0	5	28	28	0	0	1	5	26	✓
20	Puspanita	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	-
<b>JUMLAH</b>		<b>2209</b>	<b>234</b>	<b>8</b>	<b>29</b>	<b>91</b>	<b>972</b>	<b>930</b>	<b>0</b>	<b>0</b>	<b>56</b>	<b>175</b>	<b>742</b>	<b>742</b>

Jadual 6.55: Aktiviti Latihan

Aktiviti/Kursus	Sasaran	Tarikh	Trainer	Sasaran 2021
Training of Trainers (TOT) for primary Prevention and early Detection of Oral Potentially Malignant Disorders and Oral Cancer (Database Access 2.0)	40 Pegawai Pergigian	7 September 2020	Dr Azura Abdullah, Dr Nur Syazwani Che Husin	Jun 2021
Seminar Calibration And Standardization Of Primary Prevention And Early Detection Of Oral Potentially Malignant Disorders And Oral Cancer	40 Pegawai Pergigian	7 September 2020	Dr Azura Abdullah Dr Fadzira Maarof (OMFS HPJ)	September 2021
Minggu Kesedaran Kanser Mulut	Kolaborasi KKM & OCRCC, UM	7-13 November 2020	-	November 2021

### Maklum Balas / Kelemahan

Didapati pesakit yang dirujuk dan dikesan di tahap 1 hanyalah 17% berbanding dengan Indikator *National Oral Health Goal* (NOHG) 2020 sebanyak 30%.

### Ulasan / Cadangan Penambahbaikan

Dengan penularan pandemic Covid-19 yang melanda, pelbagai inisiatif dan aktiviti telah dijalankan bagi meningkatkan kesedaran masyarakat mengenai kanser mulut. Di antara aktiviti tersebut adalah pendedahan melalui alam maya di Facebook dan Instagram juga di media massa seperti di siaran radio.

Pesakit-pesakit yang dirujuk perlu diwujudkan mekanisma bagaimana untuk memantau pesakit dirujuk hadir ke Klinik Pakar Bedah Mulut dengan meningkatkan kesedaran mengenai kanser mulut dan pengesanan awal serta tabiat berisiko tinggi di kalangan masyarakat. Peringatan seperti menggunakan aplikasi Sistem Pesanan Ringkas (SMS) adalah langkah penambahbaikan yang dicadangkan. Kesedaran berkaitan kepentingan pengesanan awal amatlah penting kerana langkah ini boleh dirawat di peringkat awal dan menyelamatkan nyawa. Pesakit juga telah dihubungi pada tahun berikutnya samada pesakit yang dirujuk telah hadir temujanji atau sebaliknya.

### Kesimpulan

Program *Primary Prevention and Early Detection of Oral Potentially Malignant Disorders and Oral Cancers* perlu diperkasakan bagi meningkatkan kesedaran masyarakat

serta sebagai langkah pengesanan awal kanser mulut dan mengurangkan tabiat berisiko tinggi.

**Disediakan Oleh:** Dr Azura bt Abdullah

### Program Pemfluoridaan Bekalan Air Awam

#### Pengenalan

Pemfluoridaan bekalan air awam adalah aktiviti kemasyarakatan yang bertujuan untuk mencegah dan mengurangkan kerosakan gigi. Pemfluoridaan bekalan air awam di paras 0.4 – 0.6 ppm merupakan aktiviti pencegahan primer yang sangat berkesan bagi mencegah kejadian karies atau kerosakan gigi. Ianya telah diterima sebagai salah satu polisi kerajaan bermula pada tahun 1972. Semenjak itu, program tersebut telah diperluaskan kepada seluruh penduduk. Kementerian Kesihatan Malaysia dan pelbagai Pihak Berkusa Air telah bekerjasama bagi menjayakan program pemfluoridaan ini.

#### Objektif

Program ini dilaksanakan bertujuan untuk memantau paras fluorida dalam bekalan air minuman dan memastikan kandungan fluorida sentiasa menepati paras optimum yang ditetapkan.

#### Objektif Khusus

- Untuk memantau paras fluorida dalam bekalan air di 3 (tiga) buah pusat retikulasi.
- Untuk memantau paras fluorida di 3 (tiga) buah loji air.

Jadual 6.56: Senarai Lokasi Retikulasi di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Putrajaya

Loji	Lokasi Retikulasi	Klinik Pergigian yang bertanggungjawab	Sasaran Kekerapan Pengambilan Bacaan		Sasaran Bil Jumlah Bacaan Setiap Loji dan Lokasi Retikulasi
			Loji	Lokasi Retikulasi	
Loji Bukit Nenas	Jalan Galloway (Jalan Hang Isap), WPKL	Klinik Pergigian Cahaya Suria	4x sebulan	4x sebulan	96
Loji Wangsa Maju	Seksyen 5, Wangsa Maju, WPKL	Klinik Pergigian Setapak	4x sebulan	4x sebulan	96
Loji Sg Semenyih	Putrajaya Presint 9, WP Putrajaya	Klinik Pergigian Putrajaya Presint 9	4x sebulan	4x sebulan	96

Jadual 6.57: Jumlah bacaan paras fluorida di WPKL &P

Lokasi	Loji	Kapasiti (mld)	Output Capacity (mld)	Jumlah Penduduk Terima Bekalan Air Fluorida	Jumlah Bacaan di Loji dan retikulasi	0.4 - 0.6 ppm		< 0.4 ppm		> 0.6 ppm	
						No	%	No	%	No	%
WPKL	Loji Bukit Nanas	145475	145475	1988900	92	92	100	0	0	0	0
	Loji Wangsa Maju	45461	45461		88	88	100	0	0	0	0
Putrajaya	Loji Sg Semenyih	545531	545531		70	70	100	0	0	0	0

### Pengukuhan Latihan

Selain daripada taklimat penggunaan dan penjagaan *Pocket Colorimeter*, Seminar Pemfluoridaan Air Negeri WPKL&P dan sesi dialog bersama agensi air diadakan

setiap tahun, Bahagian Kesihatan Pergigian, Jabatan Kesihatan WPKL&P juga telah melaksanakan lawatan ke salah satu dari tiga (3) Loji Rawatan Air di WP Kuala Lumpur & Putrajaya.

Jadual 6.58: Aktiviti Latihan 2019 dan Perancangan Latihan 2019

Negeri	Tarikh	Latihan/ Lawatan	Bilangan Peserta
WPKL & P	19 Ogos 2020 (2p.m -5 p.m)	Taklimat Penggunaan dan Penjagaan Pocket Colorimeter	26 Org ( PP, JP, PPP,PPK)
	19 Ogos 2020 ( 8 a.m- 1 p.m)	Lawatan sambil belajar dan sesi dialog pemantauan paras fluoride di Loji Rawatan Air Bukit Nanas, Kuala Lumpur	26 Org ( PP, JP,PPP,PPK)

### Kelemahan

Memandangkan pada tahun 2020, terdapat arahan perintah kawalan pergerakan oleh kerajaan akibat penularan wabak covid-19 , beberapa sesi pengambilan sampel bacaan paras fluoride di loji dan juga di pusat

retikulasi tidak dapat di jalankan sepenuhnya. Selain itu, faktor pembaikan alat pengukuran paras fluoride yang memakan masa hampir sebulan dan berulang kerosakan beberapa kali juga telah mengganggu proses pengukuran paras fluoride yang sepatutnya dilaksanakan sekali seminggu.

### Cadangan Penambahbaikan

Latihan, lawatan sambil belajar dan seminar akan diteruskan setiap tahun bagi melengkapkan anggota pergigian dengan maklumat terkini. Justeru, isu-isu yang

ditimbulkan dari semasa ke semasa boleh diperjelaskan. Disamping itu, ia dapat mengeratkan hubungan dan koordinasi antara pihak terlibat dengan perkhidmatan pergigian dalam menjayakan program pemfluoridaan bekalan air awam. Taklimat daripada pembekal (*Cth Arachem*) berkenaan penggunaan dan penyelenggaraan *Pocket Colorimeter* harus diteruskan bagi memberi pendedahan mengenai cara pengambilan data yang tepat mengikut tatacara pembekal. Penggantian alat penukuran paras fluorida (*pocket Colorimeter*) perlu di buat sekiranya kerap mengalami kerosakan dengan mengemukakan permohonan pembelian aset tersebut dari Klinik masing-masing.

## Kesimpulan

Didapati pemantauan paras fluorida di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Putrajaya walaupun tidak dapat dijalankan dengan teratur mengikut jadual seminggu sekali akibat perintah kawalan pergerakan semasa penularan wabak covid-19, bacaan paras fluorida masih lagi menepati paras fluorida yang ditetapkan pada tahun 2020 dan seratus peratus warga WP Kuala Lumpur & Putrajaya menerima bekalan air berfluorida. Mesyuarat Jawatankuasa Kualiti Mutu Air Minum diadakan 2 kali setahun bersama Bahagian Kesihatan Awam bagi laporan Kualiti Mutu Air Minum. Sehubungan itu, adalah diharapkan program pemfluoridaan dalam mencegah penyakit karies gigi dapat sentiasa diperkuuhkan bagi meningkatkan kesihatan dan kualiti kehidupan rakyat

### 6.3.3 PENJAGAAN KESIHATAN PERGIGIAN PRIMER

#### Perkhidmatan Kesihatan Pergigian Pesakit Luar

##### Pengenalan


Perkhidmatan Kesihatan Pergigian Pesakit Luar adalah antara perkhidmatan utama yang diberikan oleh Bahagian Kesihatan Pergigian WP Kuala Lumpur dan Putrajaya. Pelaksanaan program bertujuan memastikan status kesihatan pergigian dalam kalangan penduduk dapat ditingkatkan dan selari dengan kemajuan sosio-ekonomi negara. Berikutan pandemik COVID-19, Perkhidmatan Kesihatan Pergigian Pesakit Luar terkesan bukan sahaja di WP Kuala Lumpur dan Putrajaya malah di seluruh Malaysia. Namun begitu, Bahagian Kesihatan Pergigian bersedia dari semua segi kesiapsiagaan bagi memastikan Perkhidmatan Kesihatan Pergigian yang berkualiti dapat diteruskan.

Pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan yang bermula dari bulan Mac 2020 telah berkuat kuasa sehingga Disember 2020. Faktor pelaksanaan perintah tersebut adalah bergantung kepada jumlah kes baharu jangkitan COVID-19 di Malaysia dan penilaian risiko yang dilakukan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia. Hal ini secara langsung memberi kesan kepada Perkhidmatan Kesihatan Pergigian Pesakit Luar di WP Kuala Lumpur dan Putrajaya.




Rajah 6.32: Kronologi Pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan yang melibatkan WP Kuala Lumpur dan Putrajaya

#### Pencapaian Perkhidmatan Kesihatan Pergigian Pesakit Luar



Rajah 6.33: Trend Kedatangan Perkhidmatan Pesakit Luar dari Tahun 2015 – 2020






Rajah 6.34: Kedatangan Baru dan Jumlah Kedatangan Pesakit (Semua Kategori) Mengikut Klinik Tahun 2019-2020

Terdapat penurunan bagi semua kategori pada tahun 2020 seperti di Rajah 6.35. Majoriti pesakit yang telah mendapatkan Perkhidmatan Kesihatan Pergigian di WP Kuala Lumpur dan Putrajaya adalah kategori dewasa diikuti dengan warga emas. Ini membuktikan bahawa

data yang diperolehi daripada *National Oral Health Surveillance System* (NOHSS 2017), *National Oral Health Survey of Adults* (NOHSA 2010) dimana 9 daripada 10 orang dewasa mengalami masalah pergigian dan 7 daripada 10 warga emas memerlukan rawatan dentur.



Rajah 6.35: Kedatangan Perkhidmatan Pesakit Luar (Mengikut Kategori): Tahun 2020


Pada tahun 2020, Bahagian ini telah mencapai sasaran yang ditetapkan bagi Petunjuk Prestasi Utama (KPI) Pesakit Luar kecuali petunjuk 15 dan 16 iaitu prestasi Perkhidmatan Kesihatan Pergigian kepada golongan warga emas seperti Jadual 4.

Jadual 6.59: Petunjuk Prestasi Utama (KPI) Pesakit Luar: Tahun 2020

KRA	KPI	Sasaran 2020	Sasaran Negeri 2020 (%)	N	D	Pencapaian 2020 (%)	Catatan
Akses kepada perkhidmatan kesihatan pergigian	1. Peratus klinik pergigian yang menyediakan perkhidmatan pesakit luar setiap hari	>84% (Tambah 15 KP pada tahun 2019 - Kumulatif 568)	100	20	20	100	100
Pemberian Perkhidmatan Dentur	15. Peratus pesakit mendapat dentur dalam tempoh 3 bulan	≥64%	≥64%	850	1524	55.8	3 bulanan
	16. Peratus pesakit berumur 60 tahun ke atas mendapat dentur dalam tempoh 8 minggu	≥50%	≥50%	388	922	42.1	3 bulanan
Indeks Pematuhan Piagam Pelanggan	22. Peratus pesakit luar yang mendapat rawatan dalam masa 60 minit	≥86%	≥86%	1215 25	1399 71	86.8	3 bulanan
Indeks Kepuasan Pelanggan	23. Peratus pelanggan yang berpuas hati dengan perkhidmatan/ rawatan yang diterima	≥95%	≥95%	248	250	99.2	3 bulanan

### Isu Dan Cabaran

Pelbagai isu dan cabaran Perkhidmatan Kesihatan Pergigian Pesakit Luar yang telah dikenalpasti sepanjang tahun 2020 seperti di Rajah 6.36.



Rajah 6.36: Cabaran dalam Penyampaian Perkhidmatan Pesakit Luar

## PENAMBAHBAIKAN DALAM PERKHIDMATAN PESAKIT LUAR

Beberapa insiatif dan penambahbaikan telah dilaksanakan seperti berikut:

1. Aktiviti Promosi Penjagaan Kesihatan Pergigian melalui platform media sosial.
- Aktiviti promosi melibatkan pelbagai platform media sosial berkenaan cara pengendalian operasi Klinik Pergigian dengan mematuhi Norma Baharu perlu diwar-warkan kepada masyarakat melalui pelbagai platform.
2. Memperkasakan pengetahuan warga Bahagian Kesihatan Pergigian mengenai Norma Baharu.
- Meningkatkan kemahiran *soft skill* dikalangan anggota agar dapat membantu memperkasakan pengetahuan Norma Baharu terhadap pengoperasian Klinik Pergigian kepada pesakit yang hadir.
3. Pemantapan pengupayaan kapasiti sumber manusia dalam organisasi.
- Menganalisa sumber manusia sedia ada dalam perkhidmatan dilaksanakan secara berkala agar permintaan Kesihatan Pergigian Masyarakat yang dinamik diliputi secara maksima. Penyampaian Perkhidmatan Kesihatan Pergigian juga dapat dinilai bersama maklumat dan Data Kesihatan Pergigian Masyarakat yang diperolehi daripada Penyelidikan Nasional yang berkaitan seperti *National Oral Health Survey of Adults*, NOHSA 2010, (*Service Target vs Health Needs*).
- Menganalisa jumlah perjawatan agar selari dengan fasiliti sedia ada bagi menjamin keperluan sumber manusia demi kepentingan Perkhidmatan Kesihatan Pergigian.
4. Kesiapsiagaan fasiliti bagi penyampaian perkhidmatan sebagai persediaan menempuh Pandemik COVID-19
- Bagi menampung jumlah pesakit tanpa menjejaskan kualiti perkhidmatan Kesihatan Pergigian yang diberikan kepada masyarakat, kesiapsiagaan Bilik *Aerosol Generating Procedure* (AGP) di semua Klinik Pergigian didahulukan. Hal ini bagi memastikan

rawatan yang selamat dapat diberikan oleh semua klinik

- Menyelaraskan penggunaan sistem temujanji secara atas talian secara menyeluruh di semua klinik pergigian. Pengendalian sistem atas talian ini mengikut Akta Rahsia dan Sulit Program Kesihatan Pergigian, Kementerian Kesihatan Malaysia.
- 5. Pelaksanaan Program MyCOST
- Program MyCOST adalah hasil proses evolusi pengurusan perakaunan bagi peruntukan berdasarkan output/perkhidmatan yang diberikan (Primer, Masyarakat dan Kepakaran).
- Pelaksanaan akan berkuatkuasa pada tahun 2021 sepenuhnya bagi memastikan pembahagian peruntukan adalah maksima dan menangani isu-isu berkaitan *Universal Health Coverage (equity, accessibility, quality and affordability)* dalam Perkhidmatan Kesihatan Pergigian di WP Kuala Lumpur dan Putrajaya.

- Menganalisa unjurran sumber manusia dalam perkhidmatan dan permintaan Kesihatan Pergigian Masyarakat (**Service Target vs Health Needs**) (NOHSA 2010)

- **Kesiapsiagaan Perkhidmatan** bagi menampung jumlah pesakit tanpa menjejaskan kualiti perkhidmatan Kesihatan Pergigian yang diberikan kepada masyarakat. Mapping Perjawatan agar selari dengan fasiliti dan sumber manusia Kepentingan Perkhidmatan

- **Kesiapsiagaan Bilik Aerosol Generating Procedure (AGP)** di semua fasiliti Penyelarasan penggunaan sistem *walk-in* dan temujanji secara atas talian

- Pelaksanaan **Program MyCOST** pada tahun 2021 dimana peruntukan berdasarkan output/perkhidmatan yang diberikan (Primer, Masyarakat dan Kepakaran)

Rajah 6.37: Tindakan Penambahbaikan dalam Penyampaian Perkhidmatan Pesakit Luar

1

2

3

4

## Kesimpulan

Secara keseluruhannya, Perkhidmatan Kesihatan Pergigian Pesakit Luar mencatatkan penurunan sebanyak 47%, manakala kedatangan baru menurun sebanyak 39% berbanding tahun sebelumnya. Hal ini adalah kesan daripada Pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan di Malaysia. Pencapaian ini membimbangkan kerana Perkhidmatan Kesihatan Pergigian perlu meliputi seluruh lapisan masyarakat dimana 98.3% didapati memerlukan rawatan berdasarkan penemuan melalui *National Oral Health Survey of Adults 2010*. Salah satu strategi dalam meningkatkan taraf kesihatan pergigian masyarakat ialah mengukuhkan Penjagaan Kendiri Kesihatan Pergigian kepada masyarakat. Bahagian ini telah menggunakan platform sosial media dalam menyampaikan maklumat kepada masyarakat termasuk kolaborasi bersama syarikat penyiaran tempatan secara berkala dan berterusan sepanjang tempoh Pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan terutamanya di WP Kuala Lumpur.

Walau bagaimanapun, Perkhidmatan Kesihatan Pergigian Pesakit Luar dianggarkan akan meningkat semula pada tahun 2021. Sebagai langkah kesiapsiagaan, semua fasiliti di bawah seliaan WP Kuala Lumpur dan Putrajaya dipertingkatkan. Persediaan dan penambahan bilik *Aerosol Generating Procedures* (AGP) serta peningkatan kapasiti sumber manusia telah dilaksanakan. Bahagian Kesihatan Pergigian, WP Kuala Lumpur dan Putrajaya yakin bahawa keberlangsungan dan kualiti Perkhidmatan Kesihatan Pergigian Pesakit Luar dapat dipertingkatkan bagi tahun yang mendatang.

### Disediakan Oleh:

Dr Siti Zuriana Binti Mohd Zamzuri  
Dr Maisara binti Mhd Zain

### Program Perkhidmatan Kesihatan Pergigian Sekolah

#### Pengenalan

Perkhidmatan Kesihatan Pergigian disampaikan kepada pelajar Sekolah Rendah dan Sekolah Menengah melalui Program Perkhidmatan Kesihatan Pergigian Sekolah berpandukan. Pendekatan *Incremental Dental Care*. Perkhidmatan ini disampaikan melalui perkhidmatan Klinik Pergigian Statik dan Pasukan Pergigian Bergerak kepada semua pelajar dari Tahun 1 hingga ke Tingkatan 5. Program *Incremental Dental Care* telah mula dijalankan

sejak tahun 1950an. Program berstruktur ini bertujuan untuk mencapai *orally-fit* murid-murid sekolah. Status karies pergigian diukur melalui penggunaan indeks DMFT yang direka cipta oleh Klein, Palmer and Knutson pada tahun 1938. Walau bagaimanapun, indeks ini hanya mengukur gigi-gigi berkaviti yang telah merebak ke bahagian dentin. Hasil daripada bengkel International Consensus Workshop on Caries Clinical Trials yang diadakan pada tahun 2002, telah memutuskan terdapat keperluan untuk mengukur karies gigi diperingkat awal yang masih belum mempunyai kaviti. Dengan itu, satu sistem baru yang dikenali sebagai *International Caries Detection and Assessment System* (ICDAS) telah dibangunkan bagi maksud tujuan tersebut.

ICDAS menggunakan pendekatan yang berasaskan bukti-bukti saintifik untuk mengelaskan peringkat-peringkat kejadian karies dan seterusnya mewujudkan sistem skor secara klinikal bagi tujuan pengelasan tersebut. Modified MOH ICDAS dipersetujui untuk digunakan di Malaysia pada tahun 2016.

*Gingival Index Score* (GIS) merupakan indeks yang diperkenalkan bagi mengenalpasti status gusi di kalangan murid sekolah. Garispanduan bagi “*Standardization and Calibration on Gingival Index for Schoolchildren*” telah diterbitkan pada tahun 2013 oleh Proram Kesihatan Pergigian KKM dan digunakan sehingga kini. Indeks ini menggunakan 7 permukaan gigi dan 4 kriteria penskoran status gusi.

#### Objektif

1. Memberi rawatan pergigian kepada pelajar sehingga mencapai tahap *orally fit*.
2. Meningkatkan kesedaran dan memperkasa pelajar sekolah tentang tanggungjawab mereka dalam menjaga kesihatan mulut sendiri (konsep *self care* ; *self empowerment* ).
3. Mengukuhkan inisiatif pencegahan klinikal di kalangan pelajar sekolah.
4. Mempertingkatkan peranan guru, ibubapa dan masyarakat dalam promosi kesihatan pergigian.



## Aktiviti/Pencapaian Program Kesihatan Pergigian Sekolah

### Pencegahan dan Promosi Kesihatan Pergigian

- Penyampaian ceramah atau pendidikan kesihatan pergigian (PKP) kepada semua pelajar yang memfokuskan kepada aspek kebersihan mulut.
- Nasihat amalan pemakanan khususnya amalan pengambilan gula, pemeriksaan mulut dan gigi berkala.
- Mengadakan pameran kesihatan pergigian, kempen dan mengambil bahagian dalam aktiviti-aktiviti anjuran sekolah sihat di kantin sekolah dan persekitaran yang sihat dan selamat yang mencegah pelajar sekolah dari mengalami kecederaan pada gigi dan mulut.
- Menggalakkan kerjasama dengan pihak sekolah untuk memastikan persekitaran sekolah adalah kondusif supaya pelajar dapat mengamalkan gaya hidup yang sihat untuk penjagaan kesihatan mulut.
- Aplikasi selan fisur kepada gigi kekal yang dikenalpasti berisiko untuk mengalami kerosakan
- Aplikasi *fluoride varnish* akan diberi kepada pelajar sekolah rendah yang mempunyai indikasi yang tertentu.

### Aktiviti Klinikal

- Pemeriksaan gigi/mulut dan diagnosa.
- Rawatan yang disampaikan merangkumi rawatan tampalan, cabutan gigi dan pembersihan gigi. Rawatan hanya disampaikan kepada pelajar yang

telah mendapat kebenaran untuk rawatan daripada ibubapa penjaga.

### Modified ICDAS

- Training of Trainers (TOT) kalibrasi telah diadakan diperingkat kebangsaan manakala taklimat kesedaran dan kalibrasi ICDAS telah diadakan untuk Pegawai Pergigian dan Juruterapi Pergigian di peringkat negeri.
- Sesi kesedaran dijalankan peringkat klinik masing-masing. Namun pada tahun 2020 sesi kalibrasi tidak dapat dijalankan di peringkat negeri atas masalah dengan pandemik COVID-19 yang melanda sejak awal tahun dan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) sejak 18 Mac 2020

Jadual 6.60: Sesi Kesedaran dan kalibrasi Modified ICDAS

Tahun	Sesi Kesedaran		Sesi Kalibrasi		
	Bilangan Taklimat	Bilangan Peserta	Bilangan kalibrasi Pegawai Pergigian	Juruterapi Pergigian	
2016	3	146	1	2	8
2017	3	113	4	20	40
2018	6	121	5	20	64
2019	22	561	4	41	11
2020	9	317	-	-	-

Jadual 6.61: Pencapaian Gingival Index Score (GIS) Sekolah Rendah (2015-2020)


Year	Enrolment	New Attendances	Number of Students with GIS Score			
			0(MBG)	1	2	3
2015	138930	138718	126835 (91.1%)	7194 (5.2)	2303 (1.7)	2392 (1.7)
2016	127197	127125	112174 (88.2%)	8298 (6.5)	3366 (2.6)	3290 (1.9)
2017	143713	135650	91716 (88.1%)	7272 (5.4)	2847 (2.1)	2678 (2.0)
<b>2018</b>	<b>145318</b>	<b>145221</b>	<b>127798 (88%)</b>	<b>11491 (7.91%)</b>	<b>2824 (1.95%)</b>	<b>3108 (2.14%)</b>
2019	150464	150221	132486 (88.2%)	12216 (8.1%)	2554 (1.8%)	2965 (1.9%)
2020	68242	59822	51838 (86.6%)	5207 (8.7%)	1348 (2.3%)	1429 (2.4%)

Jadual 6.62: Pencapaian Gingival Index Score (GIS) Sekolah Menengah (2015-2020)

Tahun	Enrolmen	Kedatangan baru	Bilangan murid dengan Skor GIS			
			0(MBG)	1	2	3
2015	100089	99220	90287 (90.9%)	2830	2039	4064
2016	87927	87339	76360 (87.4%)	2717	3642	4620
2017	97545	93522	61859 (82.2%)	1879	2943	3750
2018	92952	91882	78706 (85.6%)	3478 (3.8%)	4759 (5.2%)	4939 (5.4%)
2019	91368	90114	75712 (84.0%)	4144 (4.6%)	5020 (5.6%)	5238 (5.8%)
2020	49790	43315	36028 (83.2%)	1973 (4.6%)	2637 (6.1%)	2677 (6.2%)

Jadual 6.63: Pencapaian Program Kesihatan Pergigian Sekolah Rendah dan Menengah (2014-2020)


Perkara	Kategori	2014	2015	2016	2017	2018	2019	2020
Bilangan	Sek Rendah	210	210	212	212	212	209	211
	Sek Menengah	108	109	109	110	111	109	109
Enrolmen	Sek Rendah	138694	139095	143175	142067	145333	150464	151590
	Sek Menengah	104559	101008	98371	97244	92950	91368	93545
Kedatangan Baru	Sek Rendah	138544	138808	141595	141897	145221	150221	59822
	Sek Menengah	104066	99145	97837	94604	91882	90114	43315
% Liputan Pelajar	Sek Rendah	98.8	99.8	99.5	96.9	99.9	99.8	31.5
	Sek Menengah	98.0	98.2	99.5	94.3	98.9	98.6	41.8
% TPR	Sek Rendah	73.2	72.4	68.8	69.0	69.3	69.4	63.9
	Sek Menengah	89.7	88.1	85.0	83.9	83.3	82.1	80.4
X+M/100	Pelajar 12 Tahun	0.80	0.83	1.93	1.74	1.02	0.9	1.3
	Pelajar 16 Tahun	3.27	4.07	7.98	8.72	4.52	4.2	5.28
DMFX	Pelajar 12 Tahun	0.26	0.25	0.24	0.23	0.23	0.23	0.24
	Pelajar 16 Tahun	0.52	0.52	0.49	0.51	0.52	0.52	0.58
% MBG	Sek Rendah	94.8	91.9	87.2	88.3	88.0	88.2	86.6
	Sek Menengah	92.8	92.2	83.4	86.7	85.7	84.0	83.2



Liputan Sekolah Rendah adalah 26.5% dan Sekolah Menengah pada tahun 2020 adalah 35.7%.

Rajah 6.38: Peratus Liputan Sekolah Rendah dan Sekolah Menengah 2013 – 2020

Peratus liputan sekolah rendah dan sekolah menengah dan juga peratus pelajar menerima rawatan bagi tahun 2020 telah menurun dengan mendadak disebabkan penutupan sekolah oleh Kementerian Pendidikan (KPM) susulan penularan COVID-19 dilaksanakan berdasarkan kes, risiko dan kaedah menangani kemungkinan buruk sejak 18 Mac 2020. Namun perkhidmatan kesihatan pergigian sekolah dimulakan semula mulai 15 Ogos 2020 (merujuk surat Kementerian Pendidikan Malaysia bertarikh 6 Ogos 2020: Pelaksanaan Semula Penyampaian Perkhidmatan Kesihatan Sekolah kepada murid di Sekolah-sekolah Kementerian Pendidikan Malaysia). Namun dengan perkembangan gelombang ketiga penularan COVID-19, KPM telah memutuskan bahawa semua sekolah termasuk Kolej Vokasional di bawah KPM di seluruh negara ditutup semula bermula pada 9 November 2020 sehingga Mac 2021.



Rajah 6.39: Peratus Pelajar Sekolah Rendah dan Sekolah Menengah Menerima Rawatan Tahun 2013 - 2020

## Cabar

- Peralatan di bawah seliaan QMS Sdn Bhd (*Quantum Medical Solution Sdn Bhd*) yang rosak dan lewat dibaiki menjelaskan program kesihatan pergigian sekolah
- Penularan COVID-19 yang mengakibatkan penutupan sekolah dengan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) menjelaskan liputan dan rawatan kepada pelajar
- Terdapat beberapa sekolah dan ramai ibubapa yang tidak memberi kebenaran untuk pihak Pasukan Pergigian Bergerak menjalankan pemeriksaan dan rawatan ke atas pelajar

## Tindakan Penambahbaikan

- Memperkasakan kolaborasi dan komunikasi bersama pihak QMS agar masalah penyelenggaraan dan pembaikan berjalan lancar dan tidak menjelaskan perkhidmatan kesihatan pergigian sekolah
- Penglibatan Team Promosi untuk meningkatkan aktiviti Promosi Pergigian terutama dengan pembangunan modul Pendidikan Kesihatan Pergigian Dalam Talian (PKPDT)
- Komunikasi berkesan dan kolaborasi bersama pihak sekolah dan PIBG dengan meyakinkan pihak yang berkenaan tentang Standard of Procedure (SOP) pihak klinik bagi menyampaikan perkhidmatan kesihatan pergigian kepada pelajar.

## Kesimpulan

Program Perkhidmatan Kesihatan Pergigian Sekolah bagi tahun 2020 telah terjejas akibat penularan COVID-19 dengan peratus liputan sekolah dan peratus pelajar menerima rawatan yang menurun secara mendadak. Perkara ini adalah di luar bidang kuasa kerana penutupan sekolah adalah diputuskan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM). Setelah penutupan sekolah bermula, KPM telah mengambil pendekatan dengan Pengajaran dan Pembelajaran Di Rumah (PdPR), pihak Program Kesihatan Pergigian (PKP) Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) telah mengambil inisiatif untuk membangunkan modul Pendidikan Kesihatan Pergigian Dalam Talian (PKPDT) bagi edaran kepada pihak sekolah

tentang penyampaian kesihatan pergigian kepada pelajar. Pihak PKP KKM juga telah membangunkan pendekatan rawatan murid berdasarkan tahap risiko (risk-based approach) kesihatan pergigian setiap sekolah. Di samping itu, pengambilalihan Syarikat QMS Sdn. Bhd. bagi penyeliaan aset juga sedikit sebanyak mempengaruhi kelancaran program di sekolah. Bagi memastikan peningkatan pencapaian program sekolah, pemantauan berkala oleh PPD/PPYM dan Penyelia Juruterapi Pergigian perlu dilaksanakan untuk meningkatkan lagi kualiti perkhidmatan dari masa ke semasa.

**Disediakan Oleh:**

DR AZURA BT ABDULLAH

## CAWANGAN AMALAN DAN PERKEMBANGAN KESIHATAN PERGIGIAN

### 6.4.1 PEMBANGUNAN DAN PERKEMBANGAN KESIHATAN PERGIGIAN

#### Laporan Projek Pembangunan 2020

##### Pengenalan

Projek-projek pembangunan yang di kendalikan dan dipantau oleh Bahagian Kesihatan Pergigian Jabatan

Kesihatan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur & Putrajaya terbahagi kepada:

1. Projek Rancangan Malaysia Ke-11 (RMK)
2. Bukan Rancangan Malaysia ke-11 (Bukan RMK)
3. Projek BP00600

##### Projek RMK

Bil	Nama Projek	Status
a.	<b>Klinik Kesihatan (Jenis 2) Taman Batu Muda Kuala Lumpur</b> - 5 Kerusi (1 Perio, 4 Primer)	1) Projek tidak dapat disiapkan mengikut Tarikh Siap Asal pada 30.6.19. 2) Bagaimanapun penyerahan bangunan telah dilaksanakan oleh pihak JKR kepada KSU KKM disaksikan oleh YBMK pada 5.9.2020 di KK Batu Muda. 3) Klinik telah beroperasi mulai 9 November 2020 -Semua defects telah diselesaikan. -Tempoh Defects Liability Period (DLP) ialah sehingga bulan Julai tahun 2021.
b.	<b>Pusat Pakar (Non Hospital) / KK Presint 6</b> - Klinik Kesihatan (Jenis 3) dan Pusat Pakar Pergigian, Presint 6 , Putrajaya - Asal: 18 kerusi (6 Ortodontik, 5 Periodontik, 5 Restoratif & 2 Public Health) - Status Pusat Pakar ditukar kepada Klinik Pakar Pergigian dengan 8 kerusi (2018)	1) Projek ini telah diluluskan pada tahun 2016 dalam RMK 11 RP1. Kos keseluruhan adalah RM 40,000.00. 2) Bagaimanapun oleh kerana berlakunya Pandemik Covid 19, projek telah tergendala 3) Status sehingga Disember 2020 adalah diperingkat JKR : - Pihak Arkitek sedang dalam proses memuktamadkan lukisan post semakan Room Data Interaction (RDI) - Pihak Juruukur Bahan akan sediakan BQ 4) Dijangka dibuka untuk tender pada akhir Disember 2020 5) Tarikh Jangka Siap: 2 tahun selepas tender (tentatif 2022)
		1) Projek ini telah dipohon oleh JKWPPL&P di bawah RP4 RMK11 (2019 –

<p>c. <b>Klinik Kesihatan (Jenis 2) Dan Pejabat Kesihatan Daerah Lembah Pantai</b> RP3 (2018 - 2019) RMK11</p>	<p>2020).</p> <p>2) Bahagian Pembangunan KKM telah meminta penyediaan MBOR pada 27.9.19 kerana Kementerian Hal Ehwal Ekonomi (MEA) telah meluluskan projek untuk dilaksanakan perancangan dan kerja-kerja awalan.</p> <p>3) MBOR yang telah disemak dan dikemaskini telah diserahkan kepada Bahagian Pembangunan KKM melalui Pejabat Kesihatan Lembah Pantai pada 2.12.19</p>
--	---

#### Projek Bukan RMK

Bil	Nama Projek	Status
a.	<b>Projek KP Dato' Keramat</b> <ul style="list-style-type: none"> <li>- Kos pembinaan semula akan ditanggung oleh syarikat Conlay Construction Sdn Bhd. Sebanyak RM1,500,000.00</li> <li>- Kos tambahan (peralatan dan kelengkapan dalaman) akan ditanggung oleh KKM dengan kelulusan Kementerian Kewangan Malaysia (MOF).</li> </ul>	<p>1) Mesyuarat Cadangan projek telah dijalankan di Bahagian Pembangunan KKM pada 29.4.19</p> <p>2) SCCSB telah kemukakan SOA kepada BPKj KKM pada 25.4.19 dan pindaan oleh BPKj KKM dikemukakan pada 3.5.19.</p> <p>3) SCCSB memerlukan tempoh selama 9 bulan untuk menyiapkan projek iaitu 6 bulan pembinaan bangunan, 2 bulan kerja dalaman dan sebulan T&amp;C. Projek dijangka akan diserah kepada KKM pada Mac 2020</p> <p>4) Anggaran kos (PDA)</p> <p>5) Anggaran kos telah dikemukakan oleh SCCSB kepada Bahagian Pembangunan KKM pada 18.4.19 sebanyak <b>RM3.95 juta</b> di mana kos ini adalah munasabah berdasarkan <i>standard</i> pengiraan kos JKR.</p> <p>6) SCCSB akan menanggung sebanyak RM1.5 juta dan selebihnya akan ditanggung oleh KKM.</p> <p>7) Mesyuarat Cadangan Projek bersama KSU KKM telah dijadakan pada 15.5.19 di mana mesyuarat bersetuju untuk mengangkat projek kepada Kementerian Kewangan untuk memohon peruntukan selebihnya.</p> <p>8) Mesyuarat Semakan Rekabentuk (RDI) bersama Bahagian Perkhidmatan Kejuruteraan KKM telah di adakan pada 29.5.19 bagi memuktamadkan rekabentuk sebelum dikemukakan kepada MOF susulan mesyuarat bersama KSU pada 15.5.19</p>
b.	<b>Projek KP Cahaya Suria</b>  Kos keseluruhan belum dimuktamadkan dan akan ditanggung oleh UDA. KKM akan menanggung kos tambahan setelah diserah oleh UDA	<p>1) Tarikh Jangka siap Pusat Pakar Pergigian Kuala Lumpur : Tentatif akhir tahun 2022</p> <p>2) Merujuk kepada Mesyuarat Penyelarasan Cadangan Pembangunan Semula KP Cahaya Suria yang dipengerusikan oleh YBhg KSU pada 18 Ogos 2020 :</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• KKM tidak bercadang menunggu pembangunan semula Bangunan Cahaya Suria siap setelah mengambil kira keadaan pengoperasian KP Cahaya Suria Sementara di Pudu Sentral di mana operasi klinik telah terganggu dan memberi impak kebajikan dan kesihatan anggota KP Cahaya Suria.</li> <li>• Persetujuan telah dicapai dimana penempatan kekal KP Cahaya Suria di Aras 9 dan 10 Menara Legasi Kampong Bharu dan akan dinaiktaraf kepada Pusat Pakar Pergigian Kuala Lumpur</li> <li>• Status terkini ialah dalam proses memuktamadkan <i>Schedule of Accommodation</i> (SOA) dan pelan lantai Pusat Pakar Pergigian Kuala Lumpur.</li> </ul>
	<b>KP Bangsar</b> <ul style="list-style-type: none"> <li>- Projek KK Bangsar secara <i>Land Swap</i> di antara Tanah Kerajaan persekutuan seluas 40 ekar di Jalan Bangsar Kuala Bangsar oleh Syarikat Setia Federal Hill Sdn Bhd</li> </ul>	<p>1) Lawatan tapak bagi cadangan penempatan sementara KP Bangsar telah diadakan pada 10 September 2020 bersama wakil dari KKM dan wakil dari Setia Federal Hill Sdn Bhd.</p> <p>2) Perjanjian <i>land swap</i> telah dimeterai antara Setia Federal Hill Sdn Bhd (SFHSB) dengan pihak Kerajaan Persekutuan yang telah diwakili oleh Kementerian Kesihatan Malaysia pada tahun 2012. Kelulusan telah diterima oleh Syarikat Setia Federal untuk membangunkan 40 ekar tanah pada Mac 2020.</p>

		<p>3) Proposal untuk relokasi KP Bangsar ke penempatan sementara akan dibentangkan oleh pihak SFHSB kepada Ketua Setiausaha KKM dalam bulan Disember 2020.</p>
	<b>Klinik Kesihatan (Jenis 2) Cochrane Dan Pejabat Kesihatan Daerah Titiwangsa</b>	<p>1) Mesyuarat jawatankuasa Pemandu Projek (JPP) bagi membincangkan halaju projek KK2 Cochrane dan PKD CTitiwangsa pada 29 Mei 2019 telah memutuskan supaya KKM mengemukakan keperluan terkini bagi proses <i>Request for Proposal</i> (RFP) terbuka cadangan projek tersebut dilaksanakan semula</p> <p>2) Bahagian Perancangan KKM telah diminta untuk mengemukakan <i>Statements of Needs</i> dan <i>Medical Brief of Requirements</i> (MBoR) yang telah dikemaskini kepada Unit Kerjasama Awam Swasta, Kementerian Kewangan Malaysia (UKAS, MOF) bagi tujuan memulakan semula proses-proses berkaitan dengan RFP sebelum 15 Julai 2019.</p> <p>3) Semakan semula MBoR oleh JKWPKL&amp;P telah dikemukakan kepada Bahagian Pembangunan KKM pada 25.7.19.</p> <p>4) Tiada maklumat lanjut mengenai kemajuan projek sepanjang tahun 2020.</p>

### Projek BP00600

Bil	Nama Projek	Kos Siling Projek (RM)
1	Kerja-kerja naiktaraf di Klinik Pergigian Kuala Lumpur serta kerja-kerja berkaitan	40,000.00
2.	Kerja-kerja Naiktaraf Dan Pembaikan Di Klinik Pergigian Setapak Serta Kerja-kerja Berkaitan	50,000.00
3.	Kerja-kerja Naiktaraf dan Pebaikan Tandas KP Petaling Bahagia Serta Lain-lain Kerja Berkaitan	20,000.00
4.	Kerja-kerja Naiktaraf, Ubahsuai dan Pebaikan di KP Presint 18 Serta Lain-lain Kerja Berkaitan	70,000.00
5.	Kerja-kerja Naiktaraf Bilik Periodontik Serta Kerja-kerja Berkaitan Di Klinik Pergigian Cahaya Suria	20,000.00
<b>Jumlah Keseluruhan</b>		<b>RM200,000.00</b>

### Isu Dan Cabaran

1. Berlakunya Pandemik Covid 19 mengakibatkan Perkhidmatan Kesihatan Pergigian tergendala sehingga tercetusnya norma baharu dimana perlu dilengkapkan bilik rawatan dengan kriteria khas bagi rawatan yang melibatkan Aerosol Generating Procedure (AGP).
2. Projek tidak siap mengikut tarikh siap asal menyebabkan aset yang telah dibeli dengan peruntukan pada tahun semasa akan tamat tempoh jaminan & tiada tempat simpanan
3. KP Cahaya Suria akan dinaiktaraf kepada Pusat Pakar Pergigian Kuala Lumpur sdn akan ditempatkan di Menara Legasi Kampong Bharu.
4. Beberapa Klinik Pergigian memerlukan naiktaraf melibatkan kepada faktor keluasan bilik, menambahbaik susunatur bilik dan “lay-out” keseluruhan klinik.

5. Kebanyakan klinik adalah bangunan lama dan perlu pendawaian dan perpaipan semula.

### Tindakan Penambahbaikan

Menaiktaraf klinik-klinik secara berperingkat melalui Projek BP00600 dan pembaikan kecil mengikut peruntukan yang diluluskan.

### Kesimpulan

Pada kesuluruhannya, bahagian ini berusaha untuk mempertingkatkan penjagaan kesihatan pergigian melalui perkhidmatan yang berkualiti dan boleh di akses oleh seluruh masyarakat bagi mencapai wawasan negara ke arah masyarakat yang sihat dan hidup yang berkualiti.

**Disediakan Oleh :** Dr Siti Khadijah Binti Fadzil

## 6.4.2 PENGURUSAN FASILITI KESIHATAN PERGIGIAN 2020


### Pengenalan

Penjagaan Kesihatan Pergigian kepada masyarakat diberikan melalui pelbagai jenis fasiliti pergigian yang terletak di klinik kesihatan, hospital, sekolah rendah dan sekolah menengah serta klinik pergigian *stand-alone*. Penjagaan Kesihatan Pergigian kepada murid


Sekolah dan masyarakat turut diberikan melalui Klinik Pergigian Bergerak dan Pasukan Pergigian Bergerak.

### Taburan fasiliti pergigian

Pada tahun 2020, terdapat 103 fasiliti pergigian yang dilengkapi dengan 376 unit pergigian di seluruh Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Putrajaya berbanding dengan 372 unit pergigian pada tahun 2019 (rujuk Rajah 1 & 2)



Rajah 6.40: Perbandingan Bilangan Fasiliti Tahun 2018 - 2020



Rajah 6.41: Perbandingan Bilangan Unit Pergigian Tahun 2018 - 2020

Jadual 6.64: Fasiliti dan Unit Pergigian Mengikut Zon Bagi Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Putrajaya, Tahun 2020


Jenis Fasiliti	Lembah Pantai		Kepong		Titiwangsa		Cheras		Putrajaya	
	Bilangan Fasiliti	Bilangan Unit Dermatilisasi	Bilangan Fasiliti	Bilangan Unit Pergigian	Bilangan Fasiliti	Bilangan Unit Dermatilisasi	Bilangan Fasiliti	Bilangan Unit Dermatilisasi	Bilangan Fasiliti	Bilangan Unit Dermatilisasi
Klinik Pergigian <i>Stand-alone</i>	2	31	1	4	2	7	0	0	0	0
Klinik Pergigian Sekolah Rendah	20	21*	11	12	15	17	7	7	0	0
Klinik Pergigian Sekolah Menengah	3	3	1	1	2	2	3	3	0	0
Klinik Pergigian di Klinik Kesihatan	2	11	2	11	3	21	3	17	2	20

Klinik Pergigian UTC	1	1	1	2	0	0	0	0	0	0	0
Klinik Pergigian di Hospital	0	0	0	0	0	0	1	2*	1	1	3
Klinik Pergigian di Institusi Lain	1	1	0	0	0	0	0	0	2	2	2
Klinik Pergigian Bergerak	0	0	1	2	1	2	0	0	0	0	0


Pasukan Pergigian Bergerak (Sekolah Rendah dan Sekolah Menengah) 1 38 4 33 4 39 2 29 4 17

Pasukan Pergigian Bergerak Pra sekolah	4	4	2	2	6	6	2	2	2	2	2
<b>Jumlah</b>	<b>34</b>	<b>110</b>	<b>23</b>	<b>67</b>	<b>33</b>	<b>94</b>	<b>18</b>	<b>60</b>	<b>11</b>	<b>44</b>	


\*Termasuk 1 mudah-alih




Rajah 6.42: Jumlah Fasiliti Pergigian & Unit Pergigian Mengikut Zon Tahun 2020




Rajah 6.44: Bilangan Fasiliti Pergigian Mengikut Jenis dan Zon Tahun 2020 (Bahagian 1)



Rajah 6.45: Bilangan Fasiliti Pergigian Mengikut Jenis dan Zon Tahun 2020 (Bahagian 2)



Rajah 6.46: Bilangan Unit Pergigian Mengikut Jenis Jenis Fasiliti dan Zon Tahun 2020 (Bahagian 1)



Rajah 6.47: Bilangan Unit Pergigian Mengikut Jenis Jenis Fasiliti dan Zon Tahun 2020 (Bahagian 2)

### Isu Dan Cabaran

1. Berlakunya Pandemik Covid 19 mengakibatkan Perkhidmatan Kesihatan Pergigian tergendala sehingga tercetusnya norma baharu dimana perlu dilengkapkan bilik rawatan dengan kriteria khas bagi rawatan yang melibatkan Aerosol Generating Procedure (AGP). Beberapa Klinik Pergigian memerlukan naiktaraf melibatkan kepada faktor keluasan bilik, menambahbaik susunatur bilik dan “lay-out” keseluruhan klinik
2. Keadaan Klinik Pergigian Cahaya Suria (sementara) di ruang parkir Pudu Sentral yang diubahsuai yang sangat tidak selamat dan sihat bagi anggotanya mencetuskan pembinaan Pusat Pakar Pergigian Kuala Lumpur di Menara Legasi Kampong Bharu bagi menggantikan perjanjian pembangunan semula KP Cahaya Suria di Bangunan Cahaya Suria.

3. Kebanyakan klinik adalah bangunan lama dan perlu pendawaian dan perpaipan semula.

### Tindakan Penambahbaikan

Menaiktaraf klinik-klinik secara berperingkat melalui Projek BP00600 dan pemberian kecil mengikut peruntukan yang diluluskan.

### Kesimpulan

Pada kesuluruhannya, bahagian ini berusaha untuk mempertingkatkan penjagaan kesihatan pergigian melalui perkhidmatan yang berkualiti dan boleh di akses oleh seluruh masyarakat bagi mencapai wawasan negara ke arah masyarakat yang sihat dan hidup yang berkualiti.

**Disediakan Oleh:** Dr Siti Khadijah Binti Fadzil

# *Sekalung Budi*

## *Senarai Anugerah Khidmat Setia 2020*

(BERKHIDMAT SEKURANG-KURANGNYA 25 TAHUN PADA 31.12.2019 DANA KAN BERSARA WAJIB PADA TAHUN

BIL.	NAMA PEGAWAI	JAWATAN	TEMPAT BERTUGAS	TARIKH BERSARA
1.	ABD. RAZAK BIN SUHADI	PEMBANTU PERUBATAN KESIHATAN U12 (KUP)	KK SUNGAI BESI	29.05.2020
2.	PASUPATHI A/P MARIMUTHU	PEMBANTU PERUBATAN KESIHATAN U12 (KUP)	KKIA CHERAS	26.08.2020
3.	NORDIANA BINTI ABDUL HAMID	PENYELIA ASRAMA N22	UNIT PENYELIAAN ASRAMA, HRC	07.04.2020
4.	DR. ROSLAN JOHARI BIN DATO' MOHD GHAZALI	PENGARAH HOSPITAL, JUSA C	BAHAGIAN PENGURUSAN HRC	25.9.2020
5.	ROHIZA BINTI ATAN	JURUPULIH PERUBATAN FISIOTERAPI U40	KK KUALA LUMPUR	01.09.2020
6.	SITI HALIMAH BINTI YATNI	JURURAWAT U32 (TBK)	K1M PERKASA	20.01.2020
7.	LAU SU CHIN	JURURAWAT U36	KK KUALA LUMPUR (UNIT KEJURURAWATAN, JKWPKL&P)	19.06.2020
8.	DAWN ANGELIA AMBROSE (H.AMPANG)	PEGAWAI PERUBATAN PAKAR, KHAS C	HOSPITAL AMPANG (MED)	02.10.2020
9.	WAN ZAINUN BINTI WAN ABDULLAH	JURUTEKNOLOGI MAKMAL PERUBATAN U32	PATOLOGI HPJ	07.02.2020
10.	NORAINI BINTI YAAKOB	JURURAWAT U32	PSIKIATRI HPJ	16.04.2020
11.	UMMIATION BINTI KORONAY	PENOLONG PEGAWAI HAL EHWAL ISLAM S32	UNIT HAL EHWAL ISLAM HPJ	01.01.2020
12.	CHE ROZULINA BINTI CHE HASHIM	PENOLONG PEGAWAI TEKNO6 MAKLUMAT F38	JAB. TEK. MAKLUMAT HPJ	27.03.2020
13.	DR. NORHANI BINTI ABDUL RANI	PAKAR PERGIGIAN PERIODONTIK, PEGAWAI PERGIGIAN, KHAS B	KP CAHAYA SURIA	10.10.2020
14.	DR. RASHIDAH BINTI BURHANUDIN	PAKAR PERGIGIAN ORTODONTIK, PEGAWAI PERGIGIAN, KHAS B	KP CAHAYA SURIA	05.01.2020
15.	DR. RUSLAN BIN DATO' SULAIMAN	PAKAR PERGIGIAN ORTODONTIK, PEGAWAI PERGIGIAN, KHAS B	KP PUTRAJAYA P18	21.09.2020
16.	SAKINAH BINTI OMAR	PEMBANTU PEMBEDAHAN PERGIGIAN U24	KP PUTRAJAYA	02.01.2020
17.	WAN NORLAILANI BINTI MEGAT HASHIM	JURURAWAT MASYARAKAT U26	PKD PUTRAJAYA	14.11.2020
18.	NOR AZIMAH BINTI BAHAUDDIN	JURUPULIH PERUBATAN FISIOTERAPI U36	PKD PUTRAJAYA	02.01.2020
19.	SAHARI BIN AWANG	PENOLONG PEGAWAI KESIHATAN PERSEKITARAN U36	BKKM	27.05.2020
20.	LILI TRESA ARULANANDAM	JURUTEKNOLOGI MAKMAL PERUBATAN U40	KESIHATAN AWAM	24.02.2020

***Sekalung Budi***  
***Senarai Penerima Sijil Persara 2020***

BIL.	NAMA PEGAWAI	JAWATAN	TARIKH BERSARA
1.	DR. ROSLAN JOHARI BIN DATO' MOHD GHAZALI	PENGARAH HOSPITAL REHABILITASI CHERAS, JUSA C (KUP)	25.09.2020
2.	DR. RADZIAH BINTI JABIR	PAKAR KESIHATAN KELUARGA, KHAS C	24.01.2020
3.	SUNDRARAJOI A/L ARTIMOOLAM	PENOLONG PEGAWAI PERUBATAN U44	27.12.2020
4.	NOORZILA BINTU ISHAK	JURURAWAT U42	01.07.2020
5.	ZAINAL BIN ABD. GHAFFAR	PEGAWAI KESIHATAN PERSEKITARAN U42	01.06.2020
6.	DRM RASHIDAH BINTI BURHANUDDIN	PEGAWAI PERGIGIAN PAKAR ORTHODONTIK KHAS B	05.02.2020
7.	DR. NORHANI BINTI ABDUL RANI	PEGAWAI PERGIGIAN PAKAR ORTHODONTIK, KHAS B	10.10.2020
8.	DR. RUSLAN BIN DATO' SULAIMAN	PAKAR PERUBATAN, KHAS C	21.09.2020
9.	DR. BAWN ANGELIA AMBROSED	PAKAR PERUBATAN ,KHAS C	02.10.2020
10.	DR. MOHAMAD RAFIE BIN MD KASLAN	JURURAWAT U42	12.11.2020
11.	SANTHU A/P M RAMASAMY	PAKAR PERUBATAN, KHAS C	11.06.2020
12.	DR. FUZIAH BINTI MD ZAIN	PENGARAH HOSPITAL REHABILITASI CHERAS, JUSA C (KUP)	30.05.2020

# **PROGRAM DAN AKTIVITI JKWPKL&P 2020**



## TEAM CKAPS KL MEMERANGI COVID-19





## OPERASI DENGKI UNIT VEKTOR, KESIHATAN AWAM



## PENSAMPelan MAKANAN DAN PEMANTAUAN PENGAGIHAN SERTA PENYEDIAAN MAKANAN





# *Catatan*